

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU  
MESYUARAT PERTAMA  
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEPULUH**

**PADA 20 - 23 DISEMBER 1999  
BERSAMAAN 12 - 15 RAMADAN 1420**

*Dikeluarkan oleh:*

**Pejabat Dewan Undangan Negeri  
Terengganu**



## **DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS**

daripada:

*SETIAUSAHA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI  
TERENGGANU*



**PERSIDANGAN  
PADA HARI ISNIN, 20 DISEMBER, 1999**



Hari Isnin,  
20 Disember 1999

## **KANDUNGAN**

- |                                    |            |
|------------------------------------|------------|
| 1. Nama Ahli-ahli                  | [ Muka 1 ] |
| 2. Perisytiharan Pembukaan Penggal | [ Muka 5 ] |
| 3. Pemilihan Yang Dipertua         | [ Muka 7 ] |
| 4. Upacara Mengangkat Sumpah       | [ Muka 8 ] |

[ BERSAMBUNG ]



20 Disember 1999

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL  
9.30 PAGI**

---

**H A D I R**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA  
Haji Husain bin Awang

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU  
Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang  
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali  
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib  
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong  
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Chik  
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tun Dato' Haji Mohd Salleh bin Abas,  
SSM.,PMN.,SPMT.  
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Encik Yahaya bin Ali  
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah  
WAKIL TEPUH

Yang Berhormat Haji Awang bin Jusoh  
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Encik Wan Hassan bin Mohd Ramli  
WAKIL SURA

20 Disember 1999

Yang Berhormat Haji Ismail bin Haji Mamat  
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Nik Muhammad Zawawi bin Salleh  
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Abdullah bin Mat Dan  
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh  
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat  
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Haji Azman Shapawi bin Abdul Rani  
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Dr. Haji Sulaiman bin Abdullah  
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Haji Mohamad bin Hitam  
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Encik Shaharizukirnain bin Abd. Kadir  
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAI.

Yang Berhormat Haji Ismail bin Harun  
WAKIL AIR PUTRII

Yang Berhormat Haji Hassau bin Mohd Salleh  
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Haji Abdul Aziz bin Haji Abas  
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Haji Mehamad bin Sulong  
WAKIL KIJAI.

Yang Berhormat Haji Roslan bin Haji Ismail  
WAKIL BUKIT BESI

20 Disember 1999

Yang Berhormat Encik Rozali bin Muhammad  
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Encik Md. Azmi bin Lop Yusof  
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,  
SPMT.,DSMT.,PJN.,JSM.,PJC.,PPN.,PJK.  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang  
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali,  
DPMT.,AMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Encik Rosol bin Wahid  
WAKIL AJIL

20 Disember 1999

**HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
Dato' Senara Muda (Dato' Haji Mazlan @ Mohd Nanri bin Hashim),  
DPMT.,ASM.,KMN.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Encik Ab Karim bin Abd. Rahman

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
Y.M. Dato' Ku Abdul Azah bin Syed Alwee,  
DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Encik Osman bin Muda, PJK.

20 Disember 1999

SETIAUSAHA DEWAN: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Tertib Pekerjaan bagi Persidangan Dewan Undangan Negeri pada hari ini ialah:

1. Membaca Perisyiharan Memanggil Mesyuarat
2. Memilih Yang Dipertua Dewan
3. Upacara Mengangkat Sumpah Yang Berhormat  
Yang Dipertua Dewan
4. Upacara Mengangkat Sumpah Ahli-ahli  
Dewan Undangan Negeri

Sekarang saya akan teruskan dengan membaca PERISYIHKARAN.

### **PERISYIHKARAN**

Oleh Duli Yang Maha Mulia AL-WATHIQU BILLAH AL-SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, Darjah Utama Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.T.), Darjah Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Seri Setia Sultan Mahmud Terengganu Yang Amat Terpuji (S.S.M.T.), Seri Paduka Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (S.P.M.T.), Darjah Kerabat Baginda Syed Putra Perlis (D.K.(Perlis)), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati (D.K.(Johor)), Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B.(Brunei)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (D.K.(Perak)), Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.), IBNI AL-MARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH, Sultan dan Yang Dipertuan bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala Jajahan Takluknya.

Mohor  
Negeri

t.t xxxxxxxx  
(Tandatangan Al-Sultan)

BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Fasal 44(1) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan (Bab Yang Pertama) bahawa BETA hendaklah dari semasa ke semasa memanggil Dewan Undangan Negeri bermesyuarat:

20 Disember 1999

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, AL-WATHIQU BILLAH AL-SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, Darjah Utama Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.T.), Darjah Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Seri Setia Sultan Mahmud Terengganu Yang Amat Terpuji (S.S.M.T.), Darjah Seri Paduka Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (S.P.M.T.), Darjah Kerabat Baginda Syed Putra Perlis (D.K.(Perlis)), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati (D.K.(Johor)), Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B.(Brunei)), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (D.K.(Perak)), Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.), IBNI AL-MARIUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH, Sultan dan Yang Dipertuan bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala Jajahan Takluknya, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepada BETA sebagaimana yang tersebut, ADALAH DENGAN INI memanggil Dewan Undangan Negeri bermesyuarat dan menetapkan 20 haribulan Disember, 1999 bersamaan dengan 12 haribulan Ramadhan, 1420 pada pkul 9.30 pagi sebagai tarikh dan masa bagi Mesyuarat Pertama dalam Penggal Pertama bagi Dewan Undangan Negeri Kesepuluh yang akan diadakan di Dewan Undangan Negeri di Kuala Terengganu.

Dikurniakan di Istana Badariah, Kuala Terengganu, pada 1 haribulan Disember, 1999 bersamaan dengan 23 haribulan Syaaban, 1420.

[ SUK.TR. 637(C)/BHG. 5 ]

Yang Menjunjung Titah Perintah  
Duli Yang Maha Mulia,

HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG  
Menteri Besar, Terengganu

20 Disember 1999

### **PEMILIHAN YANG DIPERTUA DEWAN**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, menurut Fasal 27A Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) dan mengikut Fasal 1 Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri, Mesyuarat Pertama Penggal Persidangan Yang Pertama Dewan Undangan Negeri kesepuluh, pada hari ini akan diteruskan dengan memilih seorang Yang Dipertua Dewan.

Saya telah menerima satu surat daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar bertarikh 15 Disember 1999, memberitahu cadangan Yang Amat Berhormat hendak mengemukakan calon untuk dipilih sebagai Yang Dipertua Dewan dan calon yang akan dicadangkan itu juga telah memberi kesanggupan berkhidmat sekiranya beliau dipilih. Ini adalah menepati dengan kehendak Fasal 2(1) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

Oleh yang demikian, saya dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk mengemukakan cadangan.

**YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya dengan hormatnya mohon membuat cadangan:

**BAHAWA SAYA CADANGKAN YANG BERBAHAGIA HAJI  
HUSAIN BIN AWANG MENGAMBIL TEMPAT DI DALAM  
DEWAN INI SEBAGAI YANG DIPERTUA DEWAN.**

**YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI** (Wakil Pengkalan Berangan): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bangun menyokong cadangan itu.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, menurut Fasal 2(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan, saya dengan ini memasyurkan bahawa YANG BERBAHAGIA TUAN HAJI HUSAIN BIN AWANG dipilih sebagai Yang Dipertua Dewan.

**YANG BERBAHAGIA TUAN HAJI HUSAIN BIN AWANG  
SEBELUM MENGAMBIL TEMPAT YANG DIPERTUA,  
MENGANGKAT SUMPAH MEMEGANG JAWATAN YANG  
DIPERTUA DI HADAPAN SETIAUSAHA DEWAN.**

20 Disember 1999

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh ...  
Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bersyukur kehadrat Allah s.w.t. dan berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kerana telah memberi kepercayaan kepada saya untuk menjawat jawatan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi Dewan Undangan Negeri Kesepuluh pada pagi ini.

Sebelum Upacara Mengangkat Sumpah dimulakan, saya mohon izin untuk menangguhkan sekejap Dewan ini bagi memulakan Upacara Mengangkat Sumpah secara rasminya.

BENTARA MESYUARAT, SETIAUSAHA DEWAN DAN YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN BERARAK KELUAR DEWAN DAN MASUK SEMULA DIDAHULUI DENGAN BENTARA MESYUARAT MEMBAWA COKMAR.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula.

#### **UPACARA MENGANGKAT SUMPAH AHLI-AHLI DEWAN**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut Mengangkat Sumpah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri di hadapan Yang Berhormat Yang Dipertua, didahului dengan:

1. Y.A.B. Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang  
(Wakil Rhu Rendang)
2. Y.B. Haji Mustafa bin Ali  
(Wakil Pengkalan Berangan)
3. Y.B. Haji Harun bin Taib  
(Wakil Manir)
4. Y.B. Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong  
(Wakil Batu Buruk)
5. Y.B. Haji Abu Bakar bin Chik  
(Wakil Batu Rakit)
6. Y.B. Tun Dato' Haji Mohd Salleh bin Abas  
(Wakil Jertih)

**20 Disember 1999**

7. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut  
(Wakil Wakaf Mempelam)
8. Y.B. Encik Yahaya bin Ali  
(Wakil Alur Limbat)
9. Y.B. Haji Abu Bakar bin Abdullah  
(Wakil Tepuh)
10. Y.B. Haji Awang bin Jusoh  
(Wakil Cukai)
11. Y.B. Encik Wan Hassan bin Mohd Ramli  
(Wakil Sura)
12. Y.B. Haji Ismail bin Haji Mamat  
(Wakil Teluk Pasu)
13. Y.B. Haji Nik Muhammad Zawawi bin Salleh  
(Wakil Kuala Besut)
14. Y.B. Haji Abdullah bin Mat Dan  
(Wakil Hulu Besut)
15. Y.B. Dr. Haji Mamad bin Puteh  
(Wakil Kuala Berang)
16. Y.B. Haji Satiful Bahari bin Mamat  
(Wakil Paka)
17. Y.B. Haji Azman Shapawi bin Abdul Rani  
(Wakil Rantau Abang)
18. Y.B. Dr. Haji Sulaiman bin Abdullah  
(Wakil Ladang)
19. Y.B. Haji Mohamad bin Hitam  
(Wakil Langkap)
20. Y.B. Encik Shaharizukirnain bin Abdul Kadir  
(Wakil Jabi)
21. Y.B. Dr. Haji Alias bin Harun  
(Wakil Bukit Tunggal)

20 Disember 1999

22. Y.B. Haji Ismail bin Harun  
(Wakil Air Putih)
23. Y.B. Haji Hassan bin Mohd Salleh  
(Wakil Bukit Payung)
24. Y.B. Haji Abdul Aziz bin Abas  
(Wakil Kampung Raja)
25. Y.B. Haji Mehamad bin Sulong  
(Wakil Kijal)
26. Y.B. Haji Roslan bin Ismail  
(Wakil Bukit Besi)
27. Y.B. Encik Rozali bin Muhammad  
(Wakil Permaisuri)
28. Y.B. Encik Md. Azmi bin Ilop Yusof  
(Wakil Bandar)
29. Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah  
(Wakil Seberang Takir)
30. Y.B.M. Tengku Putera bin Tengku Awang  
(Wakil Telemong)
31. Y.B. Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali  
(Wakil Kemasik)
32. Y.B. Encik Rosol bin Wahid  
(Wakil Ajil)

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah selesai dengan Upacara Mengangkat Sumpah Ahli-ahli Dewan dan saya memohon kepada Allah s.w.t. limpah kurnia-Nya kepada kita sekalian serta memohon dianugerahkan kita taufik dan hidayah-Nya semoga kita berupaya dan berjaya menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan sebaik-baiknya. Dengan itu, saya tangguhkan persidangan ini kepada besok hari Selasa, 21 Disember 1999 jam 9.30 pagi.

DEWAN DITANGGUIHKAN PADA PUKUL 10.40 PAGI.

**PERSIDANGAN**  
**PADA HARI SELASA, 21 DISEMBER, 1999**

БАРЫМЕСИД 15 АСАГЕС ИНАН АДАР

НАСАДЫКА  
ЬЕКІСА

Hari Selasa,  
21 Disember 1999

## **KANDUNGAN**

1. Nama Ahli-ahli [ Muka 11 ]
  2. Doa [ Muka 15 ]
  3. Ucapan Yang Dipertua Dewan [ Muka 15 ]
  4. Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan [ Muka 17 ]
  5. Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:
    - *Soalan Lisan* [ Muka 19 ]
  6. Cadangan Mendahulukan Pembawaan Rang Undang-Undang Daripada Perkara-Perkara Lain [ Muka 30 ]
  7. Rang Undang-Undang:
    1. *Enakmen Perbekalan (2000) 1999* [ Muka 31 ]
- [ BERSAMBUNG ]



21 Disember 1999

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL  
9.30 PAGI**

**H A D I R**

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA**

Tuan Haji Husain bin Awang

**YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU**

Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang

**WAKIL RHU RENDANG**

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali

**WAKIL PENGKALAN BERANGAN**

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib

**WAKIL MANIR**

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong

**WAKIL BATU BURUK**

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Chik

**WAKIL BATU RAKIT**

Yang Berhormat Tun Dato' Haji Mohd Salleh bin Abas,

SSM.,PMN.,SPMT.

**WAKIL JERTIH**

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut

**WAKIL WAKAF MEMPELAM**

Yang Berhormat Encik Yahaya bin Ali

**WAKIL ALUR LIMBAT**

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah

**WAKIL TEPUH**

Yang Berhormat Haji Awang bin Jusoh

**WAKIL CUKAI**

Yang Berhormat Encik Wan Hassan bin Mohd Ramli

**WAKIL SURA**

21 Disember 1999

Yang Berhormat Haji Ismail bin Haji Mamat  
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Nik Muhammad Zawawi bin Salleh  
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Abdullah bin Mat Dan  
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh  
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat  
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Haji Azman bin Shapawi bin Abdul Rani  
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Dr. Haji Sulaiman bin Abdullah  
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Haji Mohamad bin Hitam  
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Encik Shaharizukirnain bin Abd. Kadir  
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Ismail bin Harun  
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Hassan bin Mohd Salleh  
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Haji Abdul Aziz bin Haji Abas  
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Haji Mehamad bin Sulong  
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Haji Roslan bin Haji Ismail  
WAKIL BUKIT BESI

21 Disember 1999

Yang Berhormat Haji Roslan bin Haji Ismail  
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Md. Azmi bin Lop Yusof  
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,  
SPMT.,DSMT.,PJN.,JSM.,PJC.,PPN.,PJK.  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang  
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali,  
DPMT.,AMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Encik Rosol bin Wahid  
WAKIL AJIL

21 Disember 1999

**HADIR MENURUT FASALL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

**YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN**  
Dato' Senara Muda (Dato' Haji Mazlan @ Mohd Nanri bin Hashim),  
DPMT.,ASM.,KMN.,PJC.,PJK.,BLB.

**YANG BERHORMAT PENASHIAT UNDANG-UNDANG NEGERI**  
Encik Ab. Karim bin Abd. Rahman

**YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI**  
Y.M. Dato' Ku Abdul Azah bin Syed Alwee  
DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.BLB.

**SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
Encik Osman bin Muda, PJK.

21 Disember 1999

PUKUL 9.30 PAGI

**D O A**

Dibaca oleh Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan.

**UCAPAN YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN**

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu,  
Ahli-ahli Yang Berhormat,  
Ketua-Ketua Jabatan,  
Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormat sekalian,

Pertama-tamanya marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan rahmat-Nya dapat kita sama-sama berada di dalam Dewan yang mulia ini, iaitu hari kedua Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Terengganu yang kesepuluh.

Dalam kesempatan ini saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, terutama sekali kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah mencadang dan memberi kepercayaan kepada saya dipilih sebagai Yang Dipertua bagi Dewan Undangan Negeri Terengganu Yang Kesepuluh ini. Sehubungan itu, saya mengharapkan bantuan dan kerjasama terutamanya daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat, agar dapat sama-sama membimbing saya dalam menentukan Persidangan Dewan ini dapat berjalan dengan licin dan teratur mengikut sebagaimana yang ditetapkan di dalam Tertib Pekerjaan Dewan, insya Allah.

Selain dari itu, kita selaku Wakil Rakyat yang dipilih di dalam pilihan raya yang baru lalu mempunyai tanggungjawab yang berat untuk kita laksanakan sebagai menunaikan amanah yang telah diberikan oleh rakyat kepada kita semua. Oleh itu, sama-samalah kita memikul amanah tersebut demi untuk kesejahteraan rakyat dan Negeri Terengganu Darul Iman dengan mentaati perintah-perintah Allah s.w.t. dan menjauhi larangan-Nya.

21 Disember 1999

Di ambang kita menghadapi alaf baru yang pastinya kita encabar kita dipertemukan Allah di Dewan yang mulia ini. Maka dengan perasaan takut dan keinsafan serta rasa tanggungjawab bahawa kita adalah arkitek kepada umerah ini dan kitalah pengorak kepada generasi yang akan mewarisi bumi dan negeri berikut ini. Ahli-ahli Yang Berhormat telah dipilih untuk memikul amanah Allah, memimpin rakyat Negeri Terengganu Darul Iman ini ke arah yang direhui Allah. Oleh itu, suka saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya dapat memanfaatkan Dewan yang mulia dengan sebaik-baik mungkin ke arah matlamat yang digariskan oleh Allah:

الذين إن مكثهم في الأرض أقاموا الصلوة واعتو الزكوة  
وأمرموا بالمعروف ونهوا عن المنكر والله عاقبة الأمور .

"Orang-orang yang kami berikan kuasa memimpin di muka bumi, mereka hendaklah mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyuruh dengan perkara yang makruf dan melarang daripada perkara yang mungkar. Dan bagi Allah jualah akibat bagi segala urusan".

Hanya sekadar itulah ucapan saya ataupun ucapan pertama saya selaku Yang Dipertua dan diucapkan *Selamat Bersidang*.

21 Disember 1999

## KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kerta-kertas Kerja dan Laporan-laporan yang dibentangkan ialah:

1. Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Tahun 2000.  
(D.U.N. Bil. 25/99)
2. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Tahun 2000.  
(D.U.N. Bil. 26/99)
3. Anggaran Bekalan Air Negeri 2000.  
(D.U.N. Bil. 27/99)
4. Peruntukan Tambahan Anggaran Perbekalan Tahun (1999)  
(No. 2) 1999.  
(D.U.N. Bil. 28/99)
5. Anggaran Pembangunan (Tambahan)(Bil. 2) 1999  
Perbelanjaan 1999.  
(D.U.N. Bil. 29/99)
6. Laporan Tahunan Kemajuan Pembangunan Negeri  
Terengganu Tahun 1999/2000.  
(D.U.N. Bil. 30/99)
7. Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan  
Memajukan Iktisad Negeri Terengganu Bagi Tahun 1996.  
(D.U.N. Bil. 31/99)
8. Penyata Kewangan Majlis Daerah Besut Bagi Tahun  
Berakhir 31 Disember 1998.  
(D.U.N. Bil. 32/99)

**21 Disember 1999**

9. **Penyata Kira-Kira Majlis Perbandaran Kuala Terengganu Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 1998.**  
**(D.U.N. Bil. 33/99)**
10. **Penyata Kewangan Majlis Daerah Kemaman Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 1998.**  
**(D.U.N. Bil. 34/99)**
11. **Penyata Kewangan Majlis Daerah Dungun Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 1998.**  
**(D.U.N. Bil. 35/99)**
12. **Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Terengganu Berkemas. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Kira-Kira Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 1996.**  
**(D.U.N. Bil. 36/99)**

21 Disember 1999

## **SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS**

### **SOALAN-SOALAN BERTULIS**

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, suakita saya maklumkan bahawa tidak ada Notis yang diberikan untuk soalan bertulis pada persidangan Dewan Undangan Negeri kali ini oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

### **SOALAN-SOALAN LISAN**

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Manakala bagi Soalan Lisan, dua orang Ahli Yang Berhormat telah memberi Notis, iaitu yang pertama Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, Wakil Kemasik dan kedua Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang, Wakil Telemong.

Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, Wakil Kemasik mengemukakan soalan.

**YANG BERHORMAT DATO' MOHAMAD ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, soalan yang pertama -

Adakah kerajaan baru PAS bercadang untuk memecat, merombak atau mengubahsuai kedudukan dan peranan Ketua-ketua Kampung, Jawatankuasa-Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung serta Imam-imam dan Bilal-bilal seluruh Negeri Terengganu.

**YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, pemerhati dan tuan-tuan sekalian.

Untuk menjawab soalan yang pertama, biarlah saya imbas sekejap soalan yang dikemukakan, iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Kemasik ingin tahu apakah kerajaan yang baru ini bercadang memecat, merombak, mengubahsuai kedudukan peranan Ketua Kampung, JKKK,

21 Disember 1999

Imam-imam dan Bilal-bilal. Yang Berhormat Yang Dipertua, sebagaimana yang diisyiharkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Terengganu sesudah pilihan raya umum kesepuluh berlalu bahawa Kerajaan PAS tidak akan bertindak membala dendam pada mana-mana pihak jua. Perisyiharan ini ialah selaras dengan sabda Rasullullah s.a.w., sekepulangsangnya daripada Al-Madinahni Munawarah ke Mekah Al-Mukaramah sesudah Mekah ditawan semula oleh Rasulullah s.a.w. maka Nabi mengisyiharkan *Izhabu Wa Antum At Tulaqa* "pergilah kamu semuanya bebas". Jawapan ini diberi atau perisyiharan ini diberi apabila orang-orang Qurish Mekah berasa bimbang bahawa kedudukan mereka akan terancam sesudah Mekah ditawan oleh Rasulullah s.a.w. Maka dengan sebab itu Rasulullah mengatakan: *Izhabu Wa Antum At Tulaqa* "pergilah kamu bebas", tidak ada tindakan yang akan dilakukan kecuali kesalahan-kesalahan yang mesti diambil tindakan.

Jadi oleh kerana itu, setakat ini kita tidak bercadang untuk memecat Imam-imam dan Bilal-bilal. Tidak ada cadangan untuk dipecat kecuali seseorang itu sudah hilang kelayakannya. Maka itu terpaksa dibentikan dan kecuali jika Imam-imam dan Bilal-bilal itu tidak bersedia lagi bekerja dan berkhidmat di bawah kerajaan yang baru. Jadi, kalau mereka sudah tidak bersedia maka pada masa itu mereka bolehlah menarik diri dan kami boleh mengganti dengan orang yang lain. Walau bagaimanapun, kami bercadang untuk membaik pulihkan fahaman Imam dan Bilal yang sudah dirosakkan selama ini terutama sekali dari sudut kefahaman agamanya.

Adapun berkaitan dengan merombak, mengubahsuai kedudukan Ketua Kampung, JKKK dan lain-lainnya, maka sudah menjadi suatu polisi mana-mana kerajaan ... setiap kerajaan itu ada matlamatnya, ada hala tujuinya maka sesungguhnya pengubahsuaiannya, perombakan perlu diadakan untuk mempastikan cita-cita dan matlamat kerajaan itu dapat dicapai melalui agensi-agensi kerajaan yang akan memberi bantuan dan kerjasama, dan melaksanakan matlamat dan tujuan kerajaan itu.

Jadi oleh kerana itu, sebelum daripada atau dalam pilihan raya yang kesepuluh baru-baru ini parti PAS Negeri Terengganu mengemukakan satu manifesto di antara lainnya satu konsep yang akan diperkenalkan ialah "Syura Rakyat". Maka dengan sebab itu kemungkinan pemilihan Ketua-ketua Kampung berdasarkan kepada pemilihan rakyat dengan tidak ditunjuk bulat-bulat oleh pihak kerajaan. Jika sekiranya penduduk kampung itu inginkan satu Ketua Kampung yang bersesuaian dengan mereka, mereka diberi hak untuk memilihnya. Dan kelayakan-kelayakan Ketua Kampung juga mungkin dapat kita pertingkatkan sehingga Ketua Kampung itu dapat memainkan peranannya yang lebih baik di dalam merealisasikan kehendak dan matlamat pentadbiran kerajaan yang baru ini, insya Allah.

Begini juga peranan Jawatankuasa Kemajuan Kampung, insya Allah kami akan cuba mengubahsuai supaya ianya benar-benar memberikan suatu perkhidmatan yang bolos menguntungkan rakyat jelata di kampung-kampung dan tidak hanya memberi manfaat dan keuntungan bagi satu-satu pihak sahaja. Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Soalan nombor dua -

21 Disember 1999

Y.A.B. Menteri Besar telah menyatakan bahawa kerajaan baru PAS bukanlah merupakan sebuah kerajaan untuk membala dendam. Adakah pihak kerajaan sedar bahawa penyokong-penyokong PAS di kampung-kampung telah mula merampas balai-balai raya, balai-balai JKKK, Masjid dan Surau sebaik sahaja PAS diumumkan menang di Negeri Terengganu. Jika sedar apakah tindakan kerajaan berhubung dengan perkara ini.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin mengimbas sedikit soalan yang kedua ini. Setelah berlakunya pilihan raya umum yang kesepuluh ini, mengikut dakwaan Yang Berhormat Wakil Kemasik bahawa apabila keputusan pilihan raya diisyiharkan maka penyokong-penyokong PAS di kampung-kampung mengambil tindakan merampas balai-balai raya, balai-balai JKKK, Masjid-masjid dan surau-surau. Adakah kerajaan sedar tentang perkara ini?

Satu perkara yang ingin saya jelaskan di sini bahawa satu kenyataan yang boleh dilihat oleh semua orang bahawa sesungguhnya dalam kempen pilihan raya yang berlaku pada tahun 1999 ini atau pilihan raya kesepuluh kita dapat melihat bahawa balai-balai raya, adalah walaupun dia dimiliki oleh kerajaan negeri tetapi diguna sepenuhnya oleh sebuah parti untuk menjadi markas atau pusat kegiatan gerakan pilihan raya mereka. Saya tidak tahu parti mana yang menggunakan tapi lambangnya ialah Dacing, semua balai-balai raya ni dipenuhi dengan simbol dacing. Oleh kerana itu apabila berlakunya pilihan raya pada 29 November yang lalu .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tuan Yang Dipertua, penjelasan - Boleh Yang Berhormat terangkan balai raya mana yang digunakan oleh Barisan Nasional untuk dijadikan markas.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kalau berlaku tiga buah saya boleh terangkan satu, dua tiga itu tapi berlaku semua, hampir semua digunakan ... itu dia. Jadi kalar saya sebut ni padan majlis hari ini saya sebut senarai balai raya ...

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Penjelasan, Tuan Yang Dipertua - Ini satu pembohongan besar hampir semua cawangan, kita minta satu saja.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dia nak tahu jugak? Saya buat misal satu, sekarang ni kita boleh bawak Wakil Kemasik ke, Wakil Telemong ke melawat dalam DUN Manir semua balai raya tu masih ada dacing tu.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Dipertua, lambang dengan markas lain. Kita minta satu, tak usah berdalih Yang Dipertua, satu saja minta pihak kerajaan jawab yang dijadikan markas pilihan raya BN, khususnya dalam DUN Manir pun tak apa. Terima kasih.

21 Disember 1999

**YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB** (Wakil Manir): Yang dijadikan markas di dalam DUN Manir, balai raya Kampung Kubang Bujuk, balai raya Kampung Tualang, balai raya Kampung Durian Mas, tiga cukup? Nak lagi?

**YANG BERHORMAT MULIA TENGIKU PUTERA BIN TENGIKU AWANG** (Wakil Telemong): Terima kasih, Tuan Yang Dipertua yang menjawab tu tapi belum tentu lagi betul. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB** (Wakil Manir): Yalah takut lepas ni, takut dengar saya beritahu ni takut dia bersih habis balik ni tak tahu lah, tapi saya mari tadi ada lagi Yang Dipertua.

Jadi balai-balai raya ni Yang Berhormat Tuau Yang Dipertua, diguna sepenuhnya oleh orang-orang yang menggunakan. Jadi, bila saja keputusan pilihan raya 1999 ni diisyiharkan maka sesungguhnya pada masa itu berlakulah pemindahan ... sama ada dipindah kerusinya, mejanya apa-apa yang ada tu dia pindah. Bila berlaku perpindahan barang-barang ini kita tidak tahu siapa yang memiliki barang-barang ini sebab itu berlaku sedikit kekeliruan. Di setengah kampung dibuat laporan Polis, siapa yang ambil barang ini, siapa tuan punya? Jadi, bila barang-barang itu dikeluarkan, balai-balai raya itu pun menjadi kosong dan ada setengah kampung itu menyerah kunci kepada orang-orang PAS. Dia berasa dah, dia tak menang ni ... dia berasa dia macam tak dak kuasa dah, dia nak serah dah walaupun kita dak mintak serah lagi, kita kata biar dulu. Jadi oleh kerana itu Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, merampas balai raya tidak timbul langsung.

Yang kedua ialah berkaitan dengan merampas masjid, tidak ada dalam mакlumat kita masjid-masjid yang dirampas. Cumanya ada suatu kerjasama dan kompromi di antara penyokong-penyokong PAS dengan penduduk-penduduk kampung ataupun penyokong-penyokong UMNO yang selama ini orang-orang PAS diketepikan daripada memegang jawatan-jawatan di dalam Jawatankuasa Masjid-masjid atau sebagiannya Imam-imam sebelum daripada ini kerana sebab fabaman politiknya dia dipecat sama ada Imam ataupun Bilal. Maka apabila pilihan raya baru ini menunjukkan bahawa parti Barisan Nasional tidak menang maka penduduk-penduduk kampung berpakat bersama meraka, jadi Imam-imam yang sudah dipecat, Bilal-bilal yang sudah dipecat itu berunding dengan Imam lama, dengan jawatankuasa supaya mereka juga dapat pulang ke masjid mereka sendiri dan bergilir-gilir menjadi Imam atau Bilal. Dan dalam bulan Ramadan ini berlaku banyak suasana seperti ini dan berlaku suatu keharmonian dan penyatuan yang amat menggalakkan. Itu kerajaan tidak mengkategorikan sebagai merampas masjid, itu cuma satu pakatau baru untuk melihat suasana harmoni dan kebaikan di kampung itu berlaku dengan lebih baik lagi. Itu Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI** (Wakil Kemasiik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan - Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menyatakan bahawa kerajaan baru PAS bukanlah merupakan sebuah 'kerajaan balas dendam'. Adakah ataupun tidakkah perbuatan menukar, memecat pegawai-pegawai kerajaan dan badan-badan kerajaan merupakan tindakan balas dendam?

21 Disember 1999

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tuan Yang Dipertua, tadi JKKK saja guana yang melarat ke pegawai-pegawai lain pulak Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tuan Yang Dipertua, itu dalam soalan saya.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, walaupun sebenarnya soalan tambahan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi itu suatu soalan lain, saya rasa untuk menjernihkan keadaan dan menjelaskan keadaan bahawa beberapa pertukaran pegawai-pegawai kerajaan peringkat tinggi, bukan JKKK ni, adalah berdasarkan kepada apa yang dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat, berdasarkan kepada *seniority* dan berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang biasa dan lazim digunakan dalam pertukaran-pertukaran dalam jabatan-jabatan kerajaan. Tidak ada apa yang dinamakan 'balas dendam' dan dengan sebab itu kita seharusnya tidak mempunyai satu sikap yang menggambarkan bahawa kerajaan baru ini mempunyai sikap yang seperti itu. Kerana ini telah dijelaskan, saya rasa secara terbuka dan dinyatakan dalam media massa. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan ketiga -

Pihak kerajaan telah mengumumkan untuk melaksanakan "Kharaj" (Cukai) bagi rakyat bukan Islam. Apakah pihak kerajaan telah membuat kajian terperinci sebelum "Kharaj" diumumkan.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, berkaitan dengan pelaksanaan satu sistem yang dipanggil "Kharaj", kerajaan sebenarnya tidak payah sebelum daripada mengisyiharkan membuat kajian yang terperinci kerana masalah "Kharaj" ini di dalam Islam terlalu jelas tetapi ianya disembunyikan oleh zaman penjajahan dan selepas daripada zaman penjajahan kerajaan dipimpin oleh Barisan Nasional, oleh kerana tidak ada matlamat Barisan Nasional untuk melaksanakan syariat Islam di dalam semusa bidang pentadbiran negeri ini maka "Kharaj" tetap menjadi suatu perkara yang tidak dikenali bukan saja oleh orang-orang bukan Islam tetapi oleh sebahagian besar daripada orang-orang Islam sendiri.

Jadi, oleh kerana itu untuk melaksanakan sistem "Kharaj" ini kami telah membuat kajian awal sebelum daripada diisyiharkan, sebelum daripada pilihan raya kerana sistem "Kharaj" ini kami telah kemukakan dalam manifesto kami dalam setiap kali pilihan raya sejak tahun 1982, kami sudah sebut dalam manifesto kami. Pilihan raya 1986 juga telah disebut sebagaimana kami sebut dalam pilihan raya 90, 95 tetapi pilihan raya-pilihan raya itu menyaksikan parti kami belum menang tapi pilihan raya kali yang kesepuluh tahun 1999 ini, bila parti kami menang menjadi kerajaan barulah kami mengisyiharkan untuk pelaksanaannya.

21 Disember 1999

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebagaimana biasa apabila suatu cukai atau bentuk cukai seperti "Kharaj" ini hendak dilaksanakan mesti mendapat persetujuan daripada Kerajaan Persekutuan. Soalan saya, jika sekiranya Kerajaan Persekutuan tidak memberi kebenaran kepada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan cukai ini, apakah pihak Kerajaan Negeri akan menyalahkan pihak Kerajaan Persekutuan?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tuan Yang Dipertua, itu anggapan awal, saya tidak mempunyai anggapan buruk seperti mana Wakil Kemasik, kepada Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan dalam surat khabar telah menyatakan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tidak beranggapan begitu tetapi apabila Kerajaan Persekutuan tidak meluluskan permohonan daripada Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri akan menyalahkan ... akan meletakkan kesalahan ini kepada Kerajaan Persekutuan.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebab itu saya tidak beranggapan demikian. Saya beranggapan Kerajaan Persekutuan akan memberi kerjasama yang sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri. Kerjasama dua hala yang telah dijanjikan, insya Allah kita akan sama-sama menikmatinya.

Dan untuk makluman Dewan ini Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua bahawa ada sebahagian daripada "Kharaj" itu kita dapat laksanakan tanpa persetujuan daripada Kerajaan Persekutuan, insya Allah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Kemasik. Dan seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Mulia Tengku Putera Tengku Awang, Wakil Telemong mengenudukkan soalan-soalan. Dipersilakan -

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Soalan yang pertama -

Sila pihak kerajaan nyatakan tempoh sebenar ke arah penyediaan pelaksanaan Hukum Hudud sepenuhnya di negeri ini.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, pertamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Wakil Telemong yang telah menunjukkan minatnya kepada Dewan ini supaya negeri ini dapat menjalankan Hukum Hudud dengan seberapa segera yang mungkin.

21 Disember 1999

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, pelaksanaan syariat Islam bukanlah terhenti kepada Hudud saja sebab Hudud itu sebahagian daripada Undang-Undang Jenayah Syariah. Undang-Undang Syariah itu terbahagi kepada tiga, iaitu Hudud, Kisos dan Takzir. Jadi oleh kerana itu masih terlalu awal untuk saya menyatakan tempoh yang sebenarnya usaha untuk menyiapkan, penyiapan atau penyediaan pelaksanaan Hukum Hudud sepenuhnya di negeri ini, saya kira terlalu awal untuk saya menyatakan bila. Sebab kami akan menjalankan syariat atau pelaksanaan ini mengikut jadual, yang Hudud akan berjalan mengikut jadualnya, insya Allah.

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan - Soalan saya jelaskan menyatakan, nyatakan tempoh sebenar yang diperlukan walaupun jadual, adakah setahun, dua tahun, lima tahun? Terima kasih.

**YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tak fikir sampai empat lima tahun, sebab itu sekarang ini dalam persiapan awal ... saya telah menyatakan bahawa kita menjalankan mengikut jadual, pelaksanaan syariat ini mengikut jadual. Yang pertama kami, insya Allah akan menjalankan dalam perkara syariat ini perkara-perkara yang tidak ada pertindihan kuasa di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan, yang berada di bawah bidang kuasa negeri secara jelas maka itu tidak menjadi kesulitan kepada kami untuk melaksanakannya. Tetapi jika ada pertindihan kuasa ataupun pentafsiran yang berbeza-beza maka peringkat awalnya sesudah segala persiapan-persiapan yang lain, iaitu melatih pegawai-pegawai yang mahir dan sebagainya, dan menyediakan Enakmen sesudah itu kita perlu membuat perundingan dengan pihak Kerajaan Persekutuan. Dan jika sekiranya tidak ada masalah dalam perundingan ini, maka pelaksanaan Hudud dapat berjalan dengan secepat mungkin. Dan kami berharap supaya Wakil daripada Telemong yang terdiri daripada parti Barisan Nasional akan memberi kerjasama, berusaha supaya kita Negeri Terengganu ini mendapat sokongan dan persetujuan daripada Kerajaan Persekutuan.

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Insya Allah, Tuan Yang Dipertua. Walaupun soalan saya tidak dijawab meleret tapi soalan tambahan - Sedarkan di pihak kerajaan bahawa selama ini perjuangan PAS melaung-laungkan bahawa perbedaan utama antara perjuangan PAS dan perjuangan UMNO adalah syariat Islam ini dan menuduh Kerajaan Barisan Nasional ataupun UMNO tidak mahukan syariat Islam dan sebagainya. Ini menghasilkan suatu perpecahan yang amat sangat, perceraian, permusuhan, benci-membenci dan sebagainya di kalangan rakyat. Dan sekarang ini, saya menanyakan tempoh tetapi tidak dijawab, tapi soalnya kerajaan PAS telah memerintah Negeri Terengganu Darul Iman dengan penuh berkuasa, dengan begitu kuat ... tidak ada alasan untuk menangguhkan lagi kerana .....

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat .....

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** .... mengikut jadual itu barangkali selama ini pun .....

21 Disember 1999

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat Wakil Telemong sila tumpukan kepada soalan bukan masa untuk Yang Berhormat berucap.

**YANG BERHORMAT MULIA TENGIKU PUTERA BIN TENGIKU AWANG (Wakil Telemong):** Tuan Yang Dipertua, soalan saya ... kita mohon supaya kerajaan, adakah kerajaan akan menjelaskan ... sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional pun pelaksanaan syariat Islam ini mengikut jadual sejak kita memerintah sampai ke sekarang telahpun meningkat dan .....

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Soalan sebenarnya?

**YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Tuan Yang Dipertua, Wakil Telemong itu minta saya bersyarah, saya tadi jawab soalan saja. Memang kita memberitahu perbezaan perjuangan PAS dengan UMNO, Barisan Nasional ialah kerana Islam. Barisan Nasional ini yang dipimpin oleh UMNO tidak mahu melaksanakan Islam kecuali dalam bidang-bidang yang dikira ibadat-ibadat khusus saja. Dan kami ingin melaksanakan Islam secara keseluruhannya, umpamanya dari sudut bidang ekonomi riba' umpamanya kita dalam belanjawan baru ni Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Telemong sudah dapat melihat kita telah menghapuskan punca-punca hasil yang tidak dikira halal dari segi syariat Islam. Ini cara tak sempat 40 hari pun, kalau 40 tahun macam Barisan Nasional habis dah kita laksanakan ... jadi tak sampai 40 hari lagi.

Kemudian banyak lagi, kami menyatakan dalam manifesto kami, pinjaman perumahan, pinjaman kenderaan pegawai-pegawai kerajaan kita tidak akan ambil *interest*, `cukai perkhidmatan' kita tidak ambil sebab itu istilah saja tapi sebenarnya dia riba' juga. Jadi kita kata *al-Qardhul Hasan* dan berkuatkuasa serta merta bukan menunggu kelulusan mana-mana. Begitu juga dalam perkara-perkara yang lain berkaitan dengan syariat Islam yang kami boleh jalan serta merta kami jalan sert merta. Tetapi yang saya sebutkan tadi Hudud itu satu perkara khusus yang mungkin pertindihan kuasa di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan, dan kami berjuang. Bila sampai masanya, insya Allah akan terlaksana. Kita ni baru duduk alih kerusi, kerusi hak dulu tu ... bila kita masuk rumah ni macam-macam kerusi, kerusi patah, kerusi buruk, kerusinya diconteng di budak-budak pun ada dan sebagainya ... kita tengah duduk bersih kerusi ni jadi kita nak tahu bila tarikh yang sebenarnya itu ... itu belum lagi kita dapat tetapkan tetapi dia tetap berjalan ikut jadual. Adapun Barisan Nasional dia kata mengikut jadual tu bohong, Perdana Menteri sendiri menyatakan "Saya tidak boleh terima Undang-Undang Hudud ni" ... bimbang kalau Hudud dijalankan orang Melayu akan jadi kudung tangan, maka orang Melayu akan ketenggalan dalam bidang ekonomi tidak dapat kerja kilang. Perdana Menteri Malaysia menyatakan: Kalau Hukum Hudud dijalankan tentunya kita akan menjadi malu, orang Melayu malu orang Islam tak cukup tangan orang bukan Islam jadi cukup tangan. Ini penghinaan kepada syariat Islam. Kalau Wakil Telemong kata Barisan ada nak jalan syariat Islam mengikut jadual, itu budak-budak kecil saja bercakap di kampung tapi bos dia tidak mahu.

**YANG BERHORMAT MULIA TENGIKU PUTERA BIN TENGIKU AWANG (Wakil Telemong):** Terima kasih, Yang Dipertua, soalan yang kedua -

21 Disember 1999

Apakah jaminan kerajaan untuk meneruskan Kualiti Pentadbiran Kakitangan Kerajaan terus berada di tahap yang tinggi.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bagi menjelaskan soalan yang dikemukakan oleh Wakil Telemong yang mahukan suatu jaminan kerajaan untuk meneruskan kualiti pentadbiran kakitangan kerajaan terus berada di tahap yang tinggi. Saya suka menjelaskan bagi pihak kerajaan bahawa apa yang dianggap sebagai kualiti yang berada di tahap yang tinggi ini merupakan satu yang dinyatakan oleh Wakil Telemong. Kita belum lagi membuat satu analisa yang sebenarnya sama ada anggapan itu betul atau tidak kerana belum ada satu *administrative auditing* dengan izin Tuan Yang Dipertua, yang telah kita lakukan.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan mempunyai suatu dasar dan suatu polisi bahawa untuk menjamin kualiti pentadbiran sentiasa dapat dibaiki dari masa ke semasa, kita akan mewujudkan suatu suasana pentadbiran yang mesra. Kerana kita tahu bahawa pemimpin kerajaan sebagai 'pembuat dasar' yang ada hubungkaitnya pegawai dan kakitangan kerajaan sebagai 'pelaksana dasar', yang akan menerima kesan daripada dasar yang dilaksanakan itu ialah rakyat yang kita semua bertanggungjawab. Jadi polisi dan dasar yang akan kita laksanakan ialah kita menganggap pemimpin kerajaan, pegawai dan kakitangan kerajaan sebagai rakan kongsi dan sahabat dalam membangunkan negeri kita yang kita kasih ini. Pihak pemimpin kerajaan tidak akan menganggap pegawai dan kakitangan sebagai orang yang boleh diarahkan sesuka hati tanpa ada suatu perhitungan sama ada ianya benar ataupun salah. Demikian juga kita mengharapkan bahawa pegawai-pegawai tinggi tidak melihat kakitangan yang bawah juga sebagai orang yang boleh diarahkan sesuka hati. Yang kita mahukan suatu kemesraan wujud di kalangan pemimpin-pemimpin kerajaan, pegawai dan kakitangan sehingga kita boleh melaksanakan tanggungjawab yang telah diletakkan kepada untuk membangunkan negeri ini secara bersepadau, insya Allah.

Kemudian, di antara beberapa langkah yang kita cadangkan untuk kita lakukan bagi meningkatkan kualiti ini, kita ingin mengembalikan sama ada kakitangan kerajaan yang rendah atau pegawai kerajaan ... mengembalikan martabat mereka sebagai manusia yang tak boleh terpisah dari fitrah kejadian insan itu sendiri, iaitu dari segi keperluan fizikalnya, keperluan intelektualnya dan keperluan spiritualnya yang nantinya insya Allah akan kita terapkan secara bersepadau. Oleh yang demikian kita telah mengambil beberapa langkah, sebahagiannya kita akan laksanakan secepat yang mungkin, sebahagiannya mengikut proses pentadbiran itu sendiri.

- Yang pertama, langkah yang akan dilakukan ialah untuk meningkatkan latihan dalam perkhidmatan bagi semua peringkat perkhidmatan dengan menekankan kepada pengetahuan dan budaya kerja mengikut tuntutan Islah.
- Yang kedua, membuka peluang kenaikan pangkat dan perpindahan perkhidmatan bagi membaiki pencapaian kecemerlangan pekerja dan menghapuskan amalan pilih kasih nepotisme, kronisme dan kronisme dalam perkhidmatan sebagaimana yang telah berlaku dan diamalkan di dalam kerajaan yang telah lalu.

21 Disember 1999

- Yang ketiga, meningkatkan keupayaan perkhidmatan pegawai dan kakitangan serta kepakaran dan profesionalisma dalam perkhidmatan kerajaan.
- Yang keempat, kita akan melaksanakan bermula daripada 1 haribulan satu tahun depan, tahun 2000, iaitu kerja lima hari seminggu.

Dan kita menjangkakan hari Jumaat dan hari Sabtu sebagai hari cuti minggu dimana 2 hari cuti hujung minggu ini akan dimanfaatkan bagi memenuhi keperluan-keperluan yang kita anggap hari Jumaat itu bolehlah kita jadikan sebagai hari untuk kita menimba ilmu bagi seluruh kakitangan, pegawai kerajaan. Dan hari Sabtu hari yang boleh kita berdamping bersama-sama dengan keluarga kita sendiri yang dulunya kita tidak ada peluang. Kerana kita merasakan bahawa pegawai dan kakitangan kerajaan yang mempunyai masalah rumah tangga kadang-kadang tidak dapat melaksanakan kerja di pejabat dengan cekap. Dengan memberikan suatu hari yang mereka boleh bersama keluarga - hari Sabtu, ini akan lebih memersrakan mereka bersama dengan keluarga apa lagi dalam sekarang salah satu daripada masalah sosial yang selalu disebutkan bahawa ibu bapa seharusnya mempunyai suatu masa apa yang disebut *quality time*, masa yang sangat berharga bersama-sama dengan anak-anak. Kita harapkan hari Sabtu ini akan dimanfaatkan oleh seluruh pegawai dan kakitangan bersama dengan keluarga dan dengan demikian apabila hubungan yang secara baik itu di kalangan keluarga dapat diwujudkan insya Allah kita yakin, kerja di pejabat juga akan dapat dilakukan sebaik yang mungkin.

Dan yang akhirnya, suka saya menjelaskan bahawa berdasarkan kepada polisi ini, dan dasar ini telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri dalam pertemuan dengan pegawai dan kakitangan kerajaan, supaya pegawai dan kakitangan mempunyai suatu sikap yang terbuka untuk memberikan teguran kepada kami sebagai pemimpin yang mengetuai kerajaan sekarang kerana masing-masing mempunyai kekurangannya masing-masing. Tidak ada seorang manusia pun yang sempurna, mungkin kami mempunyai kekurangan tertentu, pegawai mempunyai kekurangan tertentu tetapi dengan lengkap-melengkapinya inilah insya Allah kita akan dapat mewujudkan suatu pentadbiran yang terus meningkat dan insya Allah, akan kita pertahankan.

Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG** (Wakil Telemong): Terima kasih, Tuan Yang Dipertua suatu jaminan dan insya Allah kita sama-sama akan menerima manfaatnya nanti, terima kasih. Soalan ketiga -

Apakah jaminan kerajaan tidak mengisukan, mengada-adakan kelemahan kerajaan yang lalu bagi menutup ketidakmampuannya melaksanakan manifesto dalam pilihan raya lalu dengan segera.

**YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI** (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang ketiga daripada Yang Berhormat Telemong meminta supaya jaminan kerajaan tidak mengisukan ataupun menjadikan isu atau mengada-

21 Disember 1999

adakan kelemahan kerajaan yang lalu bagi menutup ketidakmampuannya melaksanakan manifesto dalam pilihan raya lalu dengan segera.

Sepintas lalu saya melihat soalan yang dikemukakan ini menggambarkan suatu kegelisahan di kalangan bekas-bekas pemimpin kerajaan yang lalu, yang mengandaikan bahawa pemimpin kerajaan hari ini akan mengada-adakan isu berhubung dengan kelemahan-kelemahan yang wujud dalam kerajaan yang telah lalu. Saya suka memberi jaminan bagi pihak kerajaan, kita sama sekali tidak akan mengadakan perkara-perkara yang tidak ada. Tetapi kalau nak bercakap tentang kelelahan memang dalam masa dua minggu kami meneliti terlalu banyak kelemahan-kelemahan yang boleh saya sebutkan, jika mahu disebutkan pimpinan kerajaan yang telah lalu. Tetapi biarlah pada hari ini hanya saya suka menyebut sebagai suatu contoh, bagaimana beberapa keputusan yang silap dilakukan oleh pimpinan kerajaan yang telah lalu, yang tidak pernah mahu belajar daripada kesilapan yang telah lalu. Suatu contoh yang nyata misalnya, bagaimana boleh kita melabur dalam satu industri besi waja, setelah kita gagal dalam Perwaja kita terus juga membuat keputusan untuk mengadakan suatu industri yang dikenali dengan Gunawan Steel yang seolah-olah kita tidak pernah mahu belajar daripada kesilapan-kesilapan kita yang telah lalu.

Ini suatu contoh dan ada lagi contoh-contoh yang lain yang saya rasa biarlah pada waktu ini ... untuk menjaga kejernihan tidak saya disebutkan tetapi insya Allah, kita tidak akan mengadakan perkara yang tidak ada melain perkara yang ada dan perlu diberikan perhatian memang kita akan memberikan perhatian insya Allah. Sebab tujuan kita ialah untuk membaiki keadaan sebagaimana yang selalu dijelaskan, kalau keadaan itu tak baik supaya jadi baik, kalau kurang baik kepada yang lebih baik, insya Allah. Inilah harapan kita dan insya Allah, pemimpin-pemimpin kerajaan yang lalu tak usah gelisahlah, insya Allah. Kalau pun kami menyatakan kelemahan-kelemahan itu, ia bukan kelemahan peribadi kerana kita menyedari bahawa memimpin kerajaan ialah suatu *collective responsibility*, yang bukan seorang saja bertanggungjawab tetapi ramai-ramai dan ramai-ramailah kena tanggung bukan seorang. Tapi sekarang ni saya nampak duduk tuju seorang saja dan saya rasa itu tidak adil barangkali. Jadi, di atas keadilan inilah maka saya harapkan bahawa apapun pendedahan yang akan dilakukan berdasarkan kepada fakta dan berdasarkan kepada kenyataan. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Telemong dan juga Pengkalan Berangan.

21 Disember 1999

**CADANGAN MENDAHULUKAN PEMBAWAAN RANG UNDANG-UNDANG  
DARIPADA PERKARA-PERKARA LAIN**

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Diperetu, saya pohon membawa cadangan menurut Fasal 16(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri untuk mendahulukan pembawaan Rang Undang-Undang daripada perkara-perkara lain.

Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, satu cadangan menurut Fasal 16(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri untuk mendahulukan pembawaan Rang Undang-Undang daripada perkara-perkara lain diterima dan mendapat sokongan, sekarang saya kemukakan kepada undian -

**CADANGAN SUPAYA MENDAHULUKAN PEMBAWAAN RANG  
UNDANG-UNDANG DARIPADA PERKARA-PERKARA LAIN YANG  
DITETAPKAN DI DALAM TERTIB PEKERJAAN DEWAN KEMUDIAN  
DIUNDI DAN DIPERSIJUJUI DENGAN SUARA TERBANYAK.**

**CADANGANINI DITERIMA.**

21 Disember 1999

RANG UNDANG-UNDANG

ENAKMEN PERBEKALAN (2000) 1999

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2000 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2000 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2000 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

Saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin dan inayah-Nya dapat saya membentangkan kepada Dewan yang mulia ini, satu Enakmen yang bernama Enakmen Perbekalan (2000) 1999. Enakmen ini dibentangkan bagi mendapat pertimbangan Dewan yang mulia untuk menggunakan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Disatukan bagi membiayai perbelanjaan dan perkhidmatan pada tahun 2000 dalam melaksanakan DASAR PEMERINTAHAN KERAJAAN ALTERNATIF pimpinan Parti Islam se-Malaysia (PAS) di Negeri Terengganu.

Kenyataan lengkap adalah seperti yang terkandung dalam Buku Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negeri Tahun 2000 (*Kembaran Kertas Dewan Undangan Negeri Bil. 25/99*).

21 Disember 1999

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

Allah s.w.t. berfirman dalam Surah Al-Imran:

فِي النَّهَرِ مِلِكُ الْمُلُوكِ تُوقِي الْمُلَائِكَ  
مَنْ تَشَاءُ وَتَنْهِي أَنْهَلَكَ مَنْ تَشَاءُ وَتُعِزِّزُ مَنْ تَشَاءُ وَتُشَذِّبُ  
مَنْ تَشَاءُ تُمْكِنُهُ الْخَيْرَ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ وَقَدِيرٌ

Maksudnya:

Katakanlah (Wahai Muhammad s.a.w.) "Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkulah yang memberikan kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki; dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan dari sesiapa yang Engkau kehendaki. Engku muliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkau menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Di dalam tangan kekuasaan Engkau saja kebaikan, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa di atas segala-galanya".

Mandat yang diberikan rakyat Terengganu kepada kami Barisan Alternatif (BA) sebanyak 87.5% dalam pilihan raya yang selesai pada 21 Syaaban Tahun 1420 Hijrah bersamaan 29 November 1999 Masihi akan membawa Negeri Terengganu bersama rakyatnya melangkah ke alaf baru dengan penuh yakin untuk memikul amanah Allah kepada pembaharuan (*tajdid* atau *reformasi*) dasar pemerintahan yang akan mendaulatkan sebuah kerajaan yang berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

Allah s.w.t. berfirman dalam Surah Al-Maidah - Ayat 48:

فَاحْكُمْ بِمِنْهُمْ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَسْيِعْ أَهْوَاءَهُمْ

Maksudnya:

"..... maka jalankanlah hukum di antara mereka (yakni Ahli Kitab) itu dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (yakni kepada kamu) dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka".

Kerajaan baru Barisan Alternatif adalah komited kepada ketulusan dan akan meletakkan neraca pemerintahannya di atas keadilan yang luhur yang tidak akan meletakkan perbezaan kerana agama, etnik dan fahaman politik. Walaupun matlamat Barisan Alternatif Negeri Terengganu untuk menjadikan Islam sebagai Ad-din dan mengembalikan kedaulatan "Darul Iman" janya tidak akan mengeneplikan atau memperkecilkan konsep kebebasan beragama, kebebasan berorganisasi, hak kesamarataan di sisi undang-undang dan demokrasi berparlimen.

21 Disember 1999

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

Pembahagian portfolio kepada EXCO Kerajaan telah siap. Antara kesungguhan dalam mengerakkan tenaga dan merealisasikan objektif manifesto dalam pilihan raya, Kerajaan Alternatif telah, antara lain membentuk dan memperkenalkan portfolio berikut:

- (a) Pelaksanaan Syariah
- (b) Hal Ehwal Wanita
- (c) Hal Ehwal Bukan Islam, dan
- (d) Hisbah

Dan konsep "Syura Rakyat" akan diperkenal - amalkan dalam mencari kemauafakan dalam semua keputusan dasar bagi melahirkan tanggungjawab dan amanah bersama.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

Allah s.w.t. telah berfirman di dalam Surah Al-Baqarah: Ayat 21 hingga 22:

يَأَيُّهَا أَنَاسُ اعْبُدُ وَارِبُّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ  
وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعُلِّكُمْ تَشْفَعُونَ ﴿٢١﴾ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ  
الْأَرْضَ فِرَشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَا شَاءَ فَأَخْرَجَ  
إِيمَانَكُمْ رِزْقًا لَكُمْ فَلَا يَجْعَلُ اللَّهُ أَنَّدَادًا وَأَنْتُمْ  
تَعْلَمُونَ

Yang bermaksud:

"Wahai sekalian manusia beribadatlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertakwa. Dialah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebaagai hamparan, dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang dibina dengan kukuhnya, dan diturunkan-Nya air hujan dari langit, lalu dikeluarkan-Nya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu, maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah, sebarang sekutu, padahal kamu semua mengetahui (yakni bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa)".

Melalui ayat ini umat manusia umumnya diseru supaya beribadat kepada Allah dan tidak mempersekuatkan-Nya dengan sesuatu pun kerana Allah jualah yang menciptakan sekalian alam dan demikianlah dasar tauhid yang menjadi roh dan asas agama Islam. Nikmat yang dikurniakan oleh Allah s.w.t. kepada kita tidak terbilang banyaknya dengan menjadikan alam ini untuk kesenangan hidup manusia supaya mereka sentiasa bersyukur di atas nikmat-Nya.

21 Disember 1999

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

### Prospek Bagi Tahun 2000

Berdasarkan kepada perkembangan yang lebih positif, aktiviti-aktiviti ekonomi di Negeri Terengganu dijangka akan turut mengalami pertumbuhan yang lebih baik pada tahun semasa. Ekonomi negeri dijangka akan mencatat pertumbuhan sebanyak 4.0 peratus pada tahun 1999. Perkembangan ini merupakan peningkatan yang ketara berbanding dengan tahun 1998 dimana pertumbuhannya pada kadar 1.1 peratus sahaja. Pertumbuhan di semua sektor ekonomi negeri dijangka positif dengan sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan sebanyak 7.2 peratus, sektor perlombongan 2.1 peratus, sektor pertanian 1.9 peratus. Sektor perlombongan dijangka akan terus menyumbang melebihi 50 peratus kepada KDNK negeri. Pencapaian harga petroleum yang lebih stabil akan mengukuhkan lagi pertumbuhan sektor perlombongan di samping pembangunan pesat industri yang berasaskan petroleum yang menjadi pemancu kepada kemantapan pertumbuhan ekonomi negeri.

Mengambil iktibar daripada pengalaman serta pengajaran yang dilalui ketika kemuncak krisis ekonomi, Kerajaan telah merangka dasar-dasar pemulihan ke arah memantapkan lagi pertumbuhan ekonomi negeri. Prospek ekonomi Negeri Terengganu pada tahun 2000 adalah dianggarkan mengalami pertumbuhan sebanyak 5.3 peratus. Keyakinan kepada prospek yang lebih cemerlang adalah di atas keyakinan bahawa Negeri Terengganu akan terus menjadi tarikan kepada pelaburan yang berasaskan kepada industri petroleum dan gas di samping potensi yang dinamik di sektor perkhidmatan dan pertanian secara komersil.

Kadar pertumbuhan ekonomi negeri banyak dipengaruhi oleh pertumbuhan dalam sektor perlombongan dan kuari yang menjadi pemangkin kepada kestabilan KDNK negeri. Sektor ini dijangka akan terus mengalami pertumbuhan sebanyak 2.9 peratus. Sektor perkhidmatan akan menjadi sektor kedua terpenting dengan pertumbuhan sebanyak 7.6 peratus. Manakala sektor pertanian pula dianggarkan akan bertumbuh sebanyak 2.8 peratus dengan prospek rancangan berterusan daripada pengeluaran komoditi-komoditi utama negeri. Sub-sektor perikanan dijangka akan mengalami peningkatan yang lebih tinggi lanjutan kepada perkembangan pesat di bidang akuakultur. Bagi sektor perkilangan dan pembinaan pula ianya akan kekal sebagai sektor kedua terpenting dengan unjuran pertumbuhan sebanyak 3.9 peratus. Sektor ini akan terus dirangsang oleh pembangunan industri petrokimia dan sektor industri Kecil dan Sederhana yang telah berjaya meningkatkan aktiviti nilai ditambah sektor berkenaan. Pelaksanaan projek-projek awam dan swasta khususnya pembinaan kilang-kilang petroleum telah menyumbang kepada pembinaan pertumbuhan yang lebih positif iaitu pada kadar 6.6 peratus pada tahun 2000. Keadaan ini juga turut dibantu oleh penerusan projek-projek pembangunan infrastruktur.

Arah aliran pertumbuhan ekonomi negeri semakin menjurus kepada perkembangan yang dinamik dan progresif bagi menempuh cabaran di alar baru. Kerajaan Negeri akan mengandakan lagi usaha-usaha untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dengan terus memberi penekanan kepada pembangunan industri kecil dan sederhana dan meningkatkan sektor pembuatan. Oleh yang demikian penstrukturran guna tenaga mengikuti kepentingan ekonomi sektoral amatlah penting dalam menjayakan agenda pembangunan Negeri Terengganu. Kerajaan akan terus melaksanakan strategi untuk menarik pelaburan langsung asing dan tempatan sebagai penjana

21 Disember 1999

utama kepada pertumbuhan ekonomi negeri. Sektor pertanian telah dikenal pasti sebagai sektor yang perlu diberi penekanan yang sepatutnya kerana ia dapat menjana pengeluaran bahan makanan dan sekali gus mengurangkan import negeri. Hasil-hasil pertanian yang tertentu jelas menunjukkan peningkatan permintaan yang ketara terutama bagi komoditi terpilih seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan ternakan. Usaha menghidupkan semula tanah-tanah terbiar dan pembukaan tanah baru bagi menambah kawasan tanaman akan diberi perhatian yang lebih. Agenda bagi meminimumkan kos pengeluaran, mengatasi isu pemasaran, meningkatkan "research and development" di samping menggalakkan usaha pertanian secara komersil akan diperluaskan.

Pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan dianggarkan akan terus berkembang dengan unjuran sebanyak 7.6 peratus dan sub-sektor perkhidmatan. Kerajaan akan menjadi penyumbang penting kepada KDNK negeri. Industri pelancongan negeri akan terus mendapat faedah sampingan berikutan penumpuan kepada kemajuan di seluruh negara dan ianya akan menjadi lebih penting pada tahun-tahun akan datang. Kadar pengangguran negeri dijangka menurun kepada 4.1 peratus pada tahun 2000 dimana prospek penawaran kerja akan mengalami pertambahan dan dapat menampung keperluan guna tenaga yang mencukupi. Prospek bidang pekerjaan masih tertumpu kepada sektor perkhidmatan, sektor perlindungan dan sektor pembinaan. Kerajaan Negeri akan terus memastikan pelaksanaan program-program pembangunan yang dapat meningkatkan mutu dan taraf hidup rakyat keseluruhannya termasuk mempertingkatkan usaha-usaha dalam menangani gejala kemiskinan dan penyakit sosial.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

#### **Belanjawan Negeri**

Keadaan ekonomi negeri yang dijangka kukuh serta disokong dengan prestasi pengutipan hasil yang lebih cekap dijangka akan menyumbang kepada prospek pertambahan hasil yang lebih baik bagi tahun 2000.

Jumlah anggaan hasil bagi tahun 2000 adalah sebanyak RM692.182 juta, iaitu meningkat sebanyak 1.09 peratus berbanding dengan hasil tahun semasa yang berjumlah RM684.710 juta. Sebagaimana tahun-tahun terdahulu, hasil dari sektor perlombongan khususnya terimaan dari royalti petroleum dan gas sebanyak RM530 juta terus menjadi penyumbang utama kepada hasil negeri. Ianya adalah sebanyak 76.56 peratus dari jumlah hasil negeri.

Pada keseluruhannya, hasil-hasil lain dijangka akan mengalami pertambahan dimana terimaan daripada Hasil Bukan Cukai dianggarkan akan meningkat kepada RM77.402 juta iaitu kenaikan sebanyak 3.86 peratus, manakala perolehan dari Terimaan Bukan Hasil pula adalah sebanyak RM37.632 juta, meningkat 8.3 peratus. Hasil-hasil lain yang dijangka turut meningkat ialah keuntungan dan perolehan pelaburan serta terimaan daripada lain-lain agensi.

Sesungguhnya dalam merangka cabang-cabang perolehan hasil negeri, Kerajaan Barisan Alternatif yang akan mendaulatkan syariat Allah akan mengenepikan hasil daripada sumber yang diharamkan oleh Islam. Justeru itu, dalam penyediaan Belanjawan Negeri kali ini, Kerajaan telah memutuskan bahawa semua hasil-hasil yang diperolehi daripada sumber-sumber seperti

21 Disember 1999

lesen-lesen hiburan yang berunsur maksiat, arak, judi dan sebagainya yang diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu tidak akan dipungut lagi dan akan dihapuskan. Dasar mengenai perkara tersebut akan dikuatkuasakan setelah selesai kajianya.

Semua tindakan awal yang telah diambil ini adalah bertepatan dengan manifesto Barisan Alternatif, dimana ianya adalah hasil dari "syura rakyat" yang telah mewakili segenap lapisan masyarakat sama ada daripada golongan petani, buruh, nelayan, peniaga, kakitangan kerajaan dan swasta hingga kepada ahli-ahli akademik dan profesional. Sehubungan dengan itu bagi menceernakan pimpinan yang ikhlas serta berpegang kuat dengan prinsip Islam, Kerajaan Barisan Alternatif telah menunaikan sebahagian daripada janji kepada rakyat dengan menghapuskan bayaran tol di Jambatan Sultan Mahmud, cukai bakul kepada penaiga kecil dan di samping itu Kerajaan Barisan Alternatif juga telah bersetuju dan memutuskan supaya bayaran lesen perahu, permit pindah dan lesen haiwan akan dikaji untuk dikecualikan.

Keputusan juga telah dibuat supaya pelaksanaan sistem pajak gadai berlaudaskan 'Muasalah Ahrah' diperluaskan ke seluruh negeri bagi memberi perkhidmatan dan kemudahan kepada rakyat. Semua bentuk pengurusan akaun kewangan Kerajaan Negeri akan diuruskan mengikut sistem perbankan Islam mulai 1 Januari 2000. Mulai tarikh tersebut juga, Kerajaan telah bersetuju bahawa semua urusan pinjaman kenderaan dan komputer kepada kakitangan Kerajaan Negeri akan diuruskan mengikut sistem Islam iaitu 'Al-qardhul-hasan' dimana faedah dan keuntungan akan dikecualikan sama ada ke atas pinjaman semasa ataupun pinjaman baru bagi mengelakkan amalan riba yang sangat ditegah oleh Islam. Ingatlah firman Allah s.w.t. dalam Surah Al-Baqarah: Ayat 276:

يَسْعِي اللَّهُ أَنْ يَرِيَ وَيُرِيَ الصَّدَقَاتِ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كُفَّارٍ إِلَّا يَمْسِي  
Yang bermaksud:



"Allah susutkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil) riba, Dia kembangkan (memberkati harta yang dikeluarkan) sedekah-sedekah dan zakatnya. Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang kekal terus dalam kekufuran, serta selalu melakukan dosa".

Kerajaan Barisan Alternatif akan menepati janjinya akan membuka semula permohonan tanah untuk dimajukan bagi menjana ekonomi negeri dan memastikan setiap keluarga akan memiliki tapak rumah kediaman. Pemastautin tanpa hak (tanah haram) akan diselesaikan dalam sesingkat masa yang boleh dan penyusunan semula kependudukan akan diberi perhatian yang serius. Tindakan berkenaan akan diambil bagi kesejahteraan rakyat bawahan.

Keprihatinan Kerajaan Barisan Alternatif dalam memberi keselesaan hidup kepada rakyat tanpa mengira golongan akan menjadi agenda penting bagi Kerajaan Negeri dalam usaha memberi peluang yang sama rata kepada seluruh rakyat untuk menikmati segala faedah pembangunan termasuk juga nikmat daripada segala hasil mahsul yang dikurniakan oleh Allah di bumi Negeri Terengganu ini. Amalan-amalan negatif yang dilakukan oleh Barisan Nasional seperti kronisme, nepotisme, diskriminasi, konspirasi, korupsi, ketidaktelusan dan pembaziran akan dihapuskan. Kerajaan Barisan Nasional yang lalu masih menanggung hutang sejumlah RM731,334,342.85. Tabiat suka berhutang ini adalah perlu diperbetulkan segera. Untuk itu Lembaga Hisbah telah

21 Disember 1999

diperkenalkan. Konsep tanggungjawab bersama dan amanah bersama telah diperkenalkan Kerajaan Barisan Alternatif. Kerajaan berazam akan menghargai segala sokongan padu yang diberikan oleh rakyat dengan mencurahkan segala usaha dan tenaga di kalangan semua kepimpinan parti yang ada dengan semangat yang cekal dan utuh dalam mengemudikan jentera pentadbiran negeri dengan penuh kebijaksanaan, pemuaafakatan dan bimbingan, dan petunjuk dari Allah s.w.t.

Menginsafi betapa banyaknya rahmat dan nikmat Allah yang kita perolehi selama ini dan di atas hasrat untuk melaksanakan amanah dan tanggungjawab kepada rakyat yang telah memberi mandat kepada Kerajaan Barisan Alternatif untuk mentadbir negeri ini, maka Belanjawan Negeri telah dirangka berdasarkan strategi berikut:

1. Menyusun semula dasar ekonomi dan kewangan negeri supaya menepati kehendak Islam dan menjadikan hasil royalti petroleum sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negeri di semua sektor.
2. Memberi tumpuan kepada sektor sosial dan sumber manusia bagi melahirkan insan yang bertakwa, berkemahiran, berhemah, bertanggungjawab serta berdikari.
3. Menggalakkan pelaburan yang berintensifkan modal serta dinamik yang dapat mengembangkan industri hiliran dan industri kecil dan sederhana bagi mewujudkan peluang pekerjaan dan mengurangkan pengangguran.
4. Meningkatkan pembangunan sektor pertanian dengan memajukan teknologi dan penggunaan tanah serta pendekatan secara komersil dengan matlamat memaksimumkan pengeluaran dan meningkatkan pendapatan.
5. Mengamalkan dasar perbelanjaan berhemat dan telus serta mengelakkan pembaziran dengan menjurus kepada dasar belanjawan berimbang bagi semua sektor.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

#### **Perbelanjaan Mengurus**

Bagi menuaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh rakyat dalam urusan pentadbiran negeri dan di atas pegangan terhadap prinsip Islam yang syumul dalam menguruskan wang dan harta rakyat, maka saya mencadangkan jumlah perbelanjaan mengurus bagi tahun 2000 diperuntukkan sebanyak RM683.707 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM80.604 juta disediakan untuk Perbelanjaan Tanggungan yang merangkumi perbelanjaan yang telah diperuntukkan oleh Undang-Undang dan juga peruntukan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan. Bagi Perbelanjaan Bekalan pula, saya mencadangkan jumlah peruntukan sebanyak RM603.103 juta disediakan. Pada keseluruhannya, jumlah perbelanjaan yang dicadangkan telah meningkat sebanyak 0.48 peratus berbanding tahun semasa.

21 Disember 1999

Dalam penyediaan belanjawan ini, dasar-dasar perbelanjaan berhemat telah diberi keutamaan serta mengamalkan akauntabiliti dalam pentadbiran dan perbelanjaan wang negeri dengan memilih keutamaan dalam pelaksanaan projek pembangunan. Kerajaan juga akan memperkenalkan dasar kewangan Islam yang akan menyelamatkan rakyat daripada kutukan dan penindasan riba serta pemerasan. Institusi Baitulmal akan diperluaskan dan diperkemaskan, begitu juga dengan sistem pentadbiran zakat yang akan menjurus kepada kaedah pungutan dan pengagihan yang lebih adil. Dalam merealisasikan pengurusan belanjawan yang berhemat serta perbelanjaan yang berkesan dengan pulangan yang optimum, maka Belanjawan Negeri pada tahun hadapan telah disediakan dengan lebihan (surplus) sebanyak RM8.475 juta atau 1.22 peratus berbanding dengan jumlah pungutan hasil. Adalah diharapkan agar semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri dapat mengelakkan perbelanjaan yang boros serta perbelanjaan-perbelanjaan yang kurang perlu. Pendekatan yang lebih teliti dan berkesan perlu diambil dalam mengurus perbelanjaan bagi mengelakkan tambahan peruntukan yang tidak perlu dibuat sekiranya masing-masing mengutamakan amalan perbelanjaan berhemat.

Sebagaimana biasa perbelanjaan untuk Perkhidmatan dan Bekalan disediakan bagi membiayai keperluan bekalan, penyelenggaraan, utiliti serta berbagai perkhidmatan di semua jabatan dan agensi negeri. Peruntukan bagi maksud berkenaan adalah perlu bagi menjamin mutu perkhidmatan serta kecekapan sesebuah Jabatan sentiasa berada di tahap yang cemerlang. Untuk mencapai hasrat tersebut, saya mencadangkan peruntukan berjumlah RM65.305 juta disediakan. Jumlah ini adalah berkurangan sebanyak 9.9 peratus berbanding peruntukan tahun semasa.

Perbelanjaan perolehan harta modal adalah untuk menyediakan kemudahan peralatan dan kenderaan termasuklah pembelian kenderaan dan jentera, saya mencadangkan peruntukan sebanyak RM14.718 juta disediakan. Penyediaan peruntukan telah bertambah sebanyak 32.1 peratus berbanding tahun semasa kerana pembelian baru dan penggantian dalam memperkinikan keperluan pengurusan dan perkhidmatan sesuai dengan kemajuan teknologi.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

Sebahagian besar perbelanjaan mengurus pada tahun hadapan adalah untuk maksud Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap yang dicadangkan peruntukannya sebanyak RM470497 juta. Ianya meningkat sebanyak 1.12 peratus daripada peruntukan tahun semasa. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM150.0 juta adalah merupakan caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri, bagi membiayai perbelanjaan pembangunan yang akan dilaksanakan pada tahun 2000. Bagi melaksanakan pembangunan bekalan air negeri, sebanyak RM13.3 juta dicadangkan kepada Kumpulan Wang Bekalan Air, manakala caruman kepada Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri diperuntukkan sebanyak RM79.5 juta.

Kerajaan Negeri akan memberi perhatian khusus kepada pembangunan kawasan bandar bagi mewujudkan suasana perbandaran yang teratur, bersih dan indah, disediakan dengan kemudahan infrastruktur yang sempurna serta selenggaraan yang baik bagi memberi keselesaan kepada penduduk. Sehubungan dengan itu, jentera pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah meningkatkan kecekapan dan prestasi serta menghapuskan kerenah birokrasi dalam setiap urusan yang boleh menimbulkan masalah kepada rakyat dan seterusnya akan mengugat proses

21 Disember 1999

pertumbuhan dan pembangunan sesuatu kawasan. Bagi meningkat dan mendorong keberkesanan pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan, sejumlah RM15.0 juta disediakan sebagai bantuan untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan bayaran Caruman Bantu Kadar.

Badan-badan Berkanun Negeri adalah berperanan sebagai sebahagian daripada gandingan jentera pembangunan yang sama-sama memberi sumbangan yang bermakna dalam pelbagai bidang termasuklah kemudahan asas, perumahan, pendidikan, keagamaan dan perkhidmatan. Dalam menentukan peranan yang lebih berkesan kepada penjanaan pembangunan negeri, Kerajaan akan mengkaji dan menilai semula keupayaan serta daya maju Badan-badan Berkanun Negeri meliputi aspek kecekapan pengurusan, ketelusan dan prestasi. Pendekatan aktiviti badan-badan berkenaan akan diberi lebih tumpuan agar mempunyai keupayaan dan daya saing keusahawanan di peringkat yang lebih tinggi serta lebih profesional dan bukannya menjadi persaingan di kalangan usahawan tempatan. Tindakan ini juga akan meliputi penilaian dan penyusunan semula syarikat-syarikat anak dan usahasama, malah jika perlu Kerajaan akan mengkaji semula kedudukan syarikat-syarikat yang bermasalah untuk mengelakkan daripada terus mengalami kerugian dan sekali gus dapat menyelamatkan wang rakyat. Usaha akan dijalankan dengan bersungguh-sungguh supaya Pihak Berkuasa Tempatan akan mempunyai sumber kewangan tersendiri.

Kerajaan juga menyedari bahawa berlakunya pentindihan fungsi dan peranan di antara Badan-badan Berkanun negeri yang selama ini telah menimbulkan masalah dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Akibat daripada keadaan tersebut, telah wujud pendekatan yang tidak selaras di antara satu sama lain sehingga membebangkan perbelanjaan Kerajaan Negeri. Dalam usaha untuk mengatasi keadaan tersebut, Kerajaan Negeri akan membuat penilaian semula dan penyusunan semula akan dibuat dengan seberapa segara. Namun demikian, untuk tidak menjelaskan peranan dan tanggungjawab Badan-badan Berkanun Negeri serta di atas hasrat meringankan beban perbelanjaan mengurus, saya mencadangkan peruntukan caruman disediakan sebanyak RM76.0 juta.

Di bidang kemasyarakatan pula, adalah menjadi matlamat utama Kerajaan Negeri untuk membina masyarakat yang berwawasan, bercita-cita luhur, bermuafakat, adil, bertanggungjawab dan saling hormat menghormati di antara insan tanpa mengira etnik, budaya dan bangsa. Dalam mencapai matlamat tersebut, program-program pembangunan insan akan dirancang dan dilaksanakan secara lebih teratur dan berjadual supaya masyarakat berpegang kepada konsep amar ma'aruf nahi mungkar.

Melalui program pembangunan insan yang akan dilaksanakan, ianya diharap akan menjadi satu pendekatan ke arah membanteras penyakit sosial serta keruntuhan akhlak dan moral terutama gejala-gejala buruk yang sedang melanda kalangan belia-belia kita pada hari ini. Golongan belia akan dibimbing dan dipulihkan terutama mereka yang ketinggalan pendidikan dengan meluaskan skop dan skim jaya diri melalui pendidikan lanjutan, latihan kemahiran dan pendedahan kepada peluang-peluang yang lebih membina. Bagi mencapai hasrat murni ini, saya mencadangkan peruntukan khusus sebanyak RM2.0 juta disediakan di samping sejumlah RM6.08 juta lagi diperuntukkan di bawah Program Latihan Kemahiran yang akan dikendalikan oleh jabatan dan agensi-agensi berkaitan.

21 Disember 1999

Dalam usaha untuk meningkatkan taraf hidup rakyat, adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk menangani masalah kemiskinan yang selama ini telah menimbulkan ketidakadilan sosial dalam agenda pembangunan masyarakat. Adalah mendukacitakan kita semua kerana pada masa ini masih terdapat lebih daripada 4,600 keluarga termiskin di negeri ini, sedangkan kita memperolehi pendapatan yang besar daripada hasil royalti petroleum dan gas. Sehubungan dengan itu, dalam usaha membela golongan yang kurang bernasib baik ini, Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya bantuan kebajikan kepada mereka yang terlibat akan dinaikkan supaya dapat menjurus kepada peningkatan jaya diri dan peluang berdikari. Bagi mencapai matlamat tersebut, peruntukan sebanyak RM16.6 juta disediakan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

Di antara agenda utama Kerajaan Negeri adalah untuk meningkatkan kecemerlangan tahap pendidikan negeri bukan sahaja dari segi kuantiti malah mencapai kualiti yang membanggakan. Pendidikan akan dijadikan hak bagi setiap rakyat dengan memastikan tidak berlakunya penyisihan akibat daripada kemiskinan.

Peluang pendidikan secara formal dan tidak formal akan diperluaskan dengan mengadakan pusat-pusat pendidikan tambahan atau lanjutan yang bersesuaian. Di samping itu, peranan institusi pendidikan yang sedia ada akan terus dipertingkatkan dan diselaraskan ke arah mencapai tahap kecemerlangan yang lebih menyeluruh. Menyedari bahawa di antara punca kemunduran di bidang pendidikan ialah kemiskinan, maka langkah-langkah akan diambil untuk meningkatkan bantuan persekolahan seperti pinjaman buku dan lain-lain kemudahan persekolahan. Kerajaan berhasrat menubuhkan dana khas pendidikan. Dalam menggerakkan usaha-usaha ini, agensi-agensi seperti Yayasan Terengganu, Yayasan Islam, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Hal Ehwal Agama akan terus diberi tanggungjawab dalam urusan pembiayaan kepada mereka yang berkenaan. Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan yang berjumlah RM20.5 juta yang akan disalurkan melalui agensi-agensi tersebut.

Bagi mengimbangi bidang pendidikan di antara dunia ni dan ukhrawi dengan tujuan untuk melahirkan insan yang berkualiti berserta dengan hati nurani yang luhur, Kerajaan akan menggalak dan memajukan pertumbuhan sekolah-sekolah agama rakyat yang akan diuruskan dengan lebih sempurna di bawah bimbingan, penyeliaan dan bantuan kewangan oleh Kerajaan Negeri. Pendidikan peringkat pra-sekolah yang berteraskan pendidikan Islam akan diperluaskan lagi bagi menanam asas-asas keimanan dan ketakwaan ke arah pembentukan generasi yang lebih berdisiplin. Sebagai permulaannya, peruntukan khas sebanyak RM2.0 juta disediakan pada tahun hadapan.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

### **Perbelanjaan Pembangunan**

Dalam melaksanakan projek-projek pembangunan negeri, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan baru supaya kawalan perbelanjaan dikenakan. Belanja secara berhemah akan dijadikan amalan. Unsur-unsur pembaziran, boros, projek mewah dan ketidaktelusan akan

dihindarkan. Namun demikian, kawalan bukanlah bermakna kemajuan dan pembangunan tidak diutamakan.

Kita pernah menyaksikan banyak rancangan dan projek pembangunan yang bertujuan baik sekalipun telah menghadapi halangan besar kerana berpunca daripada penyelewengan moral dan akhlak dalam bentuk pengurusan yang buruk, mengikut hawa nafsu, kepentingan diri, penyalahgunaan kuasa, riba serta penyelewengan ekonomi. Sepatutnya pelaksanaan projek-projek pembangunan hendaklah dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab, keimanan dan berpandangan jauh supaya ianya benar-benar mendatangkan nikmat kepada rakyat. Bagi melaksanakan pendekatan ini, kerajaan akan memperkenalkan konsep "syura rakyat" dalam pelaksanaan dasar-dasar kerajaan termasuk menilai dan menentukan keperluan dan keutamaan pelaksanaan sesuatu projek. Maklum balas serta pandangan rakyat daripada semua peringkat akan diambil kira dalam merangka sesuatu dasar ataupun pelaksanaan projek.

Di samping itu juga, Kerajaan Negeri bercadang untuk meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negeri dengan membentuk sebuah badan penyelidikan dan pembangunan berteknologi tinggi dalam menjana pertumbuhan dan pengembangan ekonomi berdasarkan sumber semula jadi seperti petroleum dan gas, perkayuan, marin dan air, keindahan alam, tenaga dan hasil bumi. Hasil daripada penyelidikan tersebut, akan dapat dijadikan rujukan untuk mempelbagaikan industri berdasarkan bahan-bahan tempatan yang sudah tentu dapat menyediakan peluang-peluang pekerjaan serta pertambahan sumber hasil negeri.

Bagi melaksanakan projek-projek pembangunan seperti yang telah disenaraikan di bawah maksud perbelanjaan pembangunan tahun 2000, saya mencadangkan peruntukan langsung negeri sebanyak RM163.471 juta disediakan untuk membiayai pelaksanaan 527 projek. Pembahagian peruntukan bagi projek-projek pembangunan masih diberi keutamaan kepada projek-projek sambungan yang sedang dalam pelaksanaan, manakala projek-projek yang melibatkan peruntukan yang besar seperti Pembinaan Kompleks Sukan Negeri dan Masjid Negeri akan dinilai dan dikaji semula supaya pelaksanaannya tidak akan membantut usaha pembangunan yang lebih diperlukan kesegeraannya.

Pada keseluruhannya, peruntukan pembangunan yang disediakan adalah meliputi sektor ekonomi sebanyak RM59.063 juta, sektor sosial sebanyak RM80.516 juta dan sektor pentadbiran dan perkhidmatan am berjumlah RM10.548 juta. Selain daripada itu, sejumlah RM13.343 juta disediakan bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan bekalan air. Telah menjadi kebiasaan, perbelanjaan di sektor sosial menunjukkan jumlah yang terbanyak kerana ianya merangkumi pembangunan bidang-bidang kemudahan asas, pendidikan, keagamaan, perumahan, latihan sumber manusia, kebajikan, perniagaan, kebudayaan dan sukan. Adalah diharapkan agar semua jabatan, agensi serta badan-badan berkaitan dapat mengambil tindakan yang lebih efisien dengan menggunakan mekanisma yang betul bagi menentukan prestasi dan pencapaian pelaksanaan projek-projek pembangunan akan dapat mencapai tahap yang membanggakan.

Program sosio-ekonomi dan infrastruktur bagi menyediakan kemudahan asas akan terus diberi tumpuan. Untuk tujuan tersebut, peruntukan sebanyak RM41.06 juta disediakan untuk membiayai pelaksanaan projek-projek jalan, jambatan dan bangunan awam termasuklah projek-projek sambungan. Seperti yang telah dijelaskan, Kerajaan Negeri akan mengutamakan

21 Disember 1999

pembangunan insan dan kerohanian bagi melahirkan masyarakat yang mengamalkan sosio-budaya yang bertunjangkan Islam. Pengembangan pembangunan kerohanian selaras dengan pembangunan fizikal akan menjadi teras dalam dasar pembangunan seimbang. Sehubungan dengan itu, sejumlah RM13.42 juta diperuntukkan bagi pembinaan masjid dan surau di seluruh negeri. Sementara itu, bagi pembangunan kemudahan pendidikan pra-sekolah, pendidikan rendah, menengah dan tinggi, peruntukan sebanyak RM8.46 juta akan disediakan.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

Sektor pertanian dan perikanan adalah merupakan sektor yang akan terus diberi penekanan kerana tumpuan guna tenaga di bidang ini masih tinggi iaitu di tahap 18.0 peratus daripada jumlah guna tenaga sepenuhnya. Oleh itu, Dasar Pertanian Negeri akan menjurus ke arah meningkatkan pendapatan dan taraf hidup golongan petani dan nelayan. Sistem pertanian bersepada akan diperluaskan supaya dapat meningkatkan industri hiliran yang berkaitan dengan produk pertanian dan perikanan. Selain dari itu, tumpuan akan diberikan kepada usaha pemuliharaan sumber perikanan seperti memperbanyakkan tukun dan unjam serta mengalakkkan nelayan menggunakan peralatan moden dan sterusnya menyusun sistem pemasaran yang adil dan berkesan. Bagi tujuan tersebut, saya mencadangkan perbelanjaan bagi pembangunan sektor pertanian dan perikanan sebanyak RM12.64 juta yang meliputi pembangunan prasarana, komoditi, perikanan, ternakan integrasi dan program ekonomi.

Usaha-usaha bagi meningkatkan produk pertanian akan ditingkatkan melalui konsep pertanian moden dan bercorak komersil dengan keutamaan kepada tanaman strategik seperti padi, sayur-sayuran dan tanaman ekonomi tertentu seperti buah-bauahan supaya ianya dapat berkembang dengan pesat. Bagi tanaman padi, pembukaan tanah baru dan menghidupkan semula tanah terbiar akan dilakukan dalam usaha peningkatan pengeluaran supaya mencapai tahap sara diri dalam bekalan beras negeri kepada 80 peratus menjelang alaf baru. Di samping itu, sektor perikanan juga dijangka akan berkembang dengan pesat, dengan menjadikannya industri yang moden, cekap dan bertaraf komersil. Selain daripada sumber perikanan laut, bidang akuakultur akan ditingkatkan supaya dapat memenuhi permintaan tempatan dan eksport. Beberapa kawasan yang berpotensi telah dikenal pasti untuk dibangunkan dengan projek akuakultur secara komersil dan usaha-usaha sedang ditingkatkan bagi menarik penyertaan pelaburan pihak swasta.

Rancangan untuk menyusun semula kawasan pemukiman sama ada di bandar dan di luar bandar juga akan diberi keutamaan. Justeru itu, saya mencadangkan peruntukan RM6.1 juta disediakan di bawah program tersebut. Kerajaan Negeri telah mengenal pasti kawasan-kawasan yang terlibat dan akan menyediakan susunatur penempatan yang sempurna bagi menjurus kepada pembangunan ekonomi serta kualiti hidup yang lebih menuaskan. Bagi menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur di kawasan berkenaan, dicadangkan juga peruntukan sebanyak RM5.7 juta menerusi rancangan pembangunan bandar dan luar bandar dan sebanyak RM4.5 juta lagi bagi pelaksanaan projek perumahan awam. Pelaksanaan program ini adalah selaras dengan falsafah pembangunan yang berdasarkan kepada pertumbuhan dan keadilan pengagihan serta menjamin kesejahteraan sosial.

Sektor pelancongan adalah merupakan komponen utama dalam sektor perindustrian dan perkhidmatan. Pembangunan sektor pelancongan akan dilaksanakan dengan mengekalkan

21 Disember 1999

keindahan semulajadi tanpa merosakkan identiti tempatan dengan tumpuan terhadap usaha-usaha menggalakkan pelancongan di bidang 'eco-tourism', 'agro-tourism' dan 'sport-tourism'. Bagi memajukan lagi sektor ini, Kerajaan akan merangka pelan induk pelancongan negeri, memperlengkapkan infrastruktur pelancongan dan menggiatkan usaha-usaha untuk memajukan kawasan-kawasan pelancongan di tasik-tasik, pantai, pulau-pulau dan sungai-sungai. Semua perancangan tersebut akan dilaksanakan dengan penyeliaan peruntukan sejumlah RM7.72 juta dan ianya akan disesuaikan dengan matlamat memajukan industri pelancongan untuk kebaikan hidup di dunia dan kesejahteraan akhirat.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

Program pembangunan yang dirancang dalam pelbagai sektor ini bukan sahaja bertujuan untuk mencapai pertumbuhan pesat di bidang ekonomi, tetapi penekanan juga telah diberikan kepada aspek kesejahteraan sosial dan kerohanian. Dalam urusan pelaksanaannya kita perlu kepada keyakinan diri yang disertai dengan kepimpinan yang ikhlas lagi beramanah serta berpegang kuat kepada prinsip Islam yang syumul. Matlamat utama kita adalah untuk mewujudkan generasi yang menyintai ilmu pengetahuan dalam segenap aspek, bertakwa, beriman, amanah, bertanggungjawab, bvermaruah, berhemah dan berakhhlak tinggi. Kita juga perlu memastikan keseimbangan pembangunan alam sekitar dan sosial tidak diabaikan agar kesan-kesan pertumbuhan pesat tidak akan melemahkan etika dan akhlak masyarakat.

Kerajaan Negeri akan terus menyusun program bagi meningkatkan pembangunan sosial dan institusi keluarga dan kemasyarakatan melalui pelaksanaan program pembangunan insan. Hendaklah disedari bahawa selain dari memiliki kemewahan material, rakyat perlu dipupuk dengan nilai baik dan penekanan kepada etika berasaskan Islam, adat resam, norma dan tradisi bagi membentuk masyarakat penyayang, memperkuuhkan institusi keluarga dan sterusnya melahirkan warganegara yang bertanggungjawab.

Kesejahteraan dan kemakmuran tidak dapat dicapai dengan mudah tetapi sebenarnya telah melalui satu perancangan yang rapi dan penyertaan ikhlas rakyat di semua peringkat. Oleh itu, marilah kita berdoa kehadrat Alah s.w.t. supaya memberi kita kekuatan dan ketabahan dalam menghadapi cabaran dan dugaan untuk meningkatkan kemakmuran di Negeri Terengganu Darul Iman ini. Saya percaya dengan keredaan-Nya kita akan dapat melaksanakan segala perancangan yang telah disusun dengan jayanya.

Kejayaan dasar-dasar kerajaan adalah bergantung rapat kepada kerjasama dan iltizam atau komitmen kakitangan Kerajaan yang merupakan jentera pelaksana yang penting dan berperanan selaku perancang utama agenda pembangunan negeri. Sesuai dengan peranan tersebut, Kerajaan akan menyediakan suasana bekerja yang menyenangkan agar setiap kakitangan dapat melaksanakan tugas dengan lebih berdedikasi dan menyumbangkan lebih banyak idea untuk memberi faedah kepada rakyat serta dapat menjadikannya sebagai suatu ibadah.

Selain dari memberi keselesaan bekerja, Kerajaan Negeri juga tidak mengabaikan kebaikan dan pembentukan keluarga penyayang di kalangan kakitangan kerajaan. Setelah bertungkus lumus menjalankan tanggungjawab masing-masing di hari-hari bekerja, peluang untuk mendidik dan membentuk keluarga bahagia perlu diberikan secukupnya. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah

21 Disember 1999

bersetuju supaya hari bekerja bagi kakitangan Kerajaan Negeri Terengganu ditetapkan selama lima hari seminggu, iaitu dari hari Ahad hingga Khamis, manakala hari Jumaat dan Sabtu adalah cuti umum. Di samping itu, cuti bersalin pula akan diberi sebanyak 90 hari kepada isteri dan 7 hari kepada suami. Kaedah dan cara pelaksanaannya akan dimaklumkan melalui Surat Pekeliling yang akan dikeluarkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Sebagai penghargaan dan mengenang jasa ke atas khidmat bakti kakitangan Kerajaan Negeri, maka Kerajaan juga telah bersetuju dan meluluskan bayaran bonus pada kadar sebulan gaji kepada semua peringkat kakitangan dengan bayaran minimum sebanyak RM1,000.00. Bayaran pertama sebanyak RM400.00 yang merupakan sebahagian dari bayaran bonus tersebut telah pun dibuat pada bulan November lalu dan bakinya akan dibayar dalam dua bayaran iaitu pada bulan Disember ini dan Januari tahun 2000.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

Akhirnya saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua rakyat yang telah membuat perubahan pentadbiran di Negeri Terengganu dalam pilihan raya kesepuluh (10) yang lalu. Kepada pegawai-pegawai Kerajaan di semua peringkat saya ucapkan terima kasih kerana memberi sambutan yang menggembirakan kepada perubahan pucuk pimpinan negeri. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat saya suka mengingatkan kepada peringatan yang dibuat oleh Syaidina Abu Bakar Al-Sidek "bahawa kita yang dipilih rakyat untuk mewakili mereka bukanlah orang yang paling baik di kalangan rakyat tetapi kepercayaan rakyat adalah amanah Allah yang akan kita pikul selama ada keupayaan dan dengan kemampuan kita dan tidak sebaliknya". Mudah-mudahan segala usaha kita akan diberkati dan diberi ganjaran ibadah seta digolongkan kita di kalangan orang-orang yang beriman lagi bertakwa kepada Allah s.w.t. sebagaimana firman-Nya dalam (Surah Al-Maa'ida: Ayat 55):

يَأَيُّهَا الْمُرْسَلُونَ  
إِذْ قُرْآنَ اللَّهِ وَابْتَغُوا إِلَيْهِ الرَّحِيمَةَ وَجَاهُوا فِي سَبِيلِهِ  
لَمَّا كُنْتُمْ تُفْلِحُونَ

Yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan carilah jalan yang boleh menyampaikan kepada-Nya (dengan mematuhi perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan berjuanglah pada jalan Allah (untuk menegakkan Islam) supaya kamu boleh beroleh kejayaan".

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAIHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

21 Disember 1999

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Maka untuk memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat meneliti ucapan belanjawan yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebentar tadi, saya berhasrat dan bercadang untuk menangguhkan persidangan Dewan ini ke esok hari.

Oleh yang demikian, saya tangguhkan persidangan Dewan ini kepada pukul 9.30 pagi esok, Rabu 22 Disember, 1999.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.20 PAGI.



Hari Rabu,  
22 Disember 1999

## **KANDUNGAN**

1. Nama Ahli-ahli [ Muka 47 ]
2. Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:
  - *Soalan Lisan* [ Muka 51 ]
3. Rang Undang-Undang:
  1. *Enakmen Perbekalan (2000) 1999* [ Muka 55 ]  
(Perbahasan)

[ BERSAMBUNG ]



**PERSIDANGAN  
PADA HARI RABU, 22 DISEMBER, 1999**

PERIODICAL

MURRI RAN, 25 DESEMBER, 1996

22 Disember 1999

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL  
9.30 PAGI**

**H A D I R**

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA**

Tuan Haji Husain bin Awang

**YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR**

Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang

**WAKIL RHU RENDANG**

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali

**WAKIL PENGKALAN BERANGAN**

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib

**WAKIL MANIR**

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong

**WAKIL BATU BURUK**

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Chik

**WAKIL BATU RAKIT**

Yang Berhormat Tun Dato' Haji Mohd Salleh bin Abas,

SSM.,PMN.,SPMT.

**WAKIL JERTIH**

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut

**WAKIL WAKAF MEMPELAM**

Yang Berhormat Encik Yahaya bin Ali

**WAKIL ALUR LIMBAT**

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah

**WAKIL TEPUH**

Yang Berhormat Haji Awang bin Jusoh

**WAKIL CUKAI**

Yang Berhormat Encik Wan Hassan bin Mohd Ramli

**WAKIL SURA**

22 Disember 1999

Yang Berhormat Haji Ismail bin Haji Mamat  
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Nik Muhammad Zawawi bin Salleh  
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Abdullah bin Mat Dan  
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh  
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat  
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Haji Azman Shapawi bin Abdul Rani  
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Dr. Haji Sulaiman bin Abdullah  
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Haji Mohamad bin Hitam  
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Encik Saharizukirnain bin Abd. Kadir  
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Ismail bin Harun  
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Hassan bin Mohd Salleh  
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Haji Abdul Aziz bin Haji Abas  
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Haji Mehamad bin Sulong  
WAKIL KIJAI

Yang Berhormat Haji Roslan bin Haji Ismail  
WAKIL BUKIT BESI

22 Disember 1999

Yang Berhormat Encik Rozali bin Muhammad  
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Encik Md. Azmi bin Lop Yusof  
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,  
SPMT.,DSMT.,PJN.,JSM.,PJC.,PPN.,PJK.  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang  
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali,  
DPMT.,AMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Encik Rosol bin Wahid  
WAKIL AJIL

22 Disember 1999

**HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

**YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN**

Dato' Senara Muda (Dato' Haji Mazlan @ Mohd Nanri bin Hashim),  
DPMT., ASM., KMN., PJC., PJK., BLB.

**YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI**

Encik Ab. Karim bin Abd. Rahman

**YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI**

Y.M. Dato' Ku Abd. Azah bin Syed Alwee,  
DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

**SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI**

Encik Osman bin Muda, PJK.

22 Disember 1999

PUKUL 9.30 PAGI

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, mesyuarat disambung semula.

Yang Amat Berhormat Tuan Guru Haji Abdul Hadi Haji Awang, Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pagi ini kita mulakan mesyuarat dengan menghabiskan soalan-soalan yang telah dinotiskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Dan kemudian selepas itu, diikuti dengan perbahasan belanjawan, kemudian segala penggulungan akan diselesaikan pada pagi besok.

Dan mesyuarat pagi ini dimulakan dengan soalan-soalan yang telah diberi notis. Dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, Wakil Kemasik untuk mengemukakan soalan, dipersilakan.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Bismillahi rahmani rahhim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat - soalan yang pertama -

Apakah rasionalnya pihak kerajaan menghapuskan cukai pintu sedangkan sebilangan besar rakyat di kampung-kampung (di luar kawasan pentadbiran Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran) tidak pernah dikenakan cukai pintu selama ini.

**YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Tuan Yang Dipertua bagi pengetahuan semua, soalannya berbunyi - Apakah rasionalnya pihak kerajaan menghapuskan cukai pintu sedangkan sebilangan besar rakyat di kampung-kampung (di luar kawasan pentadbiran Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran) tidak pernah dikenakan cukai pintu selama ini.

Tuan Yang Dipertua, tidak ada sebab kerajaan memungut cukai pintu kepada mereka yang di luar sempadannya. Oleh yang demikian, tidak timbul soal rasionalnya. Pelepasan hanyalah diberi kepada mereka-mereka yang di dalam persempadanan yang berkenaan sahaja.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, cukai pintu yang dipungut pada keseluruhannya RM5.8 juta sahaja sedangkan tunggakan terakru sehingga Disember 1999 ialah RM29.5 juta. Tidak ada usaha oleh kerajaan yang lepas untuk mendapatkan bayaran tunggakan. Dan untuk kita mengatasi kerugian ataupun kehilangan RM5.8 juta memadailah Kerajaan Alternatif pimpinan PAS ini dengan tidak membuat pinjaman lagi kepada Kerajaan Pusat yang sekarang ini tertinggak RM731 juta. Terima kasih.

22 Disember 1999

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Soalan tambahan - Kita faham bahawa rakyat di luar bandar tidak dikenakan cukai pintu. Jadi, apakah keuntungan daripada penghapusan cukai pintu ini kepada rakyat di luar bandar? Maksud saya penghapusan cukai pintu ini, apakah keuntungan kepada rakyat luar bandar?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tak timbul soal keuntungan kalau kita tidak bermiaga dan tidak timbul soal kerugian bila mana mereka tidak pernah pun membayar cukai pintu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sepatutnya cukai pintu yang kita pungut daripada rakyat terutamanya penduduk-penduduk dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah ataupun Majlis Perbandaran digunakan untuk pembangunan rakyat di luar bandar. Sekarang apabila dihapuskan cukai pintu ini bermakna kerajaan terpaksa mendapatkan peruntukan lain untuk membangunkan kemudahan-kemudahan asas dan sebagainya di luar bandar.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Yang Dipertua, itu bukan dasar kita.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya rasa Yang Berhormat Wakil Kemasik berpuas hati dengan jawapan yang telah diberi. Dan saya persilakan Wakil daripada Telemong, Yang Berhormat Mulia Tengku Putera Tengku Awang untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Bismillahi rahmani rahhim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan pertama -

Apakah jaminan kerajaan, yang ia tidak menggunakan langsung kewangan Kerajaan Negeri dan Agensinya kepada arah memperkuatkan parti memerintah.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang dikemukakan oleh Wakil Telemong meminta satu jaminan kerajaan yang ada sekarang ini tidak menggunakan langsung kewangan Kerajaan Negeri dan agensinya untuk memperkuatkan parti yang memerintah.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sepatutnya sebagai seorang yang pernah berada di dalam Exco Kerajaan yang telah lalu tidak mengemukakan soalan yang seperti ini. Kerana beliau tahu wang negeri tidak boleh digunakan untuk mana-mana parti pun sama ada yang memerintah ataupun yang tidak memerintah. Jadi sepatutnya perkara ini tidak dikemukakan tetapi mungkin juga dikemukakan oleh kerana terasa barangkali, rasa bersalah kerana dulu pernah guna barangkali. Oleh sebab itulah, dikemukakan soalan yang seperti ini. Dan saya bagi pihak kerajaan memberi jaminan bahawa kita akan mengikut peraturan-peraturan kewangan yang sedia ada, wang negeri tidak akan digunakan untuk parti yang memerintah. Terima kasih.

22 Disember 1999

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, jawapannya seolah-olah mengesyaki sesuatu ... tetapi soalan tambahan - Dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa Terengganu akan dijadikan 'Pengkalan' kepada parti Barisan Alternatif untuk menawan negeri lain. Ini yang kita tak minta jaminan daripada pihak kerajaan dalam soal itu.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, apa hubungkait masalah menjadikan Terengganu sebagai 'Pengkalan' dengan soal guna duit untuk parti? Itu adalah satu program PAS, sebagaimana apabila Kelantan menang maka Kelantan akan dijadikan 'Pengkalan', Terengganu menang Terengganu menjadi 'Pengkalan' yang kedua, kalau Pahang menang Pahang yang ketiga, insya Allah. Jadi, tidak timbul masalah guna duit kerajaan untuk parti yang memerintah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, juga tidak timbul soal kerajaan yang lepas menggunakan wang kerana kita telahpun berlalu. Yang kita minta jaminan .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Penjelasan, Tuan Yang Dipertua - Soalan bukan untuk kita membuat penghujahan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, soalan yang kedua -

Sanggupkah kerajaan mendisiplinkan seluruh jentera dan ahli partinya untuk mengikut arahan dan prosedur kerajaan dengan segera.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang kedua sepatutnya ditolak tetapi saya memberi peluang kepada yang membuat soalan ini supaya orang tahu apakah soalan yang hendak ditanya. Soalannya berbunyi - Sanggupkah kerajaan mendisiplinkan seluruh jentera dan ahli partinya untuk mengikut arahan dan prosedur kerajaan dengan segera.

Tuan Yang Dipertua, soalan ni tidak relevan di dalam apa aspek sekalipun dan tidak timbul soal ahli parti, rakyat mengikut prosedur, disiplin kerajaan. Prosedur, disiplin kerajaan adalah untuk pegawai-pegawai kerajaan sahaja.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Soalan tambahan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua - Sedarkah pihak kerajaan bahawa terdapat bangunan yang dibina ataupun bangunan-bangunan yang dibina termasuk di kawasan Rusila ... termasuk oleh ahli-ahli parti PAS yang tidak mengikut spesifikasi dan pelan Kerajaan Tempatan bahkan tidak melayakkan dikurnia CF?

22 Disember 1999

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Kerajaan PAS, Kerajaan Barisan Alternatif belum sedar kerana kita baru perintah dua minggu dan tidak ada aduan yang dibuat.

YANG BERHORMAT MULIA TENKU PUTERA BIN TENKU AWANG (Wakil Telemong): Sebab itulah kita tanya, jangan jawab tidak relevan. Terima kasih.

22 Disember 1999

YANG BERHORMAT TUAN YANG DIPERTUA: Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan seterusnya kita masuk kepada perbahasan Belanjawan 2000.

Ahli-ahli Yang Berhormat pada pagi kelmarin Rang Enakmen Perbekalan Tahun (2000) 1999 untuk bacaan kali yang kedua telah mendapat sokongan. Sekarang saya buka untuk perbahasan, silakan -

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bismillahi rahmani rahhim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pejawai dan para pemerhati sekalian.

Pertamanya Alhamdulillah kita bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana dapat sama-sama dalam majlis yang mulia ini. Dan Alhamdulillah dengan taufik dan inayah daripada Allah s.w.t. serta sokongan dan dokongan rakyat Negeri Terengganu Darul Iman kita mempunyai kepimpinan yang dipimpin oleh Ulama yang selama ini merupakan hasrat dan perjuangan kita dalam membentuk kepimpinan para Ulama untuk memerintah negeri dan negara, khususnya Negeri Terengganu Darul Iman ini.

Pertamanya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Dipertua kerana memberi ruang kepada saya untuk sama-sama memberi ucapan dalam perbahasan ini. Dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar kerana berjaya membentangkan Belanjawan Terengganu untuk tahun 2000 dan insya Allah kita merasakan bahawa belanjawan yang dibentangkan itu memberi gambaran kepada kita bahawa belanjawan itu berasaskan kepada akidah dan tauhid yang merupakan pegangan kepada kita sebagai umat Islam, yang meletakkan asas-asas di dalam belanjawan itu untuk mencari keredaan Allah s.w.t. Kerana jelas, suatu perkara yang tidak dapat kita nafikan dan ini pernah disebut oleh Allah s.w.t. sendiri dalam firman-Nya:

وَلَا يَعْصِي نَكِيرٌ فِي مَعْرُوفٍ .

*Jangan kamu mengengkari pada perkara yang kebaikan.*

Kita menyedari bahawa di dalam Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, kita melihat bahawa suatu pembentangan belanjawan khususnya dalam punca-punca perolehan hasil negeri yang telah mengenepikan sumber-sumber haram, yang tidak diredayai oleh Allah s.w.t. yang selama ini dikutip oleh Kerajaan Barisan yang memerintah dulunya tanpa mengira perkara tersebut diharamkan oleh Allah s.w.t. Belanjawan yang telah dibentangkan dengan menyisihkan lesen-lesen hiburan dan maksiat, arak dan judi, dan sebagainya yang kita sedar bahawa ia merupakan penyumbang kepada masalah sosial. Ini memberi gambaran kepada kita betapa kesungguhan kita bukan hanya sekadar berpidato, berceramah, kempen mengajak orang supaya bersama-sama menumbangkan Kerajaan Barisan Nasional yang dulunya kerana berasaskan kepada sumber-sumber ini. Alhamdulillah, ini memberi gambaran kepada kita walaupun pemerintah kita belum melepas 40 hari tetapi insya Allah dengan keyakinan kita, *istiqamah* kita bahawa Allah s.w.t. akan bersama dengan kita akan melahirkan sumber-sumber pendapatan yang halal dengan penuh keberanian kita mengenepikan sumber-sumber tersebut. Walaupun kita tidak nafikan bahawa sumber-sumber tersebut mendarangkan pendapatan kepada negeri tetapi kita sedar bahawa *al-halal baytin wa al-haram baytin*

22 Disember 1999

sesungguhnya halal itu jelas dan yang haram itu jelas. Kerana itulah kita merasakan belanjawan yang telah dibentangkan itu, yang menyisihkan sumber-sumber haram itu merupakan satu belanjawan yang insya Allah akan mendapat keredaan Allah s.w.t.

Kita tidak bimbang dengan sumber-sumber pendapatan kerana kita menyedari Allah s.w.t. akan memberi ruang kepada kita dengan pendapatan, dengan melimpah-ruahkan keberkatan, sebagaimana pernah disebut di dalam firman-Nya:

ولوان اهل القرى ءامنووا اتقوا الفتاحنا عليهم بر كات  
من السماء والأرض .

*Jika sekiranya ahli penduduk negeri itu beriman dan bertakwa yakni menjauhi sumber-sumber haram, takut kepada azab Allah s.w.t. nescaya kami bukakan kepada mereka keberkatan daripada langit dan bumi. Dan insya Allah akan memberi sumber pendapatan baru yang mungkin kita tidak sangka, akan memberi sumber pendapatan kepada negeri kita pada masa yang akan datang, insya Allah.*

Begitu juga kita melihat di dalam belanjawan yang telah dibentangkan ia memberi gambaran betapa belanjawan yang dibentangkan itu merupakan satu belanjawan yang berhemah untuk mementingkan kepentingan semasa, mengutamakan keperluan yang amat diperlukan dan mengenejikan buat sementara projek-projek mega yang mungkin melibatkan perbelanjaan yang banyak. Kita menyedari bahawa anggaran kelebihan sebanyak RM8.4 juta menggambarkan kita perlu bersikap berjimat cermat dan menanamkan sifat amanah dan tanggungjawab dalam melaksanakan dan mengurus kewangan negeri agar ianya tidak terlibat dalam suatu perkara penyelewengan dan sebagainya. Dan insya Allah, dengan sifat amanah yang kita tekankan kepada semua peringkat khususnya kepimpinan negeri dan juga pegawai-pegawai yang berkhidmat kepada negeri kita, insya Allah ia akan memberi suatu penggunaan dan juga penyaluran kewangan yang lebih cermat, insya Allah. Ini diperingatkan oleh Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan daripada Adi bin Umariah:

Yang bermaksud:

*Apabila disebut oleh Rasulullah s.a.w.: Sesiapa yang diamanahkan daripada di kalangan kamu dengan suatu kerja dengan jawatan maka apabila dia menyembunyikan atau menggelapkan meskipun satu batang jarum atau yang lebih besar daripada itu sesungguhnya ia telah termasuk dari kalangan orang yang khainat yang akan diungkitkan di hadapan Allah s.w.t. Insya Allah sifat amanah ini akan kita terapkan bermula daripada peringkat kepimpinan atasan sehingga kepada pegawai-pegawai kerajaan dan kakitangan bawahan supaya menyedari betapa kita dikurniakan oleh Allah s.w.t. dengan satu amanah yang berat. Kita mengharapkan sikap yang diterapkan itu, yang dicontoh dan dimodelkan kepimpinan Barisan Alternatif dalam memimpin negeri kita ini insya Allah akan memberikan perbelanjaan yang lebih berjimat cermat kerana setiap orang akan bertanggungjawab di hadapan Allah s.w.t. Semua yang mengurus dan terlibat*

22 Disember 1999

dengan kewangan, dia harus berhati-hati kalau sekiranya satu batang jarum nescaya ia akan diungkit oleh Allah s.w.t. sama telah lagi yang lebih besar daripada itu.

Dan begitu juga kita melihat, Tuan Yang Dipertua, bagaimana pembentangan belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Guru, pengurusan kewangan negeri yang mengikut sistem pembankkan Islam yang merupakan suatu penyisihan daripada sumber-sumber riba. Walaupun kepimpinan yang dahulunya merupakan juga yang keluar daripada pengajian agama tetapi adakah ia tidak menyedari bahawa pengurusan yang melibatkan dengan institusi riba merupakan perkara yang diharamkan oleh Allah s.w.t. Cukup jelas di dalam al-Quran, Allah s.w.t. menyebut:

واحل الله البيع وحرم الربا

Allah s.w.t. menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Kerana itulah kita melihat belanjawan yang dibentangkan itu dan juga mengikut sistem pembankkan Islam dalam pengurusan kewangan negeri merupakan suatu yang amat kita nanti dan kita tunggukan, kerana perkara ini melibatkan masalah keredaan dan kemurkaan Allah s.w.t. Bukan melibatkan bagi mereka yang menguruskan kewangan semata-mata tetapi juga kepada peringkat rakyat jelata yang menghuni negeri kita agar konsep menjadikan dan mengembalikan Terengganu Darul Iman menepati sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah s.w.t.

Sistem 'Qardhul-hasan' yang telah diutarakan untuk memberi pinjaman kenderaan dan komputer kepada kakitangan tanpa mengambil faedah hatta kepada faedah yang kecil empat peratus khususnya ... itu paling kurang telah memberi keringanan kepada kakitangan kita. Dan yang lebih penting daripada itu kita ingin mengeluarkan sumber-sumber yang mendatangkan fungsi-fungsi riba di dalam urusan negeri kita dan khususnya yang melibatkan kakitangan yang telah berkhidmat kepada kerajaan sejak sekian lama. Ini merupakan suatu pembentangan kepada rakyat bawahan sendiri betapa perlunya konsep ini diperturunkan sehingga ke peringkat bawahan dan sebagainya.

Dan juga kita melihat dalam pembentangan belanjawan walaupun kita melihat sumber-sumber hasil dalam negeri yang telah dilaksanakan oleh kerajaan yang sebelum daripada ini, antaranya cukai-cukai yang kadang-kadang membebankan rakyat bawahan, golongan *marhin* tetapi pembentangan belanjawan kelmarin kita lihat beberapa cukai yang telah dihapuskan antaranya cukai bakul, cukai perahu dan juga permit haiwan. Termasuk juga apabila saya perhatikan penghapusan pendaftaran anjing, maknanya zaman pemerintahan dulu daftar anjing pun baham juga. Kita melihat dalam belanjawan kali ini, Alhamdulillah perkara-perkara yang seperti itu diasangkan dan disisihkan.

Sama telah lagi tentang penghapusan tol yang ianya termasuk dalam manifesto Barisan Alternatif dan ianya dapat dilaksanakan apabila kita memerintah Negeri Terengganu Darul Iman. Walaupun perkara itu kecil kemungkinan tetapi ia merupakan sumber pendapatan besar tetapi kerajaan yang memahami betapa rakyat tidak perlu dibebankan dengan cukai-cukai dan juga dengan kutipan tol yang seperti ini. Alhamdulillah ini merupakan kehendak rakyat dan inilah merupakan hasrat kita bersama untuk memberi keringanan kerana rakyat merupakan penghuni sebenar kepada Negeri Terengganu Darul Iman ini.

22 Disember 1999

Dalam masa yang sama bagaimana belanjawan yang kita lihat memperuntukkan satu bantuan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak RM16.6 juta khususnya untuk membela golongan-golongan termiskin. Kita amat sedih apabila kita dengar ataupun kita dapat masih ada lagi 4,600 keluarga termiskin sedangkan selama ini kita diwa-wakan bahawa Terengganu sebagai Negeri Kuwait Malaysia tetapi bilangan kemiskinan yang cukup parah sedemikian menggambarkan betapa kerajaan yang dahulu kemungkinan tidak mengambil cakna, prihatin sebenar-benarnya kepada golongan-golongan yang miskin seperti ini. Kita hanya kemungkinan berbangga dengan projek-projek yang besar, yang mega tetapi dari kalangan golongan keluarga yang termiskin yang terabai. Kadar dengan 4,600 keluarga seperti ini dengan pendapatan hasil yang dikurniakan Allah s.w.t. yang cukup melimpah-ruah tetapi golongan yang demikian ini terabai, kadang-kadang dipergulakan apabila menghadapi pilihan raya. Maka dalam hal seperti ini kita mengharapkan pemerintahan yang baru oleh Kerajaan Barisan Alternatif ini dapat membela masyarakat ini supaya dapat dibebaskan, dikurangi berperingkat-peringkat ke arah yang lebih baik di masa yang akan datang.

Ingatlah suatu peringatan oleh Rasulullah s.a.w. apabila dia menegur Saad bin Abi Wakaf yang telah tidak menghiraukan dari kalangan fakir miskin. Rasulullah s.a.w. bersabda:

وَهُلْ تَرَزُّقُونَ وَتَنْصُرُونَ إِلَّا بِضُعْفِنَا ثُكْمٌ

*Ingatlah bukankah yang telah memberi ruang rezeki kepada kamu dan memberi pertolongan kepada kamu dari kalangan orang-orang daif, dari kalangan fuqara , masakin dan sebagainya. Golongan inilah yang perlu kita ambil cakna supaya harta kekayaan yang dikurniakan oleh s.w.t. tidak berpusing dari kalangan orang-orang kaya semata-mata. Sebagaimana firman Allahu Taala:*

كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ

*Supaya tidak berligar dan berpusing dari kalangan kekayaan itu kepada golongan kaya semata-mata.*

Alhamdulillah, dalam pembentangan yang disebut begitu juga bagaimana satu portfolio Hisbah dan Pelaksanaan Syariat telah diwujudkan. Ini menggambarkan betapa ketelusan Barisan Alternatif yang ada sekarang ke arah mewujud satu pemerintahan yang mempunyai tanggungjawab bersama - rakyat bertanggungjawab kepada negerinya dan pemimpin juga bertanggungjawab kepada negeri dan rakyatnya, sama-sama bertanggungjawab, sama-sama tegur menegur, nasihat menasihati kerana kehidupan kita di atas muka bumi ini bukan hanya memikul tugas dan tanggungjawab tetapi sebagai amanah yang akan diungkit kembali di hadapan Allah s.w.t. di hari akhirat kelak.

Kita melihat bagaimana pelaksanaan syariat bukan hanya yang kita sebut di luar Dewan yang mulia ini, di pentas-pentas ceramah tetapi hari ini kita melihat di dalam pembentangan bagaimana pelaksanaan syariat telah diperuntukkan peruntukan RM2 juta sebagai langkah awal untuk membina suatu jalan ke arah pelaksanaan syariat yang menyeluruh di Negeri Terengganu

22 Disember 1999

Darul Iman ini. Ini merupakan suatu peruntukan yang bukan hanya sekadar cakap-cakap kosong tetapi merupakan langkah awal ke arah komitmen kita, kesungguhan kita, *istiqamah* kita dalam melaksanakan hukum syariah yang diperintahkan oleh Allah s.w.t.

Sesungguhnya kita ini hadir sebagai pemikul amanah daripada Allah s.w.t. Allah Taala menyebut:

إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

*Kami ingin jadikan Adam dan keturunannya sebagai Khalifah Allah s.w.t. atas muka bumi.* Apabila kita sebagai Khalifah Allah maka hendaklah kita melaksanakan tuntutan-tuntutan dan kehendak Allah s.w.t. Kita harian bagaimana golongan-golongan tertentu, pemimpin-pemimpin yang terdahulu telah diberi kurnia oleh Allah s.w.t. sebagai Khalifah bagi mengurus dan mentadbir bumi tetapi dia mengikut peraturan-peraturan, sistem-sistem yang lain dan bercanggah daripada apa yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. Kerana itulah Allah s.w.t. akan menggantikan kepimpinan yang baru yang mengikut kehendak dan keredaan-Nya. Kita mengharapkan sikap *istiqamah* barisan kepimpinan Alternatif yang memerintah Negeri Terengganu ini dapat meneruskan agenda ini kerana jika sekiranya kita berpaling daripada kehendak dan tuntutan Allah, suatu hari nanti kepimpinan yang ada di hadapan ini mungkin akan dijadikan pembangkang di masa yang akan datang.

Insya Allah, kita akan meneruskan hasrat dan cita-cita ini untuk melaksanakan apa yang diperintah oleh Allah, bukan hanya dibicarakan di masjid, di surau, dari kalangan ustaz-ustaz, guru-guru agama membincarakan tentang kelebihan hukum Allah s.w.t. tetapi bagi mereka yang memegang kuasa dia menganggap pelaksanaan hukum Allah s.w.t. membebankan dan juga tidak memberi manfaat dan faedah kepada negeri dan rakyat. Jadi, Alhamdulillah apa yang ditonjolkan oleh pemerintahan Barisan Alternatif, insya Allah akan memberi ruang kepada kita dan juga kepada rakyat bawahan sendiri supaya sedar dan celik mata betapa hukum Allah s.w.t. hukum yang terbaik. Hukum Allah s.w.t. itu merupakan hukum yang dapat menyelesaikan permasalahan-permasalahan masyarakat dan sebagainya, insya Allah.

Tuan Yang Dipertua, tentang pendidikan bagaimana kita mengharapkan pendidikan di masa yang akan datang akan diberi peruntukan yang sewajarnya dengan peruntukan yang lebih kerana kita menyedari pendidikan merupakan suatu faktor yang cukup penting dalam melahirkan generasi dan juga rakyat akan datang yang lebih memahami apa yang dituntut untuk keperluan negeri dan negara serta sebagai hak dan tuntutannya sebagai hamba Allah di atas muka bumi ini. Tuan Yang Dipertua, sesungguhnya peruntukan yang dikurniakan sebanyak RM2 juta kepada Sekolah Rakyat merupakan suatu insentif ke arah membina ataupun menyemarakkan lagi Sekolah-sekolah Rakyat di Negeri Terengganu Darul Iman. Sedangkan selama ini Sekolah-sekolah Rakyat ini merupakan penyumbang kepada pendidikan negeri dan negara kita tetapi diabaikan, bahkan di dalam kepimpinan Barisan Nasional yang dulu kadang-kadang mengugut dan juga menyuruh supaya menutup sekolah ini sedang ia pernah berbakti kepada negeri kita.

Kita menyedari bahawa sikap yang ditunjukkan Barisan Alternatif yang ada sekarang, insya Allah akan memberi suatu perkembangan, suatu suasana pendidikan yang lebih baik di masa-masa akan datang. Cuma kita mengharapkan penumpuan kepada sekolah agama yang selama ini

22 Disember 1999

kita mempunyai 11 buah sekolah agama di Negeri Terengganu Darul Iman dapat dipertingkatkan memandangkan permintaan di kalangan rakyat, pendaftaran di sekolah-sekolah agama khususnya di daerah-daerah melampaui daripada kemampuan yang ditawarkan oleh sekolah-sekolah di Negeri Terengganu Darul Iman supaya dapat memenuhiinya. Kerana kita dalam manifesto menawarkan pendidikan untuk semua rakyat dan rakyat memilih untuk mencari atau mendapat pendidikan agama kerana itulah insya Allah, kita mengharapkan kepimpinan yang ada dapat mempertingkatkan hal ini, dapat memberi ruang yang secukup-cukupnya kepada rakyat untuk mendapat pendidikan yang mereka kehendaki.

Tuan Yang Dipertua, tentang pelaburan kita mengharapkan bahawa kerajaan Negeri Terengganu yang ada sekarang dapat mempertingkatkan pelaburan dalam industri petrokimia khususnya kerana ini kita sedari bahawa ia merupakan antara punca-punca yang memberi keuntungan. Tetapi dalam masa yang sama kita mengharapkan kerajaan yang ada sekarang dapat memberi peluang yang lebih besar kepada kontraktor-kontraktor tempatan supaya mereka dapat sama-sama bersaing dan juga menimba hasil kekayaan yang ada di Negeri Terengganu Darul Iman tidaklah hanya terlepas kepada syarikat-syarikat besar.

Begitu juga tentang penggunaan dan guna tenaga tempatan khususnya kawasan ataupun di DUN Paka, kawasan Dungun sendiri. Parlimen Dungun sendiri kita melihat bagaimana masih banyak lagi dari kalangan buruh-buruh, tenaga-tenaga tempatan yang dianak tirikan kerana kebanjiran buruh-buruh asing yang kadang-kadangnya di luar daripada kawalan bahkan ia menimbulkan permasalahan-permasalahan sosial, masalah-masalah maksiat, masalah moral, kependudukan dan sebagainya. Kerana itulah di dalam hal ini kita mengharapkan bahawa Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman mengambil inisiatif bersungguh-sungguh agar anak Negeri Terengganu Darul Iman ini dapat sama-sama mengecapi nikmat yang dikurniakan oleh Allah s.w.t. Kita tidak mahu "ayam akan mati dikepuk padi dan itik akan lemas di dalam kolam air". Mogamoga Negeri Terengganu Darul Iman ini dapat membahagi dan mengagihkan secara adil kepada semua peringkat dan lapisan masyarakat dan rakyat Negeri Terengganu Darul Iman untuk mengecapi nikmat yang dikurniakan Allah s.w.t. itu. Saya mengharapkan bahawa perkara sedemikian akan diambil tindakan yang segera kerana ianya akan menyumbang kepada kita, insya Allah penggunaan tenaga dan juga buruh yang semaksima mungkin, dan akan mengurangkan permasalahan-permasalahan sosial yang berlaku persekitaran kawasan-kawasan industri itu, insya Allah.

Tentang belia dan pelancongan, bagaimana kita melihat peruntukan yang diberi sebanyak RM8.8 juta yang melibatkan pembinaan insan dan juga kemahiran merupakan satu gabungan dalam pendidikan yang cukup baik. Bukan hanya mementingkan masalah yang melibatkan kemahiran akademik tetapi juga tidak mengabaikan masalah kerohanian dan juga masalah-masalah *spiritual*. Kita menyedari masalah belia hari ini, bagaimana mereka sudah tidak mempunyai ketahanan akidah. Apa yang dapat kita kesan bahawa pendidikan dulunya yang mengasingkan daripada pendidikan *Rahbari* telah melahir satu generasi pemuda-pemuda yang kita melihat mempunyai masalah moral, masalah akhlak dan sebagainya. Mereka tidak mempunyai ketahanan akidah yang tersendiri dan mereka mengikut budaya-budaya luar, budaya-budaya asing yang masuk ke negeri kita tanpa mereka mempunyai ketahanan mereka sendiri. Kerana itulah kita mengharapkan pendidikan ke arah melahirkan generasi belia yang akan datang diberi ketahanan tauhid dan akidah, diberikan kefaamanan agama yang semantap-mantapnya agar mereka dapat

22 Disember 1999

mengenali antara halal dan haram.

Kita melihat bagaimana pengabaian mereka ini di masa yang lalu menyebabkan bagaimana akhlak dan moral mereka makin hari makan parah. Walaupun kadang-kadang mereka terkedepan dari segi akademik, terkedepan dari segi prestasi pendidikan akademiknya tetapi masalah moral dan akhlak kadang-kadang amat memeningkan kepala kita dan juga para ibu bapa dalam membesar dan melahirkan serta mendidik khususnya Negeri Terengganu kita sendiri, dalam melahirkan generasi yang akan datang. Kerana itulah pendidikan yang melibatkan akhlak, pendidikan yang melibatkan rohani ini dititik-beratkan bermula daripada peringkat bawahan dan khususnya bagi pemuda-pemuda, belia-belia sendiri supaya mereka ini tidak terabai dan tidak hidup dalam keadaan berasing daripada masyarakat dan juga daripada pelaksanaan keagamaan yang kadang-kadang membawa kepada penyakit-penyakit yang lain.

Kerana itulah kita mengharapkan bahawa peruntukan di masa-masa akan datang insya Allah, akan ditambah lagi kerana kita menyedari golongan belialah merupakan pemimpin di masa akan datang dan segala kekayaan yang ada pada hari ini akan kita wariskan kepada mereka untuk menerajui Negeri Terengganu Darul Iman ini. Kita tidak mahu Negeri Terengganu bernama "Darul Iman" tetapi mempunyai pemuda-pemuda, generasi yang seterusnya yang tidak memiliki sifat keimanan dan ketakwaan kepada Allah s.w.t.

Dan juga masalah yang melibatkan pelancongan, kita menyedari bahawa ianya kadang-kadang turut sama membawa masalah juga penyakit-penyakit sosial. Kerana itulah kita melihat pelancongan kadang-kadang membawa kepada perkara yang tidak baik tanpa kawalan, tanpa didikan ke arah pelancongan yang direndai oleh Allah. Memakmurkan muka bumi yang dikurniakan oleh Allah tetapi di dalam masa yang sama kita perlu mengikut lunas-lunas yang diperintah dan dikehendaki oleh Allah s.w.t. khususnya melibatkan halal - haram kerana ia membawa kepada hari akhirat. Kerana itulah pelancongan yang tidak mengabaikan tentang rohaninya, insya Allah akan memberi dan membuka ruang yang seluas-luasnya walaupun kadang-kadang setengah pihak menganggap bahawa gambaran, imej agama itu akan membantut kehadiran para pelancongan. Tetapi kita merasakan bahawa ianya akan memberi satu ruang supaya para pelancong untuk hadir dan datang ke sini tanpa kita mengabaikan tuntutan-tuntutan syariat kita. Kita mengharapkan bahawa institusi pelancongan yang tidak hanya menggambarkan bentuk muka bumi, keindahan alam tetapi suasana masyarakat yang mempunyai akhlak beragama, insya Allah ianya merupakan suatu kelainan daripada tempat-tempat yang boleh mendatangkan ataupun menarik para pelancong untuk hadir bersama dengan kita, insya Allah.

Tetapi dalam masa yang sama kita mengindahkan suasana negeri kita, bandar-bandar kita, kita mengharapkan bahawa kepimpinan Kerajaan Barisan Alternatif yang ada sekarang ini supaya mengeluarkan ataupun menyisihkan perkara-perkara yang menjadi kemurkaan Allah s.w.t. Antaranya apa yang saya ingin sebutkan di sini, masih ada lagi beberapa patung-patung yang dibina di zaman pemerintahan Barisan Nasional dulu, walaupun kadang-kadang ianya merupakan sebagai lambang Negeri Terengganu khususnya seperti penyu, di lingkaran Penyu sana, kita mengharapkan bahawa perkara ini diambil perhatian oleh kepimpinan negeri kita. Dan termasuklah di kawasan Bandar Marang sendiri yang adanya patung binatang yang ianya merupakan secara nas yang sahih ia telah menjadi larangan dan tegahan oleh Rasulullah s.a.w.

22 Disember 1999

sendiri sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibnu Abas yang disebut oleh Hadis Bukhari: *Bahawa sesiapa yang membina patung di atas muka bumi ini diperintah untuk memberi nyawa di hari akhirat sedang dia tidak mampu buat selama-lamanya.* Kemungkinan sikap kita apabila mengeluarkan benda itu paling kurang dapat memberi keinsafan moga-moga Allah s.w.t. menerima taubat Kerajaan Barisan Nasional yang dahulu yang membina patung-patung yang diharamkan oleh Allah s.w.t. ini.

Dan saya juga agak terkejut apabila melihat hasil daripada kebijaksanaan Kerajaan Barisan Nasional dahulu yang memerintah, yang selama ini masuk kampung - keluar kampung bahawa kalau diserahkan kepada Kerajaan Barisan Alternatif dia tidak akan pandai memerintah. Tetapi kebijaksanaan Kerajaan Barisan Nasional dahulu memerintah sehingga menghasilkan hutang sebanyak RM731,334,342.85 merupakan satu kadar yang cukup banyak. Bagaimana kebijaksanaan yang diwa-wakan, masuk kampung - keluar kampung bahawa kita ini pandai memerintah, bijak memerintah sampai tinggal hutang bertepek-wek macam ni. Jadi ini merupakan satu gambaran bahawa kita mengharapkan perkara ini tidak diulangi oleh kepimpinan Barisan Alternatif yang ada sekarang.

Kerana itulah kita melihat banyak, kadang-kadang penyelewengan-penyelewengan yang kita dengar, banyak syarikat-syarikat yang bermasalah, yang melibatkan juga hasil mahsul Negeri Terengganu Darul Iman yang merupakan amanah dari rakyat. Kerana itulah saya mencadangkan supaya dibentuk suatu Suruhanjaya Bebas bagi menyiasat penyelewengan-penyelewengan yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang dahulu. Kerana itulah kita merasakan bahawa perkara ini perlu dan amat-amat perlu supaya agar menjadi iktibar kepada Kerajaan Barisan Alternatif yang akan memerintah pada masa akan datang. Dan paling kurangnya sebagai orang yang beramanah dapat mengembalikan keyakinan dan kepercayaan rakyat yang telah memberi keyakinan kepada kita. Dan ia termasuk dalam manifesto Barisan Alternatif, termasuk dalam manifesto PAS ketika ingin memerintah Negeri Terengganu Darul Iman untuk menyediakan atau jika sekiranya diberi kepercayaan oleh rakyat untuk memerintah Negeri Terengganu kita akan mewujudkan satu Suruhanjaya Bebas bagi menyiasat penyelewangan-penyelewengan ini. Jika sekiranya, ada mereka yang benar-benar menyeleweng maka tindakan yang tegas perlu diadakan, perlu diambil kerana ia merupakan amanah dan juga hak rakyat bukan hak kita agar perkara tersebut tidak berulang di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang Dipertua, kita mengharapkan kerajaan yang ada sekarang dapat meneruskan penerangan dan penjelasan kepada rakyat bawahan bagaimana selama ini ruang yang tertutup yang telah diguna pakai sebaik-baiknya oleh Barisan Nasional supaya rakyat sendiri terseleweng daripada pengajaran yang sebenarnya tentang Islam sehingga berjaya menanamkan suatu kepercayaan, sehingga menjadi pegangan yang keras dari kalangan rakyat bawahan sendiri betapa mereka telah memahami keimanan, kepercayaan terhadap Islam dengan kepercayaan yang salah. Fahaman tentang sekularisme, kesahaman tentang nasionalisme yang telah diterap, ditanam oleh Kerajaan Barisan Nasional merupakan telur berakar umbi kerana itulah kita melihatkan kebanyakan penyokong-penyokong Barisan Nasional dari kalangan veteran amat sukar untuk memberi sokongan kepada Barisan Alternatif. Kerana apa? Sudah ditanam cukup sekian lama betapa kepercayaan politik suku agama suku telah ditanam dan dipercayai satu kepercayaan ... satu pegangan yang benar.

22 Disember 1999

Kerana itulah kita mengharapkan kesungguhan Kerajaan Barisan Alternatif yang ada bagi memberi penjelasan, penerangan dan juga untuk menukar kembali kefahaman mereka agar mereka sedari bahawa Islam ini merupakan satr *din*, satu agama yang *syumul* yang mencakupi segenap bidang kehidupan. Selama ini dari kalangan golongan-golongan agama hanya bercakap di masjid - surau dan sebagainya, orang kata sekadar 'air liur' saja tak pas ke mana. Tetapi Alhamdulillah, apabila kita diberi kekuasaan oleh Allah s.w.t. kita mengharapkan kuasa yang dikurniakan Allah Taala ini kita akan laksanakan sebagaimana yang kita pelajari, yang kita diperintahkan oleh Allah dan Rasul. Kerana itulah kita mengharapkan bahawa kesungguhan kepimpinan Barisan Alternatif dalam menyedarkan baki-baki lagi masyarakat yang masih lagi mempunyai kefahaman yang salah itu. Dan insya Allah, jika sekiranya kalau kerja-kerja kita ini dapat dilakukan secara berterusan kita merasakan tidak ada lagi kerusi pembangkang pada pilihan raya yang akan datang, insya Allah.

Dan kita merasakan juga peringatan juga perlu kepada kepimpinan yang ada agar sentiasa *istiqamah* di masa akan datang. Ingatlah pada apa yang pernah disebut oleh Syaidina Abu Bakar Al-Sidiq apabila ditanya kepada beliau dari kalangan temannya: Hai Abu Bakar Al-Sidiq berapa lamakah kita akan berkuasa? Lalu jawabnya: Selagi pemimpin-pemimpin kamu berada di atas '*istiqamah*' yakni teguh pendirian mereka dalam menjalankan hukum-hukum Allah. Kita mengharapkan kepimpinan Barisan Alternatif walaupun akan menghadapi rintangan dan dugaan, insya Allah kita mengharapkan akan dapat terus ber*istiqamah* bagi melaksanakan apa yang diperintahkan ini. Dan selagi mana kita *istiqamah* dalam melaksanakan apa yang diperintahkan oleh Allah, ingatlah sesungguhnya kekuasaan itu adalah milik Allah dan akan tetap diberi kepada mereka-mereka yang beriman dan bertakwa kepada Allah s.w.t.

Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Paka yang telah memulakan ucapan beliau daripada jam 9.35. Sekarang saya masih buka peluang untuk perbahasan seterusnya. Dipersilakan Wakil daripada Kuala Besut -

**YANG BERHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut):** Bismillahi rahmani rahim ... Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan sekalian. Pertamanya marilah sama-sama kita bersyukur kehadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin-Nya dapat sama-sama kita mengikuti pembentangan Enakmen Perbekalan 2000 bagi membaiayai perbelanjaan dan perkhidmatan dalam melaksanakan dasar pemerintahan Kerajaan Barisan Alternatif pimpinan PAS di Negeri Terengganu Darul Iman.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, satu perkara yang amat menarik di dalam pembentangan Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar ialah komitmen Kerajaan Negeri yang baru untuk melahirkan generasi berilmu, beramal dan berakhhlak mulia. Inilah satu-satunya harapan semua lapisan masyarakat kepada kerajaan. Rakyat mula sedar dengan ilmu saja tidak mampu mewujudkan masyarakat yang harmoni. Sebagai bukti yang jelas, wujudnya penjenayah-penjenayah profesional di negara-negara maju dimana gejala-gejala yang sama mula merebak di negara kita ini. Saya penuh yakin dengan wujudnya keseimbangan di antara ilmu dan akhlak sekali gus akan menyelesaikan masalah yang kronik yang berlaku di dalam masyarakat kita.

22 Disember 1999

Kesungguhan kerajaan untuk melaksanakan syariat Islam di Negeri Terengganu juga sekali gus memberi kesan yang positif kepada pendidikan di Negeri Terengganu dan akan dinikmati oleh semua kaum dan lapisan masyarakat dengan pelaksanaannya mengajar manusia erti sebenarnya kehidupan, menjauahkan manusia daripada terjebak dengan gejala kemaksiatan dan menghindarkan manusia daripada penyakit moral yang semuanya ini akan menjadi racun kepada pendidikan insan. Dengan terhapusnya gejala yang tidak sihat ini maka sebahagian besar masalah pendidikan akan dapat diselesaikan.

Dengan pelaksanaan syariat secara lebih global di dalam negeri akan melahirkan barisan pemimpin di masa hadapan yang lebih telus, adil dan saksama sekali gus mengajar seluruh masyarakat suatu pendidikan yang sangat bermakna. Sabda Rasulullah s.a.w.:

الدين على ملوكهم

*Agama terletak di tangan pemimpin, seandainya pemimpin baik maka baiklah agama rakyat. Jika pemimpin tidak baik maka rakyat dan agama juga turut akan musnah.*

Insya Allah dengan adanya Kerajaan Alternatif akan mencernakan kepimpinan berkonseptan "syura" akan membentuk masyarakat yang baik lagi harmoni. Kerajaan yang baru ini insya Allah, akan membantu sepenuhnya hasrat rakyat dalam bidang pendidikan. Inilah satu-satunya bidang yang akan menjamin kesejahteraan mar..isia dunia ni dan ukhrawi. Kerajaan baru ini disarankan agar tidak hanya memberi tumpuan kepada pusat-pusat pengajian di bawah kelolaan kerajaan tetapi juga di bawah kelolaan rakyat. Alhamdulillah, ternyata di dalam ucapan belanjawan kali ini menampakkan dengan jelas komitmen Kerajaan Negeri untuk membantu sekolah-sekolah dan pusat-pusat penyebaran ilmu di bawah kelolaan rakyat.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, insya Allah dengan adanya komitmen ini akan memangkinkan lagi percambahan pusat-pusat pendidikan rakyat seperti Kelas-kelas Pengajian al-Quran dan al-Hadis, Pusat Pengajian Pondok yang bersistematis, Sekolah-sekolah Agama Rakyat dan sebagainya. Sepatutnya Negeri Terengganu yang bertitle "Darul Iman" ini kaya dengan tradisi ilmu Islam ini yang bukan saja menyelesaikan masalah buta huruf di kalangan rakyat tetapi sekali gus menjadi pusat tarikan pelancongan yang menjadi *input* ekonomi dan moral kepada kerajaan dan rakyat. Tetapi malangnya institusi seperti pondok hampir pupus dan dipandang kolok di Negeri Terengganu Darul Iman. Apa yang lebih malang lagi ada pihak menganggapkan wujudnya institusi-institusi pendidikan rakyat ini boleh menyuburkan lagi kefahaman Islam yang *syamul* yang menguntungkan kepada parti-parti yang memperjuangkan Islam dan sekali gus memberi tamparan hebat kepada politik yang tidak senang dengan perjuangan Islam.

Hasil dari tanggapan inilah berlakunya campur tangan politik kepartian dalam sistem pendidikan menyebabkan berlakunya tindakan aneh kepada pusat pendidikan rakyat. Amat jelas apabila berlakunya perobohan Institut Berakan yang begitu popular di Negeri Terengganu ini. Walau apapun alasan yang diberikan bagi sebuah kerajaan tidak sepatutnya bertindak sewenang-wenangnya bahkan kerajaan dahulu sepatutnya lebih rasional dan mencari inisiatif untuk menyelesaikan masalah ini sama ada dengan cara menggantikan tapak yang ada dengan tapak lain atau sebagainya.

22 Disember 1999

Kalau dibandingkan dengan pusat penyebaran ilmu sesat yang hanya dibiarkan begitu saja bahkan mereka mendapat bantuan-bantuan, kemudahan-kemudahan seperti bekalan air, elektrik dan lain-lain seperti yang berlaku di Batu 13 kawasan Hulu Besut, Terengganu. Oleh yang demikian, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan yang baru kerana mempunyai komitmen yang tinggi untuk meluaskan lagi sistem pendidikan yang formal dan tidak formal. Saya juga menyarankan kepada yang bertanggungjawab dalam kerajaan baru ini agar bantuan pendidikan diberi keutamaan di kawasan-kawasan yang ternyata kejahilannya seperti di setengah-setengah kawasan pantai dan pulau-pulau memandangkan mereka amat ketinggalan di bidang ini kalaupun dibandingkan dengan masyarakat kawasan lain.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, perhatian serius dari pihak kerajaan amat penting kerana dengan wujudnya masyarakat yang jahil mereka amat mudah terpedaya dengan dakyah-dakyah kotor, sogokan-sogokan wang dan sebagainya. Fahaman-fahaman sekularisme barat juga hebat menyerang fahaman umat Islam menyebabkan lahirnya satu ideologi falsafah yang mengasingkan agama dengan pemerintahan. Ideologi ini amat bercanggah dengan agama suci Islam yang mengajar pengaruhnya semua aspek kehidupan manusia termasuk bidang ekonomi, bidang politik, kebudayaan dan sebagainya. Oleh itu, proses penerapan semula kefahaman Islam secara *syumul* mestilah diseragamkan di semua pusat-pusat pendidikan yang formal dan tidak formal sehingga umat Islam mampu menghayati ajaran Islam secara *syumul*.

Peranan masjid juga, dewan-dewan orang ramai, pusat-pusat pendidikan yang tidak formal mestilah dikemas kini semula agar semua lapisan masyarakat dapat mengambil manfaat pendidikan darinya. Ramai di kalangan umat Islam telah menyempitkan peranan masjid sehingga ada yang beranggapan bahawa masjid hanyalah tempat bersembahyang, berbuka puasa, berzikir dan seumpamanya saja. Inilah puncanya masjid tidak menjadi tumpuan umum masyarakat bahkan terdapat banyak masjid-masjid besar yang tidak mempunyai pengunjung yang ramai. Masjid yang dibina oleh Rasulullah s.a.w. dengan peranannya yang mantap mendorong umat Islam dan bukan Islam mengimarahkannya. Inilah contoh yang perlu diwujudkan sekarang ini seperti mana saranan yang dibuat oleh Allah s.w.t. di dalam al-Quranulkarim:

لقد كان لكم في رسول الله أسوة حسنة لمن كان يرجو الله  
والليوم الآخر وذكر الله كثيرا

Maksudnya: Sesungguhnya bagi Rasulullah s.a.w. merupakan contoh teladan yang paling baik bagi sesiapa yang mengharapkan kepada Allah, mengharapkan kepada hari akhirat mereka ini menyebut nama Allah s.w.t. dengan sebanyak-banyaknya.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Kuala Besut, sila buat ucapan secara yang lebih baik, jangan baca teks.

YANG BERHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): ..... proses mengemas kini semula sistem pendidikan IPTA dan IPTS di Negeri Terengganu juga, saya kira akan diberi penekanan yang sewajarnya oleh Kerajaan Alternatif.

22 Disember 1999

*Syllabus* yang ada seharusnya diseragamkan agar setanding dengan IPTA di peringkat antarabangsa. Program-program berkembar dengan negara luar seperti di Timur Tengah dan negara-negara lain sebolehnya diperluaskan agar kualiti pelajar-pelajar Terengganu setanding dengan negeri-negeri lain bahkan negara-negara lain. Pusat-pusat pendidikan IPTA yang sedia ada di Terengganu seperti KUSZA sewajarnya dinaikkan taraf menjadi sebuah universiti. Ini sekali gus dapat menyelesaikan masalah setengah rakyat yang tidak mampu melanjutkan pengajian mereka di luar negara disebabkan kemiskinan dan masalah dalam keluarga. Proses pengagihan biasiswa kepada pelajar-pelajar juga mestilah dikaji semula agar ianya tidak lagi menjadi senjata politik untuk memancing undi. Begitu juga dengan syarat-syarat bayaran balik pinjaman hendaklah dikemas kini semula agar ianya menjadi pendorong kepada peningkatan kualiti pembelajaran bagi rakyat.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa setakat itu saja. Wassalamualaikum warahmatullah.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Kuala Besut. Dipersilakan yang lain ... saya beri keutamaan kepada sebelah kiri, kalau ada. Kalau tidak ada silakan -

**YANG BERHORMAT HAJI MEHAMAD BIN SULONG** (Wakil Kijal): Assalamualaikum warahmatullahi Taala wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat serta sekalian yang hadir. Saya bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana diberi kesempatan pertama kali ini di dalam Dewan yang mulia untuk memberi sedikit ucapan semasa kerajaan baru Barisan Alternatif di bawah pimpinan PAS baru saja diberi mandat oleh rakyat Negeri Terengganu Darul Iman selepas pilihan raya yang kesepuluh ini.

Alhamdulillah, dalam ucapan belanjawan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sangat menegaskan iltizam kepada ketulusan dan akan mengamalkan pemerintahan yang berasaskan keadilan yang luhur dan serta mendaulatkan sebuah kerajaan yang berpandukan al-Quran dan al-Sunnah. Ini bermakna kerajaan yang baru ini tahu dosa - pahala dalam pemerintahan. Di samping itu Kerajaan Negeri pimpinan Yang Amat Berhormat akan terus mempastikan pelaksanaan program-program pembangunan yang dapat meningkatkan mutu dan taraf hidup rakyat keseluruhan terutamanya mempertingkatkan usaha-usaha dalam menangani gejala kemiskinan yang berbagai dan sangat rumit dengan segala penyakit sosial yang juga berbagai-bagai. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Tuan Guru dan barisan Exco yang barangkali akan membawa insya Allah, rakyat Negeri Terengganu Darul Iman kepada kejayaan dunia dan akhirat.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, pada kesempatan yang baik dan di Dewan yang mulia ini saya sukacitanya ingin menyatakan beberapa perkara utama yang disebutkan di dalam ucapan belanjawan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Pertamanya kerajaan baru Alternatif pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan menunaikan janji membuka semula permohonan tanah kepada rakyat sesudah ditutup selama hampir 25 tahun semenjak pertengahan tahun 1975 lagi. Ini akan menjamin ke arah pembangunan ekonomi negeri yang lebih pesat serta memastikan setiap keluarga memiliki tapak

22 Disember 1999

rumah kediaman yang sepatutnya keperluan yang seperti ini telah lama diselesaikan sebelum ini. Langkah ini juga sekali gus akan membantu kerajaan dalam menghapuskan pemilikan tanah secara haram atau pemastautin tanpa hak dan membantu penyusunan masyarakat terutama yang berasaskan kesejahteraan rakyat bawahan. Rakyat juga seharusnya bersyukur kerana kerajaan juga akan mengambil kira menurunkan kadar premium tanah dan kelonggaran cara bayaran serta menghapuskan cukai tanah.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, pada hemat saya reformasi sistem pentadbiran tanah perlu juga dilaksanakan di atas beberapa perkara tertentu. Pertama, mengenai pemberian tanah berkelompok kepada rakyat. Saya nampak perkara ini telah lama berbangkit, semenjak tahun 1970 lagi, pemberian tanah yang dijalankan berasaskan semata-mata kepada penyokong satu buah parti saja, kalau terlepas pun seorang dua saja. Ketelusan bagi pemilikan pemohon-pemohon yang berjaya langsung tidak ada. Banyak berlaku pemberian-pemberian kepada kronikroni, suku-sakat pemimpin-pemimpin parti yang tertentu saja. Dan sekali sekala pemberian cara mudah juga diberi kepada pegawai-pegawai kerajaan yang sepatutnya tidak mengambil peluang yang seperti ini. Ini semua sudah tentu akan melindungi peluang-peluang rakyat yang betul-betul memerlukan tanah dan berhak mendapatkannya.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bagi menyelesaikan kebuntuan ketidakadilan dan ketelusan ini, saya menyarankan kepada kerajaan pimpinan yang baru, di bawah Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya mana-mana rancangan tanah berkelompok yang hendak dilakukan kepada bakal-bakal pemohon yang berjaya hendaklah terlebih dahulu dipamerkan senarai pra-kelulusan pemohon-pemohon yang berjaya di papan-papan kenyataan di Pejabat Tanah dan di balai-balai raya serta balai Penghulu, dan juga di tempat rancangan berkenaan supaya dapat ditatap oleh orang ramai atau rakyat jelata dan membuat bantahan, jika ada, selama 14 hari. Ini sesuai dalam konsep "syura rakyat".

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya juga merasa kesal - kenapa dan mengapa terdapat sebilangan besar penduduk di kawasan saya terutama di kawasan Pekan Kijal, yang mana penduduk terdiri daripada keluarga nelayan yang masih lagi tidak mempunyai tanah tapak rumah kediaman dan masih lagi menumpang di tanah orang. Ini melibatkan kurang lebih 150 keluarga. Saya memohon dan mencadang supaya Pekan Kijal dibuat penyusunan semula supaya rakyat yang tidak bertanah mendapat haknya.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, perkara yang kedua yang ingin saya bangkitkan berhubung dengan pembangunan sektor pertanian. Tumpuan perlu diberi bagi mengkomersilkan dan memodenkan sektor ini di samping memastikan pendapatan petani-petani kecil diperolehi secara berterusan dan lumayan. Ini terdapat dalam manifesto yang baru saja ... ada dalam pimpinan yang baru. Untuk tujuan ini saya menyokong penuh projek-projek berkelompok sayuran, buahan dan kontan yang dibuat oleh Jabatan Pertanian yang mana terdapat di Dusun Nukleus Pelong, Setiu misalnya - projek sayur Kelompok Surau Emas, Kuala Terengganu dan lain-lain. Lain-lain projek ialah penglibatan wanita dalam Kumpulan Pengembangan Wanita iaitu khususnya isteri-isteri petani. Ini juga saya rasa perlu diteruskan.

Dan perkara yang ketiga berhubung dengan subsidi *input* sama ada baja, racun dan benih,

22 Disember 1999

pengairan dan peralatan, harga untuk padi, ini juga perlu diteruskan. Dan saya hanya menambah untuk mencadangkan supaya pagar kawat duri dipertimbang untuk tanaman sayur dan kontan saja. Kalau kita tanam baik-baik, lepas itu ternakan akan masuk dan memusnahkan tanaman tersebut. Itupun tidak memberi guna kepada petani-petani.

Dan perkara yang baru yang saya rasa masalah ... petani kecil khasnya, masalah utama yang mereka hadapi sekarang ini ialah memperolehi sumber pendapatan sebelum tanaman itu mengeluarkan hasil untuk tujuan membolehkan mereka terus berusaha. Saya ingin mencadangkan supaya dengan mengadakan subsidi sara diri ataupun pendahuluan bagi membantu mereka memperolehi sumber pendapatan sebelum hasil tanaman dikeluarkan. Dengan demikian adalah wajar satu tabung atau dana diwujudkan sebagai sumber kewangan bagi tujuan ini sama ada ambil duit daripada Tabung Warisan ataupun syarikat-syarikat negeri, SEDEC dan sebagainya sebagai sumber subsidi atau memodali pengurusan dana ini dan bayaran balik dari petani bolehlah ditentukan kemudian.

Projek-projek yang seharusnya diteruskan dalam sektor pertanian ini ialah berhubung dengan Taman Pengeluaran Makanan yang mana telahpun dijalankan sebagaimana di Rhu Tapai, Setiu dan juga di Serating, Marang. Ini juga, saya rasanya baik untuk diteruskan.

Perkara yang sama juga Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya rasa ini adalah perkara yang lama dibangkitkan tetapi belum lagi dilaksanakan seperti kita berharap supaya mengeluarkan makanan jangka panjang iaitu bergantung kepada petani-petani yang profesional, yang terlatih mengenai teknologi moden, komersil dan secara perniagaan bagi menggantikan petani-petani tradisional. Untuk itu ,saya ingin mencadangkan satu lagi pendekatan baru iaitu bantuan khas kepada petani pelapis ini. Pada masa ini, Jabatan Pertanian merasa sukar untuk memberi peluang kepada mereka kerana masalah ialah mereka ada juga mendapat kemahiran daripada Jepun, yang mana setelah tamat latihan mereka tidak mempunyai kemudahan untuk melibatkan diri bidang pertanian ini secara kemahiran dan teknologi yang mereka perolehi. Oleh itu, dicadangkan supaya petani-petani pelapis ini diserapkan di bawah satu program khas oleh kerajaan dengan menyediakan keperluan untuk mereka seperti tanah, peralatan dan sedikit modal. Dengan pelaksanaan program ini diharapkan petani-petani moden ini menjadi contoh di dalam pembangunan sektor pertanian secara moden di dalam kerajaan baru ini.

Perkara yang akhir sekali yang saya ingin menyebutkan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, iaitu berhubung dengan sektor perikanan. Ini juga sebagai *hard core* kemiskinan rakyat kita dalam Negeri Terengganu. Untuk meningkatkan taraf hidup dan sosio-ekonomi khususnya nelayan terutama sekali nelayan pantai atau tradisional, saya merasakan bahawa ada beberapa projek yang telah dijalankan oleh Jabatan Perikanan yang patut diteruskan seperti penubuhan Kumpulan Ekonomi Nelayan (KEN), yang mana telah ada di daerah dan mukim yang perkampungan nelayan menjalankan aktiviti tangkap ikan menjadi salah satu pekerjaan bagi masyarakat setempat. Dan saya rasa KEN ini akan memberi faedah dan aktiviti seperti memproses keropok, belacan, jualan peralatan penangkapan ikan, jualan ikan segar, jualan minyak dan lain-lain.

Tetapi sebagai tambahan, nelayan ini ... yang sebenarnya sukar bagi kita nak ntengubahkan pemikiran mereka atau kata orang `anjakan paradigma' dan sebagainya kerana mereka sudah

22 Disember 1999

begitu keadaan dan mereka rasa mereka bersedia hanya berada di tepi pantai, mendengar ombak setiap kali menjadi nyanyian kepada mereka semasa tidur. Jadi saya rasa perkara yang lain yang perlu kita tolong atau memberi bantuan kepada pasukan nelayan ini ataupun keluarga nelayan ini ialah kita mengadakan Skim Bantuan Kebajikan Nelayan yang saya percaya telahpun ada diwujudkan semasa dahulu oleh kerajaan hanya semata-mata untuk tujuan musibah dan kesusahan. Seperti kalau kehilangan nyawa diberi RM6,000 sebagai maksimum, masuk hospital dan sebagainya. Tetapi apa yang penting lagi ialah nelayan ini memerlukan bantuan seperti bantuan pendidikan bagi anak-anak sekolah mereka, masuk hospital telahpun ada. Yang pentingnya juga ialah mereka tidak mempunyai duit tambahan yang mana kadang kala mereka mempunyai anak yang besar yang memerlukan, sekurang-kurangnya sekali dalam hidup mereka iaitu majlis kenduri kendara. Maknanya kalau boleh berilah RM1,000 bantuan, contohnya. Sebagai nelayan yang daif dan yang berharap kepada 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang'.

Dan penggunaan peralatan moden dan tukun uruan ini, saya rasa ini adalah baik dan saya berharap ini dapat diteruskan dalam segi pembangunan perikanan yang kita ada sekarang ini. Dan yang paling penting juga yang disebut oleh pengucap yang kedua tadi ialah berhubung dengan pembangunan insan. Saya rasa ini adalah amat penting kepada golongan nelayan kerana mereka barangkali memerlukan kepada perkara-perkara seperti ini, sekurang-kurangnya kita melatih mereka satu budaya iaitu sembahyang hajat sebelum turun ke laut. Boleh dimulakan untuk diberi kesedaran, keinsafan kepada masyarakat nelayan untuk mencari rezeki yang halal dan mendapat berkat dari Allah s.w.t. Jadi, saya rasa perkara yang penting untuk nelayan ialah kita juga perlu menyegerakan supaya bantuan-bantuan yang secara tidak langsung ini diberi kepada mereka oleh kerajaan daripada masa ke semasa. Dan inilah saja pertolongan yang mungkin boleh kita anggap sebagai pertolongan kemanusiaan yang mana mereka sangat berharap kepada kerajaan yang memerintah.

Jadi itu saja barangkali Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, perkara-perkara yang saya dapat bangkitkan di sini dan mudah-mudahan memberi manfaat, wallahu alam. Wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Kijal dan Yang Berhormat seterusnya, dipersilakan - Sila Yang Berhormat dari Kemasik.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para pemerhati yang saya hormati sekalian. Terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut sama membahaskan ucapan belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kelmarin. Saya nampak tidak ada apa keistimewaan belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kelmarin. Sebab apa yang disampaikan merupakan satu persediaan yang telahpun dibuat oleh kerajaan dulu dimana pembentangan semalam hanya merupakan ubahsuai di sana dan di sini, ditambah dan dikurangkan, itu saja.

22 Disember 1999

Dan saya dapati juga setelah tiga minggu kerajaan PAS memerintah Negeri Terengganu, Kerajaan PAS cuba mengambil hati rakyat dengan pengumuman-pengumuman yang kononnya memberi keuntungan kepada rakyat. Pada hal ia hanyalah tidak lebih gimik politik. Sebagai contoh yang pertama, penghapusan tol di Jambatan Sultan Mahmud. Saya ingin tahu berapa ramai rakyat Negeri Terengganu yang mendapat keuntungan daripada penghapusan tol? Sebilangan kecil saja rakyat yang menggunakan jambatan tersebut. Orang-orang kampung, rakyat-rakyat di desa, di kampung tidak pernah menggunakan, mereka tidak mempunyai kemudahan ... hanya motosikal dan basikal saja. Tetapi ini yang digembar-gemburkan oleh PAS hari ini mengatakan inilah pengorbanan yang pertama yang dilakukan oleh Kerajaan PAS iaitu menghapuskan tol setelah pengumuman kemenangan pilihan raya yang dibuat pada 29 haribulan. RM4 juta setahun kerajaan kehilangan cukai daripada tol, yang sepatutnya boleh digunakan untuk pembangunan di kampung dan desa. Saya tidak tahu dimana untungnya menghapuskan tol ini?

Yang kedua, sebagaimana soalan saya tadi penghapusan cukai pintu. Cukai pintu selama ini, rakyat-rakyat di kampung, di desa yang keseluruhannya terdiri daripada orang Melayu tak pernah bayar cukai pintu melainkan rakyat-rakyat yang tinggal di bandar dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah ataupun Majlis Perbandaran. Itupun kalau ada orang Melayu kena cukai pintu hanyalah RM4 - RM5 setahun tetapi kerajaan kehilangan RM5.8 juta setahun disebabkan penghapusan ini. Orang kaya di bandar yang terdiri daripada bukan orang Melayu keseluruhan yang mempunyai rumah-rumah besar, banglo-banglo besar. Sebagai contoh kawan saya seorang di Kemaman yang mempunyai sebuah banglo besar, cukai pintunya lebih kurang RM1,200, hari ini tak kena bayar bukan orang Melayu. Siapa yang untung? Rakyat di kampung ke untung atau rakyat di bandar? Sepatutnya kita kena .....

**YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang Berhormat Yang Dipertua, penjelasan - Dalam bandar ni tak dok orang miskin ke?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Ada orang miskin dalam bandar tapi orang miskin dalam bandar tak bayar cukai pintu.

**YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang Berhormat Yang Dipertua, bandar mana pulak tak kena? Undang-undang mana pulak ada orang miskin tak kena bayar? Yang bertunggak tu kerana apa?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Ya, orang miskin yang tinggal di bandar contohnya penerima-penerima bantuan am, penerima-penerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, dikecualikan daripada bayaran cukai pintu.

**YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTUALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat dari Kemasik ni dia tak tahu undang-undang. Semua orang kena, ada rumah saja kena.

22 Disember 1999

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tetapi ada tempat-tempat ataupun kedudukan yang dikecualikan, sebagaimana saya sebutkan tadi.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Pengecualian tu di luar daripada undang-undang. Tapi peraturan tu mesti tetap.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya faham, walaupun dia penerima bantuan Kebajikan Masyarakat ataupun tidak undang-undang menyatakan dia kena cukai pintu. Tapi selama ini dia tidak kena. Saya ingat beginilah Yang Berhormat ... Yang Berhormat jawablah masa jawapan oleh pihak kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Dipertua, saya sedia jawab tapi janganlah bohong kepada Dewan ni kalau tidak tahu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tidak bohong ni ... betul ni ... hakikat ni. Orang Kebajikan Masyarakat yang dapat bantuan dikecualikan daripada bayar cukai pintu walaupun undang-undang mengatakan dia kena.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tuan Yang Dipertua, biar dia bagi satu peruntukan mana dia proviso yang mengecualikan orang yang terima bantuan Kebajikan Masyarakat ni. Beri ... beri peruntukan undang-undang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tidak berapa jelas Yang Berhormat!

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Saya minta Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat daripada Kemasik ni beri peruntukan undang-undang yang mengecualikan orang yang terima bantuan Kebajikan Masyarakat ni daripada membayar cukai pintu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat, undang-undang tidak mengatakan begitu tetapi budi bicara. Kerajaan dulu menggunakan budi bicara mengatakan bahawa penerima-penerima Kebajikan Masyarakat dikecualikan daripada bayaran cukai pintu.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tuan Yang Dipertua, ada *circular* dak? Ada Pekeliling?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Ada ... keputusan Exco dulu ada, tapi saya tak boleh nak bawa pekeliling hari ini. Saya minta pihak kerajaan menyemak perkara ini.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Saya nak minta pekeliling, mesti Yang Berhormat ni terima pekeliling.

22 Disember 1999

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya minta kerajaan hari ini menyemak balik keputusan yang dibuat dulu ...

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya minta Yang Berhormat Wakil Kemasik teruskan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

Tadi Wakil daripada Paka mengatakan bahawa kerajaan dulu dapat hasil daripada benda yang haram, benda yang tidak diredayai oleh Allah s.w.t. seperti cukai jualan arak dan sebagainya. Sedangkan arak yang dijual dulu bukan orang Islam yang jual, kedai-kedai orang bukan Islam. Saya nak tanya apa bezanya dengan pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar baru-baru ini mengatakan bahawa arak dibenarkan dijual di Negeri Terengganu. Apa bezanya? Ini pengumuman yang dibuat mengatakan bahawa arak dibenarkan dijual di Negeri Terengganu oleh peniaga-peniaga bukan Islam. Tak sama ke?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, jual dengau ambil cukai lain. Dia jual, dia minum dak ambil cukai - tak dapat beza ke?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat jawab kemudianlah. Bagi saya serupa, kalau nak hapus ... hapuskan terus jangan ada kedai yang jual arak. Kalau ikut cara Islam, jangan jual. Ini tidak ada bezanya.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tuan Yang Dipertua, kena mengaji semula ni - kena mengaji semula.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tuan Yang Dipertua, banyak gangguan ni. Tak usah takutlah .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tuan Yang Dipertua, bukan soal ganggu Yang Dipertua. Ini penjelasan jangan kita bohong macam tu, takkanlah jual dengan kutip cukai tu serupa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bila tak kena cukai, jualan mesti ada.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Bila ada jual, ada cukai. Fikir tak betul doh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bukan ... kalau dia jual makna keuna cukai jual, lesen dia dan sebagainya. Jangan kita berselindung dengan kenyataan-kenyataan yang bolch mengelirukan rakyat .....

22 Disember 1999

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Penjelasan Tuan Yang Dipertua - Lesen lain ... cukai lain.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Jual lain.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Jual lain.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tapi arak tetap arak.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tuan Yang Dipertua, Wakil Kemasik dah faham, arak tetap arak, riba tetap riba - cuma ambil dak ambil saja, minum dak minum saja.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Ikutlah kerajaan nak buat macam manapun bagi saya arak tetap arak. Tak usah berselindunglah.

Yang keempat, masa kerajaan dulu kita telah buat Enakmen bahawa kita tidak benarkan Negeri Terengganu memelihara babi, diharamkan setitik ... tak benarkan walaupun setitik darah babi gugur di bumi Negeri Terengganu. Yang kita benarkan untuk kepentingan masyarakat bukan Islam import daripada luar, itu saja. Tetapi pengumuman yang dibuat oleh ... baru-baru ini oleh Lim Kit Siang setelah berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, mengatakan bahawa babi dibenarkan dipelihara di Negeri Terengganu. Apa dah jadi ni? Dulu masa kita tidak membenarkan babi dipelihara di Negeri Terengganu tidak ada sungutan pun daripada orang bukan Islam, tidak ada satu bantahan pun daripada orang bukan Islam. Tapi kerajaan baru hari ini, yang mendakwa bahawa akan menggunakan seluruh pentadbiran secara Islam tapi membenarkan babi dipelihara di Negeri Terengganu setelah di minta oleh Lim Kit Siang.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, penjelasan - Islam tu dak benar orang bukan Islam tu makan babi?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terpulanglah kepada Yang Berhormat untuk mentafsirkan apa yang sepatutnya. Tapi saya nak cerita apa yang berlaku disebabkan desakan daripada Lim Kit Siang.

Yang kelima, kerja lima hari seminggu. Memang jadi Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Terengganu suka sebab kerja hanya lima hari seminggu. Kalau empat hari lagi pegawai suka, tapi sedarkah kerja-kerja yang sepatutnya dilaksanakan, yang dapat diselesaikan mungkin dengan sebab lima hari seminggu ada kerja-kerja yang tidak dapat disempurnakan dengan segera terutamanya kepada golongan-golongan orang yang bermula, golongan-golongan orang yang membuka bisnes sendiri yang memerlukan sokongan, memerlukan pandangan, yang memerlukan tindakan daripada jabatan-jabatan kerajaan. Kalau pada hari Sabtu biasanya mereka-mereka ini dapat berhubung dengan jabatan-jabatan kerajaan demi untuk kepentingan perniagaan mereka

22 Disember 1999

tapi hari ini, setelah satu haribulan ini tak ada lagi masa hari Sabtu untuk mereka berhubung. Dan ini merugikan syarikat-syarikat yang ada dan merugikan orang-orang perseorangan yang membuka bisnes dan sebagainya.

Saya tak tahu lah cara mana ... begitu juga dengan perhubungan dengan Kerajaan Persekutuan, hari Jumaat kita dah cuti tak boleh berhubung dengan Persekutuan, hari Sabtu kita cuti - kita tak dapat berhubung dengan Jabatan Persekutuan. Hari Ahad Jabatan Persekutuan cuti, kita buka - kita tidak dapat berhubung ... tiga hari seminggu yang kita putus perhubungan dengan Jabatan Persekutuan, hanya tinggal Isnin, Selesa, Rabu dan Khamis saja. Jadi ini perlu kita teliti walaupun ini menggembirakan sebahagian pegawai-pegawai kerajaan tapi kita kena ingat, tugas kita, tanggungjawab kita kepada rakyat perlu kita beres, perlu kita segerakan bukan kita beri .....

**YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, penjelasan - Kelantan dua penggal dah kerja lima hari, ada masalah ke dengan Kerajaan Persekutuan? Ada ke menyebabkan perniaga-perniaga bersungut?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Sebab itu Kelantan tak maju.

**YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Siapa kata Kelantan tak maju?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Saya kata satni.

**YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Padan dengan muka ... Tuan Yang Dipertua, cuba tengok *time table* penerbangan MAS Kota Bharu - Kuala Lumpur, Kuala Lumpur - Kota Bharu, pasal apa lebih kerap berbanding dengan Terengganu?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Saya minta kerajaan yang ada hari ini supaya berunding dengan MAS agar lebih kerap MAS mendarat di Terengganu. Saya nak tengok.

Yang keenam, banyak sangat gangguan ... Tuan Yang Dipertua saya teruskan?

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Silakan -

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Cuti bersalin saya pun suka, 90 hari ... tapi lama sangat, tiga bulan nak boleh hak baru pulak dah. Yang suami tu ... bolehlah bagi seminggu, itu pun lama jugak supaya dapat menolong si-isteri yang dalam keadaan yang tidak sihat dan mengizinkan. Tapi tiga bulan tu menjelaskan pentadbiran. Kalau seorang tak apa beranak, takut serentak sekali gus ramai ... ni musim-musim hujan ni. Kena timbang balik, kalau serentak ramai sampai berpuluh-puluh orang menjelaskan pentadbiran, menjelaskan jabatan-jabatan. Kita terpaksa kakitangan sambilan bagi menampung keperluan yang ditinggalkan oleh mereka-mereka yang bercuti bersalin ini. Saya

22 Disember 1999

minta kerajaan buat kajian balik demi untuk kesejahteraan dan kebaikan rakyat keseluruhannya di Negeri Terengganu.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Kemasik. Dan saya masih memberi peluang kepada Yang Berhormat sekalian untuk berucap. Yang Berhormat Wakil dari Telemong dulu -

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Bismillahi rahmani rahhim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikasihi sekalian. Saya ucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan ucapan belanjawan yang telah dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari semalam. Yang kedua Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ucapkan tahniah kepada Yang Dipertua yang telah dilantik untuk mengepalai Dewan ini dan mudah-mudahan hasrat kita, sebagaimana ucapan Yang Dipertua untuk melihat sumbangan kita yang berkesan bagi pembangunan Negeri Terengganu Darul Iman ini akan tercapai, insya Allah.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga barisan kerajaannya yang walaupun ada dua tiga orang ahli Exco menjawab lebih kurang barangkali sebab tak sampai 40 hari lagi. Dan insya Allah, kita berharap seluruh rakyat Terengganu berharap dengan janji serta apa yang telah dibacakan oleh hasrat Kerajaan PAS ini, insya Allah kita akan lihat pada masa akan datang. Tuan Yang Dipertua, kami diberikan pembangkang memberi jaminan akan memberi sumbangan yang bermakna dan akan menjadi pembangkang yang bijak serta berkesan tidak bertindak liar dan samseng seperti mana pembangkang yang kita lihat sama-sama di Parlimen dua hari yang lepas.

Tuan Yang Dipertua, mengenai belanjawan yang telah dibaca oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari semalam, sebagaimana kata rakan saya daripada Kemasik sebentar tadi sebenarnya tidak ada banyak perubahan dan saya boleh sahkan kerana saya berada dalam kerajaan berkali-kali berbincang serta menyediakan, bersama-sama bertindak menyediakan belanjawan ini. Sebenarnya belanjawan ini adalah belanjawan kerajaan yang lalu cuma ditokok tambah untuk propaganda agenda politik kerajaan semasa pada hari ini. Insya Allah, moga-moga sama-sama kita melihat rancangan pembangunan yang telah diatur, insya Allah akan diluluskan oleh Dewan ini terutamanya projek-projek yang disenaraikan dalam belanjawan ini akan diteruskan. Tidak ditarik di tengah jalan apabila timbul masalah kewangan untuk ditokok tambah di mana-mana pada masa akan datang.

Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang dicakap ataupun diulas oleh Wakil Paka yang saya nampak cakapnya agak bergelewat tidak dapat membezakan ceramah di pentas-pentas politik dan juga di Dewan ini. Yang melihat kepada agenda besar, saya nampak agenda besar yang berada di dalam belanjawan yang telah dibaca dan diolah begitu rupa pada hari semalam adalah semata-mata untuk menimbulkan prasangka serta menuduh kerajaan yang lalu dengan begitu ketara. Ini dapat saya bacakan dengan jelas, apa yang telah dibaca ... dan secara rasmi semalam bahawa,

22 Disember 1999

saya dengan izin Tuan Yang Dipertua - *'Amalan-amalan negatif yang dilakukan oleh Barisan Nasional seperti kronisme, nepotisme, dan semacam itu... irasi, korupsi, ketidaktelusan dan pembaziran akan dihapuskan. Kerajaan kita ini yang lalu telah mewariskan kepada Kerajaan Barisan Alternatif'* bagi saya - saya tak mengikuti kerajaan Barisan Alternatif ini, Tuan Yang Dipertua kerana barisan Alternatif ini tidak didaftarkan, Kerajaan PAS bagi saya - *'hutang sebanyak RM731,334.'* ... ini dibangkitkan oleh Wakil Paka sebentar tadi. Untuk pengetahuan Wakil Paka dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita sebagai konsep negeri yang berada di dalam federasi ataupun Persekutuan sebenarnya kita mempunyai hubungan yang rapat dan apa yang telah dibangkitkan Wakil Paka untuk menubuhkan Suruhanjaya supaya perkara ini dikaji. Ini sebenarnya membimbangkan saya rasa kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri kerana kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, beliau jelas sekali ingin bekerjasama dengan Kerajaan Pusat. Kerana Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita ketahui hutang ini bukanlah untuk kita berjoli, hutang ini bukanlah untuk kita memberi kepada kroni-kroni. Sebenarnya hutang-hutang ini dibuat oleh kerajaan atas dasar dan juga peruntukan yang telah ada dalam Perlembagaan untuk kepentingan rakyat. Kemudahan-kemudahan rakyat disediakan dengan kos yang tinggi yang tidak mampu ....

**YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Penjelasan Tuan Yang Dipertua, rakyat pun ada jugak .....

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):** Saya tidak memberi laluan ..... yang tidak mampu dibangunkan oleh Kerajaan Negeri dan kita terpaksa menuhon sama ada dalam bentuk bantuan ataupun geran daripada Kerajaan Pusat. Contohnya, untuk pembangunan air, pembangunan infrastruktur, perumahan rakyat dan sebagainya. Jadi ini kita kena jelaskan kepada rakyat jangan besarkan, wa-wakan hutang yang besar begitu dan seterusnya dikelirukan kepada rakyat. Tuan Yang Dipertua, inilah saya istilahkan kerajaan yang tak sampai 40 hari ni bolch bercakap apa saja. Sebab itu dalam soalan saya, saya minta jaminan serta juga saya minta janji dia dan insya Allah, sama-sama kita lihat pada masa datang adakah mereka dapat menunaikan janji dan jaminan ini, sebagaimana janji di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang Dipertua, menceruskan ucapan saya - saya ingin melihat sekadar 21 hari selepas pembentukan kerajaan pada 2 haribulan yang lepas dan 24 hari selepas pilihan raya. Ini bolch kita menilai apa yang dibuat oleh kerajaan sekarang ini. Insya Allah, saya percaya seluruh rakyat bukan saja Negeri Terengganu malah di seluruh negara menumpukan perhatian apa yang dibuat oleh kerajaan yang berjanji kepada rakyat. Pertama, sebaik saja diisyiharkan menang walaupun ... saya difahamkan oleh rakan-rakan PAS mereka sendiri pun tidak menyangka kemenangan sebegitu besar, ini satu mandat rakyat. Jadi bila diisyiharkan menang terus seorang rakan kita ... belum dibentuk kerajaan telahpun mengisyiharkan, konon sebagai jurucakap kerajaan, mengisyiharkan cuti umum pada besok hari. Ini pada dasarunya Tuan Yang Dipertua, kerajaan belum dibentuk *'caretaker government'* dengan izin, masih ada, masih wujud pada ketika itu dan perisytiharan tidak layak kepada beliau untuk mengumumkan apa juar sebagai wakil kerajaan. Kunci pagar Wisma Darul Iman dikunci sebegitu rupa, kononnya ... dengan prasangka yang besar bahawa kerajaan yang lalu, untuk mengelakkan pengeluaran dokumen dan sebagainya.

22 Disember 1999

Ketiga yang lebih sedih dan aneh lagi Tuan Yang Dipertua, kunci bilik-bilik di tingkat 5 dan 6 yang menempatkan bilik-bilik Exco Kerajaan Negeri dan juga tingkat 16, tidak dibenarkan masuk. Saya nampak Tuan Yang Dipertua, tidak ada lain selain daripada semangat, sebenarnya semangat syak wasangka sangat tinggi. Kerana apa yang dinyatakan oleh mereka ini untuk mengelakkan kita pihak kerajaan ataupun Exco-exco yang terlibat yang sepatutnya meninggalkan bilik-bilik itu dengan segera dan diawasi dengan baik supaya kita dapat menyerahkan tugas dengan mengikut amalan Islam. Jadi, Tuan Yang Dipertua sebaliknya apa yang berlaku untuk mendapatkan fail-fail serta barang peribadi kita, kita terpaksa menghadapi orang-orang suruhan yang bukannya pegawai kerajaan, yang bertindak atas dasar bukannya atas surat atau sebagainya yang membuka begitu ghairah. Contohnya Tuan Yang Dipertua, memasuki bilik saya sebagai Pengurus Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Pengangkutan Negeri kerajaan yang lepas kononnya apabila memasuki pejabat saya dengan begitu ghairah dan angkuh orang-orang suruhan ini bertanya kepada pegawai saya "Mana borang ... mana fail yang meluluskan kontrak kepada kroni itu? Mana yang lulus itu ... ini dan sebagainya". Jadi, Yang Dipertua ini jelas kepada kita, kepada rakyat sekalian yang sebenarnya ini bukan amalan Islam. Kita mempunyai kaedah tertentu, kalau dikatakan oleh Wakil Kerajaan dalam soalan saya hari semalam beliau telah menyatakan bahawa kononnya kerajaan yang lalu merasa gelisah di atas jaminan dan sebagainya. Sebenarnya kita tidak mempunyai perasaan resah gelisah Tuan Yang Dipertua. Kita bertanggungjawab apa yang kita buat dan kita mempunyai kaedah-kaedah tertentu untuk membuat tindakan dan sebagainya mengikut peraturan dan Perlembagaan negara kita yang mengamalkan sistem demokrasi ini, Tuan Yang Dipertua.

Jadi, Yang Dipertua inilah contoh yang saya boleh beri pada keadaan di mana dua tiga hari atau seminggu, dua minggu, tiga minggu yang pertama ini kerajaan yang kononnya pada hari semalam membuat jaminan insya Allah, kita akan lihat pada masa akan datang.

Tuan Yang Dipertua, menambah kepada apa yang telah berlaku dalam tempoh tiga minggu ini. Ini minta maaf saya terpaksa menyebut dan telahpun berlaku dengan begitu menyayat hati kepada seluruh rakyat Negeri Terengganu, iaitu pertukaran dengan segera Pegawai-pejawai Tinggi Kerajaan yang terlibat dengan serta merta. Yang saya sendiri tidak tahu, apakah pertukaran ini sangat perlu dan tidak boleh dikaji walaupun 15 hari lagi kita mempunyai tahun 1999 ini yang semua orang sekarang ini bukan tukar menukar, kita menumpukan sekarang ini masalah Y2K yang terpaksa kita hadapi pada 31 haribulan dua belas. Tapi kerajaan yang ada pada hari ini lebih berminat untuk ... sebenarnya dia kata tidak membala dendam tetapi apa yang telah dia buat, telah jelas apa yang dibuat sebenarnya semua rakyat dapat melihat, semua pegawai kerajaan dapat melihat, kita dapat menilai apa yang telah dia buat tak usah berselindung di sebalik kata-kata yang pandai, berucap pandai di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang Dipertua, begitu juga pegawai-pejawai di agensi kerajaan ditamatkan serta merta. Tak boleh nak tunggu 15 hari, tak sabar pada hal kontrak masih lagi ada, masih panjang. Jadi ini Tuan Yang Dipertua, menampakkan kepada kita apa yang saya katakan tadi. Yang paling berlaku dua tiga hari ini dimana Pegawai Tertinggi Kerajaan Negeri iaitu Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri telah jelas menyatakan dalam laporan yang diarah atau dipohon bersara ataupun ditukar ke agensi, ataupun ke taraf jawatan yang tidak setara dengan jawatan SUK. Jadi Tuan Yang Dipertua, saya tidak payah mengulas panjang soal ini ... ini jelas sama sekali bahawa kerajaan yang ada ini tidak menilai dan juga tidak membuat kajian adakah

22 Disember 1999

pegawai atau SUK ini, adakah mereka ini tidak boleh bekerja dengan tekun dan juga setia di bawah kerajaan yang ada. Belum tentu Tuan Yang Dipertua kerana dalam ucapan yang pertama saya telah menerima teks ucapan daripada bekas Setiausaha Kerajaan dalam pertemuan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan Pegawai-pegawai Kerajaan di Wisma Darul Iman ini. Arahan pertama Setiausaha Kerajaan adalah mengarahkan semua pegawai-pegawai kerajaan dalam Negeri Terengganu Darul Iman ini supaya patuh dan mengikut apa yang akan diarahkan oleh kerajaan yang ada sekarang ini.

Ini jelas Tuan Yang Dipertua, bagi saya kalaupun ditawarkan dengan ... saya difahamkan pemberhentian bekas Setiausaha Kerajaan ini telah ditawarkan dengan jumlah yang sebegini rupa. Kemudian saya ingin bertanya, apakah *urgency*, apakah pentingnya wang rakyat ini digunakan dalam keadaan kita ingin menghabiskan tempoh 15 hari tahun 1999 ini untuk tidak membebankan kepada kerajaan akan datang wang rakyat digunakan pada bekas Setiausaha Kerajaan ini masih boleh bertugas kerana umurnya masih muda, masih kuat dan masih boleh berkesan. Saya nampak Tuan Yang Dipertua, ini ada agenda lain dan tidak boleh kita nafikan agenda membela dendam telah diterima oleh kerajaan yang ada pada hari ini.

Tuan Yang Dipertua, ada jawapan ringan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kononnya semuanya ini adalah perkara biasa. Yang lebih dahsyat lagi semua yang berlaku ini adalah takdir Allah s.w.t., menyalahkan Tuhan, menyalahkan Allah s.w.t. Inikah sikap pemimpin yang ingin menjamin negeri Darul Iman ini dengan semangat Islam yang *syamil*. Jadi Tuan Yang Dipertua, saya mempunyai keraguan sebab itulah saya minta jaminan dan keyakinan kita di pihak pembangkang untuk mempastikan pada masa akan datang tidak akan berlaku lagi. Dan cakuplah tiga minggu ini kepada kerajaan yang sedia ada, jadikanlah pengalaman, jadikanlah ini sebagai suatu panduan dan tidak mendera rakyat Negeri Terengganu yang sentiasa memberi perhatian. Dan insya Allah, Tuan Yang Dipertua sebenarnya tanggungjawab dan tugas yang diberi oleh rakyat dalam pilihan raya yang lalu sebenarnya bukanlah untuk bertindak sewenang-wenangnya seumpama ini, Tuan Yang Dipertua.

Yang kelima, ingin saya jelaskan juga satu perkara yang amat sedih dimana tiada satu penyerahan tugas secara rasmi daripada kerajaan yang lalu kepada kerajaan yang sedia ada pada hari ini yang sepatutnya kita sebagai seorang Islam, sebagai kerajaan yang mengaku perjuangan kita adalah perjuangan Islam kita boleh menerima dan juga membuat penyerahan tugas dengan baik. Malah kalau kita lihat dimana kerajaan sekali pun sama ada kerajaan yang bertindak secara kekerasan, sebagaimana di Indonesia dimana sekalipun kita membuat acara ataupun majlis penyerahan secara rasmi. Soal apa yang dikatakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk membuat tindakan ....

**YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI** (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, penjelasan ....

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG** (Wakil Telemong): Saya tidak beri laluan Yang Dipertua, saya ada masa yang singkat. .... itu ada kaedah dan peraturan. Perlembagaan memberikan peruntukan serta undang-undang mempunyai peruntukan kerajaan yang sedia ada untuk bertindak dan sebagainya. Tapi janganlah kita begitu gopoh, begitu rasa tidak menghargai apakah sumbangan kerajaan yang lepas dalam

22 Disember 1999

pembangunan Negeri Terengganu yang selama ini sebenarnya telah dinikmati ... telah diberi kepada rakyat Negeri Terengganu begitu berjaya kalau berbanding dengan zaman ataupun dalam tempoh pemerintahan-pemerintahan kerajaan negeri yang lain.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin bawak satu cerita yang berlaku kepada kerajaan UMNO, kerajaan Barisan Nasional yang mengambil alih Kerajaan Negeri Sabah daripada PBS pada tahun 1984 dimana Ketua Menteri pada ketika itu Kerajaan Barisan Nasional telah melantik Yang Amat Berhormat Tan Sri Sakaran Dandai menggantikan tempat yang dipegang oleh Presiden PBS pada ketika itu. Untuk makluman kerajaan yang sedia ada dan Tuan Yang Dipertua, satu peralihan kuasa yang sangat baik berlaku walaupun kerajaan PBS itu kita tahu, bukan kerajaan Islam dan Tan Sri Sakaran Dandai telah memberikan satu peruntukan masa yang mencukupi kepada bekas Ketua Menteri untuk mengemasakan barang-barangnya, untuk menyerahkan tugas-tugasnya yang belum selesai, untuk memaklumkan apa yang sepatutnya diberitahu kepada kerajaan yang sedia ada. Malah pada hari terakhir Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang baru daripada Barisan Nasional telah menuruni daripada pejabat mengiringi bekas Ketua Menteri, menghantar dan berpelukan serta membuka pintu kereta untuk mempersilakan bekas Ketua Menteri ini pergi dengan baik.

Jadi Tuan Yang Dipertua, saya tidak nampak apa yang berlaku dalam kerajaan pada hari ini dalam proses yang telah berlaku. Ini tidak boleh dinafikan Tuan Yang Dipertua, perkara ini telah berlaku dan saya minta ini akan menjadi pengajaran. Sebaliknya Tuan Yang Dipertua, berpelukan dengan Lim Kit Siang, ini laporan Harakah akhbar rasmi Kerajaan PAS. Ini Yang Dipertua, kononnya ... eratnya untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan, pemimpin dan rakyat semua. Inikah lambang, inikah satu perjuangan ataupun jaminan yang telah diberikan oleh kerajaan yang sedia ada ini.

Tuan Yang Dipertua, ini semua baru dalam tiga minggu kita tidak nampak dalam masa lima tahun akan datang, kita sama-sama ... saya meminta pegawai-pegawai kerajaan, pemimpin-pemimpin kerajaan nilai kerajaan ini. Kita pun sekarang ini, saya telah difahamkan semua sekali dah rasa panas, dah rasa gelisah ... difahamkan sekarang ini Penghulu-penghulu akan ditukarkan. Jadi insya Allah, kita harap Tuan Yang Dipertua perkara-perkara yang dijanjikan sebagaimana tidak akan berlaku membala dendam dan sebagainya tidak akan berlaku dalam Negeri Terengganu Darul Iman yang kita cintai ini.

Tuan Yang Dipertua, isu tol yang menjadi isu sekarang ini telah disentuh, tak payah saya sentuh dalam ucapan ini. Saya sangat terkejut dengan perisytiharan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya pun tidak tahu `Kerajaan PAS Terengganu benar ternak babi'. Ini satu perkara yang sangat-sangat kita ... kalau orang Terengganu kata "terbalik kot" ataupun gostan berek gostan selalu ke belakang. Jadi Tuan Yang Dipertua, ini perlu dijelaskan dan laporan akhbar ini tidak dinafikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, bermakna kenyataan ini telahpun berlaku. Jadi, Tuan Yang Dipertua sebagaimana kata rakan saya daripada Kemasik tadi, ini satu perkara yang memperjelaskan tembelang selama ini, perjuangan selama ini yang dikatakan, yang diwawakan kononnya perjuangan *syumul* dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua, akhir sekali peluang yang diberikan kepada saya ini - saya ingin mengambil kesempatan untuk mengulas satu perkara yang telah dibangkitkan oleh rakan saya

22 Disember 1999

Ahli Yang Berhormat daripada kerajaan hari semalam yang memberitahu kepada Dewan secara ... saya nampak secara spontan beliau mengatakan bahawa balai raya di seluruh negeri ini telah digunakan oleh semua cawangan UMNO ataupun Barisan Nasional dalam pilihan raya yang lepas. Ini satu pendedahan yang serta merta yang tidak berasas dan pembohongan yang sangat besar. Dan saya minta contoh semalam, diberi tiga contoh iaitu di Kampung Pujuk, Kampung Durian Mas dan di Kampung Tualang di DUN Manir. Sebenarnya beliau hanya melihat di DUN Manir, kalau dia kata semua cawangan itu melibatkan seluruh negeri tapi tak apa kita mengulas di tiga cawangan ini.

Tuan Yang Dipertua, di Durian Mas ... ini dia markas kita (menunjukkan gambar), kedai sebelah rumah Ketua Cawangan Durian Mas. Dan saya sahkan di sini bahawa balai raya ini dikunci kemas dan peralatan di balai raya Durian Mas ini sebenarnya digunakan oleh KEMAS untuk kelas TADIKA. Dan masa pilihan raya yang lalu sebenarnya balai raya ini dikunci kerana persekolahan TADIKA ini telahpun bercuti - Pertama.

Kedua - Kampung Tualang, Manir markas yang dijadikan oleh BN di kampung ini adalah di sebuah bangunan KEMAS yang telah dibina dalam peruntukan Wakil Rakyat yang telah memenangi DUN Manir tahun 1986, yang berada bukan sama sekali di balai raya. Balai raya ini juga digunakan oleh KEMAS dan berkunci rapat, dan barangnya sampai hari ini masih ada. Dan ini disahkan oleh saya di Dewan ini.

Dan yang terakhir di Kampung Pujuk, Manir - Gambar juga saya bawak Tuan Yang Dipertua, inilah sebuah markas walaupun diaf digunakan oleh Barisan Nasional bukan juga balai raya.

Jadi ini satu kenyataan yang tepat, kenyataan yang jelas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kepada seluruh rakyat Negeri Terengganu pembohongan yang telah dibuat oleh Wakil Kerajaan yang kononnya memperjuangkan Islam, yang kononnya bertindak atas kepetahan bercakap, kebijaksanaan berhujah yang saya tidak nampak dan tidak yakin. Sebenarnya Tuan Yang Dipertua, apa yang dijanjikan ataupun apa yang telah dia bertindak dan dinyatakan itu berlainan daripada apa yang telah kita lihat sama sekali.

Tuan Yang Dipertua, saya berharap semua ini akan menjadi satu panduan, janganlah kita menggunakan apa yang ada pada kita ini seolah-olah ... pada hari ini kitalah segala-galanya. Jadi insya Allah, Tuan Yang Dipertua apa yang dinyatakan, saya sebagai wakil pembangkang ataupun Wakil Rakyat berada di Dewan ini .....

**YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit):** Tuan Yang Dipertua, saya minta laluam sekejap. Saya nak tanya begini, kalau saya boleh bukti balai raya digunakan sepenuhnya apa Yang Berhormat nak katakan? Saya minta maaf.

**YANG BERHORMAT MULIA TENGAH PUTERA BIN TENGAH AWANG (Wakil Telemong):** Yang Berhormat berhak buktikan, tak ada masalah. Jadi Tuan Yang Dipertua, sebagaimana dinyatakan semalam juga bahawa masjid-masjid pada hari ini telahpun berlaku harmoni di masjid dan sebagainya. Saya merasakan inilah satu saat yang kita tunggu-tunggu selama ini bagi rakyat dan pemimpin Negeri Terengganu kerana berbelas-belas tahun malah begitu lama masanya di setengah-setengah tempat. tidak berlaku di kampung saya tapi di banyak

22 Disember 1999

tempat di daerah-daerah di Negeri Terengganu ini dimana ada rakan-rakan kita daripada parti PAS yang tidak bersama-sama rakyat-rakyat yang lain di masjid-masjid yang dibina oleh kerajaan. Bila kita bangkitkan sama ada di Dewan atau di majlis-majlis, kononnya dinyatakan masjid itu haram dibina daripada duit yang tidak baik dan sebagainya sebab itulah mereka tidak berkunjung ke masjid-masjid ini. Tetapi Alhamdulillah, Tuan Yang Dipertua selepas kemenangan ini dan telah disahkan oleh wakil kita daripada kerajaan semalam bahawa sekarang ini tidak berlaku lagi sembahyang di dua masjid. Tetapi apabila kita semak kembali, masjid manakah yang telah dikunjungi atau dia balik semula oleh rakyat-rakyat kita ini, khususnya penyokong-penyokong PAS. Masjid itu juga Tuan Yang Dipertua, masjid kerajaan yang dikatakan itu juga, sembahyang pun Imam itu juga, kiblat pun hak tu juga. Jadi saya tidak nampak semata-mata perjuangan PAS, kalauolah begitu selama ini mereka hanyalah sembahyang kerana PAS bukan sembahyang kerana agama Islam yang mulia.

Tuan Yang Dipertua, inilah contoh dan perkara yang berlaku dalam tempoh tiga minggu yang lepas. Dan pada saya sebagai anggota Dewan yang bertanggungjawab tidaklah berhasrat untuk mempertahankan yang bukan-bukan apa lagi untuk bertindak liar semata-mata untuk mempertahankan ideologi kita tetapi sebaliknya kita ingin melihat apa yang hak, apa yang benar, apa yang betul. Dan kita ingin memperjelaskan kepada rakyat, kita tidak ingin mengelirukan apa yang ada di hadapan kita sebenarnya. Mudah-mudahan Tuan Yang Dipertua, kita seluruh rakyat Negeri Terengganu cintakan keamanan yang insya Allah akan dapat melihat janji dan jaminan yang kerajaan telah sampaikan di Dewan yang mulia ini. Bagaimana dinyatakan oleh wakil-wakil kerajaan pada hari semalam dan pada pagi ini, insya Allah ianya dilaksanakan dengan tidak berhelah.

Dan sebelum saya berundur diri saya ingin perjelas sebagai wakil ataupun wakil kerajaan yang lepas, ingin memperjelaskan sedikit maklumat yang dangkal yang telah diutarakan oleh Wakil Kijal sebentar tadi. Wakil Kijal menyatakan pihak kerajaan yang lalu telah membekulah permohonan tanah sejak tahun 1975. Sebenarnya ini satu maklumat yang salah, sebenarnya tidak pernah kita beku semenjak tahun 1975 malah kita buka permohonan ini dan dibekukan permohonan tanah haram pada tahun 1989. Ini hanyalah tanah-tanah kerana seluruh permohonan tanah haram seluruh negeri telahpun selesai. Jadi Tuan Yang Dipertua, sebenarnya untuk kita bangkitkan maklumat biarlah jelas dan jangan kitajadikan kerajaan yang lalu, sebagaimana janji wakil kerajaan kita sebagai nak mencari helah untuk menuduh kerajaan yang lalu tidak bertanggungjawab dan sebagainya.

Terima kasih Tuan Yang Dipertua, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih Yang Berhormat Wakil dari Telemong. Seterusnya saya mempersilakan ... tadi saya nampak Yang Berhormat daripada Ladang nak bercakap? Sila -

**YANG BERHORMAT DR. HAJI SULAIMAN BIN ABDULLAH (Wakil Ladang):** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan,

22 Disember 1999

Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat seterusnya hadirin sekalian. Suatu perkara yang ditekankan dalam ucapan belanjawan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ialah tentang keprihatinan kerajaan Barisan Alternatif pimpinan PAS ialah dalam memberi keselesaan hidup kepada rakyat tanpa mengira golongan akan menjadi agenda penting bagi kerajaan negeri dalam usaha memberi peluang yang sama kepada seluruh rakyat untuk menikmati segala faedah pembangunan termasuk juga nikmat daripada segala hasil mahlul yang dikurniakan oleh Allah di bumi Terengganu ini.

Suatu perkara yang sangat perlu diberi perhatian ialah masalah perumahan. Kita telah menikmati hasil lumayan daripada industri petroleum selama 20 tahun. Tetapi masalah perumahan kita masih belum dapat menangani dengan sempurna. Di kawasan DUN Ladang masih terdapat 130 buah rumah setinggan yang didirikan di atas jirat Cina. Ini maklumat daripada UPEN 1997 tapi sekarang ini mungkin berkurangan. Mengikut Rancangan Malaysia Ketujuh, permintaan terhadap rumah di Negeri Terengganu adalah sebanyak 27,000 unit buah. Daripada jumlah tersebut, 24,300 unit merupakan keperluan baru dan selebihnya 2,700 unit untuk menggantikan rumah-rumah usang. Sebanyak 4,300 unit adalah keperluan rakyat termiskin. Saya difahamkan salah satu langkah yang dibuat oleh kerajaan barisan pimpinan UMNO yang lalu ialah memberi kontrak untuk membina 10,000 buah rumah kepada Konsortium yang terdiri daripada Babena, Gabungan Quarry dan sebuah syarikat swasta. Adalah ternyata konsortium ini hanya mengambil untung tapi tidak layak dan berkemampuan untuk mendirikan rumah-rumah tersebut tetapi memberikan pula kontrak kepada sebuah syarikat swasta yang lain yang sekali lagi mengambil untung. Ini yang menjadi kos satu unit rumah tinggi. Kalau kita benar-benar hendak menolong rakyat memiliki rumah, satu kajian terperinci perlu dibuat untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang Dipertua, sebagai suatu penyelesaian adalah dicadangkan supaya kita mengembangkan segala sumber yang ada pada kita, seperti menggunakan jentera anak syarikat PMINT seperti Babena dan Gabungan Quarry untuk membina sendiri rumah tersebut dan mengambil keuntungan yang paling minima dan juga menggunakan bahan-bahan seperti kayu, bata, pasir dan simen dari anak-anak syarikat PMINT pada kos yang minima juga. Dengan ini kita dapat mengurangkan kos keseluruhan rumah dan kita dapat membina lebih banyak unit rumah. Saya yakin dan percaya dengan semangat, keazaman dan cara baru yang dibawa oleh Kerajaan Barisan Alternatif yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Awang, yang berpegang pada dasar telus, berhemah, adil, bersih daripada amalan korupsi, kronisme dan nepotisme saya yakin dan percaya matlamat kita untuk mencapai *housing democracy*, dimana rakyat boleh memilih suatu rumah yang sesuai untuk mereka akan terlaksana.

Sekian saja sekadar kali pertama ucapan saya, Yang Berhoramtuan Yang Dipertua Dewan.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Ladang. Saya masih lagi berhasrat untuk meneruskan persidangan. Silakan -

**YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan,

22 Disember 1999

para pemerhati, hadirin dan hadirat sekalian. Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kerana memberi ruang, peluang dan kesempatan kepada saya di Dewan yang mulia ini untuk memperkatakan sesuatu berkenaan dengan ucapan belanjawan tahun 2000 Kerajaan PAS Negeri Terengganu.

Tuan Yang Dipertua, apa yang ingin saya perkatakan ini ialah kami bagi barisan pihak pembangkang akan membangkang dengan penuh wibawa dan kami akan tetap menyokong mana-mana perancangan, pelan tindakan dan tindakan yang akan menguntungkan rakyat. Kami tidak akan membantah ataupun menentang mana-mana perancangan ataupun tindakan yang akan memberi keuntungan kepada rakyat terutamanya di negeri ini. Cuma sebagai peringatan apa yang ingin saya perkatakan di sini, barisan pembangkang ialah beberapa kali kita perhatikan di dalam ucapan belanjawan ini berkenaan dengan konsep ataupun "syura rakyat". Apa yang diharapkan agar dengan pelaksanaan "syura rakyat" ini ia akan menjamin ketelusuran dan juga keadilan dalam menentukan semacam apa yang diperkatakan kelmarin, iaitu berkenaan dengan pelantikan Ketua Kampung, Imam, Bilal dan sebagainya. Dan kita berharap agar "syura rakyat" ini tidak digunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk kepentingan agenda politik mereka.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu saya juga ingin menarik perhatian berkenaan dengan pendidikan, dimana dalam ucapan ini diperkatakan sebanyak RM8.46 juta diperuntukkan untuk pendidikan rendah, menengah dan atas. Cuma apa yang saya ingin tekankan berkenaan dengan pendidikan ini ialah pendidikan ini bukan saja dijuruskan kepada pelajar-pelajar, saya harap ianya ditekankan juga kepada orang-orang dewasa yang masih belum terdidik. Apa yang ingin saya perkatakan di sini, pengalaman sendiri - kelmarin lebih kurang pukul 5.00 petang di kawasan seorang aktivis PAS datang ke markas saya dan mengamuk. Jadi apa yang saya harapkan agar pihak kerajaan memberi penekanan kepada moral dan akhlak orang-orang yang sebegini agar menunjukkan akhlak lebih pada Islam yang suci dan murni.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu dalam ucapan belanjawan ini saya tidak nampak perancangan dan tindakan untuk menarik pelabur-pelabur datang terus ke negeri kita. Jadi diharap perbincangan atau pun tindakan dapat dilakukan kerana kita sekarang dalam menuju ke alaf baru tahun 2000. Jadi di samping kita mementingkan pertanian kita juga tidak dapat lari daripada menarik pelabur-pelabur untuk datang melabur ke negeri kita kerana inilah satu cara untuk menambah hasil mahsul negeri kita.

Selain daripada itu berkenaan dengan pelancongan pula diperuntukkan sebanyak RM7.2 juta untuk program 'sport-tourism', 'agro-tourism' dan hal-hal yang berkaitan dengan pelancongan di pulau, tasik dan di pantai-pantai. Apa yang saya tertarik dari segi peruntukan ini ialah dari segi peruntukan kita nampak bahawa untuk nak menarik pelancongan ini RM7.2 juta itu memang tidak mencukupi memandangkan apa yang diperkatakan itu cukup besar dan memerlukan belanja yang banyak.

Jadi, saya rasa itu Tuan Yang Dipertua dan apa yang ingin saya tutup dalam ucapan pertama saya pada Dewan yang mulia ini ialah sabda Nabi s.a.w.:

22 Disember 1999

أربع من كن فيه كان منها فقا حالها  
ومن كان فيه حصلة منها كان فيه حصلة من النفاق حتى يدعها  
إذاً أو تمن خيان وإذا حدث كذب وإذا عاهد غدر وإذا خا صم فجر

Iaitu yang bermaksud: *Empat perkara yang ada pada diri seseorang itu keempat-empatnya maka dia adalah orang-orang yang munafik tulen dan kalau ada satu daripada sifat tersebut maka dia juga adalah satu sifat munafik.* Apa dia sifat-sifat tersebut:

Bila diberi amanah, dia khianat.

Bila dia bercakap dia bohong.

Bila dia berjanji dia mungkir.

Dan akhir sekali:

Bila dia bertengkar dia melampaui batas.

Dan akhir sekali firman Allah:

كَبِيرٌ مُّقْتَدًا عَنْ دِلْلَهٖ إِنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ

Sekian, Tuan Yang Dipertua, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Ajil. Saya masih bukakan ucapan seterusnya ... dipersilakan Yang Berhormat Wakil Kampung Raja.

**YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS** (Wakil Kampung Raja): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Yang Berhormat, hadirin, hadirat yang

22 Disember 1999

dikasih sekalian. Alhamdulillah, syukur kita semua kepada Allah. Saya bangun hanya untuk memberikan beberapa penjelasan dan pengukuhan terhadap hujah yang telah diberikan oleh rakan-rakan Yang Berhormat.

Yang pertama bersangkutan dengan isu menjadikan balai raya sebagai markas pilihan raya. Di Kampung Raja yang dapat saya senaraikan, yang pasti ada empat - yang pertama di Benting Lintang, yang kedua di Gong Kepas dimana pekarangan masjid dijadikan markas, Masjid Gong Kepas ... dimana tempat mengaji Quran masjid dijadikan tempat untuk penyediaan makanan dan anjungnya disambung untuk dijadikan markas pilihan raya. Kemudian di Tembila ... balai raya Tembila dan juga di Pengkalan Nyireh, balai raya Pengkalan Nyireh dijadikan sebagai markas untuk strategi pilihan raya. Dan masih ada, itu yang dapat saya ingat.

Kemudian yang keduanya ialah tentang dakwaan "PAS mengatakan tidak boleh ke masjid kerana duit haram". Suatu dakwaan yang tidak pernah kita dengar dan mungkin hujah ini diambil di tepi jalan pada orang-orang yang tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan kefahaman. Kalau sekiranya hujah di tepi jalan ini dijadikan sebagai hujah maka jadilah kita orang-orang di tepi jalan juga.

Yang Berhormat Yang Dipertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, begitu juga tentang pernyataan bahawa serangan yang dibuat oleh aktivis PAS. Saya merasai bahawa isu *ju'i* yang sifatnya *nadir* tidak boleh dijadikan sebagai hujah. Kalau kita mengambil isu-isu yang *nadir* itu untuk dijadikan hujah maka sudah pasti kita akan sentiasa tersilap dalam hujah kita.

Tuan Yang Dipertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, itulah saja ucapan saya sebagai permulaan. Ucapan terima kasih kepada semua. Wabillahi taufik wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Untuk perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sekarang berada di dalam ucapan ataupun perbahasan ucapan belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kelmarin. Jadi tumpukan segala perbincangan dan perbahasan kepada belanjawan tersebut. Seterusnya saya buka kepada Ahli-ahli yang lain sekiranya mahu berucap ... Yang Berhormat Wakil Kuala Berang, sila -

**YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):** Bismillahi rahmani rahhim. Assalamualaikum wabarakatullahi wabatokatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah sekalian.

Saya mengucap syukur kehadrat Allah s.w.t. kerana dapat bersama-sama menghadiri persidangan Dewan kali ini dan seterusnya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan di atas keizinannya memberi laluan kepada saya untuk turut serta membahaskan ucapan belanjawan tahun 2000. Saya juga mengucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri yang telah menyampaikan ucapan belanjawan sulungnya di dewan yang mulia ini pagi semalam.

22 Disember 1999

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya lihat dalam pembentukan barisan Exco baru-baru ini didapati ada portfolio-potfolio yang diwujudkan itu berlainan yang telah dibuat oleh kerajaan yang lepas, misalnya portfolio Pelaksanaan Syariat dan Hisbah. Kerajaan Alternatif pimpinan PAS yang baru berumur hampir sebulan ini telah mula menampakkan sebuah kerajaan pimpinan ulama dengan mengambil kira Islam sebagai *ad-din* dengan menghapuskan, tidak muh menerima sumber pendapatan yang jelas berlawanan dengan syarak. Dalam belanjawan yang dibentangkan itu jelas pendapatannya *zero* dari lesen kedai arak, *zero* dari permit hiburan, perarakan dan wayang. Kalauolah dalam tahun 1998, kerajaan yang lalu telah memungut RM34,149 dari hasil yang tidak halal tersebut. Inilah satu bukti pembohongan yang telah dilakukan oleh kerajaan lalu yang mengatakan ianya hendak kepada Islam juga. Ini juga membuktikan bahawa reformasi yang dibawa oleh kepimpinan ulama bukan sekadar kulitnya sahaja bahkan termasuk isinya juga.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya merasa terkejut apabila Yang Amat Berhormat membentangkan belanjawan semalam yang mengatakan hutang Negeri Terengganu yang dipusakai daripada kerajaan yang lepas berjumlah RM731 juta. Pada tahun 1996, hutang Negeri Terengganu cuma berjumlah RM506.9 juta sahaja. Ini menunjukkan bahawa pertambahan beban hutang sebanyak RM224 juta dalam masa 3 tahun. Budaya berhutang yang dibuat oleh kerajaan lepas tidak boleh diteruskan bahkan hendaklah dihentikan terus supaya tidak membebankan generasi akan datang. Projek mega seperti Masjid Negeri yang dijangka menelan belanja RM25 juta dan Kompleks Sukan Negeri di Gong Badak yang bernilai hampir RM240 juta hendaklah dikaji balik. Keutamaan hendaklah diberi kepada golongan miskin kerana di Negeri Terengganu ini kita ... tahap kemiskinannya masih berada pada kadar 17.3 peratus. Penekanan yang lebih kepada Daerah Hulu Terengganu kerana di sana tahap kemiskinannya ialah 37 peratus.

Pihak kerajaan memperuntukkan sebanyak RM76 juta untuk Pengurusan Badan-badan Berkanun. Ada anak syarikat tertentu yang membuat pelaburan yang tidak cermat yang menyebabkan kerugian dan pembaziran wang rakyat. Saya cadangkan satu Suruhanjaya dilantik bagi menyiasat mana-mana syarikat yang bertanggungjawab itu. Agensi yang bertindih fungsi dan peranannya hendaklah dikaji semula untuk mengelak pembaziran berlaku. Kepada anak syarikat yang menghadapi kesukaran menjelaskan hutang Kerajaan Negeri hendaklah dikaji *viability*nya.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, seharusnya semua pihak yang memikul amanah memiliki sifat yang terpuji, ilmu yang bermanfaat, kejujuran, ketelusan dan akhlak yang baik. Dalam pengurusan kita tidak muh sebagaimana contohnya nelayan pergi memukat tetapi keroncongnya bocor menyebabkan hasil tangkapan tidak seberapa. Di sinilah relevannya kerajaan sekarang mengutamakan bina insan di atas dasar Islam. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terimakasih kepada Yang Berhormat Wakil Kuala Berang. Saya berharsat untuk menangguhkan Dewan ini pada tepat jam 12.00 tengah hari, masa yang ada ini boleh dimanfaatkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk meneruskan ucapan. Saya bukakan untuk ucapan seterusnya ... sila Yang Berhormat Wakil Seberang Takir.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAIH (Wakil Seberang Takir):** Terima Kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabaraktu. Yang Berhormat Tuan Yang

22 Disember 1999

Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, hadirin, hadirat yang saya hormat sekalian. Pertama-pertama saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Haji Husain Awang yang telah dipilih oleh Dewan Undangan Negeri untuk menjadi Yang Dipertua Dewan. Dan saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana diberi peluang kepada kami mengambil bahagian dalam ucapan perbahasan perbekalan ini.

Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Tuan Haji Abdul Hadi Haji Awang yang telah dipilih menjadi Menteri Besar dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam jangka masa lebih kurang 20 hari tentulah tidak adil kalau saya mengharapkan satu pembentangan belanjawan yang baik yang dapat disediakan oleh kerajaan baru. Tapi walau bagaimanapun belanjawan yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kelmarin amat menarik dan kerana itu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih walaupun pada pandangan dan penelitian sahabat saya Yang Berhormat Wakil Kemasik tidak ada apa-apa yang baru daripada pembentangan belanjawan itu.

Kerajaan baru yang diberi label kerajaan yang berdasarkan Islam, kerajaan yang mementingkan "syura", kerajaan pimpinan ulama memanglah satu kerajaan yang ditunggu-tunggu oleh rakyat Negeri Terengganu tetapi masa akan menentukan insya Allah, sejauh mana label-label yang diberikan akan menunjukkan dengan jelas hasilnya yang sebenarnya. Marilah saudara-saudara, Ahli-ahli Yang Berhormat kita berdoa mudah-mudahan apa yang dihasratkan, bukan oleh kerajaan saja, bukan oleh parti PAS saja tapi oleh pimpinan Barisan Nasional juga bawaha keadaan kehidupan rakyat Negeri Terengganu dalam semua bidang insya Allah akan bertambah baik. Kerajaan PAS yang baru diberikan kuasa oleh Allah s.w.t. seperti dalam Surah Al-Imran ayat 26 yang dibaca oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada peringkat awal menyampaikan ucapan dan tentulah daripada pengertian kita bawaha Allah s.w.t. telah memilih PAS untuk diberi kuasa. Kita berharap kuasa yang diberikan kepada Kerajaan PAS ini akan dapat digunakan seberapa baik, seberapa bijak yang boleh.

Tapi walau bagaimanapun Tuan Yang Dipertua, saya sukalah merakamkan rasa kesal saya seperti yang disebut oleh sahabat saya Wakil Telemong tentang peringkat awal ketika kerajaan baru PAS mendapat kuasa dimana pintu pagar ... pintu besar Wisma Darul Iman dikunci pada malam 29 haribulan. Saya tidak tahu siapa yang mengunci tetapi yang saya tahu dikunci dan di situ berkumpul penyokong-penyokong PAS yang ramai. Saya tidak tahu apa tujuannya pintu itu dikunci dan berkumpul begitu ramai penyokong-penyokong PAS di depan pagar besar ... pintu besar Wisma Darul Iman. Tapi itulah hakikatnya Tuan Yang Dipertua.

Saya juga merasa kesal kerana bilik Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang masih belum lagi habis tempohnya sebagai Menteri Besar kerajan *caretaker government* dengan izin Yang Dipertua dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) juga dikunci dan dijaga. Prasangkanya terlalu tebal di situ bahawa mungkin dalam bilik-bilik ini ... bilik Menteri Besar ... bilik-bilik bekas-bekas Exco ini berkumpul dokumen-dokumen penting yang kalau bilik itu tidak dikunci dan dijaga, wakil-wakil rakyat yang telah kalah kerajaannya itu akan

22 Disember 1999

menyelenak masuk membawa keluar dokumen-dokumen penting. Dan kerana itu terselamatlah bekas Ahli-ahli Yang Berhormat atau Yang Amat Berhormat yang berkenaan dibawa kepada kemuka pengadilan. Tapi sebenarnya tidak begitu Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, seperti yang dimintak oleh dua orang Ahli Yang Berhormat yang bercakap sebelum saya ini untuk menubuhkan Suruhanjaya Penyiasat. Ke manakah sebenarnya kita nak lari? Saya rasa tidak ada sebab dan kita tidak boleh lari. Terpulanglah kepada pihak-pihak yang berwajib untuk menyelidiki adakah benar bahawa sejumlah dokumen-dokumen penting tersimpan di situ. Tetapi Alhamdulillah, saya mengucapkan setingga-tinggi terima kasih kepada sahabat-sahabat saya yang telah masuk dan sekarang menggunakan bilik saya yang telah memberi kerjasama dan memulangkan balik barang-barang peribadi atau barang-barang *personal* yang ada di situ. Tapi saya tidak tahu mungkin barangkali ada di antara di celah-celah barang itu terselit dokumen-dokumen yang sangat penting yang akan dijadikan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab sebagai bukti penyelewengan saya dan sahabat-sahabat saya yang lain.

Apa yang saya cuba nak gambarkan di sini Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua bahawa kerakusan penyokong-penyokong, saya tidak tahu ini disetujui ... direstui, dilindungi oleh pimpinan PAS ketika mendapat kuasa pada peringkat awal. Mungkin jugak disebabkan oleh geram yang terperam begitu lama jadi memacu uafsu mereka untuk menerkam mangsa-mangsa yang barangkali setengah daripadanya tidak berdosa. Hal yang sama di dalam minggu pertama berlaku bila-bila penyokong-penyokong PAS di kampung-kampung meminta guru-guru TADIKA mengeluarkan barang-barang dari balai raya yang digunakan untuk kelas TADIKA. Kita tidak tahu sebenarnya penyokong-penyokong PAS ini dari mana mendapat kuasa ... dari Menteri Besar ... dari Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ... dari Pegawai Daerah atau dari mana? Atau dari Setiausaha Kerajaan yang dalam keadaannya belum tentu siapa yang akan kekal di situ. Tapi jelaslah bahawa satu keadaan yang tidak teratur dan tidak terdisiplin telah wujud ketika awal kuasa didapati.

Saya selain daripada merakamkan insiden-insiden yang sangat-sangat tidak baik ini, saya mengharapkan dapat kiranya pucuk pimpinan kerajaan baru mendisiplinkan Tuan Yang Dipertua, pengikut-pengikut dan penyokong-penyokong mereka.

Tuan Yang Dipertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam hubungan penggunaan balai raya yang selama ini sebahagian besarnya digunakan untuk TADIKA. Mengikut kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Wakil Manir sebagai Pengurus Pendidikan bahawa akan digunakan untuk kelas-kelas prasekolah saya cukup setuju. Tapi saya rasa adalah baik kalau kerajaan yang ada sekarang boleh terus membiarkan ... membenarkan sebenarnya, kelas TADIKA yang telah berfungsi, yang telah mendidik anak-anak kita di Terengganu ni sekian lama meneruskan penggunaannya di balai raya yang berkenaan sehingga dapat diatur satu perkiraan antara Kerajaan Negeri baru dengan Kerajaan Persekutuan khususnya Kementerian Luar Bandar. Dimana masa yang secukupnya diberikan kepada Kementerian berkenaan khususnya KIMAS untuk mendirikan kelas-kelas TADIKA mereka sendiri. Dan tentulah dengan kerjasama Kerajaan Negeri membenarkan tanah-tanah tertentu untuk bangunan ini. Tidak ada gunanya Tuan Yang Dipertua, kita mengadakan konfrantasi dengan Kerajaan Persekutuan. Tetapi kepada saya larangan menggunakan balai raya untuk terus kelas-kelas TADIKA berfungsi di situ adalah satu bukti awal menunjukkan kita bersedia atau bersatu untuk berkonfrantasi dengan Kerajaan Persekutuan, dengan Kerajaan Pusat. Sedangkan dalam

22 Disember 1999

kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar beberapa waktu yang lalu mengatakan Kerajaan Negeri Terengganu termasuklah Kerajaan Kelantan mengharapkan kerjasama yang baik daripada Kerajaan Pusat. Dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri yang baru memberi jaminan, insya Allah kerjasama ini akan disambut tapi biarlah dia berlaku dalam dua hala. Jadi dalam hal ini saya rasa tidaklah untung kita menunjukkan konfrantasi kita dengan Kerajaan Pusat walaupun kita mempunyai sejumlah hasil yang agak besar RM500 ... RM600 juta setahun hasil royalti petroleum. Tetapi harus kita ingat sebahagian besar biaya pendidikan di Negeri Terengganu ini, jangan lupa kira .....

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat Wakil Seberang Takir, saya sudah maklumkan bahawa Dewan ini akan ditangguh tepat pada pukul 12.00 tengah hari dan akan disambung semula pada pukul 2.00 petang nanti. Dan kalau sekiranya Yang Berhormat Wakil Seberang Takir masih ada lagi perkara-perkara yang hendak disampaikan dalam Dewan, sila sambung balik pada sesi petang nanti.

Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian dengan ini saya tangguhkan Dewan ini dan akan disambung semula pada tepat jam 2.00 petang.

**DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12.00 TENGAH HARI.**

22 Disember 1999

PUKUL 2.00 PETANG

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula. Dan saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil dari Seberang Takir untuk menyambung ucapannya. Dengan segalanya dipersilakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Berita dalam surat khabar hari ini Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan Lebuh Raya Timur membawa berita yang baik bagi kita di Negeri Terengganu kerana kerajaan telah bersetuju untuk menjadikan lebuh raya ini satu lebuh raya bertol. Sebenarnya pengumuman awal dan tindakan penghapusan tol Jambatan Sultan Mahmud disalah ertikan atau disalah tanggap oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya Persekutuan yang mengandaikan bahawa oleh kerana kita tidak menggalakkan kutipan tol jadi erti jalan-jalan yang akan dikenakan tol di tempat-tempat lain termasuklah Lebuh Raya Timur ini tidak akan dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Sebenarnya seperti apa yang disebut oleh sahabat saya Wakil Kemaskin orang yang mendapat faedah daripada penghapusan tol ini tidak ramai. Yang betul-betul mendapat faedah ialah tuan punya-tuan punya lori yang besar-besar, syarikat-syarikat yang besar-besar yang menggunakan jambatan ini yang sebelum ini tidak banyak menggunakan kerana nak mengelakkan daripada membayar tol. Kita berharap penggunaan jambatan ini oleh lori-lori yang besar-besar tidak akan terlalu banyak menjelaskan atau menghakiskan dan sebagainya jadi dengan itu tidaklah banyak belanja untuk menyelenggarakan jalan erti masih mampu ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan kerana telah memikirkan semula berhubung dengan Lebuh Raya Timur in'

Tuan Yang Dipertua, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan baru yang dalam ucapan belanjawan Yang Amat Berhormat telah memberi jaminan bahawa sistem pajak gadai 'muasalah' ... gadaian yang sekarang akan diperluaskan pelaksanaannya atau penggunaanya di seluruh Negeri Terengganu. Alhamdulillah, apa yang dibuat ... apa yang ditinggalkan oleh Barisan Nasional dapat juga kiranya dimanfaatkan oleh kerajaan yang ada. Sebenarnya banyak tinggalan-tinggalan, warisan-warisan kalau dapat saya menyebut begitu Tuan Yang Dipertua, kerajaan Barisan Nasional boleh dimanfaatkan oleh kerajaan yang baru ... pimpinan kerajaan yang baru termasuklah pegawai-pegawai kerajaan terutama pegawai-pegawai tingginya. Mungkin akan jadi lebih baik pegawai-pegawai ini yang kurang roh Islam ditiup roh Islamnya, yang agak liar dijinakkan, yang tidak berdisiplin didisiplinkan. Tapi jangan lupa bahawa negara kita mengamalkan dasar demokrasi, kebebasan untuk memilih parti mana yang disukainya adalah hak mutlak seseorang rakyat. Kalau parti baru atau kerajaan baru berjaya menjadikan semua sekali kakitangan Kerajaan Negeri Terengganu ahli PAS, penyokong-penyokong PAS. Alhamdulillah ini satu kejayaan. Tapi janganlah ada tindakan-tindakan yang agak melulu yang tidak sedikitpun menunjukkan muhibah, rasa tanggungjawab dan sama sekali melupakan hak-hak manusia yang diberi di bawah Perlembagaan Malaysia kepada pegawai-

22 Disember 1999

pegawai Kerajaan Negeri Terengganu pada semua peringkat.

Saya merasa dukacita Tuan Yang Dipertua, bila pagi ini mendapat tahu beberapa orang Penghulu yang bertugas di dalam kawasan Kuala Nerus telah ditukarkan ke beberapa tempat di Kemaman dan Setiu. Dan jelaslah bahawa Penghulu-penghulu ini penyokong-penyokong UMNO ataupun penyokong-penyokong Barisan Nasional. Saya tidak tahu sama ada pertukaran ini dibuat berdasarkan kepada perkiraan biasa, pertukaran biasa ataupun dibuat berdasarkan kepada perhitungan politik. Ertinya dalam kempen yang lalu ... dalam tindakan-tindakan politik yang lalu Penghulu-penghulu ini yang tidak dapat menyembunyikan warnanya, yang tidak dapat menyembunyikan sokongannya kepada Barisan Nasional telah berbuat sesuatu dalam kempen dan sebagainya. Apa yang saya bimbang pegawai-pegawai ini akan menaruh dendam kepada kerajaan yang telah tidak memberi semacam pertimbangan yang sebaik-baiknya. Dan mungkin barangkali tindakan-tindakan yang diambil itu tindakan-tindakan yang tidak seimbang dengan perbuatan-perubatan yang dilakukan. Saya akui bahawa pertukaran adalah perkara biasa, itu perlu untuk mengatur semula kedudukan-kedudukan pegawai-pegawai dan lazim dilakukan oleh mana-mana kerajaan pun. Tapi hendaklah diingat bahawa janganlah sekali-kali pertukaran-pertukaran yang dibuat itu jelas membayangkan rasa tidak puas hati, balas dendam pihak pemerintah terutamanya pemimpin-pemimpin kerajaan, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua, ada dua projek besar yang disebut di situ dalam ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sebagai projek mewah yang ditangguhkan pelaksanaannya buat sementara waktu untuk dikaji semula - satu Masjid Negeri dan satu Kompleks Sukan. Saya tidak merasa dukacita kalau Masjid Negeri dikaji semula atau mungkin barangkali hasil kajian nanti Tuan Yang Dipertua, dibatalkan pelaksanaannya. Kerana dengan kemenangan parti baru PAS sebenarnya jumlah masjid dengan serta merta menjadi bertambah dianggap sebagai masjid rasmi, masjid-masjid dulu yang disebut `masjid bira' sekarang tidak lagi menjadi masjid-masjid yang memakai istilah itu. Jadi, kalau masjid-masjid itu telah bertambah bilangannya maka tidaklah perlu Masjid Negeri yang memakan belanja yang begitu banyak. Ini dapat kita mengerti. Tetapi Tuan Yang Dipertua, saya menggesa dikaji sungguh-sungguh perlunya Kompleks Sukan yang pembinaannya telah dimulakan. Tapi oleh kerana masalah-masalah teknikal terpaksalah diberhentikan dan disambung semula ditugaskan Babena untuk meneruskan pembinaannya. Dalam dua tiga tahun lagi saya percaya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, penduduk bandar Kuala Terengganu akan berjumlah lebih kurang 400,000 orang. Kalau yang meminati sukan bola sepak ... kita ambil kira-kira 10 peratus, ini tidak termasuk saya, Tuan Yang Dipertua dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang tidak suka bersukan, suka berjala, saya rasa 40,000 orang tidak boleh ditampung oleh stadium yang ada. Inilah perhitungan asalnya bila kita merancang untuk menubuhkan Kompleks Sukan ini. Bukan saja mendirikan stadium utama - stadium bola tetapi menyediakan kemudahan-kemudahan yang lain. Jadi, kalau kita rasa sayang kepada anak-anak muda kita, anak-anak muda di Negeri Terengganu bukan saja kita menyediakan kemudahan-kemudahan pendidikan yang memang wajib dan asasi ... memasukkan seberapa banyak kesedaran-kesedaran tentang Islam dan sebagainya, kita juga perlu memberikan mereka kemudahan-kemudahan untuk bersukan dan beriadah. Saya rasa sudah sampai masanya stadium yang ada di dalam bandar kita ini dijadikan sesuatu tempat bukan untuk stadium bola tapi untuk hal-hal yang lain. Di situlah perlunya saya menggesa dikaji semula dan dibuat keputusan sebaik-baiknya berhubung dengan Kompleks Sukan ini bukan kerana ianya ada dalam Kawasan Pilihan Raya Seberang Takir, Tuan Yang Dipertua, itu secara

22 Disember 1999

kebetulan saja.

Tuan Yang Dipertua, Wakil Paku yang menyokong ucapan belanjawan Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyebut dengan rasa penuh sesal bahawa masih terdapat 4,600 keluarga yang miskin di Negeri Terengganu atau jumlah kadar kemiskinan kita sekarang 17 peratus. Suka saya di dalam Dewan ini menyatakan, pada tahun 1974 atau lebih kurang masanya, kemiskinan di Negeri Terengganu adalah pada kadar 67 peratus. Kalau apa yang disebut oleh Yang Berhormat Wakil Paku tadi betul 17 peratus dan apa yang saya sebut ini tidak salah maka bezanya 50 peratus. Alhamdulillah, dalam masa 25 tahun kita dapat kurangkan peratus kemiskinan daripada 67 peratus kepada 17 peratus. Ialah ... adalah sesuatu hal patut dikesali masih ada terdapat 4,600 orang keluarga miskin tetapi tidakkah boleh sesuatu disebut juga dengan penuh kesyukuran bahawa 50 peratus kadar kemiskinan itu telah dapat diselesaikan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang Dipertua, dalam hubungan ini ada disebut bahawa bantuan untuk mereka yang sekarang ditanggung oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan berbagai-bagai bantuan, yang pentingnya ialah Bantuan Am yang diterima setiap bulan, disebut sebanyak RM16 juta. Kalau saya tidak salah pada tahun yang lalu terdapat satu peruntukan lebih kurang RM13 juta ertiinya bezanya RM3 juta saja ataupun lebih kurang 25 peratus. Saya tak nampak satu peningkatan yang begitu besar seperti yang dijanji-janjikan oleh PAS dalam masa pilihan raya. Saya rasa dia memerlukan satu peruntukan yang lebih untuk kita betul-betul menolong mereka kalau kita memikirkan itulah cara yang baik untuk menolong orang yang miskin. Tapi pada pandangan saya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, memberikan bantuan sahaja seperti yang pernah dibayangkan dalam falsafah Cina: Seperti kita memberikan ikan kepada yang memerlukan ikan yang lapar tetapi kita tidak mengajar dia mengail untuk mencari ikan. Jadi soalannya, selama manakah kita sanggup memberi ikan ... demi ikan ... demi ikan dengan tidak kita berusaha mengajar orang yang seumpama ini. Memang benarlah ada di antara 4,600 orang keluarga miskin tadi yang betul-betul sudah tidak boleh berusaha lagi. Tapi saya percaya masih terdapat di kalangan mereka orang yang boleh berusaha, yang boleh dibantu dan insya Allah mereka akan dapat kita keluarkan daripada golongan yang miskin ini, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua, saya cukup tertarik hati kepada Yang Berhormat Wakil Kijal menyebut dan mengalu-alukan pembukaan semula permohonan tanah. Secara peribadi saya jugak terlalu gembira bila permohonan tanah ini dibuka semula. Selama menjadi wakil rakyat dan sebelum itu tidak berpeluang, saya tidak pernah mendapat sebidang tanah pun memang tidak dibenarkan oleh bekas Menteri Besar dulu sebarang wakil rakyat mendapat tanah walaupun untuk tempat tapak rumah dia. Dan saya berharap dengan pembukaan semula ini dapat dipertimbangkan kepada kita semua wakil-wakil rakyat. Apalah salahnya kita mendahului orang lain untuk mendapatkan faedah dari pembukaan semula ini.

Tapi tidak benar Tuan Yang Dipertua, kalau Wakil Kijal mengatakan bahawa tanah diberi kepada kroni-kroni. Kalau pun benar, izinkanlah saya menyebut ... saya salah seorang daripada ahli Jawatankuasa yang menimbang permohonan tanah, itu satu hal yang agak pelik permohonan tanah ditutup tapi permohonan tanah masih dibuat. ertiinya kita masih memberi pertimbangan kepada tanah-tanah berkelompok dan sebagainya. Ini terdapat dengan banyaknya di kawasan Gong Badak, di kawasan Kubur Timah, di kawasan Bukit Bucu dan beberapa kawasan lagi di

22 Disember 1999

Batu Rakit. Kroni-kroni saya dan kroni-kroni wakil rakyat lain yang menerima tanah ini Tuan Yang Dipertua, kalau boleh saya sebut - saya mintak maaf kepada pegawai-pegawai yang ada dalam Dewan ini, terdiri daripada pegawai-pegawai, kerani-kerani, pemegang-pemegang jawatan, PRA, PAR dan sebagainya di Pejabat-pejabat Tanah Kuala Terengganu dan PTG. Setiap bulan tidak kurang daripada 30 permohonan yang saya tandatangan. Tapi malangnya nasib kita, kroni-kroni ini menjadi kronik dalam masa pilihan raya. Nasib saya tidak baik dan nasib sahabat-sahabat saya yang lain tidak baik. Tapi itulah Yang Berhormat Wakil Kijal kalau nak disebut kroni-kroni yang mendapat faedah daripada pembukaan tanah secara terhad itu. Saya rasa tidak ramai orang yang betul-betul yang mempunyai tanah yang kita timbangkan tanah ... tak ramai. Kita berikan asas yang cukup tepat, mana-mana pegawai kerajaan yang segala susah payah membuat pinjaman perumahan, ada rumah masih kita beri jugak lagi kerana mengenangkan jasa dia sebagai pegawai kerajaan. Walaupun ada bantahan-bantahan yang jelas menyatakan oleh kerana dia mampu terutama yang bekerja suami dan isteri membuat pinjaman rumah maka orang yang seumpama ini sepatutnya tidak lagi diberi pertimbangan sebidang tanah tapak rumah. Tapi kita kata apalah salahnya untuk sebidang tanah kepada seorang pegawai kerajaan, kepada seorang bekas askar, kepada seorang pegawai keselamatan yang berkhidmat untuk negeri dan negaranya lebih daripada 20 tahun. Itu asas pertimbangan. Saya tidak tahu, kroni ataupun tidak orang yang seumpama ini.

Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pemimpin-pemimpin PAS dan juga penyokong-penyokongnya yang telah berpakat balik semula kepada masjid-masjid yang dibiayai pembinaannya oleh kerajaan. Kalau boleh saya mencadangkan Tuan Yang Dipertua, supaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar membuat satu pengumuman bahawa sudah sampai masanya penyokong-penyokong PAS balik sembahyang ke masjid-masjid yang selama ini telah ditinggalkan. Saya ingat, ini satu hal yang sangat bagus untuk perpaduan kita. Tidak lagi kita nampak seperti dulu setiap hari Jumaat kita berjalan atau bergerak bercanggah arus, sekumpulan pergi satu masjid yang tertentu khusus baginya yang lain-lain pergi ke sebuah masjid, biarlah kita berjalan menuju satu hala saja, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Saya harap hal yang seumpama ini tidaklah payah bagi pemimpin PAS yang dulunya sama ada jelas atau tidak memberi arahan supaya jangan pergi ke masjid-masjid yang Imamnya, Jawatankuasanya terdiri daripada orang UMNO, untuk membatalkan pekelilingan yang tidak bertulis itu dengan satu pekelilingan yang jelas tertulis. Saya ingat ini bagus untuk penduduk-penduduk negeri kita, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua, hutang ... seorang wakil rakyat tadi, saya lupa di sini minta maaf kepada wakil rakyat yang berkenaan yang menyebut masalah hutang. Insya Allah, pihak pemimpin kerajaan akan menyedari sebahagian besar daripada hutang ini ialah hutang yang penggunaan duitnya oleh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu atau SEDC. Jadi kalau pemimpin kerajaan yang ada sekarang merasa terlalu berat memikul hutang ini, kalau boleh Tuan Yang Dipertua, saya cadangkan supaya segala aset SEDC, PMINT kita jual untuk membayar hutang. Dan saya rasa pihak pegawai-pegawai SEDC boleh terima cadangan ini, nasihatkanlah kepada pemimpin-pemimpin kerajaan baru supaya aset-aset yang tertentu, kalau tidak cukup kesemua aset, kalau perlu tutup SEDC tutuplah. Dan boleh kita tahu sejauh mana *insolven* dan *solvency* SEDC itu sendiri. Saya nak menunjukkan di sini Tuan Yang Dipertua bahawa ada asasnya maka hutang itu dibuat dan hutang kepada Kerajaan Persekutuan bukan

22 Disember 1999

kepada orang lain yang pembayarannya pernah dirundingkan beberapa kali dulu supaya sesuai dan mampu dibayar balik oleh Kerajaan Negeri. Datuk Keberantuan Negeri terns menerus membayar balik. Jadi, itulah saya menyayangkan segera bat yang semempama ini dilakukan sebaik-baiknya. Janganlah mudah mengatakan bahawa terdapatnya longgokan hutang kerana tidak pandai kita memerintah atau tidak pandai kita mengurus. Tengok hutang apa yang telah kita pikul selama ini dan untuk apa duit-duit itu sebahagian daripada hutang ialah untuk pembangunan kemudahan-kemudahan bekalan air di negeri kita.

Kalau kita boleh berlaku adii Tuan Yang Dipertua, saya suka kalau boleh kita berfikir sejenak. Masalah air yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri Kelantan memerlukan satu pinjaman lebih kurang RM600 juta. Sedangkan pembangunan bekalan air di negeri kita yang kita hutang sekarang saya rasa tidaklah sampai sebanyak itu, boleh kita lakukan dan Alhamdulillah kita tidak mengalami masalah seperti yang dialami oleh rakyat Negeri Kelantan. Jadi dalam hal ini janganlah saudara-saudara, sahabat-sahabat saya wakil rakyat yang baru melompat membuat keputusan dan rumusan yang terlalu tidak adil kepada pemimpin-pemimpin kerajaan yang lama kerana semata-mata uak menunjukkan bahawa kami lebih tahu, kami lebih berkemampuan mentadbirkan negeri ini. Insya Allah, masa akan menentukan sejauh manakah kemampuan saudara-saudara. Insya Allah, dengan irungan doa mudah-mudahan kita akan berjaya.

Tuan Yang Dipertua, seorang wakil yang telah berucap sebelum ini ada menyebut, saya minta maaf iaitu berhubung dengan patung di Marang ... patung sotong, di Bulatan Ladang ... patung penyu. Saya mengaku itulah kita buat, tapi kalaalah boleh Tuan Yang Dipertua, khususnya wakil rakyat yang berkenaan dan kita semua memandang bangunan KUSZA, memandang bangunan TATI, memandang bangunan ini sendiri Wisma Darul Iman, Kompleks Seri Iman yang merumahkan Pejabat Daerah, Pejabat Tanah dan pentadbiran Pejabat Agama itu sendiri sebagai *monument* insya Allah akan kita guna, akan kita nikmati termasuklah tuan-tuan yang menyambung pentadbiran di Negeri Terengganu. Jadi janganlah perkara-perkara yang kecil itu ditimbulkan semata-mata untuk memperkecilkkan khidmat-khidmat dan jasa-jasa pemimpin-pemimpin yang lama. Daripada tahun 1959 sehingga 1999 Tuan Yang Dipertua, lamanya 40 tahun. Parti PAS telah diberi peluang, dikurniakan Allah berkuasa pada peringkat awal tahun 59 selama 2 tahun 6 bulan lebih kurang. Selepas itu Kerajaan Barisan Nasional (Perikatan) pada mulanya sehingga 29 haribulan tahun 1999 baru-baru ini. Kita menerima royalti lebih kurang 20 tahun yang lalu. Cuba kita bayangkan, bagaimana derita, sangsara yang ditanggung oleh pemimpin-pemimpin kita yang mengambil alih teraju pemerintahan selepas PAS. Kemudian Alhamdulillah dengan rahmat Allah s.w.t. diberikan royalti, kemudian kita bangunkan negeri ini sampai kepada peringkat yang ada ini. Jadi saya rasa Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adalah munasabah dan wajar serta kita tidak dikutuk oleh generasi yang akan datang kalau kita mengatakan sesuatu semacam *tribute* atau mengucap terima kasih kepada bekas Menteri Besar Negeri Terengganu selama 25 tahun menjadi Menteri Besar telah membuat sesuatu untuk Negeri Terengganu ini.

Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih Yang Berhormat Wakil Seberang Takir. Dan perbahasan ke atas Rang Enakmen Perbekalan Tahun 2000 diteruskan lagi.

22 Disember 1999

Dipersilakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mahu mengambil bahagian. Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Teluk Pasu ...

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu):  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar dan rakan-rakan Yang Berhormat sekalian serta pegawai-pegawai kerajaan. Alhamdulillah, saya ucapan syukur kepada Allah s.w.t. pertama-pertamanya dan yang kedua di atas ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang kerana membentangkan belanjawan yang pada hemat saya suatu belanjawan yang menghiba hati saya kerana janji-janji dalam manifesto PAS yang kita taja kepada rakyat kita tegas untuk melaksanakannya. Ketegasan untuk melihat Negeri Terengganu yang dikenali sebagai "Darul Iman" - "kediaman keimanan" akan dilihat kalau pemimpinnya tegas dengan prinsip-prinsip Islam. Ketegasan ini jugak kerana menyahut firman Allahutaala:

ان الدين عند الله الإسلام

وَمَن يَتَّخِذُ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَا يَقْبَلُ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِيرِينَ

*Sesungguhnya agama cara hidup yang diterima disisi Allah ialah Islam, barang siapa mencari selain daripada Islam sebagai suatu cara hidup maka ia tidak akan diterima dari-Nya di akhirat nanti ia daripada orang-orang yang rugi.*

Untuk mencapai ketegasan pelaksanaan Islam sebagai suatu cara hidup maka ia mesti digariskan matlamat, setiap program dan kerja-kerja mestilah bertolak dua matlamat yang digariskan oleh Allah Taala sendiri:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّاْنَ وَالْإِنْسَانَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ

*Tidak Aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk mereka itu mengabdikan diri kepada-Ku.*

Dan:

إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

*Sesungguhnya Aku jadikan di muka bumi ini khalifah (kalangan anak Adam yang dapat mengurus segala perkara di muka bumi ini.)*

Maka fahamlah kita kerja-kerja dan setiap program mestilah di bawah dua asas yang penting, yang pertama *al-ubudiah* memperhambakan diri kepada Allah bukannya memperhambakan diri kepada sesiapa. Walaupun orang itu besar manapun, tapi kita bekerja terutama pemerintah hari ini memperingatkan diri masing-masing menjadi hamba dan agen kepada Allah s.w.t. Yang kedua mengurus dengan makna *khilafah* yang kita kata:

خَلَافَةُ النَّبُوَّةِ فِي أَقْمَاءِ الدِّينِ وَسِيَّسَةِ الدِّينِ يَابَه

*Khilarfat An Nubuwah Fi Iqamat Ad Din Wa Siasat Ad Dunya Bih*

22 Disember 1999

Pengurusan kenabian dan mengaturcara dengan memakai prinsip agama Islam yang dirujukan kepada firman Allahuttaala selaku Ketua Negara yang pertama yang mendirikan kerajaan Islam di Madinah al-munawarah Rasulullah s.a.w. Perintah Allah Taala di dalam al-Quran, apabila perintah kepada Ketua Negara digunakan *khitakqa* iaitu:

إِنَّا أَنزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِتُحَكِّمَ بِمَا أُرْسَلَ إِلَيْهِ

*Sesungguhnya Kami turunkan kepada engkau Wahai Muhammad al-kitab selaku Ketua Negara dengan kebenaran untuk kamu menjalankan hukuman di kalangan manusia dengan apa yang diperlihatkan oleh Allah. Itulah asas setiap pemerintahan yang akan menggantikan khilafah nabuah dan kerana itulah rujukan kepada terutama kepada Dewan ini meluluskan apa-apa perkara hendaklah dirujuk kepada al-Quran al-karim dan Sunnah Rasulullah s.a.w. dimana bila rujuk dua perkara ini maka semua perkara tidak dijamin tidak akan berlaku kesesatan. Berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w.:*

ترکت فیکم امرین ما ان تمسکتم بهما نن تضلو أبدا كتاب الله و سنتی

*Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, jika sekiranya kamu berpegang kepada dua perkara ini kamu tidak akan sesat selama-lamanya, iaitu kitab Allah dan sunnah-Ku, sunnah Rasulullah s.a.w.*

Kerana itulah saya berpesan kepada diri saya sendiri selaku Wakil Rakyat yang bertanggungjawab memikul amanah Allah pertama-pertama dan bertanggungjawab menguruskan negara yang kedua, kerana di bawah kita ini rakyat:

كنكم راع و كلکم مسؤول عن رعيته

*Semua kamu ini penjaga, pengawal dan kamu bertanggungjawab terhadap rakyatnya. Saya berpesan diri saya pertama-pertama bimbang dan takut kepada Allah supaya apabila ada takwa maka sudah tentulah setiap perancangan, setiap kerja berdasarkan kepada perintah Allah s.w.t. takut dan bimbang berlaku kemasukan hawa nafsu dalam diri masing-masing. Kerana kebimbangan berlaku ada kepentingan-kepentingan yang dapat diambil daripada pemerintah ini kerana itulah apa-apa perjuangan yang kita bersungguh-sungguh tetapi diniatkan lain daripada dia tidak dianggap *fisabillillah*, dimana Rasulullah s.a.w. bersabda bila ditanya: Pejuang mana yang diterima oleh Allah? Lalu Rasulullah s.a.w. menyebut:*

من قاتل ن تكون كمة الله هي العليا فهو في سبيل الله

*Barangsiaapa yang berjuang untuk supaya kalmah Allah itulah yang tertinggi maka ia berada pada jalan Allah.*

Berdasarkan kepada itu untuk mentadbir dan memerintah negara dan negeri ini maka prinsip yang pertamanya ialah supaya memastikan keadilan berjalan dan apa diucapkan oleh Yang Amat

22 Disember 1999

Berhormat Menteri Besar kita iaitu konsep 'tanggungjawab bersama' dan 'amanah bersama' diperkenalkan. Inilah yang menjamin berlakunya prinsip keadilan kerana pemerintahan bukannya seorang, pemerintahan yang disebut oleh Allah Taala:

وأمرهم شورى بينهم

*Urusan mereka adalah mereka bermesyuarat di kalangan mereka.* Inilah yang dimaksudkan memerintah secara *collective*, bukannya pandangan seorang tapi pandangan suatu jemaah yang mengendalikan pemerintahan bersama bila ada perkara. Inilah jaminan Allah:

يَدَاللَّهِ مَعَ الْجَمَاعَةِ

*Bantuan Allah bersama jemaah.*

Dan untuk memudahkan perjalanan segala prinsip-prinsip yang telah dirancangkan perlulah memilih pegawai-pegawai kerajaan, kakitangan kerajaan yang memang mempunyai kelayakan yang dikatakan *profesional* dengan izin. Kerana sesuatu jawatan itu berdasarkan kelayakan maka tidak timbulah perbahasan kita bahawa ada kezaliman bila berlaku pertukaran sesuatu jawatan. Bukan ianya memecat pegawai kerajaan tapi rumah baru memang menjadi kebiasaan kepada penghuni baru, kerusi-kerusi meja mesti dialih dan sebagainya.

Dalam merealisasikan ajaran Islam terhadap jawatan-jawatan ini di sana Rasulullah s.a.w. menyebut dua ciri penting yang perlu ada, antaranya kelayakan atau *profesional* kerana itulah apabila seorang yang bernama Abdul Rahman bin Sumarah meminta jawatan lalu Rasulullah s.a.w. menyebut:

لَا تُسْأَلُ إِمَارَةٌ، فَإِنَّكَ أَنْتَ أَعْطَيْتَهَا عَنْ غَيْرِ مَسْئَلَةٍ  
أَعْنَتْ عَلَيْهَا وَانْ أَعْطَيْتَهَا عَنْ مَسْئَلَةٍ وَكُلْتَ إِلَيْهَا

Satu prinsip yang baik yang dasar kerajaan diharapkan dapat merealisasikan hadis ini: *Wahai Abdul Rahman bin Sumarah jangan memintak jawatan, jika engkau diberi jawatan tanpa permintaan maka engkau ditolong di atasnya. Tetapi jika diberi kepada engkau dengan permintaan, permohonan engkau dipertanggungjawab kesemuanya.* Inilah bezanya pemerintahan Islam segala-galanya diberi di atas kelayakan dan diberi pertolongan dan diberi bimbingan-Nya, insya Allah.

Kedua, di dalam sesuatu pemerintahan perlu ada kawan yang menegur, yang menjalankan dasar tegur menyuruh kepada kebaikan *al-amrabilmakruf* dan mencegah kemungkaran. Kawan yang membantu untuk memperingatkan akhirat. Di sinilah letaknya kawan yang rapat atau Setiausaha atau apa-apa perkataan yang lain yang boleh kita namakan. Perlu kepada yang memperingatkan tentang hari akhirat. Disebut dalam sabda Rasulullah s.a.w.:

إِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِالْأَمِيرِ خَيْرًا جَعَلَ لَهُ وَزِيرًا صَدِيقًا إِنْ نَسِيَ ذَكْرَهُ وَانْ ذَكْرُ أَعْنَانِهِ  
وَإِذَا أَرَادَهُ غَيْرَ ذَلِكَ جَعَلَ لَهُ وَزِيرًا سُوءًا إِنْ نَسِيَ لَمْ يَذْكُرْهُ وَانْ ذَكْرُ لَمْ يَعْنِهِ

22 Disember 1999

*Apabila Allah mengkehendaki kebaikan sesuatu pemimpin, Allah menjadikan baginya kawan setia yang benar, jika ia lupa maka ia memperingatkannya, jika ia telah ingat dia bantukannya. Tetapi apabila Allah mengkehendaki dengannya lain daripada itu, dia menjadikan kawan setia itu atau wazir yang jahat, jika dia lupa wazir tersebut tidak memperingatkan dan jika dia ingat wazir tersebut tidak membantunya.*

Kerana itulah ketegasan perlu oleh kerajaan untuk melantik sesuatu jawatan tidak melayani permohonan yang mendadak, meminta untuk menjawat sesuatu jawatan kerana hadis Rasulullah begitu tegas menyebut:

أَنَّا وَاللَّهِ لَا نُولِي هَذَا الْعَمَلَ أَحَدًا سَائِلَهُ أَوْ أَحَدًا حَرْصٌ عَلَيْهِ

*Sesungguhnya demi Allah, kami tidak akan melantik pekerja dari seseorang yang memintanya atau seseorang yang amat cakna terhadapnya.*

Berdasarkan kepada itu Tuan Yang Dipertua, adalah perlu dan saya memberi sokongan padu kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di antara strategi-strategi yang hendak digariskan menjalankan dasar kerajaan ialah memberi tumpuan kepada sektor sosial dan sumber manusia bagi melahirkan manusia atau insan yang bertakwa, berkemahiran, berhemah, bertanggungjawab serta berdikari. Asas ini adalah nadi kepada sesebuah kerajaan kerana manusia bila tidak diasuh dan ditarbiahkan hatinya maka menjadi manusia yang tidak bertanggungjawab, manusia yang mengamalkan sifat rasuah, kronisme dan nepotisme. Oleh kerana itulah suatu peruntukan yang banyak diadakan kepada pembinaan insan kerana pembinaan insan ini menjadi peranan yang baik, yang penting untuk menjadikan bangsa dan ummah Islam ini supaya mereka menjadi orang-orang yang bertakwa. Kerana bertakwa jaminan Allah segala-galanya akan lulus, segala-galanya menjadi baik berdasarkan firman Allahuttaala:

وَمَنْ يَتَقَبَّلْ لَهُ مَخْرُجًا وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ

*Barang siapa bertakwa kepada Allah, Dia menjadikan baginya tempat keluar dan Ia merezekikan kepadanya sekira-kiranya tidak terkira rezeki yang diberikan. Kalau kerajaan dapat membentuk rakyatnya bertakwa insya Alah, kita yang memerintah bertawakal kejayaannya kepada Alah tetapi bila bertawakal Allah akan bantu, kadang-kadang tak terfikir dengan fikiran kita Allah nak bantu. Selepas ini tidak tahulah apa rezeki yang Allah akan berikan kepada kita di Negeri Terengganu ini.*

Penumpuan kepada pendidikan, perlulah diberi tumpuan kepada persoalan jiwa manusia dimana persoalan jiwa ini menentukan kejayaan atau kerugian kepada sesuatu ummah dimana Allahuttaala berfirman:

وَنَفْسٌ وَمَا سُواهَا فَإِلَيْهَا فَجُورُهَا وَتَقْوَاهَا

22 Disember 1999

Demi jiwa, Allah bersumpah dengan jiwa *wamasawa* iaitu tubuh badan, lalu Allah mengilhamkan jiwa dengan ilham *pujujaha* dan ilham takwa. Persoalannya yang menjadi berjaya dan tidak berjaya ialah persoalan pembersihan jiwa, *kaflahamanazakaha* sesungguhnya berjayalah oleh orang yang membersihkannya yakni jiwa dan punahlah oleh orang yang mengotorkan jiwa. Berdasarkan kepada ayat ini pembersihan jiwa perlu dilakukan untuk menghapuskan segala penyelewengan terutama di dalam pengurusan dasar-dasar kerajaan dalam semua aspek.

Satu contoh yang dapat dikesani dalam kerajaan yang terdahulu ialah penyelewangan-penyelewangan duit zakat. Apabila kita cuba menganalisa balik ada jugak sekumpulan orang-orang yang tidak berhak menerima duit zakat, menerima duit zakat. Dan inilah yang kita kata kalau ada kesempatan kalau jiwa yang bertakwa sudah tentu mereka menolak kesempatan peribadi. Dan berdasarkan kepada itu jugak suka saya menyebutkan apa yang dibuat oleh kerajaan yang di bawah Tuan Guru Haji Abdul Hadi yang menyukarkan hati saya dan yang lain ialah kutipan daripada hasil-hasil yang diharamkan adalah satu perkara yang perlu disokong bukan saja saya tetapi daripada pihak pembangkang jugak kerana keberkatan itu duduk pada perkara yang halal. Allah Taala berfirman:

كُلُّهُمْ أَنَّ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا

*Makan olehmu daripada benda-benda baik, 'al-thayiba' ini lawannya 'al-haram' perkara yang haram, dan buatlah perkara-perkara yang baik yang dianggap perkara soleh.*

Satu perkara yang perlu saya menperingatkan diri saya jugak dan harapan iaitu bagaimana cara kita hendak menyelesaikan masalah atau problem masyarakat terutama kemiskinan. Kemiskinan kalau berdasarkan kepada kaedah zakat yang telah digariskan oleh Islam untuk meringankan dan menghapuskan kemiskinan maka zakatlah salah satu di antara jalan yang dapat menyelesaikan kewangan seseorang. Kalau mengikut ahli-ahli fikah Islam, ada dua mazhad pemberian duit zakat itu dilakukan. Mazhad pertama ialah bila bagi duit zakat maka dia tidak perlu meminta lagi untuk seumur hidupnya. Pendapat yang kedua, bila menerima zakat ini untuk cukup hidup setahun. Bagaimana perkara ini boleh dilakukan kalau kerajaan yang baru ini dapat menjayakan sama ada ambil dua pendapat ini, pendapat untuk setahun sudah cukup ... bahawa kita sudah banyak bertanggungjawab terhadap perkara ini. Dan lebih-lebih lagi apa yang dijanjikan oleh Allah s.w.t. apabila kita mengikut saluran beriman dan bertakwa kepada Allah sudah tentu jaminan rezeki Allah meruah-ruah limpah dimana kita telah dengar ayat Allah s.w.t.:

وَمَنْ يَتُوَكِّلُ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ

*Barang siapa bertawakal kepada Allah maka Allah memadainya. Oleh kerana segala perancangan, kita yang merancang tapi Allah yang mentakdirkan. Maka hasrat-hasrat ini harap-harap Allah Taala bersama memberi bimbingan kepada kerajaan yang di bawah kerajaan baru ini*

22 Disember 1999

yang berhasrat benar-benar untuk melaksanakan syariat Allah di muka bumi ini. Dan saya harap jugak apabila wakil pembangkang, dia menyatakan tengok masalah ke depan. Jadi, kita harap tengok masa tu masa yang berjaya, ke arah kejayaan, ke arah pelaksanaan syariat Alah s.w.t. Dan kita harap jugak bila ada kejayaan, pembangkang kalau boleh ... kerusi dalam Dewan ini takdok nama pembangkang bersama kita memberi idea. Kalau pun takboh jadi macam orang kita biarlah memberi kerjasama dengan memberi teguran-teguran yang baik kepada kerajaan. Kerana kalau musuh tidak kata kepada kita maka kita tidak tahu dimana kesalahan kita.

Jadi sekadar itu, wabillahi taufik wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih Yang Berhormat Wakil Teluk Pasu. Saya masih lagi memberi ruang kepada Ahli Yang Berhormat untuk membuat ucapan. Kalan ada siapa yang hendak berucap? Sila Yang Berhormat Wakil Bukit Payung ...

**YANG BERHORMAT HAJI HASSAN BIN MOHD SALLEH (Wakil Bukit Payung):** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan wakil-wakil jabatan, dan seterusnya sidang pemerhatian sekalian.

Alhamdulillah, pada kali ini saya ingin mengambil peluang jugak untuk bercakap sempena perbahasan ucapan belanjawan tahun 2000 ini. Dan pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua kerana telah dipilih sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri Terengganu. Dan juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah menyampaikan ucapan belanjawan yang begitu baik, saya kira. Oleh kerana belanjawan yang dibentang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita adalah bermatlamat untuk melahirkan pembangunan yang seimbang, iaitu rohaniah dan jasmaniah maka aspek yang paling penting yang perlu kita lihat ialah aspek dakwah itu sendiri. Dakwah yang dimaksudkan ialah untuk membina insan yang sempurna. Dan insan yang sempurna ini tidak dapat dilahirkan tanpa ilmu yang sempurna. Di sinilah dakwah dan tarbiah dititik beratkan. Kita tidak cukup melahirkan golongan intelek, golongan profesional dalam apa bidang sekali pun tetapi kalau mereka tidak ditarbiasahkan dengan tarbiah Islamiah maka sudah tentu mereka tidak akan dapat melahirkan satu bentuk pembangunan yang seimbang bahkan pembangunan yang dibina itu akan menghadapi keruntuhan dari dalamnya. Kerana walau macam mana kita tinggi pengajian sekali pun, walau macam mana tinggi ... hebat ilmu kita kalau kita tidak ada asas keimanannya maka dengan sendiri ilmu yang tinggi itu, yang tidak berdasarkan iman itu maka akan merosakkan pembangunan yang dibina itu sendiri. Jadi sebab itulah saya melihat pentingnya kerajaan kita yang baru lahir ini menitik beratkan soal dakwah.

Dan dengan itu saya mengesyorkan supaya Kerajaan Alternatif yang dipimpin oleh PAS mengadakan kursus-kursus secara intensif kepada para *da'i*. Saya tidak menafikan adanya kerja-kerja dakwah dilakukan sebelum ini tetapi hasilnya adalah tidak seberapa. Faktor utama yang saya lihat kurang berkesannya dakwah ini adalah kerana Pendakwah itu sendiri tidak mempunyai ciri-ciri *da'i* yang sepatutnya. Oleh itu saya syorkan Tuan Yang Dipertua, supaya diadakan kursus-kursus intensif kepada para *da'i* supaya mereka faham tentang *Uslubudakwah* itu. Bukan itu saja tapi para *da'i* itu sendiri perlu ada minatnya untuk menceburkan diri di bidang dakwah. Dan kita hendak melihat dakwah ini bukan satu kerja yang dilakukan sambil

22 Disember 1999

lewa ataupun dakwah ini dikerjakan sebagai satu jalan hanya untuk mendapat ganjaran semata-mata. Sebab, kalau itulah niat kita maka sudah tentu dakwah yang dilakukan tidak akan diberkati oleh Allah. Dan apabila ianya tidak diberkati oleh Allah maka sudah tentulah dakwah yang dilakukan itu tidak memberi kesan kepada masyarakat kita.

Tuan Yang Dipertua, hari ini melihat masjid begitu besar tersergam, Alhamdulillah. Tetapi apabila kita melihat isinya amat menyedihkan kita, begitu kurang orang yang memakmurkan masjid. Yang mengunjungi masjid hanyalah golongan-golongan tua nampaknya tetapi golongan muda tidak begitu ramai yang mengunjungi masjid. Ini saya rasa adalah satu kegagalan dakwah yang dijalankan selama ini. Jadi dalam usaha dakwah ini kita perlu merancang dengan rapi, membuat strategi yang tepat yang mengenai sasaran supaya dakwah yang dilakukan itu benar-benar berkesan. Di antara faktor yang menyebabkan dakwah kurang berjaya, saya lihat ada setengah-setengah *da'i*, ada setengah-setengah orang yang mengajar di surau-surau tidak ikhlas dengan kerja yang diamanahkan kepada mereka. Ini berdasarkan kepada maklumat yang saya terima, dimana ada setengah-setengah pengajar ini membuat maklumat laporan yang tidak betul. Umpamanya, katakanlah jumlah yang hadir dalam majlis yang diadakan itu ... sebenarnya hanya lima enam orang tetapi laporan yang diberi adalah dua tiga puluh orang. Jadi ini satu contoh dimana kerja-kerja dakwah yang dilakukan sebelum ini ... dilakukan oleh ada setengah-setengahnya yang tidak amanah dalam menjalankan tugas mereka.

Jadi sebab itu, saya kira sampailah masanya kita melakukan tarbiah kepada para *da'i* ini dengan bersungguh-sungguh supaya mereka merasakan dakwah itu adalah satu amanah Allah. Dakwah merupakan tugas para Rasul dan dengan ini kita harapkan masyarakat kita, dengan hasil daripada tarbiah daripada *da'i* itu sendiri ... kursus-kursus yang diberi kepada para *da'i* itu sendiri, mudah-mudahan kita mengharapkan masyarakat kita akan disampaikan dengan ilmu yang sebenar tentang Islam, ilmu yang *syumul* tentang Islam itu. Tidak berlaku seperti masa-masa yang lepas Islam ini hanya berlegar di sekitar ibadat semata-mata, Islam hanya berlegar di sekitar berpuasa, kalau di musim haji bercakap tentang haji. Tetapi soal-soal yang lebih luas tentang Islam itu tidak diperkenalkan kepada masyarakat kita. Jadi sebab itulah timbulnya fitnah-fitnah, timbulnya *khurafat-khurafat* yang berlaku dalam masyarakat. Dimana umpamanya sebagai contohnya, timbulnya kata-kata yang mengatakan "politik tidak bercampur dengan agama" umpamanya dan kata-kata ini sebenarnya timbul daripada setengah-setengah guru yang mengajar di surau-surau itu sendiri. Jadi ini menunjukkan bahawa guru yang mengajar itu sendiri pun tidak memahami Islam dengan sempurna sedangkan politik Islam itu adalah sebahagian daripada Islam. Sebab itu kita melihat hari ini, oleh kerana ilmu yang disampaikan itu tidak seimbang, ilmu yang disampaikan itu tidak sempurna maka timbul perpecahan umat Islam hari ini. Kalau umat Islam mempunyai ilmu yang sempurna, insya Allah mereka tidak akan berpecah, mereka tidak akan berselisih.

Kita ... barangkali kalau kita baca sejarah Imam Shafie - Imam Malek berselisih tetapi mereka berselisih bukan pada perkara asas, mereka berselisih hanya kepada perkara ranting-ranting saja. Tetapi hari ini umat Islam berselisih dengan perkara yang *basic*, perkara yang asas, perkara yang *basic* kita berselisih pada hari ini. Kadang-kadang perkara yang menyentuh akidah kita, kita berselisih. Oleh sebab itu, saya melihatkan Tuan Yang Dipertua betapa pentingnya dakwah ini dilaksanakan di masa akan datang dengan bersungguh-sungguh, mudah-mudahan masyarakat kita tidak lagi diselewengkan dengan ilmu-ilmu dan maklumat-maklumat yang tidak tepat dan

22 Disember 1999

tidak betul dengan kehendak Islam ini.

Jadi itulah saja saya rasa Tuan Yang Dipertua, yang dapat saya sampaikan buat kali ini. Wallahu alam, wassalamualaikum warahamtullahi wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bercadang supaya Dewan ini akan dapat dihentikan dalam tempoh yang singkat akan datang ini. Oleh itu saya buka untuk seorang saja lagi untuk bercakap. Silakan ... Yang Berhormat Wakil Rantau Abang.

**YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Rantau Abang):** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang lain, pegawai-pegawai kerajaan dan para pemerhatian sekalian.

Dalam masa yang ringkas ini, sukalah saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan Barisan Alternatif walaupun usianya dalam keadaan muda tetapi telah berjaya membuat beberapa perubahan dan merumuskan satu belanjawan yang sangat baik yang bertepatan dengan agama Allah s.w.t. Walaupun wakil-wakil pembangkang ada menyebut tidak ada sebarang perubahan yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Alternatif tetapi saya merasakan bahawa kita boleh lihat beberapa portfolio yang sebelum ini belum ada dalam kabinet kerajaan telah diadakan oleh Kerajaan Barisan Alternatif. Di antaranya Pelaksanaan Syariat yang ada peruntukan kewangan daripada Kerajaan Negeri. Walaupun Wakil Telemong ada menyebut masalah Hudud, bilakah akan dilaksanakan yang ditanya pada hari kelmarin, kita yakin dan percaya soalan itu bukan berbentuk sokongan kepada Hukum Hudud. Kerana belian sendiri mungkin tidak akan mencanggahi ucapan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad. Satu ucapan yang sekadar memainkan tentang Hukum Hudud itu sendiri.

Yang kedua, portfolio yang ditubuhkan oleh Kerajaan Barisan Alternatif mengenai Hal Ehwal Wanita. Yang menggambarkan kepada kita semua bahawa Kerajaan Barisan Alternatif mengambil cakna masalah rakyat terutama golongan wanita. Antara langkah pertama yang diambil oleh Kerajaan Barisan Alternatif iaitulah memberi cuti bersalin selama 90 hari yang menggembirakan seluruh wanita-wanita kita yang berkhidmat di bawah Kerajaan Negeri Terengganu. Dan saya mendapat maklumat banyak pegawai-pegawai kerajaan dan tenaga wanita yang berkhidmat di bawah Kerajaan Pusat mereka merasakan irihati dengan lebihan yang dirasai oleh mereka yang terlibat di bawah Kerajaan Negeri.

Yang ketiga, portfolio Hal Ehwal Bukan Islam dan Alhamdulillah kita telah memperuntukkan begitu banyak peruntukan untuk Hal Ehwal Bukan Islam. Dan saya berharap jabatan ini dapat menjalankan kerja yang begitu baik, dapat menjelaskan kedudukan orang-orang yang bukan Islam itu sendiri di sebuah negeri yang beramal dengan agama Islam itu sendiri. Dan menjadi kewajipan kepada jabatan ini supaya memberi kefahaman yang baik kepada orang yang bukan Islam tentang keadaan Islam itu sendiri. Kita tidak boleh paksa mereka menerima ajaran Islam kerana Allah menyebut:

لَا كَرَاهَ فِي الدِّينِ

*Tidak ada paksaan dalam agama.*

Apabila Nabi s.a.w. berjaya menegakkan kerajaan Islam Madinah, bani Nadir, bani Kainukah

22 Disember 1999

dan bani Khuraizah yang menjadi rakyat Islam Madinah, tidak dipaksa oleh Naib s.a.w. untuk menerima ajaran Islam. Dan kita berharap portfolio baru ini akan mendekati orang yang bukan Islam, memberi kefahaman yang baik kepada mereka apa itu "Khuraj" dan seumpamanya.

Yang keempat, portfolio Hisbah yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri menggambarkan ketelusan Kerajaan Negeri dalam pentadbiran yang membenarkan jabatan-jabatan dan pemimpin-pemimpin politik untuk disemak, diperiksa adakah mereka melaksanakan kewajipan dan amanah dalam keadaan yang baik. Tentang cadangan kerajaan untuk memberi bantuan kepada kakitangan kerajaan, pinjaman yang tidak melibatkan riba satu rahmat kepada kita semua. Sepatutnya pegawai-pegawai kerajaan bersyukur kepada Allah dan berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Alternatif, bukan meringankan beban mereka semata-mata tapi menyelamatkan mereka daripada dosa riba yang disebut oleh Allah di dalam al-Quranulkarim:

الذين يأكلون الربا لا يقومون الا كما يقوم الذي يتغبطه الشيطان من المس ،  
ذلك بأنهم قالوا إنما البيع مثل الربا وأحل الله البيع وحرم الربا . . . . .

Yang bermaksud:

*Barang siapa di antara kamu yang memakan hasil riba maka pada hari kiamat akan dibangkit oleh Allah sebagaimana manusia yang dirusak oleh syaitan. Dan sesungguhnya Allah menghalal jual beli dan Allah mengharamkan riba kepada kita. Dan Alhamdulillah, kerajaan prihatin terhadap perkara ini.*

Dan seterusnya kerajaan perlu jugak menggunakan kewangan negeri untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak watan negeri kita. Apabila ada peluang pekerjaan yang banyak untuk anak watan negeri kita: Yang pertama, boleh mengelakkan pengangguran, lepak dan yang seumpamanya. Yang kedua, boleh menjaga akhlak anak-anak rakyat negeri kita. Kita lihat dewasa ini bagaimana sebahagian besar anak-anak rakyat negeri kita yang bekerja di Pantai Barat, yang bekerja di Singapura bukan kewangan saja mereka boleh tapi mereka boleh anasir-anasir yang tak baik akibat tidak ada peluang pekerjaan yang banyak dalam negeri kita.

Saya melihat bagaimana satu projek yang dilaksanakan dalam kawasan saya yaitulah projek Petronas, loji air Petronas di Serdang. Satu rintihan daripada masyarakat tempatan, gaji yang terlalu murah yang ditawarkan oleh pihak-pihak tertentu yang menyebabkan mereka ambil keputusan mencari kerja di luar daripada negeri dan seumpamanya. Dan akhir sekali ada di antara mereka yang balik dengan anasir-anasir yang tidak baik dan seumpamanya.

Dari sudut pendidikan, saya merasakan bahawa cadangan Dana Khas Pendidikan itu perlu disegerakan oleh pihak kerajaan kerana pendidikan ini suatu perkara yang sangat penting kepada kita. Apabila merundumnya ekonomi negara di akhir 1997, kita mendapat maklumat banyak anak-anak orang kita yang miskin yang tidak mendapat bantuan Kerajaan Barisan Nasional daripada yang belajar di luar negeri terpaksa dipanggil balik oleh ibu bapak mereka, tidak sempat menghabiskan pengajian-pengajian mereka. Dan kita berharap kerajaan negeri kita akan

22 Disember 1999

memberi peruntukan yang sebaik mungkin kepada segenap lapisan masyarakat tanpa mengambil kira masalah fabaman politik mereka.

Dan jugak masalah pendidikan, suka saya membuat penambahan ... banyak tempat-tempat pendidikan yang di bawah kerajaan negeri seperti TATI. Walaupun TATI ni bukan pusat pengajian Islam, kita mengharapkan kerajaan dapat menerapkan pengajian-pengajian Islam jugak sebahagian daripada madah ataupun mata pelajaran. Sebab kita mahu *engineer-engineer* yang kita lahir memahami masalah akidah, erti bab Islam. Dan kita lihat di bumi Arab, walaupun pelajar-pelajar di sana mereka belajar fakulti kuliah kedoktoran tapi masa yang sama pelajaran Fikah diajar kepada mereka. Jadi mereka tidak nampak dunia sebelah mata saja, mereka nampak juga alam akhirat, dosa pahala yang akan melahirkan profesional mereka dalam keadaan bertakwa kepada Allah s.w.t.

Dan cadangan Kerajaan Negeri jugak untuk menangguhkan projek-projek mega, saya merasakan bahawa kena pada masanya memandangkan negeri kita ini banyak lagi kawasan-kawasan kampung yang masih tak cukup lagi infrastrukturnya, masalah kemudahan asas. Dalam DUN Rantau Abang masih banyak lagi kawasan-kawasan yang tidak ada api elektrik, tidak ada paip air, jamban-jamban rumah masih belum ada lagi, talian telefon ke rumah-rumah masih belum ada cukup banyak inilah yang menyusahkan masyarakat. Mengapa kita berbangga dengan projek mega yang besar, marilah kita membuat penumpuan kepada projek-projek membangunkan masyarakat di peringkat bawahan kita.

Dan seterusnya, cadangan daripada Wakil Paka tadi untuk menubuhan Badan Penyiasat yang menggerunkan Wakil Telemong. Oleh sebab itulah saya mencadangkan supaya Badan Penyiasat ini diadakan oleh pihak kerajaan untuk menentukan bagaimana 25 tahun kerajaan diperintah oleh Barisan Nasional, ada penyelewengan ataupun tidak. Kiranya tidak ada penyelewengan, mengapa hutang semakin bertambah, sampai RM730 juta lebih? Sedangkankekayaan negeri kita cukup banyak dikurniakan oleh Allah s.w.t.

Dari sudut kesihatan jugak, kerajaan nak menjamin rakyat dalam keadaan sihat dan baik. Saya mendapat laporan daripada banyak masyarakat kita yang terpaksa berulang alik daripada daerah-daerah ke Kuala Terengganu semata-mata untuk membersih buah pinggang masing-masing sedang alat-alat ini tidak ada di daerah masing-masing. Yang membebankan golongan miskin yang berulang alik tiga kali seminggu, daripada Besut, daripada Kemaman, daripada Dungun dan seumpamanya. Dan saya mencadangkan supaya kita dengan peruntukan yang ada supaya menubuhan pusat-pusat ini untuk membersihkan keadaan masyarakat kita di tempat masing-masing, masalah buah pinggang dan seumpamanya, mewujudkan pusat-pusat perubatan di daerah masing-masing, menambahkan alat ini semua.

Dan seterusnya yang akhir sekali, saya menyatakan bahawa belanjawan yang kita bentangkan semalam oleh Yang Amat Berhormat merupakan suatu belanjawan yang baik mudah-mudahan kita semua diberi rahmat oleh Allah s.w.t. Dan penghapusan cukai-cukai yang tidak baik, insya Allah jangan kita bimbang rugi yang sedikit kerana Allah menjanjikan kepada kita:

Kalau kita bersyukur, bertakwa kepada Allah, Tuhan bukalah jalan kepada kita. Kita lihat

22 Disember 1999

Kerajaan Kelantan, dalam keadaan sesot Tuhan dedahkan minyak dan gas kepada mereka akibat mereka bertakwa kepada Allah s.w.t.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Alternatif, mudah-mudahan apa yang dirangka, yang rancang mudah-mudahan dapat dilaksanakan dalam keadaan baik dan mendapat keredaan daripada Allah s.w.t.

Wallahu alam, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Rantau Abang.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ucapan perbahasan ke atas Rang Enakmen Perbekalan 2000 Tahun 1999 telahpun diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tempoh masa yang amat selesa. Saya mengambil sikap terbuka membenarkan Ahli-ahli Yang Berhormat membuat ucapan yang panjang. Adapun ucapan balas oleh pihak kerajaan akan dibuat pada hari esok, 23 Disember 1999 tepat jam 9.30 pagi. Maka dengan itu Dewan ini ditangguhkan tepat kepada jam 9.30 pagi esok, 23 Disember 1999.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 3.15 PETANG.



**PERSIDANGAN  
PADA HARI KHAMIS, 23 DISEMBER, 1999**

БАДА СИМАНЫСЫНДЫРЫЛЫП АДАР

НУРАСЫНАДАСЫ

Hari Khamis,  
23 Disember 1999

## KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [ Muka 107 ]
2. Rang Undang-Undang:
  1. *Enakmen Perbekalan (2000) 1999 (Sambungan Perbahasan)* [ Muka 111 ]
  2. *Enakmen Perbekalan Tambahan (1999) (No. 2) 1999* [ Muka 150 ]
3. Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis:
  1. *Peruntukan Perbelanjaan Rancangan Pembangunan Negeri Bagi Tahun 2000* [ Muka 153 ]
  2. *Rancangan-Rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri Bagi Tahun 2000* [ Muka 156 ]
  3. *Anggaran Pembangunan (Tambahan Bil. 2) 1999 Perbelanjaan 1999* [ Muka 158 ]
  4. *Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Undangan Negeri* [ Muka 159 ]
  5. *Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Terengganu* [ Muka 160 ]
4. Pelantikan Ahli Dewan Negara [ Muka 161 ]
5. T A N G G U H A N [ Muka 164 ]



23 Disember 1999

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL  
9.30 PAGI**

**H A D I R**

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA**

Tuan Haji Husain bin Awang

**YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR**

Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang

**WAKIL RHU RENDANG**

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali

**WAKIL PENGKALAN BERANGAN**

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib

**WAKIL MANIR**

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong

**WAKIL BATU BURUK**

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Chik

**WAKIL BATU RAKIT**

Yang Berhormat Tun Dato' Haji Mohd Salleh bin Abas

**WAKIL JERTIH**

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut

**WAKIL WAKAF MEMPELAM**

Yang Berhormat Encik Yahaya bin Ali

**WAKIL ALUR LIMBAT**

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah

**WAKIL TEPUH**

Yang Berhormat Haji Awang bin Jusoh

**WAKIL CUKAI**

Yang Berhormat Encik Wan Hassan bin Mohd Ramli

**WAKIL SURA**

23 Disember 1999

Yang Berhormat Haji Ismail bin Haji Mamat  
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Nik Muhammad Zawawi bin Salleh  
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Abdullah bin Mat Dan  
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Putch  
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat  
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Haji Azman Shapawi bin Abdul Rani  
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Dr. Haji Sulaiman bin Abdullah  
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Haji Mohamad bin Hitam  
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Encik Shaharizukirnain bin Abd. Kadir  
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Ismail bin Harun  
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Hassan bin Mohd Salleh  
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Haji Abdul Aziz bin Haji Abas  
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Haji Mehamad bin Sulong  
WAKIL KIJAI

Yang Berhormat Haji Roslan bin Haji Ismail  
WAKIL BUKIT BESI

23 Disember 1999

Yang Berhormat Encik Rozali bin Muhammad  
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Encik Md. Azmi bin Lop Yusof  
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,  
SPMT.,DSMT.,PJN.,JSM.,PJC.,PPN.,PJK.  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang  
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali,  
DPMT.,AMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Encik Rosol bin Wahid  
WAKIL AJIL

23 Disember 1999

**TURUT HADIR MENURUT PERKARA XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
Dato' Senara Muda (Dato' Haji Mazlan @ Mohd Nanri bin Hashim)  
DPMT.,ASM.,KMN.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Encik Ab. Karim bin Abd. Rahman

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
Y.M. Dato' Ku Abd. Azah bin Syed Alwee,  
DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Encik Osman bin Muda, PJK.

23 Disember 1999

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Mesyuarat disambung semula dengan umul Quran - Al-Fatihah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pejawai kerajaan pada hari kelmarin mesyuarat ditangguhkan pada peringkat perbahasan terhadap ucapan belanjawan. Maka hari ini adalah giliran pihak kerajaan untuk membuat ucapan penggulungan. Dengan ini saya persilakan pihak kerajaan untuk membuat penggulungan. Dipersilakan -

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, hadirin, hadirat yang saya muliakan sekalian.

Pertamanya saya mengucapkan kesyukuran kepada Allah s.w.t. kerana Negeri Terengganu telah diberikan kesempatan oleh Allah untuk diperintah oleh sebuah parti alternatif yang menjadi parti kerajaan sekarang, iaitulah dipimpin oleh PAS. Berkonsepkan kepada kepentingan ulama untuk mentadbir negeri, Alhamdulillah kepimpinan kerajaan Terengganu sekarang di bawah Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar telah menjadi kepimpinan yang diharapkan akan membawa perubahan bagi kerajaan Terengganu dan juga rakyat.

Sempena dengan pembentangan belanjawan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, saya mengucapkan terima kasih kerana keprihatinan Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar terhadap pembentangan yang telah dikemukakan di bawah portfolio saya. Dimana walaupun telah dibangkitkan oleh Wakil Ajil bahawa peruntukan perbelanjaan pelancongan, menggalakkan pelancongan dengan jumlah RM7.72 juta adalah kecil tetapi insya Allah dengan perbelanjaan berhemat dan bercermat yang akan dilaksanakan oleh portfolio di bawah saya dan dengan bantuan dari jabatan-jabatan kerajaan, insya Allah kita akan dapat laksanakan perbelanjaan yang diberikan ini dengan kadar yang terbaik. Kerana kita mestilah menyedari bahawa persoalan pokok yang hendak diterapkan untuk menarik pelancong ialah dengan kita kemukakan, yang pertamanya infrastruktur-infrastruktur kerana walau bagaimana baikpun kita mempunyai tempat-tempat lawatan pelancong tanpa kemudahan-kemudahan infrastruktur kita tidak akan dapat menarik pelancong kerana jalan untuk masuk ke tempat-tempat yang hendak dilawati itu berada dalam keadaan yang sulit dan payah bagi pelancong. Oleh kerana itulah bagi tahun 2000, RM3.5 juta daripada RM7.72 juta ini akan diperuntukkan kepada kelengkapan infrastruktur bagi tempat-tempat yang dijangka menjadi tumpuan pelancong. Bagi kita untuk mendapatkan jumlah mereka melawat ke Negeri Terengganu ini kita pecahkan kepada tiga kumpulan:

1. Pelancong Dalam Negeri dengan makna dari daerah ke daerah untuk memajukan ekonomi penduduk yang terlibat secara langsung dengan pelancongan.

23 Disember 1999

2. Pelancong-pelancong dari luar Negeri Terengganu yang akan datang melawat ke Terengganu yang jugak akan menjadi tumpuan kepada portfolio di bawah saya.
3. Pelancong-pelancong luaran - pelancong-pelancong dari luar negara yang mana mengikut apa yang telah diucapkan oleh Menteri di Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan bahawa peningkatan pelancong bagi tahun 1999 berjumlah 35 peratus. Dan berkemungkinan bagi tahun 2000 dengan promosi yang akan dilancarkan mungkin lebih daripada itu.

Dengan sebab itulah walaupun jumlah yang disebutkan ini agak kecil, kita berharap mudah-mudahan dengan perbelanjaan berhemat kita akan dapat meningkatkan industri pelancongan di Negeri Terengganu.

Seterusnya apa yang dibangkitkan oleh Wakil Seberang Takir ... sebab menang dengan undi pos Tuan Yang Dipertua. Wakil Seberang Takir membangkitkan berkait dengan Kompleks Sukan yang dicadangkan perlu diteruskan. Suka saya nyatakan bahawa pembinaan Kompleks Sukan Negeri di Gong Badak telah dirancang begitu lama iaitu sejak daripada awal tahun 1980-an lagi. Dan fasa yang pertama telah disiapkan iaitu pembinaan padang trek latihan olahraga, iaitu tanpa mempunyai kemudahan-kemudahan tandas, bilik persalinan, setor, tempat duduk penonton dan lain-lain. Ianya hanya disiapkan sekadar trek larian, padang dan pagar sahaja. Ini telah disiapkan. Sekarang ini sedang masuk dalam fasa projek yang seterusnya yaitulah Stadium Utama yang kapasitinya berjumlah 40,000. Oleh kerana berlakunya peralihan kerajaan, maka kita memutuskan untuk menangguhkan sementara projek-projek mega ini. Kerana kita melihat kepada kepentingan sukan yang ada di stadium lama ini masih boleh digunakan yaitulah di antara sukan yang menjadi sukan utama di Negeri Terengganu, yang menaikkan nama Terengganu di peringkat nasional ialah hanya bola sepak buat masa ini. Untuk menampung penggunaan sukan bola sepak di stadium yang sedia ada sekarang ini masih mencukupi. Melain jika kita melihat suatu perkembangan yang baik bagi sukan-sukan bola sepak dan lain-lain, dan memerlukan satu keperluan sukan yang lain yaitulah keperluan stadium dan lain-lain, mungkin kita akan pertimbangkan pada masa yang akan datang. Untuk sekarang ini kita hentikan dulu projek-projek mega ini dengan kita menumpukan kepada sukan yang menaikkan nama Negeri Terengganu yaitulah bola sepak. Sukan-sukan lain juga akan diberikan perhatian tetapi di tahap yang ada ini bola sepaklah yang menaikkan nama Negeri Terengganu.

Dan juga saya mengharapkan bahawa apa yang dibangkitkan tentang belia yang dibangkitkan oleh Wakil Rantau Abang, dimana belia-belia kita sekarang ini berhijrah keluar Negeri Terengganu. Insya Allah, kita akan cuba untuk merancang dan berfikir bagaimana belia-belia kita ini dapat kita kekal dalam Negeri Terengganu memberi sumbangan tenaga mereka untuk kepentingan dan keperluan pekerjaan di Negeri Terengganu. Kerana apa yang berlaku sekarang ini sebagai suatu contoh Tuan Yang Dipertua, yaitulah di Kerteh kita lihat bagaimana tidak adanya suatu peraturan yang membolahkan penduduk-penduduk yang terdiri dari rakyat Terengganu khususnya di kalangan belia-belia menyertai sama di peringkat projek pembangunan di Kerteh. Dimana kita dapatiti tidak ramainya belia-belia kita yang diberikan kesempatan kerana tidak ada peraturan-peraturan yang tertentu dari kerajaan yang terdahulu. Sebab itulah kita

23 Disember 1999

mengharapkan adanya satu peraturan supaya membolehkan mana-mana syarikat yang ada mengambil pekerja-pekerja supaya diberikan kuota kepada belia-belia bagi Negeri Terengganu khususnya bagi rakyat Terengganu dan tentulah dikaitkan dengan belia-belia kerana sebahagian besar mereka adalah pekerja di tapak-tapak pembangunan dan pembinaan ini.

Itu saja, terima kasih Tuan Yang Dipertua, mudah-mudahan kita mengharapkan akan dapat menjalankan tugas dengan baik di masa-masa yang mendatang. Walau pun dalam tempoh 20 hari, kami telah berusaha sedaya yang mungkin untuk menjadikan kita dapat berjalan dengan baik, memerintah dengan baik dan kita usaha insya Allah untuk masa-masa yang mendatang dengan doa yang akan diberikan kerjasama Ketua-ketua Jabatan, kita akan dapat jalankan tugas dengan baik.

Wabillahi taufik wahidayah, wassalamualaikum warahamtullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Pengurus Jawatankuasa Belia dan Pelancongan. Dipersilakan seterusnya -

YANG BERHORMAT HAJI AWANG BIN JUSOH (Wakil Cukai): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat dan seterusnya pegawai-pegawai kerajaan, muslimin, muslimat yang dihormati sekalian.

يَا إِلَهُ النَّاسِ انَا خَلْقُكُمْ مِنْ ذَكْرٍ وَأَنْثَى وَجَعَلْنَاهُ شَعُوبًا  
وَقَبَائِيلَ لِتَعْارِفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقَاءُكُمْ

*Wahai manusia! Sesungguhnya Aku jadikan kamu lelaki dan perempuan, bersuku-suku dan berbangsa-bangsa dan ber kaum-kaum supaya kamu dapat pengenalan di antara satu sama lain. Adapun orang mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa kepada Allah s.w.t.*

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya melahirkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah yang telah memilih saya menganggotai Dewan yang mulia ini, semoga dengan limpah kurnia-Nya memungkinkan saya dan rakan-rakan semua bagi membolehkan untuk meneruskan tanggungjawab yang besar ini. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, yang telah meluangkan sedikit masa untuk saya bercakap yang bersangkutan-paut dengan portfolio yang telah dianamahkan oleh kerajaan kepada saya yaitulah portfolio Wanita dan Bukan Islam ataupun Hubungan Antara Kaum. Saya juga melahirkan setinggi-tinggi terima kasih di atas ucapan belanjawan tahun 2000 yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Dalam pembahagian portfolio kerajaan baru Barisan Alternatif pada Exco Kerajan, antara kesungguhan dalam menggerakkan tenaga dan merealisasikan manifesto dalam pilihan raya Kerajaan Alternatif di antara lainnya membentuk dan memperkenalkan portfolio di antara

23 Disember 1999

lainnya ialah Hal Ehwal Wanita dan Hal Ehwal Bukan Islam ataupun Hubungan Diantara Kaum. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan seluruh Yang Berhormat-Yang Berhormat, sebenarnya Allah telah memberi perlindungan yang secukupnya ketika Rasulullah s.a.w. menegakkan sebuah kerajaan Islam di Madinah, di antara perlindungan yang diberi haknya ialah kepada kaum wanita. Dengan turunnya *Surahtul Nisa'* satu-satunya surah yang paling khusus yang diberi perlindungan secukupnya hak-hak wanita. Kita boleh dapati dalam *Surahtul Nisa'*, *Surahtul Nur*, *Suruhtul Hujarat* dan *Surahtul Bakarah*. Surah-surah tersebut memberi perlindungan yang secukupnya kepada kaum wanita, hak wanita di semua peringkat sama ada wanita itu bernama gadis, para isteri, janda ataupun dikenali dengan sekarang ini 'ibu tunggal'. Isteri-isteri Wakil Rakyat, isteri-isteri pembesar negara, isteri rakyat jelata atau sebagainya sama ada yang pernah diberikan nama PUSPANITA, SERIKANDI dan sebagainya dan ianya merupakan suatu perkara yang telah diberi perlindungan oleh Allah s.w.t. Dan ianya merupakan suatu perkara kejutan kepada kaum wanita musyrikin Mekah, yang pernah syirik kepada Allah Taala berpuluhan-puluhan tahun yang menentang Islam yang telah dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Apabila mereka lihat begitu baik sekali perlindungan yang diberi kepada kaum wanita maka bermulalah di kepala musyrikin Arab ... wanita Arab Mekah untuk melihat dan mempelajari bagaimana bagusnya dan baiknya pengajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w.

Yang Berhormat saudara Yang Dipertua, ulama-ulama begitu banyak mengeluarkan buku-buku, kitab-kitab yang telah diistibakkan daripada Quran dan Hadis yang mengeluarkan perkara-perkara yang berkait dengan wanita. Yang pertama sekali ialah perkara berkait dengan tarbiah Islamiah, ianya akan memikirkan perkara-perkara yang lebih utama terutama sekali dalam masalah tarbiah meliputi akidah, akhlak dan ibadat. Di antara lain berkait dengan maruah wanita yang bekerja di pejabat-pejabat, di pasaraya, di kilang, gangguan seksual, yang tidak dibenarkan tudung kepala dan mesti pakaian kemas. Ada di antara wanita-wanita yang bekerja di pejabat, di pasaraya, di kilang dan sebagainya dikenakan peraturan - kalau nak kerja kena jangan pakai jibat, kena pakai kemas. Ini merupakan suatu gangguan maruah.

Selain dari itu jugak, ibu tunggal yang akan kita berikan perhatian insya Allah. Di antara terdapat daripadanya kalangan yang miskin yang anaknya ramai. Apa pulak di antara ibu tunggal tu yang muda, sepatutnya ada jodoh dan insya Allah, portfolio ini akan memikirkan bagaimana nak memperjodohkan ibu tunggal. Kita harap selepas pada ni, janda akan berkurangan bagaimana kerajaan memikirkan akan berkurangan fakir miskin yang berada di negara kita dan ibu tunggal jugak kita akan cari jalan supaya memperjodohkan di antara satu sama lain. Selain daripada itu, program-program yang memberi peluang kepada mereka untuk bekerja seperti program latihan jahitan, kraftangan, typist komputer dan sebagainya.

Dan begitu juga dengan perhubungan antara kaum, memang Allah Taala bangkitkan Nabi Muhammad s.a.w. dan kandungan Quran itu sendiri adalah untuk manusia seluruhnya. Bagaimana pernah ayat yang kita baca tadi:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ أَيْكُمْ جَمِيعًا

Memang berbagai-bagai bangsa, berbagai-bagai suku yang ada di dalam dunia ini. Dan memanglah Islam satu-satunya agama yang *syumul*, yang universal, dia memang mampu dihadapkan kepada seluruh umat manusia. Dan Nabi Muhammad s.a.w. adalah menjadi Nabi

23 Disember 1999

dan Rasul kepada seluruh umat manusia:

يَا ايَّهَا النَّاسُ انِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا

*Wahai manusia sekalian! Sesungguhnya aku adalah Nabi dan Rasul seluruh manusia.* Jadi, oleh kerana itu adalah menjadi suatu perkara yang amat salah kalau kita mengatakan bahawa Islam tidak dapat dilaksanakan di negara kita kerana memandangkan bahawa di negara ini ada berbagai-bagai bangsa dan kaum sedangkan Islam itu adalah diturunkan untuk seluruh umat manusia di muka bumi Allah.

Cuma yang menjadi masalah, portfolio ini adalah merupakan portolio yang baru wujud dalam kerajaan kita yang belum ada lagi portfolio Wanita dan Hubungan Antara Kaum. Dan oleh kerana itu sekarang ini Jawatankuasa saya sedang memikirkan bagaimana nak bentuk fungsi asas-dasar dalam portfolio ini. Dan insya Allah, di perjumpaan akan datang kita dapat memperlihatkan bagaimana kerja-kerja yang kita dapat dilaksanakan.

Saya rasa, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sekadar itulah dulu buat kali pertama. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih. Dan seterusnya dipersilakan -

**YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh):** Bismillahi rahmani rahhim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahi rabbil alamin wabihi nastain. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan seterusnya pemerhati sekalian.

Pertama-pertamanya saya mengucap syukur kehadrat Allah s.w.t. dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar yang telah menyampaikan ucapan belanjawan bagi tahun 2000 yang telah memperlihatkan keistimewaan dan hadiah yang berharga kepada rakyat Negeri Terengganu setelah kita berjaya menubuhkan kerajaan Barisan Alternatif yang dipimpin oleh PAS. Pada hemat saya tidak ada seorangpun yang berjiwa dan berfikiran sihat tidak bersetuju dan tidak memperakui ketelusan dan kerelevanannya belanjawan yang telah dibentangkan bagi kepentingan rakyat negeri ini. Dalam kesempatan ini juga saya mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang Dipertua yang dipilih sebagai Yang Dipertua Dewan bagi Penggal Yang Kesepuluh.

Saya juga mengambil kesempatan untuk berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Wakil Paka, Wakil Kijal, Teluk Pasu, Rantau Abang dan Kuala Berang yang telah menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan kebijakan, sosial dan kesihatan.

Tuan Yang Dipertua, kita sedia maklum sebagai sebuah kerajaan yang meletakkan Islam sebagai dasar pemerintahan sudah tentulah sentiasa mengambil tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah s.w.t. dan rakyat bagi melaksanakan kewajipan sebagai pemimpin untuk memastikan rakyat hidup dalam keadaan bahagia dan harmonis. Sebagaimana dinyatakan dalam manifesto

23 Disember 1999

yakni bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang bertakwa, berdisiplin, bermaruah, berhemah tinggi, beramanah, berpegang teguh kepada konsep 'amar makruf nahi mungkar'. Dan membina masyarakat yang bercita-cita luhur, bermuafakat, adil dan bertanggungjawab, dan saling hormat-menghormati di antara satu sama lain tanpa mengira etnik, budaya dan agama. Maka bagi merealisasikan hasrat ini kerajaan kita sangat prihatin terhadap kebajikan rakyat dengan mematuhi perintah Allah s.w.t. sebagaimana dinyatakan di dalam al-Quranulkarim:

وَافْعُلُوا الْخَيْر لِعِلْمٍ تَفْنِحُونَ

*Maka hendaklah kamu membuat kebajikan yakni kebaikan, semoga kamu mendapat kemenangan.*

Tuan Yang Dipertua, menyentuh harapan daripada Wakil Paka supaya kerajaan dapat membebaskan rakyat daripada tahap kemiskinan dimana seramai 4,600 keluarga miskin di negeri ini, insya Allah Kerajaan Barisan Alternatif akan berusaha menyelesaikan masalah ini dengan peruntukan yang disediakan sebanyak RM16.6 juta kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri akan digunakan sebaik mungkin meliputi bantuan kebajikan, mereka yang terlibat akan dinaikkan supaya dapat menjuruskan kepada peningkatan jaya diri dan berdikari. Kerajaan tidak akan mengabaikan golongan yang kurang bernasib baik dan memberi jaminan bahawa kekayaan negeri ini tidak berlegar ataupun yang dinyatakan sebagai *bergelewat* di kalangan orang kaya saja.

Untuk maklumat kepada Dewan yang mulia ini bahawa Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah merupakan agensi utama di dalam membantu golongan miskin di negeri ini. Dan sehingga bulan Oktober 1999, seramai 16,763 orang telah dibantu dengan bantuan bulanan dengan kadar RM60 hingga RM150 sebulan. Dan insya Allah, kadar ini akan dinaikkan apabila sampai masanya. Golongan yang menerima bantuan ini termasuklah:

1. Janda atau balu yang mempunyai tanggungan
2. Golongan orang kurang upaya
3. Wargatua yang daif
4. Ketua keluarga yang mempunyai tanggungan dan mengalami penyakit atau sebab-sebab lain yang menyebabkan mereka tidak boleh bekerja.

Dan tujuan peruntukan ini diberikan ialah untuk meringan penderitaan hidup mereka, meningkatkan taraf kehidupan dan menolong mengembangkan keupayaan mereka, dan juga untuk mereka terus berdikari.

Tuan Yang Dipertua, di samping perkara-perkara yang berkaitan dengan bantuan ini Jabatan Kebajikan Masyarakat juga turut mengadakan beberapa skim yang lain seperti bantuan membina dan membaiki rumah, bantuan jayadiri dan bantuan persekolahan. Dan insya Allah, program-program bagi menjamin kesejahteraan dan kebajikan golongan yang disebutkan tadi akan dipertingkatkan khususnya bagi mereka yang mempunyai potensi, keupayaan, kebolehan, kemahiran untuk berusaha bagi mereka dapat berdikari dan seterusnya berjaya diri. Usaha-usaha yang dirancang ialah supaya program-program membantu golongan miskin di negeri ini dapat diselaraskan melalui agensi-agensi yang terlibat seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat,

23 Disember 1999

Pejabat Daerah, UPEN, Yayasan Terengganu, Majlis Agama Islam dan lainnya. Jadi oleh kerana itulah bagi tujuan penurunan kadar kemiskinan dan keluarga termiskin ini, insya Allah kita akan terus usaha mengenal pasti dan menyemak semula golongan yang benar-benar miskin, yang patut dan berhak menerima bantuan.

Jadi untuk mengubah sikap ... minda masyarakat yang selama ini berpendapat atau bersikap bangga dengan bantuan yang diperolehi mereka. Jadi, sikap seperti ini hendaklah kita kikisan supaya masyarakat dapat berdikari dan berusaha sendiri sebagaimana yang dikehendaki dalam ajaran Islam. Dan program pemulihan dan penurunan kadar kemiskinan ini akan dilaksanakan secara bersungguh-sungguh, adil tanpa mengira perbezaan fahaman politik, etnik, budaya dan agama.

Tuan Yang Dipertua, sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud: Siapa yang menjaga kehormatan diri, Allah akan membantu menjaga ... yang bermaksud: Tiap-tiap seorang yang membuka jalan bagi diri untuk meminta melainkan akan dibuka baginya oleh Allah pintu kemiskinan. Dan barang siapa menjaga kehormatan diri, Allah akan membantu menjaganya dan siapa yang mencukupkan dirinya dengan apa yang ada maka Allah akan mencukupkannya. Bila seorang mengambil tali lalu pergi ke lembah untuk mengambil kayu, lalu dibawa ke pasar dan dijual di sana dengan satu mode yakni secupak kurma nescaya yang demikian itu lebih baik baginya daripada meminta-minta kepada orang sama ada orang itu memberi ataupun tidak memberi kepadanya. Inilah konsep dalam Islam yang mesti kita terapkan dalam masyarakat supaya masyarakat tidak semata-mata bergantung bantuan daripada orang lain termasuk kerajaan. Oleh kerana itu bantuan kemiskinan yang kita berikan kepada rakyat ini hanyalah bersifat sementara dan hanya akan diberhentikan setelah mereka berdikari. Insya Allah, program bagi menjamin kesejahteraan dan kebajikan rakyat yang termiskin dan miskin akan dipertingkatkan khurusnya bagi mereka yang mempunyai potensi yang baik bagi kehidupan mereka ini.

Tuan Yang Dipertua, mengenai gejala sosial yang banyak disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berlaku dalam masyarakat terutamanya golongan remaja. Kerajaan kita sudah mengenal pasti punca dan di antara punca yang disebut oleh Wakil Paka yang barangkali ramai tidak disedari dan juga telah diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional dulu ialah hasil yang diperolehi dari sumber-sumber yang haram. Yang sudah tentu akan memberi kesan dan pengaruh kepada pertumbuhan dan penyuburan penyakit-penyakit sosial di samping faktor-faktor yang lain. Ini bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh Allah s.w.t. dalam Surah Al-Araf:

وَالْبَلَدُ الطَّيِّبُ يَخْرُجُ نَبَاتٌ بِذَنْ رَبِّهِ وَالَّذِي خَبَثَ لَا يَخْرُجُ الْأَنْكَدَا

Maksudnya: Negara yang baik (makmur) akan menampilkan hasil mahsulnya yang baik dan sihat dengan izin Tuhan. Manakala negara yang buruk akan menghasilkan pengeluaran yang buruk. Demikianlah Kami ajukan tanda-tanda kebesaran Kami kepada kamu supaya kamu bersyukur.

23 Disember 1999

Menyedari hakikat ini Kerajaan Barisan Alternatif yang dipimpin oleh PAS akan berusaha sedaya upaya bagi mempastikan hasil mabsul negeri ini dari sumber yang halal. Dan Alhamdulillah, dalam pembentangan belanjawan pada tahun ini kita telah menghapuskan punca-punca yang buruk iaitu punca-punca yang tidak diizinkan oleh syarak dan kita gantikan dengan punca-punca atau sumber-sumber yang diizinkan oleh syarak.

Tuan Yang Dipertua, langkah-langkah dan strategi yang berkesan insya Allah, akan diambil bagi mempastikan bahawa gejala sosial yang berlaku dalam negeri ini dapat dicegah, dapat dikawal, dibendung dan seterusnya melaksanakan agenda-agenda khusus bagi menangani masalah ini. Dan juga agenda-agenda pemulihan kita akan laksanakan secara yang berkesan.

Tuan Yang Dipertua, menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Wakil Rantau Abang yang mengharapkan kerajaan menyediakan Pusat Haemodialisis yakni untuk pesakit-pesakit buah pinggang. Suka saya nyatakan di sini bahawa setakat ini semua hospital daerah telah mempunyai unit haemodialisis kecuali hospital Dungun dan Hulu Terengganu. Unit Haemodialisis Hospital Kuala Terengganu beroperasi sejak tahun 1988 dan sekarang mempunyai 16 buah mesin yang sedang merawat 55 orang pesakit. Unit Haemodialisis Hospital Kemaman telah didirikan pada tahun 1997 dengan 4 mesin merawat 7 pesakit dan Hospital Besut dengan 4 mesin merawat 6 pesakit. Bagi Hospital Dungun unit haemodialisis telah diluluskan untuk dibina pada tahun 1999 tetapi ia terpaksa ditangguhkan kepada tahun 2000 kerana masalah kontraktor yang ditawarkan secara berpusat. Dan sebuah lagi Unit Haemodialisis kepunyaan kerajaan negeri dengan kerjasama Yayasan Buah Pinggang yang terletak di Jalan Kamaruddin, Kuala Terengganu mempunyai 10 buah mesin merawat 10 orang pesakit. Bagi Hospital Hulu Terengganu akan dibina sekiranya terdapat ramai pesakit di daerah ini. Jadi, setakat ini Daerah Hulu Terengganu mencatatkan tidak ada pesakit yang perlu ditubuhkan atau dibina unit ini. Dau insya Allah, ramai pesakit-pesakit di Daerah Hulu Terengganu maka kerajaan negeri akan memberi perhatian kepada Daerah Hulu Terengganu.

Jadi, sekadar itulah sahaja penjelasan daripada saya kepada persoalan-persoalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih, Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih Wakil Tepuh. Seterusnya dipersilakan -

**YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI** (Wakil Alur Limbat): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, seterusnya kepada seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan yang dihormati dan dikasihi sekalian.

Alhamdulillah, pertama-pertamanya kita bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana pada pagi ini kita dapat bersama-sama lagi dalam sidang Dewan Undangan Negeri kita dan saya merasa syukur kerana turut dapat memberi sumbangan dalam perbahasan yang telah kita mula pada hari kelmarin berhubung dengan belanjawan untuk tahun 2000. Cumanya sebagai sebuah kerajaan insya Allah, perkara-perkara yang merupakan kepentingan-kepentingan rakyat insya Allah kita akan menjadi kerajaan yang lebih bertanggungjawab. Kerana yang penting kita sama ada sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai Wakil Rakyat atau sebagai Ahli Majlis Mesuarat

23 Disember 1999

Kerajaan Negeri, kita bukan saja bertanggungjawab terhadap rakyat tetapi yang jauh lebih penting daripada itu ialah ini merupakan amanah daripada Allah s.w.t.

Tuan Yang Dipertua, adalah tidak adil kita menilai sebuah kerajaan yang masih baru yang disebutkan oleh kawan-kawan saya kelmarin, yang tidak sampai 40 hari untuk kita mengatakan kerajaan yang ada ini melalui pembentangan belanjawan tidak membuat apa-apa perubahan. Ini disebutkan oleh wakil pembangkang terutamanya daripada Telemong dan jugak Kemasik. Saya merasakan kenyataan yang dibuat itu menunjukkan kita masih tidak lagi mahu menerima hakikat kerajaan yang ada ini dan juga tidak mahu menerima hakikat perubahan dan jugak kehendak rakyat sebagaimana diputuskan dalam pilihan raya yang lepas. Kalau kita sebagai seorang Islam, saya merasakan tentulah kenyataan seumpama itu tidak dibuat, hanya orang yang jahil ataupun buta mata hatinya saja boleh mengatakan demikian.

Tuan Yang Dipertua, apa yang saya bimbang kenyataan-kenyataan seumpama ini yang terutamanya melibatkan hasrat kerajaan yang ada ini untuk lebih bersungguh untuk menegakkan Islam, kita ada suatu sikap takbur. Sikap takbur ini kalau kita mengambil peringatan dalam hadis, Rasulullah mengatakan: Tidak akan masuk syurga seseorang yang dalam hatinya ada perasaan takbur walaupun sebesar zarah. Tetapi apabila ditanya oleh sahabat, apakah makna takbur itu? Rasulullah mengatakan:

الكبير بطر الحق وغمط الناس

Yang bermaksud: *Takbur itu ialah menolak kebenaran dan menghina orang ramai.* Maka oleh itu, sebagai seorang Islam sudah tentulah seharusnya kita boleh membezakan antara yang halal dan haram, antara yang buruk dan baik, dan seumpamanya. Apa yang diusahakan oleh kerajaan yang baru ini umpsamanya dalam soal yang jelas haram hukumnya berhubung dengan riba umpsamanya. Ini merupakan satu perkara yang sebenarnya soal prinsip yang tidak boleh bertolak ansur.

Begitu juga usaha-usaha daripada pihak kerajaan untuk menghapuskan tol ataupun menghapuskan cukai-cukai walaupun nampak kecil, cukai bakul, cukai perahu seumpamanya ini lebih merupakan sebagai suatu *social obligation* dengan izin Yang Dipertua, tanggungjawab yang seharusnya diberikan penekanan oleh kerajaan. Kerana kerajaan bertanggungjawab pada akhirnya ialah kerajaan yang boleh memberikan kebijakan kepada rakyat. Walau bagaimanapun saya menghargai pandangan yang diberikan oleh Wakil Seberang Takir yang saya merasakan beliau merupakan pandangan yang lebih adil. Beliau mengatakan tentulah dalam tempoh yang masih baru, walaupun dalam tempoh yang begitu singkat untuk kita membuat penilaian dalam membentangkan sebuah *budget* yang teratur dan jugak menyeluruh mungkin ini merupakan suatu perkara yang boleh diraikan. Saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh beliau masa akan menentukan sejauh mana kerajaan yang ada ini dapat benar-benar melaksanakan dasar dan jugak cita-citanya untuk menegakkan Islam. Oleh itu kita mengharapkan pihak pembangkang biarlah lebih ada kesatuan *fikrah*, biar sama-sama kita ini lebih kemas dalam memberikan pandangan supaya jangan ada orang yang terlalu memburuk-burukkan kerajaan tetapi dalam masa yang sama ada orang yang lebih bersifat adil dalam membuat penilaian kepada kerajaan yang adil.

Tuan Yang Dipertua, kalau kita menilai sebuah kerajaan yang berusia hampir 40 tahun yang didokong oleh Barisan Nasional selama ini tentulah kita mempunyai asas yang lebih kukuh, kita

23 Disember 1999

mempunyai asas yang lebih teguh untuk kita membuat suatu penilaian, apakah pengalaman-pengalaman yang telah dilalui selama hampir 40 tahun. Ibarat seorang yang telah dewasa sudah tentulah banyak pahit maung dalam tempoh selama itu. Jadi, oleh kerana sebagai sebuah kerajaan yang terbuka dan bertanggungjawab memang kita menghargai sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh kerajaan yang terdahulu, apa yang baik itu tentulah kita hargai. Tetapi pengalaman jugak mengajar kita dalam kehidupan kita selama ini sama ada di tempat kita sendiri ataupun di tempat-tempat lain apabila sesebuah kerajaan itu diberi tempoh terlalu lama untuk memerintah, dalam satu jangka masa yang begitu lama dan mereka tidak mempunyai asas yang teguh dari segi dasar perjuangan sudah tentulah kerajaan yang seumpama ini mudah menjadi sebuah kerajaan yang tidak peka dengan kehendak rakyat, mudah untuk menjadi menyeleweng, mudah untuk menggunakan kuasa dan jugak mudah untuk merasakan bahawa wang kerajaan yang ada itu tidak lagi merupakan sebagai suatu wang rakyat, sebagai suatu amanah yang boleh digunakan untuk apa saja.

Sebab itu apa yang berlaku dalam pengalaman yang lepas, apabila rakyat tetap memilih kerajaan yang seumpama ini maka kerajaan yang ada akan mudah menjadi apa yang saya sebutkan tadi, mudah menyeleweng, mudah menggunakan kuasa dan seumpamanya. Walau bagaimanapun pihak pembangkang tidak payah ataupun tidak perlu merasa bimbang dan ragu berhubung dengan sekiranya pihak kerajaan bersetuju dengan cadangan beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat, yang mencadangkan supaya dibentuk satu Suruhanjaya untuk menyiasat berhubung dengan apa yang telah dilakukan oleh pentadbiran yang lalu. Insya Allah, kita bolch memberi jaminan kalau kita tidak berbuat apa-apa sudah tentulah tidak akan ada apa-apa. Kita tidak akan mengadakan apa yang tidak ada.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin respon ... oleh kerana saya melihat dalam portfolio saya ni tidak banyak yang disentuh, saya ingin merespon satu dua perkara yang ditimbulkan dalam sidang ini. Yang pertamanya mengenai apa yang disebutkan oleh Wakil daripada Paka supaya keutamaan kepada kontraktor-kontraktor tempatan dalam pemberian projek-projek yang sepatutnya. Walaupun saya masih baru insya Allah, saya sedang membuat kajian berdasarkan rekod yang ada apakah amalan yang dibuat sebelum daripada ini. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab kita tidak mahu laporan-laporan yang dibuat hanya merupakan laporan-laporan yang tidak sah atau pun orang Terengganu kata "kita ambil bakul" saja. Tetapi kalau ada bukti bahawa berlakunya penyelewengan, berlakunya suatu keadaan yang tidak sihat sila laporkan kepada kerajaan untuk diberikan perhatian.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, dalam pemberian sesebuah projek yang dilaksanakan sebelum pada hari ini, iaitu projek yang bernilai RM20,000 biasanya diberi dalam bentuk inden. Pemberian projek antara RM20,000 hingga RM100,000 diberikan dalam bentuk sebutharga. Kemudian projek yang melebihi RM100,000 ianya akan melalui proses Jemaah Tender sama ada melalui tender negeri ataupun tender Persekutuan. Insya Allah, pihak kerajaan akan berusaha untuk memastikan perkara-perkara yang tidak sihat, umpamanya pemberian sesuatu projek terlalu tertumpu kepada orang-orang yang sama, kroni-kroni dan seumpamanya.

Begitu jugak berhubung dengan apa yang dibangkitkan oleh Wakil Paka untuk diberi perhatian dan jugak keutamaan kepada kontraktor-kontraktor tempatan. Saya merasakan ini merupakan perkara yang akan kita berikan perhatian. Yang pentingnya pihak kontraktor tempatan mampu

23 Disember 1999

melaksanakan projek ini. Kita tidak mahu projek-projek yang mampu dilakukan oleh kontraktor tempatan diberikan kepada kontraktor luar dan akhirnya disubkan pulak kepada kontraktor tempatan. Walau bagaimanapun sudah tentulah ada kes-kes tertentu pemberian projek-projek di atas suatu pengalaman yang tertentu dan jugak kemahiran yang tertentu, dan jugak yang merupakan suatu projek yang perlu disegerakan maka ini semua merupakan perkara-perkara yang jugak patut diberikan perhatian dan jugak pertimbangan.

Begin juga pihak kerajaan insya Allah, akan memberikan perhatian supaya syarikat-syarikat kerajaan negeri mempunyai kepentingan terutamanya melalui syarikat-syarikat anak Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu supaya tidak terlalu bersaing dengan kontraktor-kontraktor tempatan. Kita mahu mewujudkan suatu suasana yang lebih adil supaya pihak kontraktor-kontraktor tempatan dapat merasakan bahawa mereka diberikan perhatian dan jugak mereka diberikan keadilan dalam pemberian projek dan seumpamanya.

Yang akhirnya, saya ingin respon apa yang disebutkan oleh Wakil daripada Telemong supaya pembangunan termasuk pembangunan infrastrukur, kemudahan awam dapat diteruskan. Insya Allah, kita memberikan jaminan bahawa kerajaan yang ada ini merupakan kerajaan yang mempunyai suatu cita-cita yang lebih tinggi untuk melihat pembangunan di Terengganu ini akan menjadi lebih cemerlang dengan kepercayaan yang diberikan oleh rakyat. Jangan ingat kerajaan yang ada ini ... ada hak pakai kupiah ... ada hak pakai serban ni ... ada hak pakai jubah ni jenis-jenis orang memikir akhirat saja, jenis-jenis yang memikir dari sudut ibadah saja. Insya Allah, kita akan berikan perhatian kerana Islam itu ialah *a complete way of life* dengan izin, satu cara hidup yang lengkap, kita membina kekuatan ummah ini merupakan suatu tuntutan:

واعدوهم ما استطعتم من قوة

Ini merupakan suatu perkara yang akan kita berikan perhatian yang sungguh-sungguh. Cuma kita tidak mempunyai peluang saja sebelum ini. Insya Allah, kita mintak kepada pihak pembangkang untuk memberikan satu kerjasama yang baik supaya imej kerajaan yang ada ini akan menjadi suatu imej yang lebih baik dalam erti kata ... bukan kita nak pihak pembangkang puji kita tidak, kita tidak memerlukan pujiar sangat sebenarnya, cumanya kita nak pihak pembangkang lebih bersikap adil. Kita mintak kerjasama sebab sekarang ini sudah ... serangan demi serangan daripada pihak media untuk menggambarkan kerajaan yang baru ini merupakan kerajaan yang menolak pembangunan, kerajaan yang baru ini digambarkan dalam suasana politik yang tidak stabil, tidak mahu meneruskan projek-projek yang sedia ada.

Ada beberapa orang yang telah berjumpa dengan saya yang melahirkan kebimbangan, termasuklah tidak mahu meneruskan projek pembesaran Lapangan Terbang dan beberapa projek yang lain. Saya telah mengatakan kepada mereka berkenaan bahawa kerajaan yang ada ini kalau boleh kita nak lebih hebat lagi projek-projek yang merupakan suatu tuntutan ataupun keperluan mendesak kepada rakyat. Jadi, oleh kerana itu kita mengharapkan pihak pembangkang, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak pembangkang akan dapat membantu kita untuk mempereratkan hubungan dengan Kerajaan Pusat sama ada dalam bentuk projek-projek yang telah dirancang sebelum pada ini ataupun dalam bentuk pemberian pinjaman dan seumpamanya kerana ini merupakan suatu perkara yang penting. Kita tidak mahu kerana perbezaan fahaman

23 Disember 1999

politik kita bersekongkol untuk menjadi ejen yang mana akhirnya kita mendera rakyat kita sendiri.

Wallahu alam, salamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih Yang Berhormat Wakil Alur Limbat. Persilakan seterusnya -

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT** (Wakil Wakaf Mempelam): Bismillahi rahmani rabbihim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan para pemerhati yang saya hormati dan kasih sekalian.

Pertama-pertama syukur kepada Allah Taala dan jugak terima kasih Tuan Yang Dipertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk memberi sedikit jawapan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari semalam. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap semalam yang telah banyak perkora walaupun tidak banyak menyentuh mengenai portfolio yang saya diberi amanah dan tanggungjawab Insya Allah, saya akan ambil masa yang ringkas.

Pertama-pertamanya saya ingin menyatakan perasaan tertarik saya dengan ucapan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Wakil daripada Seberang Takir yang jugak telah disentuh oleh sahabat saya sekejap tadi, yang mana dalam ucapan beliau semalam menyatakan bahawa ucapan belanjawan tahun 2000 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar amat menarik. Dan beliau menyatakan adalah tidak adil untuk dibuat komen awal kerajaan yang ada sekarang ini kerajaan baru, baru berusia tiga minggu. Tetapi apa yang menarik perhatian saya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat daripada Seberang Takir ini dia minta *reserve* dulu dengan izin untuk buat komen. Tapi Yang Berhormat Seberang Takir ni boleh tahan jugak semalam duduk 'takir' ke kerajaan baru. Jadi, walaupun bagaimanapun saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kerana memberikan peluang yang secukupnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya daripada pembangkang untuk memberikan hujah dan memberikan pandangan. Oleh kerana itulah yang dinasikan pada kita sewaktu kita di barisan pembangkang pada sesi-sesi yang lepas-lepas. Dihadkan masa sehingga 15 minit untuk bercakap dan diganggu pulak dengan gangguan-gangguan yang tidak sepatutnya dibuat.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, satu perkara lagi yang saya ingin nak menarik perhatian ialah berhubung dengan ucapan dan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kemasik yang menyebut bahawa katanya kerja 5 hari seminggu memang benar memberi keselesaan dan kegembiraan kepada pegawai-pegawai tetapi para peniaga rugi. Alasan yang diberinya ialah susah untuk berurus dengan jabatan-jabatan kerajaan, maka itu yang disebut semalam. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ingin memberi penjelasan bahawa perkara ini tidak timbul samia sekali oleh kerana dalam pertemuan awal saya dengan beberapa pertubuhan termasuklah Persatuan Peniaga dan Penjaja-penjaja Kecil Melayu, dengan Dewan Perniagaan China dan beberapa orang usahawan-usahawan tempatan. Mereka memberi faham

23 Disember 1999

dan menyatakan dengan tegas bahawa peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan tidaklah berurusan dengan jabatan-jabatan kerajaan ni tiap-tiap hari. Malah para peniaga dan usahawan ini mengatakan bahawa kalau lagi banyak cuti lagi baik oleh kerana di musim cuti lah para peniaga ... dan cuti termasuklah hari-hari kelepasan am, para peniaga dan usahawan, dan para penjual-penjual dan penjaja-penjaja ini menyatakan penjualan mereka meningkat pada hari-hari cuti dan sekaligus menambah pendapatan mereka. Jadi alasan yang diberikan itu sama sekali tidak boleh diterima. Dan kita juga menegaskan bahawa cuti dua hari seminggu ini tidak mengurangkan waktu kerja dan telah terbukti meningkatkan produktiviti, dengan izin Tuan Yang Dipertua. Dan memang ianya telah lama diamalkan oleh syarikat-syarikat yang besar dan diperjuangkan oleh Kesatuan-kesatuan Sekerja sendiri termasuklah MTUC.

Saya rasa itulah sedikit jawapan yang saya ingin buat terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan semalam. Teriam kasih, assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam.

**YANG BERHORMAT TUN DATO' HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih):** Bismillahi rahmani rahhim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli-ahli Exco dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Dewan ini, pegawai-pegawai kerajaan dan pelawat-pelawat sekalian.

Saya sebenarnya tidak ada apa untuk menjawab komen-komen ataupun teguran-teguran yang dibuat oleh pihak pembangkang. Tetapi oleh kerana saudara-saudara saya telah berdiri satu demi satu orang untuk membuat ucapan jadi saya tidak mahulah ketinggalan. Jadi sebab itulah saya mengambil sedikit masa untuk berucap dan ucapan saya ini hanyalah menumpu kepada memperkenalkan saya dan juga tugas-tugas saya sebagai Exco Hisbah dan Tugas-tugas Khas.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, masalah besar melanda kita ini termasuklah Negeri Terengganu iaitu masalah rasuah. Rasuah ini datangnya dari beberapa sudut yang tidak usah saya sebutkan di sini satu persatu kerana ia akan mengambil masa yang sebegini panjang. Jadi, rasuah ini kita pandang ialah satu penganiayaan atau satu penindasan kepada rakyat kerana wang rakyat sudah dibelanjakan untuk perkara yang tidak dibenarkan oleh undang-undang apatah lagi oleh agama kita. Juga dengan sebab itu banyak rakyat tidak merasa begitu selesa dan tidak begitu senang. Yang demikian kehendak rakyat sebagaimana yang kita lihat dalam pilihan raya yang lepas ialah rakyat mahu mengadakan suatu kerajaan yang adil. Kerajaan yang adil ini bukan saja untuk orang-orang Islam bahkan juga orang-orang yang bukan Islam kerana inilah hakikat manusia. Kerana jikalau tidak ada satu kerajaan yang adil, masyarakat tidak akan hidup dengan elok dan huru hara akan berlaku.

Saya sebutkan sedikit di sini, keadilan itu ada dua peringkat. Keadilan pada peringkat mahkamah dan juga keadilan pada peringkat pentadbiran. Keadilan dalam peringkat mahkamah boleh kata sekarang tidaklah begitu sebagaimana yang kita kehendaki. Kerana ada undang-undang yang mengatakan bahawa apa-apa keputusan yang dibuat oleh kerajaan tidak boleh disoal di dalam mahkamah. Keputusan itu sudah jadi muktamad. Misalnya jikalau satu orang itu

23 Disember 1999

mendapat *concession* balak di negeri ini di mana-mana saja, kemudian *concession* itu ditarik balik ataupun *concession* itu tidak disambung bila habis tempohnya. Jadi orang yang terlibat tidak akan dapat mengadu ke mahkamah mesti dia ada berhak kerana mahkamah kata *the decision of Minister is final and cannot be questioning in court*, sudah jadi muktamad tidak boleh lagi disoal. Jadi bagaimanakah rakyat nak mengetahui apa-apakah sebabnya *concession* itu ditarik balik dan *concession* itu tidak boleh disambung. Kenapa? Jadi di sini rakyat sudah pergi ke mahkamah tapi pintu mahkamah telah ditutup. Pintu untuk mendapat keadilan sudah ditutup dengan seketar-ketatnya. Saya tahu kerana saya sendiri peguam, dulu saya jadi Hakim kemudian saya berguan, saya dapati sampai saya bersyarah, saya berhujah di hadapan mahkamah semuanya itu ditolak.

Kemudian saya sentuh pula di sini tentang keadilan di sisi pentadbiran. Dengan sebab itu ... dengan sebab mahkamah kata tak boleh nak melayani tuntutan yang semacam itu, dengan sebab itulah pentadbiran mesti berhati-hati, mesti bersikap adil kerana keadilan itu bukan hanya ada di mahkamah bahkan ada di mana-mana saja. Tiap-tiap pegawai yang mempunyai kuasa, tiap-tiap orang yang ada kuasa membuat keputusan atau *decision* dia mesti bersikap adil. Dan adil itu mestilah kita mendengar dua pihak, kedua-dua pihak jangan kita mendengar satu pihak saja yang pihak lain kita tidak dengar. Kalau itu bukanlah adil namanya. Adil mesti kita dengar ... tapi bukannya semesti kita menerima apa yang dituntut, kita boleh *over-rule* dia, kita boleh mengatasinya tapi adalah dengan sebab-sebab yang tertentu.

Dari sebab itulah kerajaan ini, kerajaan baru ini telah menuju satu ... telah memberi amanah kepada saya menjadi sebagai Ketua Hisbah atau Tugas-tugas Khas. Ini sudah termasuk di dalam manifesto PAS sendiri, izinkan saya baca Yang Dipertua, iaitu pentadbiran:

1. Mengemaskinikan polisi dan prosedur pentadbiran yang telus serta menghindarkan gangguan dan campur tangan kerana hasad dan haloba.
2. Memberi kebebasan kepada pentadbir dan pegawai dalam pelaksanaan dasar kerajaan.
3. Membentuk Lembaga Hisbah untuk mengemaskinikan keberkesanan pelaksanaan dasar dan pentadbiran kerajaan.
4. Mengamalkan *accountability* dalam pentadbiran dan perbelanjaan wang negeri dan memilih keutamaan.

Jadi di sini kalau kita *summarize*, kalau kita ringkaskan ini bermakna orang-orang yang mempunyai kuasa tugas yang tertentu terutama sekali kakitangan kerajaan kerana mereka lah yang akan melaksanakan dasar-dasar kerajaan, mesti jangan dicampur tangan oleh sesiapa. Mereka akan bekerja dengan tulus ikhlas, dengan tidak ada menyeleweng dan tidak ada gangguan dari sesiapa supaya keputusan dan pelaksanaan itu dijalankan mengikut kehendak undang-undang dan juga mengikut kehendak hasrat dasar kerajaan. Jadi sebab itu, dengan harapan yang penuh tidak adalah penyeleweng, penyelewengan wang atau menggunakan kuasa-kuasa dengan secara salah.

23 Disember 1999

Pada masa ini saya ada menerima sedikit sebanyak aduan-aduan yang dibuat yang diberi kepada saya melalui surat, melalui faks tetapi buat sementara ini oleh kerana musimnya musim puasa, hari raya pun hampir dekat dan kita akan menyambut *millenium* yang baru tahun 2000, jadi saya masukkan dahulu sementara di dalam *cold storage* dan saya akan buka insya Allah, apabila tahun hadapan akan datang.

Sementara ini saya telah menyediakan Jawatankuasa saya yang akan beroperasi pada tahun depan dan insya Allah, saya akan membentuk satu Jawatankuasa yang betul-betul efisein dan tidaklah begitu ramai dan masing-masing akan mempunyai tujuan yang sama untuk membentuk satu kerajaan yang adil. Dan juga saya akan menentukan garis-garis sempadan setakat saya boleh beroperasi dan setakat mana Hisbah ini ... ditentukan sempadannya. Insya Allah, saya akan buat pada tahun ke hadapan. Surat khabar telah cuba nak *interview* saya dalam hal ini tapi saya setakat ini saya tidak suka lagi *diinterview*, ditemuduga kerana maklumlah jika benda tu tidak begitu terang dan mereka sendiri tidak faham, mereka akan menulis bermacam-macam yang mengkelam-kabutkan perkara yang sebenar. Jadi dengan sebab itu susah saya nak membentulkan apabila benda tu sudah berkacau-kacauan.

Yang Dipertua, cuma setakat itulah saya berucap di sini dan ini semata-mata untuk memperkenalkan diri saya. Inilah satu tanggungjawab yang baru tetapi diberi kepada orang yang lama ... (KETAWA)... Sekian Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Jertih. Seterusnya dipersilakan -

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Bismillahi rahmani rahhim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Saya ditugaskan untuk mengendalikan portfolio Pertanian, Perikanan dan Ternakan Negeri. Satu tugas untuk menjalankan tanggungjawab, melihat masalah para petani, nelayan dan seumpamanya supaya mereka dapat hidup dengan baik dan dapat menikmati hasil kekayaan yang ada di dalam Negeri Terengganu ini secara langsung melalui usaha mereka atau secara tidak langsung melalui bantuan-bantuan yang diberikan kepada mereka.

Tuan Yang Dipertua, saya melihat harapan keluarga petani terlalu tinggi untuk dapat bersaing di dalam hidup pada tahun dua ribuan akan datang. Masalah kemiskinan sebenarnya masih merata di dalam Negeri Terengganu. Pada musim tengkujuh ini dapat dilihat dengan jelas nelayan, penoreh getah, petani-petani tradisi sangat susah hidup mereka. Boleh dikatakan 'kais pagi makan pagi' ataupun memang mengharapkan belas kasihan daripada orang lain. Masalahnya ini diwarisi begitu semenjak 25 tahun kerajaan yang lalu memimpin. Keluarga nelayan kurang lebih enam hingga tujuh ribu orang di Terengganu, terlalu miskin setengah daripada mereka sama ada akibat daripada kehidupan mereka atau pendapatan mereka, ataupun akibat daripada gejala sosial yang melanda ke atas keluarga mereka. Tuan Yang Dipertua, masalah gejala sosial ini sedia dimaklumi mungkin sebahagian daripada nelayan menerima pendapatan yang baik tetapi mereka juga sendiri merupakan penagih-penagih dadah. Diharapkan insya Allah, perkara ini dapat

23 Disember 1999

disiasat dan diambil tindakan terutama mengenai nelayan-nelayan laut dalam bagaimana pemulihian terhadap mereka dan keluarga mereka.

Memang kemiskinan melanda keluarga petani sekitar 45,000 menurut angka yang ada sekarang. Kadang-kadang disebabkan oleh kerana harga sama ada harga getah atau harga pertanian keluaran mereka yang tidak stabil dan walaupun sebahagian bukan berada di dalam kuasa-kuasa Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini tetapi kita akan berusaha untuk mengenal pasti kumpulan sasar sebenarnya berkaitan dengan kemiskinan ini supaya dapat kita mengatasinya.

Tuan Yang Dipertua, saya membuat ulasan yang berkaitan dengan soal kemiskinan kerana ianya rata-rata di dalam keluarga petani - nelayan walaupun terdapat sebilangan yang agak besar daripada kumpulan yang lain. Hal ini kelmarin telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kuala Berang dan jugak Teluk Pasu. Untuk mengatasi masalah ini maka satu program yang sebenar untuk mengatasi masalah mereka mestilah diatur terutamanya di dalam konteks pembahagian tanah dan pembahagian projek-projek kelompok yang selama ini telah berlaku pilih kasih yang terlalu luas ke atas golongan petani melalui pemilihan projek-projek kelompok yang tidak diberikan kepada mereka yang terdiri daripada orang-orang PAS yang selama ini. Secara pilih kasih yang berlaku kerana pemilihan itu dilakukan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat di peringkat masing-masing.

Tanah walaupun dikatakan tidak ditutup atau terus dibuka tetapi yang jelas apa yang kita sebutkan rakyat yang tidak mempunyai tanah dan tidak mendapat tanah adalah terlalu umum dan terlalu ramai. Hatta yang dikatakan Kubur Timah, kebetulan duduk dalam kawasan Batu Rakit yang disebutkan Yang Berhormat Seberang Takir, orang Kubur Timah dapat tanah. Sebenarnya orang Kubur Timah ada di kalangan mereka beberapa orang yang telah memiliki dan duduk atas tanah tu semenjak daripada 30 tahun yang lalu masih tak dapat. Saya bertemu dengan mereka nak mati dah tak dapat lagi tanah, bukan seorang dua yang seperti ini. Dan keronnya dibahagikan tanah tetapi yang jelasnya tak diberikan betul-betul lot yang mereka bahagikan itu. Sekali nak pilihan raya pergi ukur, anjak sempadannya ke tempat lain. Jadi tidak tetap setiap 4 tahun sempadan yang mereka duduk tidak tetap. Kemudian yang tidak dapat pulak berpuh-puluh orang semenjak daripada tiga kali pilihan raya yang lalu, empat kali dengan yang kesepuluh ini diberikan borang ... diberikan borang keronnya tiap-tiap kali nak pilihan raya ni, selepas pilihan raya maka kerajaan BN akan menang tanah akan dapat.

Inilah kezaliman yang Allah tidak ampun bagi mereka ini kerana mereka ini telah menzalimi kecuali mereka minta maaf kepada orang-orang yang dizalimi. Saya nak beritahu Tuan Yang Dipertua, supaya menolong setengah daripada mereka ini syarat taubat perkara yang berkaitan dengan hamba Allah ada empat:

1. Kena sesal di atas perbuatan yang lalu, yang zalim atau yang aniaya, atau yang maksiat.
2. Kena tinggalkan
3. Kena minta ampun dengan Allah
4. Kena minta maaf kepada yang dibuat zalim

23 Disember 1999

Nelayan adalah satu kumpulan atau petani juga kumpulan, penternak juga kumpulan sasaran di dalam kategori miskin ini. Mungkin ramai orang tidak sedar bagaimana kemiskinan boleh berlaku, kesusuhan dan kezaliman boleh berlaku atas mereka. Saya nak bawak contoh misalnya di Pulau Redang, ada 230 keluarga di sana. Setelah dipindahkan penempatan mereka ke dalam tengah pulau 3 kilometer daripada pantai, dimana orang-orang tua berjalan kaki untuk pergi melaut atau menjadi nelayan. Turun di waktu malam atau di waktu subuh bukan ada kenderaan untuk mereka, tidak ada kenderaan. Mula-mula adalah sedikit bas mini pelancongan daripada projek pelancongan di Pulau Redang bawak orang-orang ni semua, sekarang sudah ada arahan supaya tak boleh bawak lagi. Macam mana orang nak ke laut atau balik dari laut nak naik bas pelancong. Tidak ada satu kemudahan pun yang diberikan kepada mereka kecuali rumah yang disediakan yang belum diberikan hakmilik supaya mereka sentiasa bergantung kepada kerajaan yang memimpin lalu dan merasa terikat. Dan walaupun ada dakwaan di dalam Dewan yang lalu kononnya kalau dibayar duit itu sebanyak RM8,000 akan diberi. Saya pergi menyiasat kerana duduk dalam DUN Batu Rakit, tidak ada satu dokumen pun untuk membolehkan mereka berhubung dan membayar tanah tersebut kepada pihak *authority*. Inilah pembohongan yang telah berlaku di dalam Dewan ini oleh Wakil Kerajaan yang lalu yang bercakap. Walaupun saya belum semak *handserd*, tetapi saya dapati maklumat ini disampaikan dan benar. Kita harapkan bahawa kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan adalah kenyataan yang beramanah dan bertanggungjawab, tidak kenyataan yang *sembrono* bagi nak menjawab apa saja dan sekarang tak ada peluang nak jawab dahlah, kami jawab pulak ... sekarang ni.

Tuan Yang Dipertua, sebenarnya tidak ada keikhlasan di dalam menyelesaikan masalah kemiskinan, mungkin kemiskinan ini antaranya *fitrah* juga berlaku kemiskinan kerana satu keadilan Ilahi tetapi tidak terhalang kita yang memimpin untuk menyelesaikan masalah mereka dan tanah mestilah menjadi satu unsur bagi menyelesaikan masalah petani dan nelayan, dan sebagainya bagi tujuan penempatan, tujuan tempat kerja dan juga bagi tujuan untuk menyenangkan perasaan mereka di dalam hidup sebagai seorang manusia kerana mereka memiliki sekurang-kurangnya tanah tempat tinggal dan tempat bekerja.

Pemulihan semangat Tuan Yang Dipertua, perlu dibuat terhadap petani-petani yang sudah lembik akibat penindasan yang lalu. Kita perlu faham bahawa orang susah ni tak dapat melaksanakan rancangan untuk hidup mereka apabila mereka susah, orang Terengganu kata 'gelap gambar', nak mengadu ke mana? Nak makan buat sementara projek berhasil bagaimana? Nak selesai masalah anak bagaimana terutama di musim perayaan yang sedemikian? Oleh kerana itu rayuan kelmarin dari Wakil Kijal berkaitan dengan tabungan untuk mereka insya Allah, akan difikirkan oleh kerajaan kita sekarang ini. Seterusnya kita kena menyediakan kawasan pertanian oleh mereka sama ada melalui Taman Pertanian ataupun projek kelompok. Dan ini memang sebahagianya akan diteruskan dasar kerajaan yang lalu dan akan diubahsuai mengikut mana yang munasabah. Dan sebenarnya kita telah pun mengadakan pertemuan dengan jabatan-jabatan yang berkenaan yang segera dan sesungguhnya telah membuat beberapa pandangan dan cadangan bagi mengatasi masalah-masalah yang sedia ada.

Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di dalam ucapan kelmarin yang telah membuat satu anggaran belanjawan yang tinggi dan apabila disemak dalam anggaran Belanjawan Pembangunan 2000 peruntukan untuk Pertanian tidak kurang dari RM5 juta, Perkhidmatan Haiwan tidak kurang daripada RM2 juta

23 Disember 1999

dan Jabatan Pengairan dan Saliran tidak kurang daripada RM7 juta dalam kumpulan ataupun anggaran Belanjawan Pembangunan 2000 akan datang. Ini akan membolehkan jabatan-jabatan ini melaksanakan projek-projek pembangunan yang akan mengambil kira bagaimana mengatasi masalah sasar yang diketapikan selama ini. Dan juga akan melihat kepada kemunasabahan projek-projek yang akan dinilai dari semasa ke semasa sama ada kemunasabahan itu di dalam masalah yang berkaitan dengan kesesuaian tanah ataupun yang berkaitan pasaran bahkan yang berkaitan dengan masalah teknologi dan juga tenaga kerja, kejenteraan dan sebagainya.

Sekiranya di sana ada masalah-masalah teknikal seperti masalah jentera untuk membantu petani yang berkaitan dengan padi umpamanya, seperti mana yang telah dapat saya maklumi dari pihak berkenaan insya Allah, kerajaan akan memperuntukkan supaya jentera tuaian padi dapat dibelikan. Ataupun sekiranya ada masalah yang berkaitan dengan jentera pembajak dan tidak ada cara lain untuk mengatasi masalah ini maka jentera pembajak akan ditambah. Itulah perkara-perkara yang akan kita lakukan bagi mempastikan masalah yang selama ini ada diatasi masalah berkenaan. Dan jabatan-jabatan yang berkenaan ini di bawah portfolio Pertanian, Perikanan dan jugak Haiwan akan bermesyuarat dari semasa ke semasa untuk mengenal pasti dan jugak untuk menyelesaikan masalah. Walaupun Exco dulu dalam perkara jabatan ini, dalam perkara portfolio ini dia mesyuarat dua bulan sekali, saya telah meminta kepada Urusetia untuk memanggil mesyuarat sebulan sekali bagi mempercepatkan dan bagi melihat masalah ini dengan secara yang lebih berkesan.

Tuan Yang Dipertua, saya mengharapkan supaya keikhlasan terutama daripada wakil-wakil pembanganglah. Saya tekankan ini kerana ini diperlukan sangat dan untuk perhatian dan untuk nasihat kepada diri kita sendiri dalam menyelesaikan masalah rakyat. Sekiranya kita di pihak kerajaan tidak ada kesungguhan dan keikhlasan maka tidak akan dapat kita atasi masalah. Wakil-rakil Rakyat kita diharapkan insya Allah sentiasa ikhlas dan bersungguh dan tidak semimata hanya membuat tindakan kerana merasakan tindakan itu perlu dan sesuai dengan selera politik. Saya mengambil contoh Tuan Yang Dipertua, biarlah saya sedikit menyentuh kelmarin berkali-kali Wakil daripada Telemong mempertahankan tidak ada balai raya yang digunakan. Saya bawak banyak gambar ni Tuan Yang Dipertua, boleh nak pamer kalau Wakil Telemong nak mari tengok lepas ni tengoklah, orang Terengganu kata 'bertepek-tepek' gambar ni. Kita ambil masa pilihan raya baru ni balai raya yang digunakan di dalam kawasan Batu Rakit. Jadi itulah antara contoh, cuma kita ni nak buat report pun jadi tak pasal-pasal nak kerja pilihan raya, nak buat report dan sebagainya. Tetapi insya Allah, banyak report juga berkaitan dengan kerusi-kerusi Pusat Sivik dan balai raya yang dicuri oleh orang-orang tertentu selepas daripada mendapat maklumat bahawa PAS menang pada 29 haribulan.

Di sini suka saya menggariskan sedikit rancangan yang telah diatur dan telah diambil tugas di bawah portfolio saya dan sudah dimaklumkan kepada jabatan-jabatan untuk tindakan-tindakan dan jugak untuk kajian sekiranya memerlukan kajian:

1. Meningkatkan program kesedaran dalam usaha membantu meningkatkan pendapatan.
2. Pendedahan atau penyaluran maklumat kepada golongan sasar mengenai dasar perancangan yang dapat membantu mereka meningkatkan sumber pendapatan.

23 Disember 1999

3. Mewujudkan padang ragut di setiap daerah atau di setiap mukim untuk membantu para penternak dan mengelakkan pelbagai masalah seperti ternakan berkeliaran dan juga kemalangan seperti yang terdapat di dalam manifesto.
4. Menjayakan kempen pemulihan padang ragut sebagai langkah kesedaran bagi memulihkan hak penternak. Dan insya Allah promosi kempen ini boleh diadakan di masjid-masjid.
5. Sistem pawah untuk penternak kecil perlu diteruskan bagi membantu mereka meningkatkan jumlah ternakan.
6. Zon kawasan ternakan mengikut kesesuaian jenis ternakan akan diadakan.
7. Meningkatkan program integrasi ternakan lembu dalam ladang kelapa sawit sebagai langkah untuk meningkatkan populasi ternakan dalam negeri bagi memenuhi permintaan tempatan.
8. Membantu bagi menggalakkan pihak perladangan menyertai program integrasi lembu di ladang sawit milik mereka kerana padang ragut jabatan sedia ada tidak dapat menampung jumlah ternakan sedia ada iaitu sejumlah 85,000 ekor.
9. Pusat Lelongan Ternakan yang diwujudkan oleh jabatan sekarang perlu diperluaskan menjelang musim perayaan untuk mengatasi masalah segera.
10. Meningkatkan usaha pemulihan semangat bagi membantu golongan petani, penternak dan nelayan yang ketinggalan atau yang ditinggalkan sebelum daripada ini.
11. Meningkatkan bantuan kepada para petani dengan menyediakan tanah kepada yang memerlukan bantuan modal, bantuan persekolahan anak dan sebagainya.
12. Penyelesaian masalah yang dihadapi oleh petani, penternak dan nelayan secara telus oleh jabatan, masalah pilih kasih perlulah dihapuskan.
13. Pembahagian/pengambilan peserta untuk sesuatu projek kelompok seperti yang dilaksanakan sebelum ini perlu dihapuskan dan perlu diberikan kepada semua pihak yang layak tanpa mengira fahaman parti politik. Dan kalau perlu diselesaikan seperti yang diminta oleh Wakil Kijal kelmarin di balai raya dan di masjid kita akan pamerkan.
14. Konsep pasar borong yang telah diwujudkan akan diteruskan dan akan ditingkatkan peranannya dalam membantu golongan para petani dan pengguna.
15. Membuat kajian semula ke atas jumlah keluarga tani bagi tujuan perancangan untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi.

## 23 Disember 1999

16. Mewujudkan sebuah badan untuk membuat R & D sektor dengan mengambil kira kajian dan penemuan yang telah diperolehi atau dihasilkan oleh agensi berkaitan sebelum ini. Badan ini perlu membuat kajian dan penilaian ke atas semua hasil R & D yang telah dikeluarkan.
17. Mewujudkan kawasan untuk petani mengusahakan tanaman kontan sebelum menunggu hasil daripada tanaman kekal yang diusahakan.
18. Meningkatkan kemudahan infrastruktur pertanian seperti pembinaan jalan-jalan ladang, sistem pengaliran dan saliran, pembesaran ban-ban taliair.
19. Mengatasi masalah kekurangan jentera pembajak seperti yang disebutkan tadi.
20. Masalah musuh tanaman yang merosakkan tanaman yang diusahakan oleh para petani seperti babi dan kera perlu dicari jalan untuk mengatasi masalah berkenaan.
21. Membanyakkan kursus, seminar, taklimat atau majlis penerangan bagi menjana semula persepsi masyarakat petani, penternak dan nelayan dalam menangani alaf baru.
22. Mewujudkan hubungan yang baik dan mesra antara jabatan dan golongan sasar serta sentiasa peka ke atas masalah yang dihadapi.
23. Menggiatkan dan meningkatkan pengeluaran serta keluasan tanaman padi bagi memenuhi permintaan tempatan.
24. Permohonan tanah-tanah kerajaan daripada pertubuhan atau persatuan berkaitan dengan petani, penternak dan nelayan akan diberikan pertimbangan.
25. Mewujudkan lebih ramai usahawan tani.
26. Pendedahan teknologi baru kepada pegawai-pegawai, kakitangan melalui lawatan sambil belajar, kursus dan sebagainya.
27. Tingkatkan program bagi membasmi masalah gejala sosial masyarakat seperti penagihan dadah, pemberhentian sekolah dan sebagainya. Pemulihian melalui ceramah, khidmat masyarakat, pujuk memujuk dan lain-lain.
28. Peningkatan sumber perikanan melalui pembinaan lebih banyak tukun dan lebih banyak tingkat sumber pembiakan ikan.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat Wakil Batu Rakit, masih panjang lagi ke?

23 Disember 1999

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Sekarang ni yang pertama Yang Berhormat, jadi kita garis dululah ... tak panjang dah.

29. Peningkatan dan penyusunan semula ekonomi masyarakat nelayan melalui peningkatan bantuan peralatan seperti *anchor-sounder*, JPI serta mewujudkan program sampingan seperti pertanian untuk nelayan dan sebagainya.
30. Mewujudkan industri hiliran berdasarkan perikanan seperti sumber ekonomi sokongan kepada nelayan.
31. Pendaratan ikan di Negeri Terengganu akan dilihat dan dikaji.
32. Mewujudkan sistem lelongan terbuka di kompleks-kompleks bagi memberi harga yang lebih tinggi dan berpatutan kepada para nelayan.
33. Menyelesaikan masalah industri dan akan dibuat kajian terhadap industri *agro-tourism* untuk industri keropok dan jugak akan mengadakan pusat jualan bagi jualan dan jugak memproses keropok.

Dan yang lain-lain Tuan Yang Dipertua, yang berkaitan dengan nelayan kemudian jugak mengenal pasti golongan usahawan nelayan dan penyelesaian masalah mereka. Dan yang saya rasa mustahak nak sebutkan dalam Dewan ini ialah perlunya ada satu tabungan dan disokong oleh semua pihak dan kita perlu jugak mendapat sokongan daripada Petronas kerana kawasan nelayan yang sempit akibat daripada carigali. Dan jugak kita perlu mendapatkan sokongan untuk tabungan dan jugak mendapatkan ganti rugi terhadap hasil tangkapan yang kurang dan jugak sebagai saguhati kepada golongan miskin di dalam Negeri Terengganu ini.

Seterusnya kita akan menyelesaikan .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Minta maaf Yang Berhormat ...

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): ..... jadi sehingga itu Tuan Yang Dipertua, perkara-perkara yang dapat saya sebutkan di sini pada kali ini .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Penjelasan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Wabillahi taufik, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Penjelasan Yang Berhormat Yang Dipertua. Saya rasa ada satu benda yang ketinggalan dalam senarai panjang yang dibaca oleh Yang Berhormat Pengurus Pertanian, iaitu menggalakkan ternakan khinzir ataupun babi seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya ingat Yang Berhormat Pengurus Pertanian dalam hal ini tidak berlaku amanah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

23 Disember 1999

**YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya jawab. Babi ni dan khinzir Tuan Yang Dipertua, tidak perlu digalakkan kerana dia sekali beranak 12 ekor.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):** Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya perlu jawapan daripada Yang Berhormat yang berkenaan. Saya rasa kalau boleh Yang Berhormat Yang Dipertua, minta Yang Berhormat yang berkenaan bukan Yang Berhormat Wakil Batu Buruk, Tuan Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, minta maaf kepada Yang Berhormat Wakil Seberang Takir oleh kerana masa tidak mengizinkan untuk kita berbahas, saya teruskan pihak kerajaan membuat ucapan penggulungan seterusnya. Dipersilakan -

**YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):** Bismillahi rahmani rahhim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan hadirin hadirin sekalian. Saya bercadang untuk memberi respon ataupun jawapan kepada beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam perbahasan ucapan belanjawan hari kelmarin.

Yang pertamanya, Yang Berhormat Wakil Ladang telah menimbulkan kerunsingannya dengan penghuni di tanah-tanah perkuburan khususnya tanah perkuburan Ladang dan Sheikh Ibrahim. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan memandang berat di atas ketidakselesaan penghuni-penghuni di tempat-tempat yang dikatakan ... dibangkitkan oleh Wakil Ladang itu dan juga kawasan-kawasan lain yang secara tak langsung ditimbulkan oleh Exco Pertanian tadi iaitulah nelayan-nelayan di Pulau Redang. Langkah-langkah yang diambil oleh Jawatankuasa Perumahan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ialah menepati janji semua keluarga di Negeri Terengganu akan diusahakan untuk mendapat tapak kediaman. Keutamaan-keutamaan akan diberi mengikut keutamaan-keutamaan kriteria ataupun syarat-syarat yang akan dikemukakan kepada mereka-mereka yang tiada rumah.

Dalam menyelesaikan masalah ini Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, pembahagian rumah akan dinilai dan dikaji semula untuk menepati mereka-mereka yang perlu diberi keutamaan di dalam menerima pemberian dan peruntukan rumah serta tapak-tapak perumahan itu. Dan tidak ketinggalan kumpulan sasar yang dikenal pasti ialah antara lain penduduk nelayan di Pulau Redang. Selain daripada diberi peruntukan pertapakan, mereka juga akan dikaji semula saua ada penempatan mereka itu sesuai dengan kaedah cari makan mereka. Yang kedua penghuni-penghuni pantai dan tebing-tebing sungai yang sering dilanda oleh hakisan dan limpahan air laut, mereka-mereka ini akan diberi keutamaan penempatan semula untuk kemudahan dan keselesaan hidup.

Tuan Yang Dipertua, Wakil Paka di dalam ucapanya menyokong penubuhan Hisbah dan menyeru supaya diadakan Suruhanjaya Bebas Penyiasat. Perkara ini telahpun dibayangkan di dalam manifesto dan janji-janji kerajaan baru kepada rakyat, antaranya Tuan Yang Dipertua,

23 Disember 1999

yang perlu dibangkitkan akan diberikan perhatian yang khusus ialah penjualan ataupun perpindahan 560 ekar tanah kepada Kijal Resort yang dinilai dengan harga RM19.7 juta tanpa satu sen diberi pulangan kepada Tabung Warisan. Sejumlah RM14.28 juta diberi pinjam atau pendahuluan kepada Kijal Resort tanpa apa-apa surat perjanjian dan syarat. Suatu masalah yang jelas yang perlu diberi perhatian di bawah cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Paka. Perjalanan dan urusan kewangan negeri Tuan Yang Dipertua, yang perlu diberi perhatian khusus yang dikatakan penyelewengan pentadbiran dan penyalahgunaan kuasa, yang dianggap sebagai harta diri ialah RM25 juta diberi kepada YPK tanpa apa-apa perjanjian, RM4 juta kepada Yayasan Terengganu tanpa apa-apa perjanjian, RM17 juta kepada MPKT juga diberikan tanpa urusan dan selenggaraan yang sempurna.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kalaular Allah tidak menyelamatkan membawa perubahan kerajaan pada hari ini Tabung Warisan terus dijadikan sasaran kerana caruman 15 peratus atau RM30 juta mengikut mana yang lebih tinggi daripada hasil petroleum dan gas, dijadikan tabung untuk dimanipulasikan oleh Kerajaan Barisan yang lalu. Ada usaha Yang Dipertua, untuk mendapatkan pinjaman *off-shore* dengan izin Tuan Yang Dipertua, sebanyak US132 juta yang disyaratkan bayaran RM50 juta daripada Tabung Warisan tiap-tiap tahun selama 13 tahun. Perbuatan ini akan mengeringkan sumber usaha bagi kerajaan untuk membantu yang akan mewarisi hasil petroleum dan gas yang diperolehi oleh rakyat Terengganu, Tuan Yang Dipertua. Jelas suatu perkara kelihatan manipulasinya kerana pinjaman ini diuruskan tanpa pengetahuan Dewan ini sendiri. Oleh itu Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, perkara-perkara yang seumpama ini yang perlu diberi perhatian yang serius bukanlah untuk 'mengejar pelesit' Tuan Yang Dipertua ataupun *witch hunting* dengan izin, tetapi untuk membetulkan penyelewengan yang dilakukan oleh kerajaan yang lepas.

Dakwaan yang dibuat oleh bekas Menteri Besar Terengganu pada 21 haribulan November di Kemaman, dengan izin Tuan Yang Dipertua, saya baca: Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad hari ini menegur sikap sesetengah kakitangan kerajaan di negeri ini yang tidak bersyukur atas segala sumbangan dan jasa kerajaan selama ini. Sebaliknya beliau berkata "golongan terabit membalaik pertolongan kerajaan dengan mengambil sikap permusuhan terhadap kerajaan yang mengambil dan membayar gaji kepada mereka." Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, antara lain, bila mana Kerajaan Barisan Alternatif pimpinan PAS mengambil alih kuasa beberapa penyusunan perlu ialah untuk kepentingan perkhidmatan bukannya untuk membalaik dendam Tuan Yang Dipertua.

Dan yang dibangkitkan oleh Wakil daripada Telemong dan Seberang Takir, sebaik sahaja kemenangan diisytiharkan kepada kerajaan Barisan Alternatif pintu pagar Wisma Darul Iman dikunci dan bilik-bilik Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Exco-exco Kerajaan dikunci. Ini suatu pembohongan yang dilempar secara melulu, Tuan Yang Dipertua. Bila mana kami mengambil alih kerajaan, tidak ada penghuni di dalam bilik tersebut. Kami bersepakat untuk mengarahkan supaya bilik-bilik ini disealkan bukan dikunci kerana kunci berada pada Exco-exco yang berkenaan untuk menjaga keselamatan harta benda mereka, perkara-perkara sulit mereka sehingga ada penyerahan, peralihan kerja. Kami tunggu tetapi berapa lama kami mahu tunggu. Bila tidak ada kedatangan mereka khususnya Yang Amat Berhormat bekas Menteri Besar ....

23 Disember 1999

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, penjelasan - Saya tidak pernah sebagai seorang bekas ahli Exco diberitahu untuk dijemput masuk ke bilik mengambil barang-barang, tidak pernah. Jadi, Yang Berhormat Wakil Batu Buruk membuat satu kenyataan yang salah Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTUALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tidak pernah menerima apa-apa permohonan daripada bekas Yang Berhormat, yang ada hanyalah minta kereta saja.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTUALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Apa maskudnya tidak pernah menerima permohonan?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTUALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Permohonan untuk mengambil barang-barang ataupun masuk bilik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa diberitahu, ertiya tidak perlu ada permohonan. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita tidak pernah diberitahu bahawa perlu memohon daripada Ahli-ahli Exco yang ada untuk masuk ke bilik kita. Kita tidak pernah diberitahu dan kita rasa tidak ada masalah kalau diberitahu untuk membuat permohonan untuk menunjukkan betapa tingginya Yang Berhormat Exco-exco yang ada.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTUALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bilik ini bukan kepunyaan kami tetapi dihuni oleh mereka-mereka yang terdahulu. Dan jika mereka mahu mengambil barang-barang mereka yang pintunya telahpun diseal&#233;kan oleh Pegawai-pejawai Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan, mereka perlu melalui saluran pentadbiran iaitulah melalui Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan dan kami tidak dimaklumkan apa-apa berkait dengannya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Penjelasan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dalam hal ini saya suka menyatakan dengan terus terang supaya dapat direkodkan dalam mesyuarat ini bahawa dua tiga hari selepas pilihan raya yang lalu, bekas Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan ada memberitahu saya dan saya rasa diberitahu juga kepada bekas-bekas Ahli Exco yang lain bahawa kita terpaksa menunggu untuk mendapat kebenaran daripada Ahli-ahli Exco yang baru untuk membawa barang-barang kita keluar. Itupun tidak dibenarkan bekas-bekas Exco itu sendiri pergi, cuma diminta kita menghantar dua tiga orang wakil kita untuk mengambil barang-barang setelah disaring oleh pegawai-pejawai yang menjaga bilik-bilik ini, Tuan Yang Dipertua. Tetapi malangnya bekas Yang Berhormat Setiausaha tidak ada bersama-sama dengan kita. Jadi kalau Yang Berhormat Wakil Batu Buruk ingin berterus terang dan secara jujur, mari kita selesaikan masalah sama ada betul Yang Berhormat berkata begitu ataupun Yang Berhormat cuba berselindung di sebalik kenyataan tadi, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua .....

23 Disember 1999

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya hanya beri peluang kepada Yang Berhromat Wakil Batu Buruk untuk menjawab.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya sampai hari ini belum ada Exco yang datang oleh itu saya mengarahkan wakil saya untuk menguruskan dengan siapa pun saya tidak tahu, tapi fail-fail bagi bilik saya diletakkan di luar. Namun demikian Tuan Yang Dipertua, saya menyaksikan sendiri pembukaan bilik Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan keseluruhan barang-barang persendirian Yang Amat Berhormat diserahkan kepada bekas Setiausaha Sulit Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Itulah satu-satunya yang kita ada wakil dan diuruskan secara baik dan sempurna. Jadi, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tidak mahu bertikam lidah dalam perkara ini tetapi saya mahu menjelaskan bahawa bukanlah bermakna kita mengunci bilik-bilik ini kerana prasangka tetapi semata-mata kerana keselamatan bekas penghuni dahulu sebelum kita memasuki bilik-bilik penghuni yang tidak ada penghuninya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mengucap terima kasih atas kenyataan yang membayangkan kejujuran yang ikhlas, mudah-mudahan kenyataan itu begitulah seperti yang dikehendaki niatnya oleh Yang Berhormat Wakil Batu Buruk. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ucapkan ribuan terima kasih balik.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat daripada Kemasik telah mengulangi soalan yang dikemukakan kepada Dewan iaitulah berkait dengan cukai pintu. Apakah rasionalnya cukai pintu dikutip dan apakah rasionalnya cukai pintu ini dilepaskan kutipan. Kata beliau dan mengikut beliau, pelepasan cukai pintu diperolehi keuntungannya kepada orang-orang bukan Melayu yang duduk di bandar-bandar. Ini suatu anggapan yang tidak betul, Tuan Yang Dipertua, mana-mana undang-undang dan peraturan yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini tidak memilih perbezaan etnik ianya akan dilaksanakan sama rata dan yang bertujuan yang satu, iatulah cukai pintu ini dikenakan semua penghuni-penghuni rumah yang mengikut nilai dan taksirannya ditentukan oleh suatu badan khusus.

Jadi, oleh yang demikian Tuan Yang Dipertua, untuk mengatakan bahawa ianya tidak memberi manfaat kepada rakyat luar bandar kerana mereka tidak pernah membayar cukai pintu adalah suatu ucapan yang tidak relevan. Tuan Yang Dipertua, cukai pintu seperti mana yang ditegaskan, pengecualian yang dibuat ke atasnya adalah mengikut undang-undang. Dan pengecualian ini di atas kesedaran bahawa perkhidmatan yang diberi oleh pihak berkuasa tempatan tidak menepati apa yang dinikmati oleh pembayar-pembayar cukai. Inilah alasan yang paling besar yang diberi di dalam menilai dan memutuskan untuk dikecualikan cukai pintu.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa itulah saja perkara-perkara yang telah ditimbulkan berkait dengan portfolio di bawah jagaan saya. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

23 Disember 1999

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Batu Buruk. Dipersilakan seterusnya -

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIŃ TAIB (Wakil Manir): Bismillahi rahmani rahim. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua Jabatan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya mengucap terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan kerana memberi peluang kepada saya untuk membuat sedikit respon kepada perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Dewan yang bercakap pada belanjawan kita pada tahun ini.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, wakil-wakil daripada pembangkang ada membuat komentar terhadap belanjawan yang dibentangkan. Memang pada peringkat awalnya saya menyangka belanjawan ini akan mendapat serangan daripada pihak pembangkang. Tetapi bila saya mengikuti ucapan mereka maka sesungguhnya rasa serangan itu tidak begitu hebat kerana serangan itu berkisar dari satu sudut `tidak ada pembaharuan yang ketara di dalam belanjawan yang kita bentangkan ini malahan kebanyakannya diambil daripada apa yang telah disediakan oleh kerajaan yang lalu. Maka saya rasa tidaklah begitu berat, saya bimbang dan saya khuatir pada peringkat awalnya kalau-kalau mereka menyatakan bahawa kerajaan baru ini pun bergantung kepada hasil minyak juga, saya cukup takut. Sebab apa, dalam kempen pilihan raya yang lalu pihak parti yang dulu menjadi parti memerintah menyatakan kalau Parti Alternatif dari mana hasil, dari mana wang yang diperolehi untuk mentadbirkan negeri ini. Sebab itu saya rasa gedebar kelmarinnya takut dia cabar "jangan ambil hasil royalti minyak itu". Tetapi tidak ada cabaran itu, lega sedikit perasaan saya. Yang keduanya saya rasa bimbang takut-takut dia menyatakan kenapa parti Alternatif menggunakan Dewan Undangan ini yang dibina oleh kerajaan yang lalu. Tetapi Alhamdulillah, rasa lega kerana tidak ada serangan itu. Sebab itu saya menyatakan serangan itu tidak berapa hebat.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua memang bagi kerajaan yang lalu, bagi orang-orang parti UMNO parti pembangkang hari ini yang sebagaimana dinyatakan oleh Wakil Telemong dia pun tak sangka nak jadi pembangkang. Tapi saya bukan meramal dalam persidangan Dewan yang terakhir, yang lalu saya telah menyatakan persidangan akan datang ini keadaan akan berubah. Saya bukan mendakwa ilmu ghaib tetapi saya melihat dan saya perhati kepada suasana yang berlaku di sekitar Negeri Terengganu ini khususnya, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Memanglah bagi orang yang tidak ada matlamat hidup dia akan memandang ringan perkara-perkara yang berkaitan dengan Islam. Walaupun perkara kita menghapuskan punca hasil yang bersifat tidak halal mengikut Islam. Memang bagi orang UMNO dia tidak nampak perkara ini sebab saya menganggotai Dewan ini sejak tahun 1982, tiap kali saya memberi teguran tentang punca hasil langsung tidak diambil peduli oleh mereka. Setiap kali kita bercakap tentang ekonomi Islam ... pembangunan ekonomi secara Islam, mereka memang mengantuk mata. Tapi kalau kita sebut perkara-perkara yang lain mereka kurang mengantuk mata. Memang mereka begitu mengantuk mata sekali bila mendengar Islam tu.

Walaupun kita telah kemukakan beberapa perkara yang secara langsung menyentuh akidah dan menyentuh kepentingan rakyat, seperti *al-qardhulhasan* pinjaman tanpa faedah iaitu pinjam RM20 bayar RM20. Dulu kerajaan yang lalu dia jugak kata pinjaman tanpa faedah tapi ada

23 Disember 1999

pulak bayaran perkhidmatan, ada pulak *al-bai'bithaman al-ajil* macam-macam istilah yang dikemukakan. Jadi orang-orang yang bernasib baik dipilih membeli sebuah rumah kos rendah yang harganya kata RM37,000 kemudian subsidi pulak RM12,000 jadi RM25,000 tapi bayarnya RM48,000. Itulah keadilan kerajaan yang lalu, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Perkara-perkara ini kita hapuskan tetapi bagi mereka kecil.

Begitu juga Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ... balai raya takboh sebut dah orang dah sebut banyak ... bila kita menyebut tentang perbelanjaan-perbelanjaan melibatkan perkara-perkara yang kurang mustahak, yang kurang *auliyat* kurang keutamaan maka mereka mengatakan ini merugikan dan perlu dibuat kajian semula, dan berbagai-bagai, Yang Berhormat Yang Dipertua. Begitu juga rancangan baik kita untuk menolong rakyat yang tidak ada rumah untuk membuka semula peluang rakyat membuat permohonan tanah, mereka mengatakan kita tidak pernah menutup permohonan tanah. Ini adalah suatu kenyataan yang barangkali kalau pernah menjadi Exco mungkin dia tidak baca Enakmen yang berkaitan dengan perkara itu ataupun dia tidak baca tentang Warta yang berkaitan dengan itu atau sengaja ditutupkan. Di hadapan saya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ini satu Warta Kerajaan Terengganu No. 32975 - *Adalah dengan ini diberitahu bagi makluman orang ramai iaitu daftar-daftar permohonan tanah bagi semua jajahan dalam Negeri Terengganu adalah ditutup mulai daripada 5 Jun 1975 melainkan maksud-maskud di bawah ini: "melainkan" ada. Tetapi ditutup dengan diwartakan. Tetapi bagaimana Yang Berhormat daripada Seberang Takir, Yang Berhormat daripada Telemong yang pernah menduduki Exco kerajaan yang lalu tetapi tidak mengetahui perkara-perkara yang seperti itu.*

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, .....

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH** (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, boleh ke "melainkan" tu dibaca sampai habis. Lebih adil kepada orang yang mendengar yang tidak tahu keputusan Exco tu. Warta tu patut dibaca sampai habis "ditutup melainkan ..." dibaca sampai habis. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB** (Wakil Manir): Saya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya pakai baca je bahasa Melayu tak tinggi, itu saya kata "ditutup melainkan, pemohon memohon untuk rancangan-rancangan kerajaan negeri atau Persekutuan". Ini bukan untuk rakyat, saya takboh baca kalau saya baca banyak lagi, Tuan Yang Dipertua. Biarlah peka sikit kalau kita memerintah dulu kita tahu peraturan-peraturan yang ada. Ini memerintah tidak tahu ke peraturan sebab itu jahanam, banyak menyeleweng Yang Berhormat Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH** (Wakil Seberang Takir): Tuan Yang Dipertua, kalau dikatakan bahawa untuk dikatakan projek-projek kerajaan bukan rakyat, saya tidak tahu sejauh mananya benar kenyataan itu. Kalau kerajaan menggunakan tanah untuk kerajaan bukan untuk rakyat, saya rasa payah kita nak terima penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Wakil Manir ini.

**YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB** (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya ucap terima kasihlah di atas keprihatinan atau ketidak prihatinan Wakil Seberang Takir. Tadi saya kata tadi dikecualikan permohonan kerajaan, permohonan-permohonan untuk

23 Disember 1999

tujuan perusahaan, permohonan-permohonan supaya .....

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, penjelasan - Sebenarnya ada Warta lain yang sepatutnya dibaca oleh Yang Berhormat Manir. Saya menjadi anggota Dewan tahun 1995 dan memasuki dan juga sebagai ...ggota Jawatankuasa Melulus Permohonan Tanah di peringkat Hulu Terengganu dan Kuala Terengganu selepas itu sampai 1998, dan kita pernah lulus banyak. Ada Warta yang membatalkan Warta itu. Terima kasih. Kena baca semualah.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Terima kasih, tetapi yang ada dengan saya ni, dia kata "senarai ini berkuatkuasa ... masih berkuatkuasa sehingga kini 4 Ogos 1999".

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, itulah sebahagian daripada kebenaran ucapan yang disampaikan oleh wakil daripada pihak pembangkang. Jadi kalau perkara ini Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua diputar belitkan maka perkara-perkara kecil macam masalah balai raya, masalah masjid tentunya diputar belitkan. Kelmarin .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAII (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Manir memutar belitkan. Saya rasa tabiat yang diamalkan semasa Wakil Manir jadi pembangkang patutlah diberhentikan, jadilah seorang Ahli Majlis Mesyuarat yang bertanggungjawab, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, penjelasan - Soalan yang dibangkitkan oleh Wakil Kemasik dijawab oleh Wakil Manir, semua Dewan ini mendengar bahawa semua cawangan UMNO menggunakan balai raya sebagai markas .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Perkara itu Yang Berhormat Wakil Telemong, perkara itu telah selesai kelmarin. Soalan berkaitan dengan balai raya telah selesai pada hari kelmarin dan hari ini kita teruskan dengan persoalan lain.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya terima kasih saya katakan hampir keseluruhan. Saya cakap kelmarin hampir keseluruhan dan gambar yang ditunjuk oleh Wakil Telemong itu, dia tunjuk markas tu markas yang dibubarkan depan ketua cawangan. Dia ambil gambar markas yang dibubarkan ... saat akhir orang UMNO bubar markas itu.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, inilah Wakil Kerajaan daripada Manir ini.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebab itu saya kata benda-benda kecil ini ... kita kira benda besar diselewangkan maka benda kecil lebih diselewangkan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

23 Disember 1999

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tidak banyak perkara yang saya nak berucap pada pagi ini kerana perkara-perkara yang berkaitan dengan tugas saya yang ditugaskan iaitu Pendidikan, Dakwah dan Pelaksanaan Syariat disentuh secara umum dan memang saya rasa bertanggungjawab untuk melahirkan suatu sistem pendidikan di dalam negeri ini yang berada di bawah kuasa kerajaan negeri supaya sistem pendidikan ini mengikut syariat Allah s.w.t. Jadi ini satu tugas yang saya rasa berat kerana kita mewarisi suatu anggota masyarakat yang sudah dirosakkan oleh generasi yang lalu atau kep'npinan yang lalu terutama sekali di bidang akidahnya, di bidang kefahaman Islamnya. Sebab itu untuk mengatasinya tiga perkara yang bergerak sekali gus iaitu mendidik daripada peringkat awal dan seterusnya berdakwah, dan seterusnya melaksanakan syariat Allah s.w.t.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, seruan untuk kita membanyakkan lagi sekolah-sekolah agama di dalam negeri kita ini, insya Allah kita akan pertimbangkan. Dan untuk makluman Dewan ini, bagi tahun 2000 ini kita terpaksa menambah 12 bilik darjah lagi yang melibatkan pengambilan guru-guru baru lebih daripada 70 orang. Walaupun kerajaan ini baru tak sampai lagi satu bulan, baru beberapa puluh hari baru tapi kita cuba berusaha mengatasi masalah yang dihadapi oleh rakyat dalam bidang pendidikan. Kerana mengikut manifesto yang kita kemukakan dalam pilihan raya yang lalu bahawa kita ingin memastikan bahawa tidak ada orang yang ternafi haknya untuk mendapat pendidikan dengan sebab-sebab yang tertentu seperti miskin dan lain-lain lagi. Dan kalau sekiranya semua pihak dapat memberi kerjasama dalam perkara ini, kita rasa cita-cita dan matlamat ini akan dapat direalisasikan dalam jangka masa yang dekat, insya Allah.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, untuk melaksanakan syariat Allah s.w.t. di bumi ini bagaimana saya katakan, ini ingin melaksanakan syariat dalam semua bidang, dalam bidang ekonomi, dalam pelaburan, kemasyarakatan, jenayah dan lain-lain. Maka usaha yang akan dilakukan yang pertamanya ialah menyemak semula Enakmen yang ada supaya ianya benar-benar sesuai dengan Islam dan mewujudkan Enakmen-enakmen baru yang belum diwujudkan. Sesudah itu barulah usaha pelaksanaannya akan dilaksanakan, insya Allah.

Wakil daripada Ajil ada menyebut tentang pendidikan kepada orang-orang yang telah dewasa, memang dalam usaha dakwah kita, kita cuba mendekati masyarakat melalui kader-kader dakwah yang akan kita bentuk. Dan orang yang paling hampir buat masa ini dengan masyarakat ialah para Imam dan pegawai-pegawai masjid yang selama ini dibiarkan oleh kerajaan yang lalu, imbuhan mereka dibayar paling tinggi adalah RM180 saja sebulan, RM150 dan RM120. Insya Allah, kerajaan baru ini akan memberi sedikit nafas kepada mereka dengan menaikkan imbuhan kepada Imam dan Bilal dengan angka yang mungkin lebih daripada sebahagiannya mengikut keadaan RM300, RM200 dan seterusnya. Ini adalah satu suntikan baru kepada para Imam dan Bilal supaya mereka dapat menumpukan kerja mereka dan dapat memainkan peranan mereka di dalam mesyarakat sebagai pemimpin di tempat mereka. Tidaklah seperti selama ini mereka dibiarkan oleh Kerajaan Barisan Nasional walaupun 38 tahun memerintah negeri ini tetapi nasib Imam dan Bilal diketepikan. Ini suatu contoh bagaimana orang-orang yang berkhidmat di bidang agama ini diketepikan lebih-lebih lagi yang terlibat secara langsung dengan anggota masyarakat di kampung.

23 Disember 1999

Yang Berhormat Tuhan Yang Dipertua, saya ingin menyampaikan sekadar itu saja dan saya ucapkan terima kasih. Wabillahi taufik wahidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA,** terima kasih Yang Berhormat dari Mauir. Dipersilakan yang seterusnya -

**YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI** (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, wakil-wakil jabatan seterusnya hadirin dan hadirat. Pertama sekali saya ucapkan terima kasih kerana keizinan yang diberikan kepada saya untuk menjelaskan beberapa perkara tentang perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekali gus saya mengambil kesempatan ini untuk menerangkan beberapa perancangan yang sedang dilakukan khususnya dalam portfolio yang menjadi tanggungjawab saya.

Ada beberapa Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan beberapa perkara, tapi saya tidaklah nak menyebut satu persatu tentang wakil mana cumanya sebelum daripada saya meneruskan pendetailan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan itu, suka saya menyebut tentang beberapa kontroversi yang barangkali kita dengar berhubung bagaimana penyerahan kuasa daripada kerajaan dulu kepada kerajaan yang sekarang. Suka saya jelaskan bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang sudahpun mengangkat sumpah pada waktu itu sebagai Menteri Besar, saya sendiri dan ada seorang dua lagi Exco yang waktu itu telah bertemu dengan bekas SUK bertanyakan kepada beliau bagaimanakah caranya *handing over* ni dengan izin, ertiinya timbang terima antara kerajaan dulu dengan kerajaan yang baru. Beliau menjawab, dia tak payahlah, dia kata kuasa sudah diberikan, kita pakai jadi begitu ... pakai masuklah begitu. Itu hakikat sebenarnya yang berlaku. Saya rasa tidak perlu bersemuka, kalau perlu bersemuka pun saya rasa itulah jugak hakikat dan faktanya yang berlaku. Saya menyebut ini supaya tidak timbul suatu tanggapan yang silap di kalangan saudara-saudara saya daripada Yang Berhormat pembangkang yang melihat bahawa kami sebagai kerajaan baru yang mengendalikan pentadbiran, pemerintahan negeri ini mempunyai suatu sikap yang barangkali tidak perlu saya sebutkan perkataan-perkataan yang diucap oleh saudara-saudara saya daripada pihak pembangkang. Itu yang pertama.

Yang kedua, izinkan saya pergi sedikit perkara-perkara detail. Wakil daripada Ajil telah menyebut tentang semacam tidak adanya satu usaha yang gigih bagi menarik pelabur-pelabur ke negeri kita ini. Saya suka menjelaskan bahawa pihak UPEN, saya rasa telah mengambil suatu tindakan yang proaktif dalam melaksanakan tugas mereka untuk menarik pelabur-pelabur ke Negeri Terengganu ini khususnya. Malah dua hari selepas masuk ke pejabat, tugas rasmi saya yang pertamanya menerima satu kunjungan daripada misi iaitu MICCI (*Malaysian International Chamber of Commerce and Industry*) yang ada di dalamnya, yang datang pada waktu itu mewakili 16 syarikat yang telah dilaskanakan oleh pihak UPEN sebagai sambungan daripada apa yang telah barangkali disediakan oleh kerajaan yang telah lalu. Saya tidak menafikan bahawa apa yang telah dilakukan oleh kerajaan yang telah lalu dalam perkara yang boleh dimanfaatkan kita telah meneruskan. Dan Alhamdulillah, pegawai UPEN telah menyebut kepada saya inilah ... minta Yang Berhormat menerima kunjungan ini dan Alhamdulillah saya menerima kunjungan itu hanya setelah dua hari mereka telah membuat perancangan itu.

23 Disember 1999

Dan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, suka saya menyebut baru tiga hari yang telah lalu pihak UPEN juga khususnya pihak industri telah mengadakan suatu perbincangan dengan saya untuk merancangkan satu perencanaan untuk setahun bagi tahun 2000. Mereka telah mengambil suatu tindakan sebagai suatu persediaan bagi dilakukan untuk menarik pelabur-pelabur sama ada pelabur asing atau pelabur domestik dalam negara sendiri untuk datang ke Terengganu. Dan Alhamdulillah, kita telah berjaya mengatur satu perancangan untuk satu tahun walaupun ia tertakluk kepada barangkali pindaan-pindaan yang munasabah, insya Allah. Tetapi saya suka menyebutkan di antara mereka telah merancangkan untuk bermula tahun 2000 ini dalam waktu yang sesuai untuk mengeluarkan suatu buletin yang akan memaklumkan tentang peluang-peluang pelaburan yang terdapat dalam Negeri Terengganu ini. Saya tanya dia, sama ada ini telah dilakukan sebelumnya, dia kata tak pernah dilakukan walaupun ada cadangan tetapi cadangan itu tidaklah barangkali diterima dengan baik dengan penuh kehormatan kepada sahabat-sahabat saya dalam kerajaan yang telah lalu mungkin ada sebab-sebab tertentu, tapi itulah yang telah dimaklumkan kepada saya. Insya Allah, buletin ini akan dilaksanakan untuk memaklumkan kepada pelabur-pelabur kita dengan menggunakan *net-working* termasuk daripada Kerajaan Pusat. Kerana kita menyedari bahawa dalam konteks sistem *federalism* sekarang Terengganu tidak boleh memisahkan dirinya daripada Pusat dan demikian juga Pusat tidak harus memisahkan dirinya daripada negeri-negeri yang berada di dalam Persekutuan. Jadi, kita akan memanfaatkan segala saluran yang ada, sama ada negeri ataupun pusat. Dan suka saya menyatakan bahawa peringkat jabatan-jabatan pusat sehingga kini khususnya MIDA telah memberikan kerjasama yang sangat baik, walaupun itu satu jabatan pusat tetapi telah memberikan kerjasama yang baik. Kerana peringkat pegawai, semuanya mahu melihat pembelaan terhadap rakyat, terhadap negeri ini dilakukan oleh semua pihak.

Cuma yang membimbangkan saya sedikit, pemimpin-pemimpin politik di peringkat pusat ini kebimbangan saya. Pegawai insya Allah, kerana barangkali saya yakin mereka menunggu suatu perubahan pemerintahan yang baru, yang telah membuktikan bahawa dalam kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin kerajaan yang dulu menyatakan bahawa salah satu daripada sebabnya undi kurang, dia dak sebut kalah ... undi kurang kerana pegawai-pegawai kerajaan telah memberi suatu sokongan kepada parti yang dulu dianggap pembangkang ... memang masih pembangkang di peringkat pusat tetapi kerajaan di peringkat negeri. Ini apa yang disebut oleh Perdana Menteri sendiri sikap *the silent majority*, orang yang berdiam diri yang sebahagian besarnya daripada kakitangan kerajaan dan *the silent majority* ini telah memberikan sokongan yang hampir padu kepada kerajaan baru di Terengganu ini. Alhamdulillah, dan itulah sifat dan sikap proaktif yang mereka tunukkan yang telah memungkinkan semuanya insya Allah, akan berjalan dengan lancar.

Yang keduanya telah juga dirancangkan bahawa perlunya suatu galakan pelaburan ataupun yang disebut dengan izin *investment promotion* yang akan dilaksanakan keluar negara ada dua bentuk. Yang pertamanya ialah melalui MITI iaitu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industry (*Ministry of International Trade and Industry*) biasanya rombongan ini akan keluar negara dengan disertai oleh pegawai-pegawai yang berkenaan daripada negeri, itu salah satu daripada caranya. Tetapi salah satu daripada caranya juga yang dicadangkan kerana kadang-kadang dalam rombongan yang seperti itu wakil daripada negeri ini tenggelam dengan wakil pusat. Jadi perlunya ada satu galakan pelaburan ini dibuat sendiri oleh negeri kita sendiri Negeri Terengganu ke destinasi-destinasi negara-negara yang telahpun ditetapkan dan akan saya

23 Disember 1999

umumkan apabila sampai waktunya, insya Allah. Saya tak nak umumkan sekarang tapi kita akan umumkan dalam waktu yang munasabah. Inipun akan kita lakukan, insya Allah.

Dan untuk maklumat Dewan ini juga Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, pihak UPER juga khususnya industri telah merancangkan untuk membawa seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat dengan wakil-wakil jabatan yang berkenaan untuk mengadakan suatu kunjungan ke Rantau Petronas. Dan untuk mendapat taklimat bagaimana sebenarnya yang dikatakan sumber hasil Negeri Terengganu ini daripada royalti itu diperolehi akan kita dapat taklimat insya Allah, daripada pihak Petronas. Ini dijangka berlaku pada bulan dua yang akan datang, bulan Februari yang akan datang, insya Allah sudah mereka rancangkan. Inilah yang saya katakan sifat proaktif yang telah mereka tunjukkan selama ini.

Kemudian Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua kita menyedari bahawa sehubungan dengan ini ada beberapa tindakan yang telah dilakukan oleh kerajaan yang telah lalu yang boleh kita manfaatkan kerana hubungkaitnya dengan perancangan yang sedang berlaku sekarang. Kita mengakui bahawa peranan TATI, peranan TESDEC ada hubungkait dengan masalah menyediakan suatu bekalan tenaga kerja di kalangan rakyat kita sendiri yang kita boleh latih dan kita boleh kembangkan. Dan ini akan kita manfaatkan insya Allah dan dihubungkan dengan Jabatan Sumber Manusia yang sekarang ini sedang merancangkan bagaimana anak-anak kita yang berkeliaran selepas lulusan SPM yang tak ada kerja, bagaimana ini boleh disalurkan maka ini sedang dirancangkan oleh pihak Sumber Manusia bersama-sama dengan agensi-agensi TESDEC dan lain-lain yang nantinya akan membekalkan tenaga kerja dan akan mengurangkan jumlah pengangguran yang berlaku di kalangan anak-anak muda kita dalam Negeri Terengganu ini, insya Allah.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, barangkali adalah tidak benar sebagaimana akhbar-akhbar ... setengah akhbar yang menyiarkan kenyataan-kenyataan yang menaruh suatu kesangsian bahawa wujudnya suatu kerajaan baru ini akan menghalang pelabur-pelabur asing khususnya untuk datang ke Negeri Terengganu ini. Dasar dan polisi pelaburan pada umumnya masih kekal yang kita menggalakkan pelaburan-pelaburan sama ada apa yang diistilahkan sebagai FDI 'pelaburan secara langsung' ke negeri ini ataupun pelabur-pelabur dalam negara kita sendiri. Dengan beberapa peringatan-peringatan supaya iklim pelaburan yang akan berlaku pada masa akan datang ini menghormati budaya dan tatasusila masyarakat setempat yang berasaskan kepada Islam, insya Allah dan dapat mewujudkan suatu perpindahan teknologi *transfer of technology* erti mereka melabur dan memindahkan teknologi itu kepada rakyat tempatan. Dan Alhamdulillah, dalam perjumpaan-perjumpaan yang telah kita adakan mereka faham dengan dasar ini.

Dan suka saya menyebutkan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bagaimana suatu kenyataan yang sangat memberangsangkan daripada pihak Esso, yang telah dinyatakan oleh pihak Pengurus Esso sendiri iaitu Dato' Philip Dinggle dalam *New Straits Times* 20 haribulan satu, dua hari yang lepas dan saya menyebutkan ini kerana hanya yang menyiarkan ini hanya *Straits Times*: *That Esso plan for Terengganu will stay unchange*. erti apa yang dirancangkan oleh Esso akan terus, tidak berubah walaupun dikatakan ada perubahan kepada pimpinan baru dan kerajaan baru, dia akan berusaha ... dia akan teruskan melakukan ini. Terima kasih kepada Esso yang telah menyatakan dengan jelas bahawa kerajaan baru merupakan yang sebenarnya ...

23 Disember 1999

merupakan rakan yang boleh bekerjasama dalam membangunkan industri rakyat negara ini. Cuma malangnya sikit, suatu kenyataan yang begitu positif tidak disiarkan langsung oleh akhbar-akhbar Melayu yang sepatutnya menyiarkan berita yang seperti ini. Dan inilah barangkali sikap setengah-setengah akhbar Melayu, saya tidak menyalahkan kepada wartawan mungkin kepada Editornya yang tidak memberikan perhatian yang sewajarnya sehingga yang menyiarkan itu ialah *The New Straits Times*. Kita marahkan setengah-setengah ... pemimpin-pemimpin marah barangkali kerana ini surat khabar Inggeris tetapi kita sendiri tidak mengambil suatu langkah yang sepatutnya memberikan penghormatan dan keadilan kepada pemberitaan yang sebenarnya dan sepatut dilakukan, insya Allah.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, inilah beberapa perkara yang berhubung dengan soal pelaburan ini yang saya suka jelaskan dalam Dewan ini. Dan apa-apa yang telah dirancangkan sehingga ini oleh pihak UPEN dan jabatan-jabatan yang berkenaan.

Yang kedua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Seberang Takir, sahabat lama saya, yang Alhamdulillah walaupun ramai sahabat lama saya yang saya berharap bertemu tidak ada hari ini. Saya telah meninggalkan Dewan ini selama hampir 10 tahun, saya datang saya bertemu hanya Yang Berhormat Seberang Takir. Alhamdulillah, beliau diselamatkan oleh undi pos, dengan penuh penghormatan bukan nak hina, terima kasih. Kerana itulah keputusan pilihan raya yang saya dimaklumkan. Beliau telah menyebut tentang sepatutnya kerajaan yang ada sekarang ini menghargai apa yang telah dilakukan oleh kerajaan yang telah lalu. Dengan terus terang bagi pihak kerajaan kita kata-kata kita menghargai apa yang baik yang boleh kita hargai. Tetapi kita tidak boleh juga menghargai sesuatu yang tidak boleh kita hargai. Dan beliau menyebut tentang pajak gadai Islam atau *Al-Rahnu* ataupun *Al-Rahn* yang katanya dimulakan oleh Kerajaan Barisan Nasional dan perancangan kerajaan baru ni nak mengembangkan di seluruh daerah merupakan suatu pengembangan yang berdasarkan kepada apa yang telah dimulakan oleh Kerajaan Barisan Nasional dulu tanpa menafikan bahawa memang BN yang memulakan di Terengganu. Tetapi suka juga menyebut penubuhan Pajak Gadai Islam ini sebenarnya tidak pernah menjadi agenda kepada perjuangan UMNO dan perjuangan Barisan Nasional. Tetapi kenapa Terengganu ditubuhkan ... ditubuhkan setelah PAS memang di Kelantan untuk menunjukkan bahawa bukan saja Kelantan, Terengganu juga buat ... UMNO juga buat. Tetapi di negeri-negeri lain tidak ada kerana Terengganu ini nak pintas, nak tunjuk bahawa kita buat, maka itulah buat di Terengganu. Tapi negeri-negeri lain tak ada sebab ini tidak merupakan agenda kepada perjuangan UMNO dan perjuangan Barisan Nasional walaupun mereka memerintah negeri-negeri ini, kecuali Negeri Kelantan dan Negeri Terengganu pada waktu ini.

Yang ketiga, ini jugak satu isu yang ditimbulkan dan saya haraplah yang sudah berlaku sudahlah ... timbulkan tentang beberapa pertukaran pegawai-pegawai kerajaan. Memang kaedah dia apabila seorang beranjak yang lainpun beranjak, tak boleh nak beranjak yang lain tak beranjak tak boleh. Bila beranjak seorang, dia akan beranjaklah yang lain-lain juga. Dan yang beranjak itu telah menyatakan bahawa dia telah mengambil suatu *optional retirement* bersara awal, bila tempat kosong kena isi ... yang ini beranjak ... yang ini beranjak. Dan sebenarnya kita telah menyatakan bahawa hubungan kita antara kerajaan dengan pegawai-pegawai yang mentadbirkan negeri ini ialah satu hubungan yang penuh kasih sayang. Dan dengan penuh penghormatan kepada sahabat lama saya juga Yang Berhormat Seberang Takir seorang

23 Disember 1999

sasterawan sepatutnya beliau dan rakan-rakannya boleh mengingatkan kepada pepatah lama kita 'kasih sayang itu mesti ditunjukkan' dan saya suka menyebut ini pepatah lama menyebut 'sayangkan anak tangan-tangankan, sayangkan isteri tinggal-tinggalkan, sayangkan pegawai tukar-tukarkan.'

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, yang akhir saya nak sebut juga sahabat lama saya daripada Seberang Takir menyebut sebagai mana satu responnya kepada hutang yang dibangkitkan dan dijelaskan dalam ucapan belanjawan ini sendiri, beliau memberikan suatu cadangan kerana hutang yang diberikan itu digunakan oleh SEDC ... cara paling baik nak bayar hutang cairkan aset SEDC, jual aset SEDC. Saya tak tahuh sama ada pemikiran yang seperti ini berlaku sekarang, kalau berlaku dulu barangkali kita akan mewarisi tak ada hutanglah sebab mereka telah buat keputusan jual aset SEDC bayar hutang kita hari tidak akan mewarisi hutang. Tapi cadangan itu dibuat sekarang setelah tak ada kuasa lagi. Dan kerajaan baru melihat itulah bukan satu cara yang terbaik bagi kita menyelesaikan masalah hutang yang disebutkan itu dengan mencairkan aset SEDC, jual aset SEDC. Tapi ada cara-cara lain yang insya Allah, boleh kita selesaikan melalui hubungan yang baik insya Allah di antara kerajaan negeri dan kerajaan Pusat.

Yang akhir sekali, saya pun tak nak ambil masa yang panjang Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ... saya ingat nak sebut juga tapi menghormati apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Jertih yang mengetuai portfolio HIsbah dan lain-lain, beliau kata bulan puasa ni kita letak dalam *cold storage*, kita mula dengan tahun 2000. Saya bawa ini (menunjukkan kertas) ialah aduan-aduan, kenyataan-kenyataan yang menggambarkan penyelewengan kerajaan yang telah lalu. Tapi saya reservelah, saya tunggu untuk tahun 2000, insya Allah. Tunggu tahun 2000, saya menghoruati apa yang telah disarankan oleh Pengerusi HIsbah dengan sebab itu tak payah saya sebutlah benda ni. Kita tunggalah insya Allah, akan disebut tahun 2000. Biarlah kita menghadapi raya dengan hati yang tenang, fikiran yang barangkali selesa sikit, insya Allah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Terima kasih Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan. Dan seterusnya ucapan daripada Yang Amat Berhormat, dipersilakan -

**YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan, para pemerhati yang dihormati sekalian. Pertama-pertama bagi pihak kerajaan saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan hujah masing-masing sama ada daripada pihak kerajaan ataupun daripada pihak pembangkang. Dan saya juga mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai kerajaan yang bertungkus lumus memberi sumbangan bagi menyediakan belanjawan yang dibentangkan.

Pada kesempatan ini saya ingin memberi respon kepada beberapa persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum dijawab oleh rakan-rakan yang lain. Di antaranya tidak banyak perubahan yang dilakukan oleh kerajaan baru. Kalau kita saham ini adalah kerajaan baru maka sudah tentulah masih belum banyak yang kita lakukan perubahan dan kita baru melangkah beberapa langkah. Sepatutnya pihak pembangkang yang mengemukakan perkara ini hendaklah memahami betapa besarnya makna perubahan dari segi prinsip yang kita

23 Disember 1999

lakukan di dalam mengendalikan kerajaan yang diamanahkan kepada kita. Saya ingin kemukakan tiga perkara prinsip yang kita dedahkan kepada semua pihak:

1. Islam sebagai dasar
2. Syura
3. Nasihat

Dalam perkara Islam kita akan bertegas untuk menjadi Islam sebagai akidah kepada kerajaan, dan menjadi Islam sebagai agama yang memerintah kerajaan bukannya satu aktiviti yang menjadi satu juzuk dan sampingan daripada kerajaan. Kita memulakan secara merealisasikan perkara-perkara ini dan perkara yang boleh dilaksanakan sama ada terhadap orang-orang Islam dan juga terhadap orang-orang yang bukan Islam termasuklah ternak babi yang ditimbulkan. Saya akan jelaskan selepas ini.

Dalam perkara yang berkait dengan orang-orang Islam dan juga memberi peluang kepada orang-orang yang bukan Islam ialah pinjaman tanpa riba yang diistilah sekarang dengan 'pinjaman tanpa faedah' yang dianjurkan oleh kerajaan dan menghapuskan aspek-aspek helah walaupun dia tidak dinamakan riba tetapi menjadi bebanan kepada pegawai kerajaan. Kerana kita menganggap mereka yang perlu diberi pinjaman ini adalah mereka yang berhajat, mereka yang berjasa dan bertungkus lumus di dalam mengendalikan urusan kerajaan, mereka yang tidak ada kesempatan untuk bermula, yang tidak ada kesempatan untuk jadi orang korporat, yang tidak ada kesempatan untuk buka kebun-kebun yang luas, yang tidak ada kesempatan untuk mencari sumber ekonomi yang sekukuh-kukuhnya untuk membolehkan mereka bagi membina rumah dan membeli kenderaan yang selesa. Maka perlu diberi pinjaman secara membantu yang tidak ada riba, pinjaman yang dibayar sebagaimana wang yang dipinjam. Ini adalah semangat yang wujud di dalam ajaran Islam, di dalam memberi pinjaman dimana Islam mengharamkan kita mengambil kesempatan daripada orang yang meminjam.

Dalam perkara pinjaman ini kita juga memberi peluang kepada orang-orang yang bukan Islam yang mereka mengatakan riba ini adalah sebagai suatu kegiatan ekonomi yang penting kepada mereka. Kalau mereka mahu pinjam kepada kerajaan kita secara tidak riba, kita alu-alukan kalau mereka nak pinjam dengan cara yang ada *interest* silakan, terpulang kepada mereka. Saya rasa dalam perkara ini sudah tentulah mereka akan memilih pinjaman yang tidak ada *interest*, yang tidak ada riba. Ini akan dilakukan sendiri oleh orang-orang yang bukan Islam.

Dalam perkara yang berkait dengan orang yang bukan Islam, suka saya menjelaskan dimana terdapat perkara yang menjadi hak individu, hak diri kepada orang yang bukan Islam yang tidak boleh diganggu oleh kerajaan Islam. Kerajaan Islam hanyalah boleh membuat peraturan dan undang-undang supaya kebebasan individu itu tidak melarat sehingga menjelaskan orang lain, melampaui batas dan mengganggu orang lain. Di antaranya ialah dalam perkara berkait dengan makan minum yang dihalalkan oleh mereka. Oleh kerana itu Kerajaan Islam hendaklah membenarkan mereka menternak babi. Ini adalah hak mereka, kita hanyalah boleh buat syarat supaya ternakan itu ... yang pertama untuk penduduk yang bukan Islam negeri ini saja. Yang kedua, mereka hendaklah menjamin supaya tidak mengganggu masyarakat keliling, tidak mengganggu kesihatan mereka, tidak merebak wabak JE dan lain-lain. Ini adalah peraturan, kalau mereka boleh menghormati peraturan-peraturan ini adalah menjadi hak kepada mereka

23 Disember 1999

yang dijamin oleh Kerajaan Islam di sepanjang zaman. Ini bukan kita reka-reka inilah perkara yang betul-betul yang dibenarkan oleh agama Islam. Dan apa yang kita buat ini adalah berlandaskan kepada ajaran Islam bukan buat-buat. Ada juga negeri yang buat-buat, benar orang bukan Islam ternak babi, proses babi dan dibenar sembelih babi dan ditulis "Tempat Sembelih Babi" yang diberi kebenaran. Dan kita semua tahu babi ni sembelih dok sembelih serupa ia je, sama saja sembelih tak sembelih tapi barangkali nak tunjuk Islamnya sebut "sembelih". Kita tidak mahu buat-buat macam ini, ini terpulang kepada mereka bergantung kepada hak mereka dalam perkara ini.

Dan insya Allah, dalam perkara berkait dengan *syura* dimana Allah s.w.t. telah bersfirman di dalam al-Quran yang ditunjukkan kepada Nabi kita Muhammad s.a.w. seorang pemimpin yang *maksum* yang dijamin oleh-Nya daripada dosa, yang dikawal oleh wahyu walaupun Baginda seorang pemimpin yang dikawal oleh wahyu apa sangat kita yang lemah ini, yang daif ini. Nabi yang dikawal oleh wahyu Allah Taala menurunkan firman:

ولو كنت فظا غليظ القلب لانقضوا من حولك  
فاغف عنهم واستغفر لهم وشاورهم في الأمرا فإذا عزمت  
فتوك على الله

Yang bermaksud: *Kalaular sekiranya Engkau wahai Muhammad bersikap keras hati nescaya manusia akan lari daripadamu. Bermesyuaratlah dengan mereka, maafkanlah kesilapan mereka beristighfarlah untuk mereka dan apabila engkau membuat keputusan bertawakal kepada Allah.* Dan inilah sikap yang akan dilakukan oleh kerajaan, insya Allah mana-mana kesilapan, kesalahan yang boleh kita maafkan kita maafkan, mana-mana kesilapan yang berkait dengan hak rakyat hendaklah kita mengambil tanggungjawab dan hendaklah diambil tindakan.

Kita menarik kepada kenyataan yang dibuat oleh Wakil Paka dalam ucapannya supaya kita menubuhkan Suruhanjaya Bebas. Dan kerajaan negeri menerima cadangan itu dan insya Allah, kita akan mengemukakan kepada rakan-rakan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk merealisasi perkara ini secara kenyataan supaya kita tidak menuduh sesiapa dengan melulu dan supaya langkah hendaklah diambil dengan cermat, dengan teliti dengan tidak menganiayai dan menzalimi sesiapa.

Dan kita hendaklah mempunyai dasar nasihat menasihati, pihak kerajaan hendaklah mempunyai sikap yang terbuka dan kita memberi jalan untuk memberi nasihat sama ada sesama ahli dalam kerajaan, kita memberi peluang mereka membangkang ... mereka boleh bangkang, boleh mengemukakan hujah-hujah, mengkritik kerajaan. Tidak ada tindakan disiplin dalam parti, insya Alah. Kita memberi peluang kepada pihak kerajaan bukan saja dia boleh bangkang, dia boleh sokong jugak perkara-perkara yang baik, insya Allah mereka fikir. Dan insya Allah, kita akan buat perkara yang sebaik-baiknya. Dan nasihat boleh diberi secara bertulis, Alhamdulillah ada kalangan-kalangan yang menulis surat yang 'terlalu banyak ... terlalu banyak surat yang kami terima memberi berbagai-bagai nasihat dan pandangan. Ada yang tak tulis ... surat layanglah ... kalau surat layang kalau ada isi dia baik kita terima dari seseorang saja.

23 Disember 1999

Tuan Yang Dipertua, ada Ahli Yang Berhormat menimbulkan masalah pembatalan tol. Kita merasakan ianya adalah sumbangan secara langsung yang diberi kepada rakyat, bukan saja rakyat dalam kawasan sekitar yang berkenaan bahkan rakyat yang lalu-lalang dari mana saja dapat melihat bagaimana kesan yang sangat baik dan ada rakan-rakan yang mengatakan ianya boleh ditampung oleh sumber-sumber yang lain. Di antaranya ialah aktiviti-aktiviti perdagangan yang menggalakkan yang dihasilkan daripada kegiatan lalu-lintas yang lebih cepat kepada peniaga-peniaga. Dan kita merasakan bahawa walaupun ada Ahli Yang Berhormat menyebut ... ini berkait dengan orang yang di kawasan itu saja, bagaimana penduduk luar bandar yang tidak ada kenderaan, dalam masalah cukai pintu pun sama ini untuk orang bandar saja. Ini sumbangan kepada sebahagian kepada rakyat. Kepada rakyat yang luar bandar ada sumbangan yang lain yang kita berikan kepada mereka, dalam masalah tanah bukan saja kita membuka peluang bagi permohonan tanah bahkan kita bercadang dan di peringkat kajian untuk menghapuskan cukai tanah dan diganti dengan benda yang berunsur ibadat kepada orang Islam dan berunsur cukai kepada orang yang bukan Islam yang dinamakan "Kharaj". Ini masih lagi di peringkat perbincangan, kita akan kaji dalam segala aspek dan ini akan menggalakkan kepada orang-orang Islam sendiri dan tidak membebankan orang-orang yang bukan Islam.

Dan saya memberi jaminan sebagaimana yang diwajibkan oleh Islam, Islam tidak boleh membebankan dua cukai dalam satu perkara. Oleh kerana itu "Kharaj" tidak dikenakan kepada sesiapa yang telah dikenakan cukai yang berkait dengan tanah. Kerana hukum Islam mengharamkan kita mengambil cukai daripada rakyat. Begitu juga kita tidak boleh mengambil dua zakat daripada rakyat.

Berhubung dengan cuti dua hari seminggu, walaupun ada yang mengatakan rugi dari segi kerja tetapi untung dari segi semangat, semangatnya untung. Kita kena sedar bahawa ini dapat memberi semangat yang tinggi, moral yang tinggi kepada pegawai-pegawai kerajaan kerana kita memberi hak kepada mereka yang berkait dengan agama, yang berkait dengan keluarga ... satu hari untuk agama dan aktiviti masyarakat dan satu hari untuk keluarga. Dimana dengan adanya kegiatan-kegiatan seperti ini akan memulihkan hubungan baik dengan keluarga, akan menjadi lebih baik hubungan dalam keluarga dan memberi suasana kerja yang lebih baik dan moral yang tinggi kepada kakitangan kerajaan. Dan kita hendaklah menyedari bahawa kita tidak boleh fikir dari segi keuntungan material saja kita hendaklah juga mengambil dari segi moral yang membangkitkan semangat kepada seseorang dan membina satu masyarakat yang baik. Tuan Yang Dipertua, kita tidak mahu jadikan pegawai-pegawai kerajaan ni jentera besi, jentera besi yang boleh digunakan, yang boleh digerakkan dengan masa yang membebankan kepada mereka. Kita menyedari bahawa mereka adalah manusia, ada hati perut, ada hubungan keluarga, ada anak isteri, yang ada aspek rohani yang mesti diisi bukan nak diisi dengan kerja-kerja saja.

Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan masalah sosial yang mesti ditangani. Untuk menangani masalah sosial ini mestilah kita mewujudkan pendidikan yang baik. Yang kedua, kita mestilah menghapuskan sumber-sumber yang menjadi punca masalah sosial. Yang ketiga, kita mestilah mempunyai undang-undang yang berkesan. Insya Allah, ketiga-tiga perkara ini akan kita rangka dan akan kita laksanakan dengan sebaik-baiknya. Dan kita telah menuju Exco yang khas dengan mempunyai portfolio dalam perkara ini iaialah Exco yang berkait dengan Pendidikan, Dakwah dan Pelaksanaan Syariat dan kita menuju satu unit bawah Jabatan Menteri Besar

23 Disember 1999

iaitulah Unit Membina Insan. Unit Membina Insan ini di antara aktivitinya ialah menangani masalah-masalah belia-belia dan berbagai-bagai pihak yang perlu dipulihkan. Ini akan kita rancang, insya Allah.

Dan apa yang kita laksanakan ini adalah suatu tanggungjawab, dalam tempoh yang diberi oleh rakyat kepada kita dan kita menyedari segala apa yang kita lakukan ini adalah tanggungjawab dan kewajipan sama ada dari segi aspek kebendaan itu adalah tanggungjawab dan kewajipan. Oleh kerana itu, kita mengambil kira segala pembangunan yang dilakukan oleh kerajaan yang lalu adalah tanggungjawab mereka dan kewajipan mereka. Kalau mereka jadi kerajaan mereka buat, kita jadi kerajaan kita pula yang buat. Dan kita mengambil alih apa yang baik, kita teruskan dan apa yang lemah, kita akan kuatkan. Dan apa yang kita rasa ada kekurangan, kita akan tumpung. Apa yang tidak betul, kita perbetulkan. Dan lima tahun yang akan datang rakyat boleh menilai sekali lagi, insya Allah.

Sekian, ucapan saya terima kasih.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2000 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2000 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU SEKSYEN KE SATU DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

23 Disember 1999

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2000 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Bilangan 5 Tahun 1999.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12.25 TENGAH HARI.

23 Disember 1999

PUKUL 12.35 TENGAH HARI

**ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (1999) (NO. 2) 1999**

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1999 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 1999 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1999 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberi kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan awam Negeri dalam tahun 1999 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Enakmen Perbekalan (1999) tahun 1998.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

23 Disember 1999

Oleh kerana tidak ada Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 1999 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 1999 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU SEKSYEN KE SATU SEKSYEN DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

*Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

23 Disember 1999

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 1999 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Bilangan 6 Tahun 1999.**

23 Disember 1999

**USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS**

Peruntukan Perbelanjaan Rancangan Pembangunan  
Negeri Bagi Tahun 2000

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya pohon mencadangkan -

*Bahawa menurut seksyen kecil (3) kepada seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan peruntukan Perbelanjaan Rancangan Pembangunan Negeri Bagi Tahun 2000 sebagaimana ditentukan dalam JADUAL di bawah ini:*

23 Disember 1999

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI SULAIMAN BIN ABDULLAH (Wakil Ladang): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong Usul itu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Usul ini telah mendapat sokongan dan sekarang saya buka untuk perbahasan. Sila -

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih Tuan Yang Dipertua, saya tidak berniat untuk memanjangkan perbahasan ini tapi inilah asas yang saya katakan tadi belanjawan yang dibentangkan semalam masih tidak banyak berubah. Kerana dalam Jadual ini dibaca jelas tadi terdapat pinjaman walaupun Exco yang berkenaan hanya menyebut "Pusat", tetapi pinjaman berjumlah ... sebenarnya pinjaman daripada Pusat berjumlah RM64,670,200. Walhal rata-rata Ahli Dewan yang angkat tangan semua sekali, mencadangkan kepada kerajaan supaya tidak menambahkan hutang, tidak meminjam dan sebagainya. Dan saya risau Tuan Yang Dipertua, pinjaman ini sebenarnya mempunyai kadar faedah dan inilah yang dikatakan kepada kita ... kepada saya dan juga Wakil Kemasik seolah-olahnya kita jahil, buta hati dan sebagainya tapi pinjaman yang merupakan kadar faedah masih diteruskan. Jadi ini yang saya bangkitkan untuk pengetahuan Dewan dan Ketua-ketua Jabatan sekalian, apa yang rasionalnya apa yang kita bangkitkan. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua Dewan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat Wakil Telemong. Ada ucapan gulungan?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, terima kasih kepada Wakil Telemong yang membangkitkan soal wujudnya pinjaman dalam usul pembangunan ini.

Suka saya menjelaskan bahawa persetujuan untuk membuat pinjaman ini bagi pembangunan telah dibuat oleh kerajaan yang lalu dan kita menghormati apa yang telah komitkan oleh kerajaan yang telah lalu dan kita teruskan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih Tuan Yang Dipertua di atas penjelasan itu. Sebenarnya kerajaan mempunyai kuasa tidak meneruskan sebagaimana penjelasan daripada kerajaan sebentar tadi, yang baik dan yang tidak baik. Kalau dikatakan ini tidak baik ... pinjaman berfaedah ni tidak baik, tidak harus diteruskan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita boleh mengkaji balik perkara ini. Tetapi untuk 'sekali turun' ni kata orang Terengganu, kita terimalah dulu apa yang telah dipersetujui oleh kerajaan yang lama, kalau tak setuju berasa hati pulak. Kita setuju dulu lepas ni kita boleh buat pembetulan, insya Allah.

23 Disember 1999

*Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujukan dengan suara terbanyak.*

**USULINI DITERIMA.**

23 Disember 1999

Rancangan-Rancangan Kemajuan Bekalan Air  
Negeri Bagi Tahun 2000

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

*"Bahawa menurut seksyen kecil (2) kepada seksyen 4 Enakmen Kumpulan Wang Perbekalan Air 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan peruntukan dari Kumpulan Wang Perbekalan Air Negeri untuk Rancangan-Rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri Bagi Tahun 2000 bagaimana ditentukan dalam JADUAL di bawah ini:*

*J A D U A L*

<u>Tajuk Perkara</u>	<u>Perbelanjaan Negeri</u>	<u>Pinjaman Pusat</u>	<u>JUMLAH</u>
Pengurusan Perbekalan Air	515,000	-	515,000
Pembangunan Perbekalan Air	13,343,000	135,500,000	148,358,000
<hr/>			<b>JUMLAH: 149,358,000"</b>
<hr/>			

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLIAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul itu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Usul ini telah mendapatkan sokongan, sekarang saya buka untuk perbahasan. Sila -

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, terima kasih atas peluang yang diberikan. Sekali lagi usul dikemukakan oleh pihak kerajaan dengan memohon pinjaman daripada Pusat dengan jumlah yang begitu besar dan kadar faedahnya tentu besar. Ini yang kita nak nafikan perubahan yang besar dalam perbelanjaan ini. Jadi, saya nampak Wakil Kuala Berang ... Wakil Paka walaupun ragu-ragu untuk mengangkat tangan tadi tapi masih menyokong.

23 Disember 1999

Jadi Tuan Yang Dipertua, saya mintak ... saya telah jelaskan bahawa hutang kerajaan yang terdahulu bukanlah kita guna sewenang-wenangnya sebaliknya kita gunakan untuk kepentingan rakyat seperti kemudahan pembangunan perbekalan air, perumahan, kawasan industri, perparitan MPKT dan sebagainya seperti mana jugak yang diusulkan ini.

Jadi Tuan Yang Dipertua, ini penjelasan yang amat jelas supaya kerajaan ... nak hapuskan soal riba yang tidak seberapa, saya faham saya juga orang Islam ... kita faham tetapi diwa-wakan perkara itu. Tapi soal ini soal yang begitu besar ... jumlah yang begitu besar baru nak dikaji. Terima kasih Tuan Yang Dipertua, sebenarnya apa yang diusulkan ini memandangkan kepada kita ... menjelaskan kepada kita bahawa kerajaan yang ada pada hari ini sebenarnya juga menyambung tugas-tugas kerajaan yang lepas. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, insya Allah oleh kerana Wakil daripada Telemong dulunya bertanggungjawab di atas portfolio yang kita bincangkan sekarang ini. Insya Allah, jika dia mahu kita akan pergi ke federal untuk bincang bagaimana untuk menyelesaikan masalah ini.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih Tuan Yang Dipertua, insya Allah ... tidaklah buta tuli dan tidaklah jahil pihak Barisan Nasional dan UMNO ini. Terima kasih Wakil Alur Limbat.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya suka menjelaskan sedikit apa yang telah dibangkitkan oleh Wakil Telemong. Sepatutnya beliau lebih berhemat dalam perkara ini ... suka saya menjelaskan bahawa pinjaman ini ialah akibat masalah air ini dikorporasikan ataupun dikorporatkan iaitu apabila SATU ditubuhkan dan hal ini ada dalam kajian kerajaan negeri sekarang. Kita telah bersetuju untuk kaji perkara ini, apa yang dulu telah diputuskan oleh kerajaan yang dulu.

*Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

#### **USUL INI DITERIMA.**

23 Disember 1999

Anggaran Pembangunan (Tambahan Bil. 2) 1999  
Perbelanjaan 1999

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

*Bahawa menurut seksyen kecil (3) kepada seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan tambahan peruntukan yang kedua daripada Kumpulan Wang Pembangunan untuk perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negeri Bagi Tahun 1999 bagaimana ditentukan dalam JADUAL di bawah ini:*

J A D U A L

<u>Maksud</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Tambahan RM</u>
P.02	<i>Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Terengganu</i>	4,719,230
P.32	<i>Pelbagai Pembangunan</i>	1,100,000
	<b>JUMLAH:</b>	<b>5,819,230"</b>

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul itu.

*Oleh kerana tidak ada Ahli Yang Berhoramt yang hendak berucap, Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

**USUL INI DITERIMA.**

23 Disember 1999

Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan Dewan Undangan Negeri

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya pohon mengemukakan usul yang berikut:

*"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju melantik suatu Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Undangan Negeri menurut Fasal 103 Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri dan ahli-ahlinya terdiri daripada mereka-mereka yang berikut:*

- |    |  |                  |
|----|--|------------------|
| 1. | <i>Y.B. Yang Dipertua, Dewan Undangan Negeri</i> | <i>Pengerusi</i> |
| 2. | <i>Y.B. Haji Ismail bin Mamat</i>                |                  |
| 3. | <i>Y.B. Haji Abdul Aziz bin Haji Alias</i>       |                  |
| 4. | <i>Y.B. Haji Abdullah bin Mat Dan</i>            |                  |
| 5. | <i>Y.B. Haji Ismail bin Harun</i>                |                  |
| 6. | <i>Y.B. Encik Rozali bin Muhammad</i>            |                  |
| 7. | <i>Y.B.M. Tengku Putera bin Tengku Awang</i>     |                  |
| 8. | <i>Setiausaha, Dewan Undangan Negeri</i>         | <i>Urusetia"</i> |

Saya pohon kelulusan.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

*Oleh kerana tidak ada Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

**USUL INI DITERIMA.**

23 Disember 1999

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Terengganu

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

*"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju melantik suatu Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri menurut Fasal 110 Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri dan ahli-ahlinya terdiri daripada:*

- |    |   |                  |
|----|---|------------------|
| 1. | <i>Y.B. Dr. Haji Sulaiman bin Abdullah</i>      | <i>Pengerusi</i> |
| 2. | <i>Y.B. Dr. Haji Mamad bin Puteh</i>            |                  |
| 3. | <i>Encik Md. Azmi bin Lop Yusof</i>             |                  |
| 4. | <i>Y.B. Haji Satiful Bahari bin Mamat</i>       |                  |
| 5. | <i>Y.B. Haji Mehamad bin Sulong</i>             |                  |
| 6. | <i>Y.B. Haji Nik Muhammad Zawawi bin Salleh</i> |                  |
| 7. | <i>Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah</i>    |                  |
| 8. | <i>Setiausaha, Dewan Undangan Negeri</i>        | <i>Urusetia"</i> |

Saya mohon mencadangkan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul itu.

*Oleh kerana tidak ada Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

**USUL INI DITERIMA.**

23 Disember 1999

### PELANTIKAN AHLI DEWAN NEGARA

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong telah memaklumkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu bahawa terdapat dua kekosongan Ahli Dewan Negara yang telah dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu telah berlaku. Kekosongan ini disebabkan tamatnya tempoh perkhidmatan kedua-dua Ahli Dewan Negara yang lepas dan meminta supaya dipilih dua Ahli Dewan Negara yang baru. Duli Yang Maha Mulia Sultan telah menitah supaya diadakan pemilihan dua orang Ahli Dewan Negara dalam persidangan Dewan Undangan Negeri bagi memenuhi kekosongan itu. Oleh itu Dewan Undangan Negeri Terengganu dikehendaki memilih dua orang Ahli Dewan Negara menurut Perkara 45(1A) Perlembagaan Malaysia mengikut Jadual Ketujuh, maka saya dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Berhormat mengemukakan cadangan.

**YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan):** Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengemukakan cadangan pemilihan seorang calon dan mencadangkan:

**"Bahawa Dewan Undangan Negeri ini bersetuju memilih HASSAN BIN HAJI SHUKRI sebagai Ahli Dewan Negara untuk mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu di dalam Dewan Negara Malaysia menurut Perkara 45 (1A) Perlembagaan Malaysia bagi mengisi kekosongan."**

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ingin juga menyampaikan sedikit ringkasan dan latar belakang mengenai dengan calon yang saya kemukakan untuk mewakili Dewan Undangan Negeri ini di Dewan Negara.

Hassan Haji Shukri mempunyai pengalaman yang luas di dalam dan di luar negara. Beliau pernah menjadi Naib Yang Dipertua, Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM) selama 4 tahun, pernah menjadi Naib Yang Dipertua, Persatuan Islam Selangor/Wilayah Persekutuan selama 3 tahun, pernah menjadi Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan selama 4 tahun, pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Undang-Undang Syariat Wilayah Persekutuan selama 5 tahun, pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Pertandingan Musabaqah Membaca al-Quran peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa.

Dan selanjutnya kegiatan di peringkat antarabangsa, pernah menghadiri beberapa persidangan dan seminar mengenai Islam dan dakwah Islamiah yang bertempat di Riyat iaitu mewakili Pertubuhan WAMY (*World Association Muslim Youth*) tahun 1972 dengan izin Yang Dipertua, iaitu di Baghdad, Istambul, Indiana dan lain-lain.

Saya kemukakan latar belakang ini semoga dengan penyertaan beliau sebagai Wakil Terengganu dalam Dewan Negara, di samping dapat memberikan suatu sumbangan kepada negara juga dapat memberikan sumbangan dan pengalaman beliau dalam beberapa pandangan dan jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat negeri berkait dengan perundangan syariat dan lain-lain.

Saya pohon Tuan Yang Dipertua.

23 Disember 1999

YANG BERHORMAT HAJI HASSAN BIN MOHD SALLEH (Wakil Bukit Payung): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ingin mencadangkan seorang lagi calon dan mohon mencadangkan:

**"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini bersetuju memilih SAFINAH BINTI JUSOH sebagai Ahli Dewan Negara untuk mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu di dalam Dewan Negara Malaysia menurut Perkara 45 (1A) Perlembagaan Malaysia bagi mengisi kekosongan."**

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ingin juga menyampaikan sedikit ringkasan dan latar belakang mengenai dengan calon yang saya kemukakan ini.

Secara ringkas Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Puan Safinah binti Jusoh ini dilahirkan pada 23 haribulan Mac 1954 di Kuala Terengganu hasil daripada perkongsian hidup antara pasangan Jusoh bin Embong dan Ramlah binti Hassan. Dia mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Batu Rakit kemudian ke Sekolah Menengah Tengku Bariah, kemudian ke Sekolah Tun Fatimah, Johor Bahru. Pada tahun 1972 mendapat kelulusan MCE, kemudian menyambung pelajaran ke ITM dan seterusnya mengikuti Kursus Perubatan Homoeopathy. Dan yang terakhir mendapat Diploma Tasawaf Islami pada tahun 1998.

Pernah berkhidmat sebagai guru di Maktab Adabi, Sekolah Sultan Zainal Abidin lanjutan waktu petang dan Institut Berakan. Dalam bidang kemasyarakatan pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Ehwal ABIM Negeri Terengganu dan salah seorang pengasas Institut Berakan di Negeri Terengganu. Kegiatan antarabangsa, pernah mengikuti perhimpunan WAMY yang diadakan di Malaysia ini dan jugak pernah menjadi panitia Perhimpunan Antarabangsa Perpaduan Ummah di Terengganu.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, walaupun beliau didatangi oleh ramai jejaka tetapi beliau memilih rakan seperjuangannya iaitu Haji Awang bin Embong untuk menjadikan teman hidupnya. Hasil daripada perkahwinan itu beliau telah dikurniakan Allah tiga cahaya mata, dua lelaki dan satu perempuan. Oleh kerana minatnya begitu tinggi untuk memberikan perkhidmatan yang lebih luas kepada masyarakat dan negara ini maka beliau dicalonkan untuk menganggotai Dewan Negara mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dicadangkan dan saya mendapat surat perakuan daripada beliau tentang kesediaannya untuk menganggotai Dewan Negara mewakili Dewan ini dan untuk terus berkhidmat. Saya pohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

23 Disember 1999

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan memilih dua orang Ahli Dewan Negara menurut Perkara 45 (1A) Perlembagaan Malaysia mengikut Jadual Ketujuh bagi mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu telah diterima dan mendapat sokongan.

*Cadangan ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan ini saya mengisyiharkan bahawa:

1. TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI SHUKRI
2. PUAN SAFINAH BINTI JUSOH

dipilih menjadi Ahli Dewan Negara mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi mengisi kekosongan yang ada.

23 Disember 1999

**T A N G G U H A N**

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya persidangan Dewan ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya tangguhkan persidangan Dewan ini kepada suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian dengan *tasbih khifarak* dan surah al-'Ashr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.15 PETANG.